BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

Perutusan Gabenor

Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016

13 Tinjauan Keseluruhan
14 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Keberhutangan Isi Rumah
18 Mengurus Risiko Kredit dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri
22 Mengurus Dedahan Risiko Kredit kepada Perniagaan
28 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan
35 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi Luar Negeri
40 Kesalinghubungan Institusi Kewangan Bukan Bank dengan Sistem Kewangan
43 Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun bagi Bank dan Penanggung Insurans
46 *Rencana: Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah*
52 *Rencana: Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank*

Sektor Perbankan

59 Prestasi Sektor Perbankan
61 Perkembangan Sektor Perbankan
65 Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
69 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
70 *Rencana: Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu*

Sektor Insurans dan Takaful

77 Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
82 Dasar Pengawalan dan Penyeliaan serta Perkembangannya
87 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
89 *Rencana: Evolusi Saluran Pengagihan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga*

Kandungan

Pembangunan Kewangan Islam

97 Pengantaraan Sektor Kewangan Islam
97 Perbankan Islam
103 Takaful
106 Merealisasikan Impak Positif Sosioekonomi Kewangan Islam
107 Pembangunan Tenaga Mahir

Perkembangan Merentas Sektor

111 Pasaran Kewangan
113 Dasar Kehematan
114 Integriti Sistem Kewangan
115 Tindakan Penguatkuasaan
116 Perniagaan Perkhidmatan Wang
117 Rangka Kerja Perlindungan dan Pemerkasaan Pengguna
119 Inovasi FinTech
122 *Rencana: Kajian Separuh Penggal Pelan Sektor Kewangan (2011 – 2020)*
129 *Rencana: Model Baharu Perniagaan Perkhidmatan Wang – Ke Arah Pemodenan dan Profesionalisme yang Lebih Mantap*

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

139 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
142 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit
147 Kerjasama Serantau Sistem Pembayaran

Tambahan

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Perutusan Gabenor

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan pada tahun 2016. Meskipun sumber utama risiko dalam negeri ke atas kestabilan kewangan negara adalah seimbang, pasaran kewangan yang terus tidak menentu telah meningkatkan risiko ke atas keadaan pasaran yang teratur. Ketidaktentuan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perkembangan persekitaran luar. Dalam negara-negara ekonomi maju, ketidakpastian dasar telah meningkat, manakala dalam negara-negara ekonomi sedang pesat membangun, prospek pertumbuhan lebih bercampur-campur khususnya akibat peningkatan paras hutang yang masih membimbangkan di beberapa negara berikutan keadaan pasaran kewangan global yang lebih ketat. Risiko geopolitik yang meningkat dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan RR China untuk menyeimbangkan pertumbuhan dan kestabilan kewangan di negara tersebut terus menjadi tumpuan utama peserta pasaran kewangan, dan telah mengakibatkan tercetusnya beberapa episod ketidaktentuan dalam pasaran negara-negara sedang pesat membangun. Di Malaysia, episod ketidaktentuan ditambah lagi oleh pengaruh gangguan transaksi spekulatif pasaran luar pesisir yang melibatkan ringgit.

Institusi domestik yang lebih teguh, rizab yang lebih daripada mencukupi dan pasaran kewangan yang lebih mantap telah memastikan keadaan pasaran yang teratur terus terpelihara di Malaysia. Bank juga telah mengambil langkah tambahan pada bulan Disember untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada peserta pasaran bagi melindung nilai daripada risiko pertukaran asing, mengimbangi semula permintaan dan penawaran ringgit serta membendung aktiviti spekulasi yang telah menyumbang kepada ketidaktentuan yang ketara dalam kadar pertukaran ringgit. Langkah ini telah menyebabkan ringgit menjadi lebih stabil, dan pada masa yang sama mendorong peningkatan mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran perlindungan nilai dalam negeri. Peningkatan mudah tunai ini penting bagi membolehkan perniagaan untuk mengurus pendedahan kepada risiko mata wang dengan lebih baik.

Sektor perbankan dan insurans di Malaysia terus mengukuhkan kedudukan kewangan dan kekal berdaya tahan bagi menghadapi kejutan pada pelbagai tahap senario tekanan. Kita perlu terus berwaspada dan berusaha untuk memperkukuh daya tahan. Pasaran kewangan dijangka menjadi semakin tidak menentu dalam jangka terdekat akibat keadaan prospek pelarasan semula kadar faedah ke paras yang wajar di Amerika Syarikat. Di dalam negeri,

paras kadar faedah yang rendah dan peningkatan jejas nilai dalam beberapa segmen akan terus mempengaruhi tahap keberuntungan institusi kewangan. Oleh itu, usaha untuk memastikan sumber utama risiko dalam negeri terus terkawal perlu menjadi keutamaan. Institusi kewangan perlu sentiasa berwaspada terhadap piawaian pinjaman dan pengambilan risiko. Pada masa yang sama, usaha perlu dipertingkatkan untuk merapatkan jurang pembiayaan sewajarnya bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam bidang baharu dan inovatif. Kemunculan teknologi disruptif terus menggugat aktiviti tradisional bank dan syarikat insurans yang sudah kukuh bertapak, namun kemunculannya juga memberikan peluang baharu untuk meningkatkan kecekapan dan skala dalam bidang lain. Cabaran berterusan yang dihadapi oleh isi rumah berpendapatan rendah semakin menyerlahkan fokus terhadap rangkuman kewangan dan peranan institusi kewangan untuk menggalakkan sistem kewangan yang lebih inklusif di Malaysia.

Cabaran-cabaran ini, di tengah-tengah perkembangan yang semakin tidak menentu dan sukar diramalkan memerlukan sistem kewangan yang mempamerkan tahap fleksibiliti yang tinggi.

Bank akan sentiasa memastikan rangka kerja pengawalseliaan sesuai dengan sistem kewangan domestik dan responsif terhadap perubahan risiko. Institusi kewangan perlu menerima kenyataan bahawa penetapan pengawalseliaan akan terus diselaraskan dengan risiko baru muncul yang dikenal pasti menerusi kegiatan pengawasan dan penyeliaan serta perbincangan dan interaksi dengan institusi kewangan. Risiko baharu ini termasuk risiko daripada ancaman siber, aktiviti merentas sempadan yang lebih ketara, amalan dalam pasaran borong dan produk yang semakin kompleks. Meskipun asas pengawalseliaan kukuh yang telah terbina sekian lama akan terus memastikan sistem kewangan berfungsi dengan baik, usaha untuk memastikan amalan dan tingkah laku institusi kewangan supaya terus selaras dengan matlamat menggalakkan pengambilan risiko yang mantap dan bertanggungjawab adalah penting. Bank juga akan memastikan keseimbangan yang sewajarnya antara usaha menggalakkan inovasi dengan meminimumkan eksternaliti yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan dan kepentingan pengguna. *Sandbox* pengawalseliaan yang diperkenalkan oleh Bank, pembentukan pelan pemulihan dan penyelesaian bagi institusi kewangan, dan kerjasama yang lebih erat dengan pihak berkuasa lain adalah antara contoh usaha untuk memudahkan pencapaian keseimbangan ini.

Bagi memastikan sistem kewangan akan terus menyokong pembangunan termasuk meningkatkan kecekapan ekonomi, Bank akan bekerjasama dengan Kerajaan dan pihak berkuasa yang lain untuk terus membangunkan sistem kewangan yang lebih luas bagi memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan. Pelaksanaan pembaharuan dalam sektor insurans hayat dan insurans am yang diumumkan akan diberikan keutamaan pada tahun-tahun akan datang untuk merapatkan jurang perlindungan yang ada sekarang dan mengukuhkan asas-asas untuk pertumbuhan yang mampan. Langkah juga akan dilaksanakan untuk mengukuhkan keupayaan pasaran insurans domestik bagi mengunderait risiko yang lebih besar dan lebih khusus. Dari segi pembiayaan, mempelbagaikan pendekatan baharu dalam pengurusan risiko kredit dan meningkatkan keupayaan sistem pembiayaan berasaskan pasaran yang lebih memberangsangkan adalah diperlukan untuk menyokong usaha niaga yang menguntungkan dalam bidang pertumbuhan baharu. Usaha juga diperlukan untuk memastikan firma yang mapan menjadi lebih berdaya saing dan cekap melalui pembiayaan pelaburan dalam teknologi, serta penyelidikan dan pembangunan. Sehubungan dengan itu, beberapa bidang keutamaan akan diberikan perhatian, termasuk pertimbangan dasar dan infrastruktur yang dibincangkan dalam Laporan ini.

Usaha bersepadu telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk memantapkan lagi penyelarasan kepentingan-kepentingan dalam mengurus risiko terhadap kestabilan kewangan. Usaha ini diambil kerana kesalinghubungan yang semakin meningkat dalam sektor kewangan dan ini amat penting untuk memberikan fleksibiliti kepada sistem kewangan, di samping memberikan keutamaan pada risiko yang timbul daripada perubahan dalam persekitaran kewangan. Pada masa ini, kerjasama dan penyelarasan yang berkesan antara agensi yang melibatkan isu-isu sektor kewangan disokong oleh pelbagai pengaturan yang telah diwujudkan, termasuk Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan dan protokol kerjasama antara agensi yang telah ditetapkan. Bank juga terus mengeratkan kerjasama dengan agensi dan organisasi lain sebagai langkah untuk terus mengukuhkan daya tahan bagi menghadapi risiko pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan. Pada tahun 2016, Jaringan Pendidikan Kewangan telah dimasukkan dalam pengaturan kerjasama yang sedia ada. Kepentingan institusi kewangan dan peserta pasaran juga perlu diselaraskan dengan langkah-langkah yang menggalakkan kestabilan. Penubuhan Jawatankuasa Pasaran Kewangan, di samping penekanan pada sistem pampasan terlaras risiko seperti yang diperuntukkan dalam semakan piawaian tadbir urus korporat bagi institusi kewangan, merupakan langkah-langkah seterusnya yang diambil untuk memperkukuh tanggungjawab bersama bagi memastikan sistem kewangan yang mantap dan berfungsi dengan baik.

Dari sudut lain, Bank tetap aktif menerajui dan menyokong pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kewangan dan mempertingkatkan potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka panjang. Dalam kewangan Islam, usaha yang sedang diambil adalah untuk menghasilkan solusi pembiayaan berasaskan nilai yang disokong oleh prinsip Syariah bagi meningkatkan nilai pemegang saham dan juga masyarakat umum. Industri kewangan, dengan diterajui oleh MyClear juga sedang memulakan inisiatif penting untuk menambah baik keupayaan pembayaran domestik Malaysia melalui pembangunan infrastruktur yang boleh diakses secara terbuka yang akan membolehkan pembayaran runcit dibuat dengan lebih mudah, secara elektronik masa nyata dan mudah alih. Inisiatif ini juga penting untuk mendorong inovasi yang lebih luas dan cekap dalam perkhidmatan pembayaran runcit pada masa hadapan, lantas menjadi pemangkin kemajuan Malaysia ke arah masyarakat yang tidak menggunakan tunai. Dari segi usaha luar negara, kepentingan Malaysia akan terus dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan penyepaduan kewangan serantau antara negara ASEAN.

Walaupun pelbagai pencapaian telah direkodkan pada tahun 2016, banyak lagi yang perlu dilakukan oleh Bank pada tahun 2017. Bank berkeyakinan sepenuhnya bahawa inisiatif yang sedang dilaksanakan dalam pelbagai bidang, termasuk yang dinyatakan di atas, akan terus menghasilkan sistem kewangan Malaysia yang mantap bagi memenuhi keperluan ekonomi masa kini dan masa hadapan.



Muhammad bin Ibrahim
Gabenor
23 Mac 2017

Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada tahun 2016

Kestabilan kewangan domestik adalah mampan dalam keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu. Kelembapan pemulihan ekonomi, keadaan geopolitik, jangkaan yang berubah terhadap kadar dan masa pelarasan semula kadar faedah ke paras yang wajar di Amerika Syarikat (AS), dan turun naik harga minyak mentah yang berterusan adalah antara faktor global utama yang mempengaruhi tingkah laku pelabur sepanjang tahun 2016. Ketidaktentuan yang ketara sebahagian besarnya terus diimbangi oleh kedalaman pasaran kewangan domestik dan keteguhan pelabur institusi domestik yang menyokong keadaan pasaran yang teratur. Keadaan pendanaan dalam negeri secara keseluruhannya adalah stabil, dengan pengagihan mudah tunai di seluruh bank yang bertambah baik. Institusi kewangan terus mempunyai modal yang kukuh dan mencatat keuntungan, sekali gus memberikan sokongan yang mantap untuk aktiviti pengantaraan dalam negeri.

Sumber risiko utama terhadap kestabilan kewangan domestik dijangka berpunca daripada paras hutang dalam negeri yang lebih tinggi, peningkatan harga harta tanah dalam beberapa segmen harta kediaman dan lebihan bekalan harta komersial, serta pasaran kewangan yang lebih tidak menentu. Sebahagian besar risiko daripada pemberian pinjaman isi rumah kekal terkawal. Pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana kerana isi rumah secara amnya mengurangkan peminjaman selaras dengan kemampuan membayar balik pinjaman. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah lebih rendah pada 88.4% (2015: 89.1%), apabila kadar penyederhanaan hutang yang berada lebih rendah daripada pertumbuhan KDNK nominal buat kali pertama sejak tahun 2010. Keadaan ini mungkin menjadi titik perubahan bagi pelarasan dalam leveraj isi rumah. Nisbah khidmat hutang bagi isi rumah pada amnya kekal pada tahap yang berhemat dan bahagian peminjaman isi rumah yang mudah terjejas terus berkurang pada tahun 2016. Bank-bank juga secara beransur-ansur telah meningkatkan paras peruntukan dan rizab bagi jejas nilai kolektif untuk mengukuhkan penampan terhadap kejadian kerugian yang mungkin dialami. Hal ini berlaku dalam keadaan jejas nilai yang lebih tinggi akibat pemberian pinjaman isi rumah, walaupun dari paras yang rendah. Kemerosotan yang lebih meluas dalam kualiti aset isi rumah dijangka dapat dibendung dengan selesa, hasil daripada langkah-langkah kehematan makro yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. Meskipun langkah-langkah tersebut pada masa ini dianggap mencukupi, sikap sentiasa berwaspada diperlukan untuk membendung risiko daripada meningkat semula.

Beban hutang isi rumah juga berkurang dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga rumah purata yang meningkat 5.3% berbanding dengan purata 9.5% dalam tempoh 2010-2015. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini dikaitkan terutamanya dengan pengurangan pembelian untuk pelaburan, terutamanya dalam segmen rumah berharga tinggi, manakala permintaan terhadap perumahan mampu milik kekal kukuh. Piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab telah membantu menggalakkan pengimbangan semula bekalan perumahan ke arah segmen mampu milik, tetapi kadar pelarasan terus perlahan dengan harga rumah masih di luar kemampuan kebanyakan isi rumah. Pelarasan harga selanjutnya oleh pemaju swasta diperlukan untuk memenuhi permintaan di samping membantu mengurangkan hutang isi rumah.

Risiko bagi segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal tinggi, dengan bekalan baharu mengatasi trend tertinggi mutakhir ini walaupun tanda-tanda permintaan penyewaan adalah lebih lemah dalam sektor tertentu. Kadar kekosongan

terus meningkat. Penambahan bekalan ruang pejabat dan komersial runcit yang dirancang akan terus memberikan tekanan menurun terhadap penyewaan dan kadar sewa. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengetatkan kelulusan bagi pembinaan bangunan komersial. Langkah ini harus dilaksanakan secara berterusan di bawah dasar perancangan negara yang dirangka dengan teliti untuk mengurangkan risiko bekalan yang berlebihan. Walaupun dedahan bank kepada segmen harta tanah ini adalah kecil, usaha untuk mengelak ketidakseimbangan yang lebih ketara dalam pasaran harta tanah komersial adalah penting untuk membendung kesan limpahan kepada keseluruhan ekonomi.

Firma dalam beberapa sektor masih berdepan dengan keadaan perniagaan yang mencabar. Namun demikian, firma Malaysia terus mengekalkan kedudukan kewangan yang agak kukuh. Leveraj perniagaan bertambah baik dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan dalam hutang perniagaan dalam dan luar negeri. Hampir tiga perempat hutang perniagaan luar negeri (yang terdiri daripada obligasi antara syarikat, kredit perdagangan, dan pemegangan bon hutang dan sukuk ringgit oleh bukan pemastautin) mengehadkan risiko pendanaan dan mata wang. Keupayaan membayar balik hutang perniagaan terus mendapat sokongan yang baik dengan median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) pada 9.4 kali, melebihi piawaian kehematan dengan selesa. Bahagian hutang yang berisiko (ditakrifkan sebagai hutang yang ditanggung oleh firma dengan ICR yang kurang daripada dua kali) kekal rendah pada 7.7% (2015: 6.2%) daripada jumlah hutang korporat, disumbangkan terutamanya oleh firma dalam sektor automotif, harta tanah, serta minyak dan gas. Bank-bank juga telah mengurangkan tumpuan kredit pada peminjam besar.

Malaysia terus mengalami aliran portfolio dua hala pada tahun 2016. Meskipun berdepan dengan keadaan ketidaktentuan yang ketara menjelang akhir tahun 2016, pasaran kewangan yang maju dengan kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh terus mempengaruhi kestabilan pasaran domestik seperti tahun-tahun sebelumnya. Turun naik ringgit bertambah ketara disebabkan oleh aktiviti spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) luar pesisir yang tidak telus serta ketidakseimbangan penawaran dan permintaan yang semakin meningkat dalam pasaran pertukaran asing tempatan sejak beberapa tahun ini. Sejak pelaksanaan langkah-langkah yang diumumkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) untuk memperdalam dan memperluas pasaran pertukaran asing domestik pada bulan Disember, turun naik ringgit menjadi reda. Lebihan mudah tunai agregat dalam sistem kewangan domestik tetap menyokong aktiviti pengantaraan walaupun terdapat penurunan. Ini sejajar dengan pergerakan portfolio keseluruhan pada tahun ini. Mudah tunai sistem perbankan merangkumi penempatan, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank kekal lebih daripada mencukupi pada RM167.4 bilion, yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Bank-bank juga telah meningkatkan modal dan pendanaan jangka panjang mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini, yang membantu mewujudkan sumber pendanaan bank yang lebih stabil.

Liabiliti luaran bersih bagi bank-bank di Malaysia meningkat, sebahagian besarnya mencerminkan dana modal yang dipegang oleh bank asing yang diperbadankan di Malaysia, dan sekuriti yang dipegang bagi pihak pelanggan. Dedahan sedemikian tidak menimbulkan risiko kredit dan mudah tunai yang besar kepada sistem perbankan domestik. Kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) sebaliknya terus mengekalkan kedudukan aset luaran bersih, mencerminkan operasi luar negeri mereka yang semakin berkembang dan amalan pengurusan mudah tunai berpusat. Kualiti aset luar negeri DBG secara keseluruhannya kekal kukuh, walaupun paras jejas nilai yang lebih tinggi telah dicatat berikutan dedahan dalam beberapa segmen pemberian pinjaman yang lebih dipengaruhi oleh penurunan harga minyak dan keadaan ekonomi yang lebih perlahan. Keadaan ini adalah sesuatu yang dijangkakan. Kemungkinan institusi kewangan bukan bank yang tidak dikawal selia oleh Bank dan sebahagian besarnya tidak diselia untuk memindahkan risiko dan kejutan kepada sistem kewangan juga terus terbatas.

Pada tahun 2017, keadaan dijangka kekal mencabar bagi sesetengah perniagaan dan isi rumah. Sedikit kemerosotan dalam prestasi pinjaman dijangka berlaku, tetapi tidak akan menyeluruh memandangkan kualiti aset bank yang secara amnya kukuh, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Persekitaran kadar faedah berterusan rendah juga akan meningkatkan cabaran kepada penanggung

insurans hayat. Berdasarkan ujian tekanan yang baru dijalankan oleh Bank, institusi kewangan dijangka kekal berdaya tahan untuk menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk.

Sektor Perbankan

Jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan meningkat 5.3% kepada RM1,521.5 bilion pada tahun 2016, didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah. Bank terus memberikan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pertumbuhan meningkat 9.2%. Pembiayaan oleh institusi kewangan pembangunan kepada sektor pertumbuhan yang disasarkan, termasuk sektor pertanian, meningkat 5.7%. Sehingga kini, pembiayaan berjumlah RM3.5 bilion telah disalurkan kepada lebih 200,000 perusahaan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Yang ketara, prestasi ejen bank sungguh membanggakan. Transaksi yang dikendalikan melalui rangkaian perbankan ejen meningkat melebihi 100 juta transaksi bernilai RM8.5 bilion telah dijalankan di lebih 7,900 ejen bank di seluruh negara. Pada masa hadapan, beberapa inisiatif utama sedang dilaksanakan untuk mewujudkan keadaan kewangan yang lebih akomodatif bagi perniagaan berinovasi dan perniagaan pertumbuhan baharu. Ini termasuk menurunkan kos memulakan perniagaan melalui pengawalseliaan yang akomodatif, memanfaatkan sumber data baharu untuk menangani kekurangan maklumat, mewujudkan proses pembiayaan PKS yang lancar, dan meneruskan program pembinaan keupayaan PKS untuk meningkatkan keupayaan mengakses perkhidmatan perbankan. Potensi yang besar juga tersedia untuk memajukan lagi pembiayaan alternatif di Malaysia bagi memenuhi jurang pembiayaan yang dianggarkan berjumlah lebih daripada RM21 bilion melalui modal usaha niaga, pemajakan dan pemfaktoran, serta pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet (crowdfunding).

Keberuntungan bank bertambah baik pada tahun 2016, disokong oleh keuntungan daripada aktiviti perbendaharaan dan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh daripada operasi perbankan Islam. Penggunaan teknologi yang lebih meluas oleh institusi perbankan juga terus meningkatkan kecekapan dan menambah baik pengalaman perkhidmatan pelanggan. Transaksi perbankan yang dikendalikan melalui saluran digital terus tersebar luas, khususnya transaksi mudah alih yang mencatat peningkatan penggunaan yang ketara. Beberapa inovasi untuk *onboarding* pelanggan, mengurus hubungan dengan pelanggan, memudahkan pembayaran dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan kepada masyarakat luar bandar juga telah diperkenalkan.

Pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III terus menjadi fokus utama pada tahun 2016. Berikutan usaha memuktamadkan piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) pada tahun 2015, tumpuan telah beralih pada usaha mempertimbangkan keperluan yang sesuai supaya bank dapat mematuhi piawaian Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR). Bank juga sedang memantau dengan rapi perkembangan pembaharuan global selebihnya, apabila Jawatankuasa Basel memuktamadkan penambahbaikan terhadap piawaian modal berasaskan risiko. Bank menyokong perubahan ini dan akan terus menggunakan piawaian itu secara konsisten dengan risiko yang sedia ada dalam sistem kewangan domestik. Pada tahun tersebut, Bank turut memperkenalkan piawaian yang lebih mantap bagi pengurusan risiko kredit dan ujian tekanan. Pengurusan risiko amalan oleh institusi perbankan terus diberikan penekanan, dengan perhatian khusus pada risiko yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas dalam perkhidmatan perbankan. Ini termasuklah perlindungan yang mencukupi bagi maklumat sulit pelanggan dalam persekitaran digital.

Berikutan langkah penting yang diambil untuk meningkatkan tahap profesional tenaga kerja sektor perbankan, institusi perbankan memberikan komitmen untuk menyokong ahli lembaga pengarah dan kakitangan penting untuk memperoleh kelayakan Jurubank Bertauliah yang dianugerahkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers. Langkah ini menyediakan asas yang kukuh untuk mendukung piawaian yang tinggi untuk amalan profesional, etika dan kompetensi dalam sektor perbankan.

Integrasi perbankan serantau bertambah mantap di bawah Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Pada tahun 2016, Bank telah memeterai perjanjian dua hala dengan Otoritas Jasa Keuangan, Bangko Sentral ng Pilipinas dan Bank of Thailand, yang merintis laluan bagi akses pasaran yang lebih meluas dan fleksibiliti operasi untuk bank ASEAN bertauliah (qualified ASEAN banks) dalam menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan di dalam rantau.

Sektor Insurans dan Takaful

Sektor insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2016, disokong oleh permodalan keseluruhan yang kukuh. Bahagian perniagaan insurans/takaful perubatan dan kesihatan daripada jumlah perniagaan telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mencerminkan kos pembiayaan kesihatan yang semakin meningkat. Namun begitu, kadar penembusan insurans secara keseluruhan kekal tidak berubah dalam julat antara 54% hingga 56% sepanjang lima tahun yang lalu. Kemampuan membayar dan akses masih menjadi faktor penghalang utama untuk meningkatkan kadar penembusan. Perkara ini sedang ditangani melalui pelbagai inisiatif, termasuk memerlukan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menawarkan produk perlindungan asas melalui saluran pengagihan langsung mulai tahun 2017, pewujudan pek insurans permulaan bagi golongan berpendapatan rendah yang akan dilancarkan di seluruh negara, dan lanjutan pembangunan saluran pengagihan alternatif.

Pertumbuhan sektor insurans am dan takaful am disokong oleh perniagaan segmen perlindungan kebakaran yang mengimbangi kesan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen motor dan marin, penerbangan dan transit. Keupayaan domestik untuk mengunderait dan menanggung risiko yang lebih besar dan kompleks masih belum berkembang sepenuhnya. Aspek ini perlu dititikberatkan untuk menyokong pelaksanaan penstrukturan semula ekonomi dan mengurangkan aliran keluar premium insurans semula. Keberuntungan keseluruhan penanggung insurans dan pengendali takaful bertambah baik, meskipun kerugian akibat tuntutan melebihi premium untuk tuntutan motor Pihak Ketiga bagi Kecederaan Anggota Badan dan Kematian terus ketara. Pembaharuan yang sedang dilaksanakan dalam sektor insurans motor untuk mencapai penentuan harga yang lebih selaras dengan risiko dan membendung kerugian adalah sangat penting untuk mengekalkan keupayaan industri bagi menyokong risiko segmen motor dalam jangka panjang.

Industri insurans telah melalui fasa pertama liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran mulai 1 Julai 2016. Dalam fasa ini, produk baharu motor dan kebakaran boleh ditawarkan pada harga pasaran, manakala produk motor di bawah tarif yang sedia ada akan terus disediakan kepada orang ramai mengikut kadar tarif semasa. Dalam fasa kedua yang akan bermula 1 Julai 2017, tarif untuk semua produk motor sedia ada akan dimansuhkan, kecuali untuk produk motor pihak ketiga yang kadar tarif akan diselaraskan secara beransur-ansur. Langkah ini disokong oleh langkah untuk menambah baik kualiti dan liputan data bagi menilai risiko dan tuntutan, serta perlindungan untuk memastikan peralihan yang teratur. Pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga juga terus mencapai kemajuan sepanjang tahun 2016. Inisiatif ini akan memberikan lebih fleksibiliti kepada penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengawal kos dengan lebih baik, yang memanfaatkan pengguna. Tambahan lagi, ia juga akan menggalakkan pembangunan saluran pengagihan alternatif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengantara insurans dan takaful.

Beberapa isu tingkah laku terus diselia dengan rapi oleh Bank. Pembayaran serahan polisi sepanjang empat tahun lalu telah meningkat melebihi sejarah paras purata jangka panjang, menimbulkan kebimbangan terhadap amalan jualan. Kenaikan kos penjagaan kesihatan turut menyumbang kepada aktiviti penentuan semula harga yang lebih kerap untuk produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan, yang boleh menyukarkan pemegang polisi untuk mengekalkan polisi mereka. Dalam persekitaran pelaburan yang lebih mencabar ini, Bank turut meneliti semakan semula pembayaran bonus untuk polisi insurans hayat sertaan. Bank terus mengambil tindakan tegas untuk memastikan amalan yang adil dilaksanakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk menghendaki mereka mengambil langkah tertentu untuk mengurus kehendak pemegang polisi dengan lebih baik. Peralihan kepada dasar penggunaan bahasa yang mudah untuk membantu pengguna lebih memahami manfaat, pengecualian dan obligasi di bawah polisi insurans dan takaful terus mencapai kemajuan pada tahun ini. Pada akhir tahun 2017, lebih tiga perempat daripada polisi insurans dan takaful untuk perniagaan insurans peribadi dijangka menggunakan bahasa yang mudah.

Integrasi insurans serantau mengorak langkah setapak lagi pada tahun 2016 dengan pencapaian persetujuan Pakej Komitmen Ketujuh di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services). Di bawah Pakej ini, Malaysia komited untuk meliberalkan penawaran insurans marin, penerbangan dan transit dan juga perkhidmatan broker insurans merentas sempadan berkuat kuasa 20 Disember 2016.

Pembangunan Kewangan Islam

Ekosistem kewangan Islam telah bertambah kukuh dan berkembang dalam memenuhi keperluan ekonomi negara. Institusi perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan dengan penampan kewangan yang kukuh. Aktiviti pengantaraan pelaburan mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, dengan akaun pelaburan (investment account, IA) yang diurus oleh bank-bank Islam meningkat kepada RM73.7 bilion untuk mencakupi 12.2% daripada jumlah deposit Islam dan IA dalam sistem perbankan Islam pada tahun 2016 (2015: RM47.1 bilion, 8.6%). Bank terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menggalakkan pelaksanaan kontrak Syariah yang lebih inovatif untuk memenuhi pelbagai keperluan pelaburan dan pendanaan bagi ekonomi. Satu aspek penting usaha ini ialah terbitan piawaian Syariah dan keperluan operasi oleh Bank, disokong oleh penerimaan piawaian modal dan mudah tunai yang teguh untuk menyediakan asas pembangunan pengawalseliaan yang mantap. Usaha ini akan dilengkapkan dengan pengenalan pengaturan operasi yang lebih cekap dan rejim undang-undang, cukai dan perakaunan yang lebih mudah. Dalam sektor takaful, kaji selidik yang dijalankan oleh Bank menunjukkan terdapat potensi besar untuk pertumbuhan produk takaful komersial, khususnya untuk memenuhi permintaan PKS. Oleh itu, industri takaful dijangka berkembang melangkaui perniagaan insurans yang kini didominasi segmen motor, kebakaran dan kemalangan diri yang terutamanya disasarkan kepada isi rumah.

Pembangunan industri kewangan Islam bagi tempoh dua tahun akan datang lebih tertumpu pada usaha meningkatkan lagi kepelbagaian pengantaraan yang dipacu oleh teknologi, bagi mengekalkan kadar pertumbuhan perniagaan dan tawaran nilai yang lebih baik kepada pelanggan. Contoh usaha ini ialah operasi Platform Akaun Pelaburan yang telah membantu aktiviti pemerolehan dana berjumlah RM20 juta sejak bulan April 2016 untuk menyokong pelbagai usaha perniagaan dalam industri yang berbeza. Satu lagi fokus pembangunan yang penting ialah bidang pemudahan pembiayaan perdagangan. Bank berhasrat untuk melihat pembiayaan perdagangan berlandaskan Syariah menyokong 10% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Usaha untuk memberikan lebih tumpuan pada pengantaraan berasaskan nilai sebagai teras utama produk kewangan Islam semakin diberikan perhatian pada tahun 2016. Tumpuan utama akan diberikan untuk menilai kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat berlandaskan empat dimensi: menggalakkan kemampanan, mutu institusi, keterangkuman dan kepelbagaian serta kecekapan dalam pengantaraan kewangan Islam. Pembangunan rangka kerja *Corporate Value Intent* (CVI) untuk menggalakkan penzahiran berkualiti tinggi oleh institusi kewangan Islam dan penerapan wakaf yang secara lebih inovatif dalam penyelesaian pendanaan dan pembayaran untuk tujuan kebajikan sosial. Rangka kerja ini adalah antara beberapa langkah yang diambil untuk menjana nilai yang lebih tinggi bagi pemegang saham dan masyarakat secara umum. Usaha ini terus disokong oleh tumpuan yang berterusan pada pengukuhan pengaturan untuk membangunkan tenaga mahir yang berkualiti tinggi bagi kewangan Islam.

Perkembangan Merentas Sektor

Pasaran sekuriti hutang di Malaysia kekal sebagai sumber utama pembiayaan bagi syarikat korporat, yang meningkat serta mencakupi 37.4% daripada jumlah pembiayaan korporat pada akhir tahun 2016. Terbitan baharu bon korporat pada tahun itu diterajui oleh firma dalam sektor *kewangan, insurans dan harta tanah*; *infrastruktur*; serta *bekalan elektrik*, *gas dan air*. Dalam pasaran pertukaran asing pula, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh FMC pada bulan Disember telah menambah mudah tunai dalam negeri dan membendung urus niaga bersifat spekulatif dalam pasaran NDF ringgit daripada mempengaruhi dengan ketara turun naik nilai ringgit. Langkah yang diambil ini juga mencerminkan pendirian Bank selama ini untuk menggalakkan piawaian tingkah laku dan ketelusan yang tinggi dalam pasaran kewangan borong domestik bagi melindungi kepentingan awam. Bagi membangunkan pasaran kewangan domestik, FMC yang ditubuhkan pada bulan Mei telah memainkan peranan penting dengan menyediakan forum yang inklusif untuk melaksanakan strategi pembangunan pasaran kewangan domestik. Pada tahun ini, langkah selanjutnya turut diambil untuk memantapkan metodologi penetapan kadar bagi kadar rujukan utama, dan mengukuhkan piawaian tingkah laku profesional dan etika peserta pasaran borong. Selain itu, Bank melancarkan program Instrumen Deposit Boleh Niaga dan Instrumen Boleh Niaga Islam runcit dengan kerjasama industri perbankan untuk menggalakkan penyertaan pelabur runcit dalam pasaran kewangan domestik. Program ini memperluas akses pelabur runcit kepada instrumen pasaran

wang dengan risiko rendah, justeru menggalakkan lagi pendalaman dan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik.

Penyelesaian mata wang tempatan dalam ringgit dan renminbi terus meningkat dari segi saiz, yang mengurangkan kos perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan serantau yang lebih mendalam. Pada tahun 2016, pengaturan tersebut telah diperluas untuk merangkumi penyelesaian mata wang tempatan dalam ringgit dan baht Thai, manakala persediaan juga sedang dibuat untuk melaksanakan pengaturan yang serupa melibatkan ringgit dan rupiah Indonesia.

Rangka kerja kehematan telah diperkukuh apabila piawaian tadbir urus korporat dan pengurusan risiko operasi, yang perlu dipatuhi oleh semua institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank telah dimuktamadkan. Dalam industri perkhidmatan wang, Bank terus meningkatkan kecekapan perkhidmatan wang, menggalakkan penggunaan saluran yang dibenarkan untuk perkhidmatan kiriman wang melalui pendigitalan, dan memastikan keadaan pasaran pertukaran asing yang teratur terutamanya semasa tempoh ketidaktentuan yang meningkat berdasarkan kejayaan pembaharuan yang dilaksanakan sejak tahun 2011. Kemajuan terus dicapai dalam pelaksanaan pelan tindakan di bawah Pelan Strategik Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Kebangsaan 2015-2020. Pencapaian ini telah disahkan melalui penilaian susulan yang positif oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan yang memaklumkan tentang pematuhan Malaysia yang semakin baik terhadap piawaian AML/CFT antarabangsa. Bank terus meningkatkan kewaspadaan terhadap penggunaan sistem kewangan untuk membiayai kegiatan keganasan dan telah menjalin kerjasama yang aktif dengan pihak berkuasa tempatan dan serantau. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan yang tegas terus diambil oleh Bank terhadap aktiviti haram dan jenayah bersindiket, melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan yang mula beroperasi pada 1 Oktober 2016 telah memperkukuh saluran di luar mahkamah yang sedia ada untuk pengguna kewangan menyelesaikan pertikaian berkaitan perkhidmatan dan produk kewangan. Jaringan Pendidikan Kewangan yang dianggotai pengawal selia dan pihak berkepentingan utama lain dalam pendidikan kewangan juga telah ditubuhkan pada bulan November untuk menyampaikan inisiatif pendidikan kewangan yang berimpak tinggi di bawah strategi kebangsaan yang terselaras. Bagi meningkatkan perlindungan undang-undang untuk peminjam dalam berurusan dengan penyedia kemudahan kredit, Bank sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menggubal Undang-undang Kredit Pengguna baharu yang akan memberikan perlindungan lebih menyeluruh kepada peminjam. Undang-undang ini mencakupi amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan adil, pelepasan hutang, penzahiran dan pemulihan hutang.

Bagi menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang selamat dan menyokong inovasi teknologi kewangan (financial technology, FinTech), Bank telah menubuhkan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group) yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar dan strategi penggunaan inovasi teknologi dalam industri perkhidmatan kewangan. Sebagai langkah pertama yang penting, *Sandbox* Pengawalseliaan diperkenalkan pada bulan Oktober bagi membolehkan eksperimen solusi FinTech yang inovatif diuji dalam persekitaran pasaran yang sebenar dengan perlindungan yang sewajarnya. Pada masa hadapan, Bank akan menetapkan beberapa aspek pembangunan yang perlu diberikan keutamaan untuk memajukan lagi ekosistem FinTech di Malaysia. Usaha ini termasuk inisiatif yang akan memudahkan model antara muka program aplikasi (application programme interface), kegunaan lazim untuk Kenali Pelanggan Anda (Know-Your-Customer), penggunaan lejer teragih dan pengkomputeran awan, dan pada masa yang sama memperkukuh daya tahan terhadap ancaman siber.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa gangguan serius. Dengan peningkatan ancaman serangan siber pada peringkat global, Bank memberikan tumpuan pada pengurusan risiko siber secara berkesan dalam aktiviti pengawasannya. Pada tahun 2016, industri mengambil langkah tambahan untuk mengukuhkan kawalan keselamatan yang sedia ada. Pelaksanaan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) Baharu telah

meningkatkan lagi kecekapan operasi, pengurusan risiko dan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Dalam bidang pembayaran runcit, kerugian akibat penipuan kekal rendah. Dua inisiatif utama untuk memantapkan infrastruktur kad pembayaran di Malaysia, iaitu perpindahan daripada pengesahan menggunakan tandatangan kepada pengesahan menggunakan nombor pengenalan peribadi (PIN) untuk mengukuhkan keselamatan, serta pelaksanaan Spesifikasi Kad Cip Malaysia untuk kad debit domestik bagi meningkatkan fungsi saling boleh kendali, terus berjalan lancar. Kini, usaha sedang diambil untuk menggalakkan penggunaan PIN sebelum ia diwajibkan bagi semua urus niaga kad pembayaran domestik berkuat kuasa 1 Julai 2017.

Kemajuan yang menggalakkan terus dicapai ke arah sasaran pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) seperti yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, didorong oleh peningkatan urus niaga pindahan kredit dan kad pembayaran. Selaras dengan itu, penggunaan cek didapati semakin menurun. Langkah pengawalseliaan yang diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang berkuat kuasa pada tahun 2015, terus mengurangkan kos urus niaga e-pembayaran dan mengubah tingkah laku dalam urus niaga. Khususnya, penurunan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate) telah menjimatkan kos kepada peniaga yang dianggarkan kira-kira RM168 juta pada tahun 2016, manakala penubuhan Dana Pembangunan Pasaran pada tahun 2015 telah menggalakkan peningkatan pesat terminal POS. Langkah yang diambil untuk meningkatkan ketelusan dan pilihan untuk peniaga juga mengukuhkan persaingan antara rangkaian kad debit.

Salah satu strategi utama pada tahun 2017 adalah untuk mempermudah akses kepada infrastruktur pembayaran kongsian oleh peserta secara terbuka dan adil dengan matlamat untuk mewujudkan landskap pembayaran yang lebih berdaya saing yang mendorong penambahbaikan dalam perkhidmatan pembayaran. Ini termasuk memudahkan fungsi saling kendali antara skim pembayaran mudah alih dengan memanfaatkan infrastruktur yang sama untuk pensuisan, penjelasan dan penyelesaian. Usaha ini bertujuan mengetengahkan potensi besar yang ada dalam pembayaran mudah alih, iaitu terdapat lebih daripada 40 juta langganan telefon mudah alih di Malaysia, bagi menggantikan penggunaan wang tunai dan memajukan rangkuman kewangan.

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016

13 Tinjauan Keseluruhan
14 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Keberhutangan Isi Rumah
18 Mengurus Risiko Kredit dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri
22 Mengurus Dedahan Risiko Kredit kepada Perniagaan
28 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan
35 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi Luar Negeri
40 Kesalinghubungan Institusi Kewangan Bukan Bank dengan Sistem Kewangan
43 Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun bagi Bank dan Penanggung Insurans
46 *Rencana: Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah*
52 *Rencana: Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank*

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik kekal terpelihara dan disokong oleh keteguhan institusi kewangan dan keadaan pasaran kewangan yang teratur

Kestabilan kewangan domestik terus mampan sepanjang tahun 2016 dalam keadaan pasaran yang lebih tidak menentu. Kelembapan pemulihan ekonomi, keadaan geopolitik, jangkaan yang berubah terhadap kadar dan masa pelarasan semula kadar faedah ke paras yang wajar di Amerika Syarikat (AS), dan turun naik harga minyak mentah yang berterusan adalah antara faktor global utama yang mempengaruhi tingkah laku pelabur. Dalam pasaran kewangan domestik, aliran portfolio sebahagian besarnya mencerminkan aliran keluar dana yang lebih meluas dari ekonomi sedang pesat membangun berserta pelaburan luar negeri yang lebih tinggi oleh institusi domestik untuk meningkatkan pempelbagaian. Ketidaktentuan yang berlebihan sebahagian besarnya terus diimbangi oleh kedalaman pasaran kewangan dan keteguhan pelabur institusi domestik yang menyokong keadaan pasaran yang teratur. Penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada bulan Februari juga memelihara keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan. Pendanaan dalam negeri secara keseluruhan adalah stabil, dengan pengagihan mudah tunai yang bertambah baik dalam kalangan bank. Modal institusi kewangan terus kukuh dengan keberuntungan yang berterusan, seterusnya memberikan sokongan yang mantap untuk aktiviti pengantaraan dalam negeri.

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee, FSC) Bank telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali pada tahun 2016. FSC berpandangan, sumber risiko utama terhadap kestabilan kewangan domestik berpunca daripada hutang dalam negeri yang tinggi, peningkatan harga dalam beberapa segmen harta kediaman, penawaran harta tanah komersial yang tidak terkawal, dan pasaran kewangan yang tidak menentu. FSC juga berpandangan risiko yang berkaitan dengan hutang sektor isi rumah dan sektor korporat sebahagian besarnya terkawal manakala langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada adalah memadai. Walau bagaimanapun, kewaspadaan perlu dipertingkatkan terhadap perkembangan harta tanah komersial, prestasi pinjaman dalam beberapa segmen perniagaan dan aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi kewangan bukan bank.

Sebilangan perniagaan dan isi rumah dijangka terus menghadapi keadaan yang mencabar pada tahun 2017. Prestasi pinjaman dijangka mengalami sedikit kemerosotan, walaupun keadaan ini dijangka tidak bersifat menyeluruh memandangkan kualiti aset bank yang pada amnya tinggi, keadaan pasaran pekerja yang stabil, dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Dalam persekitaran sedemikian, institusi kewangan perlu mempertingkatkan pengurusan risiko, dan mengenal pasti dan menguruskan pinjaman bermasalah secara proaktif, disokong oleh amalan peruntukan yang mantap. Institusi kewangan juga dikehendaki mempamerkan piawaian amalan dan integriti pasaran yang tinggi. Risiko daripada ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan dan kesannya terhadap mudah tunai pasaran juga akan terus menjadi tumpuan utama FSC. Walaupun faktor-faktor penstabilan seperti kedalaman dan kepelbagaian pasaran kewangan domestik setakat ini berupaya membendung kesan limpahan yang lebih meluas, gangguan yang lebih ketara, jika dibiarkan, boleh menggugat kelancaran pasaran yang lebih berpanjangan. FSC juga akan terus memantau kemungkinan kesan limpahan dan akibat yang tidak diingini daripada pembaharuan pengawalseliaan global yang sedang dilaksanakan. Ini termasuk operasi peserta bitara (niche) seperti pemberi pinjam wang, pemajakan dan penyedia

perkhidmatan wang, dan peserta baharu dalam segmen teknologi kewangan (FinTech) yang semakin besar dan kompleks. Persekitaran kadar faedah semasa yang berterusan rendah juga akan meningkatkan cabaran kepada penanggung insurans hayat untuk mengimbangi kehendak pemegang polisi yang munasabah dan kemampanan jangka panjang dana insurans. FSC akan terus memantau pelaksanaan ujian tekanan yang mantap, termasuk ujian tekanan berbilang tahun (multi-year), bagi merangkumi dengan sebaiknya pelbagai bentuk faktor risiko dan interaksinya. Berdasarkan keputusan ujian tekanan terkini (dibentangkan dalam Bab ini), sistem kewangan Malaysia dijangka kekal berdaya tahan sekira berlakunya kejutan yang teruk ke atas pasaran, kredit dan mudah tunai.

MENGURUS RISIKO YANG BERPUNCA DARIPADA KEBERHUTANGAN ISI RUMAH

Hutang isi rumah terus mencatat momentum pertumbuhan yang sederhana sejak tahun 2010


Pada tahun 2016, jumlah hutang isi rumah terus mencatat pertumbuhan tahunan yang sederhana sebanyak 5.4% (2015: +7.3%; 2010: +14.2%), dengan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sejak tahun 2010 (Rajah 1.1). Hutang isi rumah terkumpul berjumlah RM1,086.2 bilion pada akhir tahun 2016. Sejumlah besar hutang isi rumah (62.6%) masih dalam bentuk pinjaman yang bercagarkan harta tanah dan pelaburan yang prinsipalnya dijamin. Permintaan terhadap pembiayaan untuk pembelian rumah kekal agak kukuh dengan pinjaman perumahan terkumpul terus berkembang 9.1% (2015: +11%). Selain pembelian rumah untuk diduduki sendiri, isi rumah secara amnya telah mengurangkan pinjaman lain selaras dengan kemampuan membayar balik pinjaman. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan perkembangan pembiayaan terkumpul bagi pembelian harta bukan kediaman (terutamanya kedai) (+3.5%; 2015: +8.1%) yang nyata lebih perlahan. Selain itu, pinjaman untuk pembelian kereta dan sekuriti masing-masing menurun 0.8% dan 1.5% (2015: +3.5% dan +1.7%) pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, tekanan kos yang tinggi terus membebani isi rumah di pusat bandar, menyebabkan pertumbuhan lebih tinggi sedikit dalam pembiayaan peribadi dan baki kad kredit yang masing-masing meningkat 4.8% (2015: +4.6%) dan 3.4% (2015: +1.9%). Peratusan pinjaman ini kepada jumlah hutang isi rumah kekal stabil pada 18.4% (2015: 18.5%). Pada akhir tahun 2016, jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah turun sedikit pada 88.4% (2015: 89.1%). Ini berikutan pertumbuhan hutang isi rumah yang buat kali pertamanya lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan KDNK nominal sejak tahun 2010. Ini berkemungkinan menandakan titik perubahan bagi pelarasan dalam leveraj isi rumah (Rajah 1.2).

Keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang pada amnya kekal kukuh. Pendapatan purata mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 5.5% (2015: +5.7%). Meskipun kadar pengangguran meningkat kepada 3.5% (2015: 3.1%), peningkatan ini disebabkan bilangan kemasukan pekerja baharu yang lebih tinggi dalam pasaran pekerja. Mereka ini berkemungkinan tidak mempunyai beban hutang yang besar. Lebihan tenaga kerja bertumpu pada industri tertentu sahaja dan tidak secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, industri minyak dan gas (oil and gas, O&G) paling terjejas. Isi rumah juga mengekalkan penampan kewangan yang kukuh pada paras agregat. Aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai isi rumah kedua-duanya kekal tinggi secara agregat, masing-masing mencakupi 2.1 dan 1.4 kali hutang. Yang jelas, hutang isi rumah meningkat selaras dengan pertumbuhan aset kewangan dengan kadar pertumbuhan yang seragam buat kali pertama sejak tahun 2012 (Rajah 1.3). Dari segi nilai, aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak RM113.4 bilion, berbanding dengan peningkatan hutang sebanyak RM55.6 bilion. Pemegangan deposit dan instrumen mirip deposit yang tinggi (yang mewakili 43% daripada aset kewangan isi rumah) terus memberikan fleksibiliti kepada isi rumah untuk membuat penyesuaian terhadap perubahan pendapatan atau perbelanjaan di luar jangkaan. Keadaan ini adalah lebih jelas dalam kalangan isi rumah berpendapatan lebih tinggi yang juga mencakupi bahagian hutang isi rumah yang lebih besar (rujuk rencana bertajuk 'Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah'). Dengan mengambil kira kekayaan perumahan yang mencatat kadar pertumbuhan tahunan terkompaun kira-kira 10% bagi tempoh tujuh tahun yang lalu, nisbah jumlah aset kepada hutang isi rumah kekal tinggi dan stabil pada 3.5 kali (Rajah 1.4).

Pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana sejak 2010

Rajah 1.1


Sektor Isi Rumah: Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang



Isi rumah mengekalkan aset kewangan agregat pada dua kali hutang

Rajah 1.2


Sektor Isi Rumah: Nisbah Utama



Pertumbuhan aset kewangan isi rumah adalah setara dengan hutang isi rumah

Rajah 1.3


Sektor Isi Rumah: Hutang dan Aset Kewangan



Termasuk kekayaan perumahan, aset isi rumah melebihi tiga kali hutang

Rajah 1.4


Sektor Isi Rumah: Komposisi Aset



Bahagian peminjaman isi rumah yang mudah terjejas terus menurun

Rajah 1.5


Sektor Isi Rumah: Profil Peminjaman



Isi rumah yang layak terus mendapat penawaran pembiayaan

Rajah 1.6

Sektor Isi Rumah: Kadar Kelulusan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

* Nilai serahan

Seperti yang dilaporkan sebelum ini, isi rumah dengan pendapatan bulanan sehingga RM3,000 lebih mudah terjejas ekoran penampan kewangan yang rendah dan leveraj yang lebih tinggi. Bahagian peminjaman oleh kumpulan isi rumah ini terus menurun untuk mencakupi 22.2% (2015: 22.8%; 2014: 24.3%) daripada jumlah hutang isi rumah (Rajah 1.5). Dedahan bank kepada kumpulan ini pula lebih rendah pada 19.1% (2015: 19.6%; 2014: 20.9%) daripada jumlah pembiayaan bank kepada isi rumah. Daripada jumlah hutang ini, kira-kira separuh adalah dalam bentuk pembiayaan berkadar tetap, yang dapat mengimbangi kesan perubahan dalam kos peminjaman terhadap keupayaan membayar balik hutang. Pada tahun 2016, agregat leveraj (diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan) bagi kumpulan ini meningkat sedikit kepada 8.1 kali (2015: 7.7 kali). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh peminjaman yang lebih tinggi untuk pembelian rumah, yang meningkat 4.2% (2015: +1.6%). Langkah-langkah yang diumumkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kelayakan golongan berpendapatan rendah mendapat pembiayaan rumah harus berpandukan penilaian kemampuan membayar balik hutang. Ini bertujuan memastikan sebarang peningkatan hutang akan terus kekal pada tahap yang berhemat.

Bahagian peminjaman oleh isi rumah yang mempunyai daya tahan kewangan yang rendah terus berkurang, justeru menambah baik kualiti keseluruhan portfolio pinjaman

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik yang berpunca daripada keberhutangan isi rumah yang tinggi terus berkurang disebabkan amalan pengunderaitan kredit dan pengurusan risiko institusi kewangan yang mantap. Bank-bank kekal sebagai penyedia pembiayaan terbesar kepada isi rumah, mencakupi kira-kira 80% daripada jumlah hutang isi rumah. Penambahbaikan proses penilaian kemampuan membayar pinjaman, seperti mengamalkan tahap nisbah khidmat hutang dan definisi obligasi hutang dan pendapatan berubah yang berhemat, kebanyakannya telah lengkap. Kadar kelulusan pinjaman telah menurun sedikit apabila beberapa institusi kewangan meninggikan nilai ambang minimum bagi pendapatan boleh guna bersih sebagai langkah berhemat untuk menambah baik penampan kewangan peminjam (Rajah 1.6). Bagi isi rumah dalam segmen yang lebih mudah terjejas, penambahbaikan ini adalah penting untuk mengurangkan risiko kemungkiran sekiranya beban membayar balik hutang meningkat atau terdapat kejutan terhadap pendapatan. Bank-bank secara amnya juga berhemat dalam mengambil kira risiko semasa menentukan harga walaupun terdapat persaingan yang sengit dalam segmen pembiayaan runcit. Secara keseluruhannya, kadar pinjaman purata wajaran bagi pembiayaan baharu isi rumah adalah lebih rendah pada 5.03% pada separuh kedua tahun 2016 (ST1 2016: 5.16%). Ini berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Julai 2016. Sejajar dengan pengurangan ini, kadar asas purata wajaran juga menurun kepada 3.61% (Disember 2015: 3.77%).

Bank terus memberikan tumpuan pada amalan pemberian pinjaman dalam kalangan institusi kewangan bukan bank (IKBB) dan bekerjasama dengan pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab ke atas institusi-institusi tersebut. Dua IKBB terbesar, yang mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah pinjaman IKBB kepada isi rumah, merupakan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang diselia oleh Bank. Bank juga bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menggalakkan penambahbaikan dalam penilaian kemampuan membayar balik pinjaman, terutamanya dalam kalangan koperasi kredit bersaiz sederhana dan besar. Bagi tahun 2016, saiz purata pembiayaan peribadi (yang mewakili sebahagian besar pinjaman IKBB) yang diluluskan oleh IKBB adalah lebih rendah sekitar RM26,000. Ini berbanding dengan purata sebanyak RM68,000 yang diluluskan dalam tempoh sebelum pelaksanaan keperluan pembiayaan yang bertanggungjawab. Pembiayaan peribadi terkumpul yang diberikan oleh IKBB termasuk koperasi kredit utama, bagaimanapun, meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.8% (2015: +3.4%; 2012: +30.6%) pada tahun 2016. Masih terdapat kebimbangan bahawa ada IKBB yang mungkin melonggarkan piawaian pinjaman secara tidak wajar, justeru kewaspadaan dan pendidikan kewangan kepada peminjam perlu diteruskan.

Sejak langkah-langkah pembiayaan yang bertanggungjawab dilaksanakan pada tahun 2012, nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) yang lebih berhemat dapat diperhatikan bagi peminjaman isi rumah baharu yang diberikan oleh bank dan IKBB. Pada tahun 2016, kira-kira 41% daripada peminjam dengan pinjaman yang baharu diluluskan mempunyai DSR kurang daripada 40%. Berdasarkan analisis Bank yang lebih terperinci,

Jadual 1.1

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar

	Pinjaman Terjejas Kasar						Pinjaman Delinkuen Kasar					
	Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)			Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)		
	2014	**2015**	**2016**	**2014**	**2015**	**2016**	**2014**	**2015**	**2016**	**2014**	**2015**	**2016**
Keseluruhan	**1.2**	**1.1**	**1.1**	**-1.0**	**-1.6**	**6.3**	**1.8**	**1.5**	**1.4**	**-5.3**	**-10.5**	**1.8**
Pembelian harta kediaman	1.3	1.1	1.1	-3.9	-1.4	6.5	1.4	1.3	1.2	-2.6	1.7	4.6
Pembelian harta bukan kediaman	0.6	0.6	0.7	0.3	-0.1	18.4	0.7	0.7	0.9	6.9	-1.6	29.9
Sewa beli kenderaan bermotor	1.2	1.0	0.9	1.8	-19.8	-11.1	3.9	2.9	2.8	-11.4	-25.5	-5.0
Pembiayaan peribadi	1.7	1.9	2.1	3.4	16.1	19.9	1.1	1.1	1.1	-0.3	2.7	7.6
Kad kredit	1.2	1.3	1.4	-6.6	10.8	6.0	1.5	1.3	1.2	1.2	-13.3	-1.6

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.2

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Kemungkinan Kerugian Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir

		Harta kediaman	Sewa beli kenderaan bermotor	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah[1]
Kebarangkalian mungkir tertekan (%) (Kebarangkalian mungkir dasar, %)		11.4 (3.8)	13.9 (4.6)	13.0 (4.3)	14.7 (4.9)	
Kerugian akibat mungkir tertekan (%) (Kerugian akibat mungkir dasar, %)		40.0 (17.9)	75.0 (51.2)	95.0 (75.3)	95.0 (67.6)	
Kemungkinan kerugian (RM bilion)	Semua peminjam – Peminjam berpendapatan ≤ RM3,000 sebulan – Peminjam berpendapatan ≤ RM5,000 sebulan	20.5 2.5 6.1	15.1 4.7 8.8	8.2 2.3 4.0	5.1 0.8 2.1	57.6 11.5 23.2

[1] Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama

Sumber: Bank Negara Malaysia

DSR median keseluruhan bagi hutang isi rumah terkumpul adalah kira-kira 33% pada akhir tahun 2015 (rujuk rencana bertajuk 'Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah'). Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga terus melebarkan jangkauannya dengan memberi khidmat kaunseling dan nasihat kewangan kepada kira-kira 121,000 peminjam bank dan IKBB pada tahun 2016. Ini termasuk program khidmat nasihat dan penyelesaian hutang yang melibatkan pekerja dalam industri O&G yang telah diberhentikan, untuk membantu mereka mengurus obligasi kewangan. Bagi tahun 2016, kadar kemasukan ke dalam program pengurusan hutang AKPK adalah stabil. Ini menunjukkan bahawa peminjam berupaya mendapatkan bantuan yang diperlukan untuk mengurus hutang secara proaktif. Sebahagian besar (45%) daripada peminjam ini berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Kualiti keseluruhan pinjaman kepada isi rumah adalah mampan. Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen (pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan) dalam sistem perbankan kekal rendah (Jadual 1.1). Paras jumlah pinjaman terjejas bagaimanapun meningkat 6.3% berbanding dengan tahun sebelumnya, terutamanya daripada peminjaman pembelian harta tanah untuk pelaburan (termasuk harta

tanah bukan kediaman), dan pembiayaan peribadi. Berdasarkan perbincangan dan interaksi berterusan antara Bank dengan bank-bank dan IKBB pemberi pinjaman utama, delinkuensi adalah lebih ketara dalam kalangan peminjam yang lebih bergantung kepada sumber pendapatan yang tidak tetap. Kemungkiran juga turut diperhatikan berikutan kehilangan pekerjaan dalam sektor tertentu.

Institusi perbankan mempunyai modal lebihan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian daripada portfolio isi rumah dalam simulasi kejadian tertekan


Potensi kerugian kepada bank sekira berlakunya insiden kemungkiran isi rumah yang serentak di bawah simulasi andaian yang teruk, walaupun berkemungkinan tidak berlaku, dianggarkan sebanyak RM57.6 bilion (Jadual 1.2). Daripada jumlah ini, potensi kerugian yang berpunca daripada kumpulan isi rumah yang mudah terjejas dianggarkan RM11.5 bilion. Anggaran ini adalah dalam lingkungan selesa penampan modal lebihan bank (mengatasi paras minimum pengawalseliaan) sebanyak RM124.5 bilion pada akhir tahun 2016. Kerugian yang dianggarkan ini belum mengambil kira simpanan dan penampan kewangan isi rumah individu yang sedia ada, atau tindakan balas awal oleh bank untuk mengurangkan kerugian. Oleh itu, kerugian sebenar mungkin jauh lebih rendah dalam senario tersebut. Bank-bank juga secara beransur-ansur telah meningkatkan paras peruntukan dan rizab pengawalseliaan. Ini merupakan sebahagian daripada langkah berterusan untuk mengukuhkan penampan terhadap kejadian kerugian yang mungkin dialami.

MENGURUS RISIKO KREDIT DALAM PASARAN HARTA TANAH DALAM NEGERI

Pada tahun 2016, jumlah dedahan institusi kewangan Malaysia kepada pasaran harta tanah dalam negeri berkembang 8% (purata 2012-2015: +10%) kepada RM793.9 bilion (Rajah 1.7). Ia merupakan 26.7% (2015: 25.5%) daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2016. Bank-bank mencakupi sebahagian besar dedahan, iaitu kira-kira 90% dalam bentuk pembiayaan untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman. Pertumbuhan dalam pembiayaan bank bagi pembelian harta kediaman menurun sedikit kepada 9.2% (purata 2010-2015: +12.9%) sejajar dengan pasaran perumahan yang lebih sederhana.

Rajah 1.7

Pasaran Harta Tanah: Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah




Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan institusi kewangan bukan bank

Pasaran harta kediaman

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2016, pertumbuhan tahunan harga rumah purata – diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) – adalah lebih rendah pada 5.3%, berbanding dengan purata 9.5% dalam tempoh 2010-2015. Ini mencerminkan penyederhanaan yang menyeluruh dalam pertumbuhan agregat harga rumah kepada paras yang lebih hampir dengan pertumbuhan harga rumah purata jangka panjang sebanyak 5.5% bagi tempoh 1990-2009 (Rajah 1.8 dan Jadual 1.3). Permintaan terhadap perumahan mampu milik kekal kukuh disebabkan oleh

Rajah 1.8

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) dan Purata Jangka Panjang



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Jadual 1.3

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan IHRM mengikut Negeri Terpilih dan Jenis Rumah

	2014	2015	S1'16	S2'16	S3'16*a*
	Perubahan tahunan (%)				
Kuala Lumpur	10.4	7.4	7.3	8.8	5.1
Selangor	9.7	8.1	8.0	8.5	7.5
Johor	13.1	5.5	9.0	7.6	5.5
Pulau Pinang	13.3	7.6	6.2	5.8	3.4
Malaysia	9.4	7.4	7.0	6.9	5.3
Rumah teres	10.9	6.2	7.3	7.3	5.6
Rumah berkembar	7.5	7.8	5.4	4.1	5.0
Rumah sesebuah	7.5	8.8	6.5	7.2	3.7
Rumah bertingkat tinggi	10.7	2.2	8.3	8.2	6.6

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

faktor demografi seperti tenaga kerja negara yang agak muda dan pembandaran yang berterusan. Oleh itu, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga rumah telah dikaitkan dengan pengurangan pembelian untuk pelaburan, terutamanya dalam segmen berharga mahal. Pertumbuhan tahunan untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun 2016 bagi keseluruhan transaksi perumahan dalam kedua-dua pasaran utama dan sekunder telah menguncup 14.3% dan 10.8% (2015: -4.2% dan +2%) masing-masing dari segi jumlah dan nilai. Penurunan nilai transaksi didorong oleh permintaan yang lembap dalam segmen berharga mahal. Unit perumahan yang tidak terjual meningkat kepada 14,193 unit (2015: 10,163 unit) pada akhir bulan September 2016, terutamanya dalam segmen yang lebih mahal dan bertingkat tinggi. Beberapa pemaju harta tanah yang tidak menurunkan harga telah memilih untuk menukarkan unit kediaman bertingkat tinggi kepada penginapan komersial (seperti bilik hotel) dalam usaha untuk menghabiskan stok perumahan yang tidak terjual.

Harga rumah terus meningkat tetapi pada kadar yang lebih sederhana

Meskipun harga rumah meningkat pada kadar yang lebih sederhana, kebanyakan isi rumah masih belum mampu memiliki rumah. Berdasarkan anggaran oleh Bank, isi rumah yang berpendapatan median sebanyak RM4,585 (tanpa sebarang obligasi hutang lain atau tabungan) hanya mampu membeli rumah yang berharga di bawah RM260,000, selepas mengambil kira belanja sara hidup. Sebagai bandingan, harga rumah purata kebangsaan ialah RM334,736 pada akhir bulan September 2016, dan harga transaksi rumah purata adalah antara RM435,000 hingga RM1.1 juta di pusat bandar. Pada tahun 2016, Kerajaan telah mewajibkan semua rumah baharu berharga sehingga RM300,000 dihadkan kepada pembeli rumah kali pertama. Meskipun paras harga ini merupakan titik rujukan bagi penetapan harga pelancaran bagi projek baharu oleh pemaju, yang sepatutnya memudahkan pengimbangan semula bekalan perumahan ke arah segmen yang lebih mampu milik, kadar pelarasan masih perlahan. Pada separuh pertama tahun 2016, hanya 28.6% (2015: 26.3%) daripada pelancaran baharu melibatkan unit perumahan berharga di bawah RM250,000, berbanding dengan 45.1% (2015: 32.8%) bagi unit berharga antara RM250,000 hingga RM500,000, serta 26.3% (2015: 40.9%) bagi unit berharga lebih RM500,000. Walaupun bekalan tambahan rumah mampu milik dijangka memasuki pasaran hasil inisiatif yang sedang dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan dan PR1MA, pelarasan harga selanjutnya oleh pemaju swasta diperlukan untuk memenuhi permintaan dan mengurangkan beban hutang bakal pembeli rumah.

Akses kepada kredit bagi pembiayaan pembelian rumah mampu milik adalah berterusan

Permintaan yang mampan terhadap perumahan mampu milik telah menyokong peningkatan pembiayaan akhir yang berterusan oleh bank bagi pembelian harta kediaman. Pada tahun 2016,


sejumlah 456,197 (2015: 474,225) permohonan pinjaman perumahan telah diterima oleh bank. Majoriti (61%) permohonan adalah bagi pembelian rumah berharga di bawah RM500,000, manakala separuh daripadanya adalah bagi rumah berharga di bawah RM250,000. Kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan jatuh lagi kepada 23.6% (purata 2012-2015: 26.1%), mencerminkan penjajaran yang lebih baik antara amalan pemberian pinjaman bank dengan tingkah laku peminjaman.

Kualiti keseluruhan pinjaman perumahan bank kekal kukuh, disokong oleh amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang berhemat. Pada akhir tahun 2016, kira-kira 65% pinjaman perumahan mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) sebanyak 80% dan ke bawah. Ini memberi bank penampan yang selesa terhadap nilai ekuiti yang negatif. Profil pinjaman perumahan bank juga agak stabil sepanjang tahun. Pembiayaan untuk pembelian rumah berharga di bawah RM500,000, yang rendah risikonya terhadap pelarasan harga yang besar kerana permintaan yang terus kukuh, mencakupi 82% daripada pembiayaan perumahan terkumpul. Daripada jumlah ini, kira-kira 72% merupakan pembeli rumah kali pertama. Secara keseluruhan, kira-kira 84% peminjam bagi pinjaman perumahan mempunyai hanya satu pinjaman perumahan. Peminjam sedemikian mempunyai insentif yang kukuh untuk mengekalkan pembayaran balik pinjaman sekiranya berlaku tekanan kewangan atau nilai ekuiti negatif pada rumah mereka, berbanding dengan pembelian bagi tujuan pelaburan. Pertumbuhan tahunan bilangan peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul (proksi untuk pembeli spekulatif) menurun lagi kepada 1.4% (2015: +3.1%), berbanding dengan peningkatan yang jauh lebih tinggi sebanyak 15.8% kali terakhir diperhatikan pada tahun 2010. Peminjam sedemikian mencakupi hanya 2.8% (2015: 3%) daripada jumlah peminjam pinjaman perumahan. Bilangan pinjaman perumahan yang dijelaskan dalam tempoh tiga tahun (tempoh lazim yang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan selepas harta tanah dimiliki) – satu lagi penunjuk pembelian spekulatif – juga menurun kepada 11.9% (2015: 13%) daripada jumlah pinjaman perumahan yang dijelaskan.

Kadar mungkir vintaj pinjaman perumahan yang diluluskan sejak tahun 2007 terus menurun (Rajah 1.9). Ini menggambarkan profil kredit pinjaman perumahan sistem perbankan yang stabil dan bertambah baik. Bahagian pinjaman perumahan yang terjejas dan delinkuen juga masih stabil dan rendah masing-masing

Rajah 1.9

Pasaran Harta Tanah, Sistem Perbankan: Analisis Vintaj bagi Pinjaman Perumahan



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

pada 1.1% dan 1.5%. Berdasarkan analisis kepekaan faktor tunggal yang dilakukan terhadap portfolio pinjaman perumahan bank, penampan modal lebihan sistem perbankan mencukupi untuk menampung kira-kira enam kali anggaran kerugian yang dijangka. Analisis kepekaan mengandaikan kebarangkalian kemungkiran (probability of default, PD) tertekan melebihi 11% (tiga kali PD dasar sebanyak 3.8%) dan kejatuhan harga rumah yang teruk sebanyak 40%.


Pasaran harta tanah bukan kediaman

Dedahan institusi kewangan kepada pasaran harta tanah bukan kediaman mencakupi kira-kira 27% daripada jumlah dedahan kepada keseluruhan pasaran harta tanah. Sebahagian besar dedahan tersebut terdiri daripada pembiayaan bank bagi pembelian kedai, yang mencakupi 5.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Dedahan kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah yang mengalami bekalan berlebihan yang tinggi hanya mencakupi 3.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Pertumbuhan tahunan pembiayaan bank bagi pembelian harta tanah bukan kediaman menjadi perlahan kepada 6.1% (2015: +10.6%) (Rajah 1.10), sebahagiannya mencerminkan aktiviti perniagaan yang sederhana, terutamanya dalam sektor O&G. Pembinaan pembangunan harta tanah bercampur telah meningkatkan lagi hubung kait antara pasaran harta kediaman dengan bukan kediaman.

Transaksi harta komersial (kedai, ruang pejabat dan kompleks membeli-belah) mencatat penguncupan sebanyak 29.1% dan 15.5% (purata 2010-2015: -1.5% dan +12.3%) masing-masing dari segi jumlah dan nilai untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun 2016. Trend ini diperhatikan di semua

Rajah 1.10


Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Pertumbuhan Pinjaman dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Ruang Pejabat dan Kompleks Membeli-belah: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa



* Pada suku ketiga tahun 2016

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank, Jones Lang Wootton dan pengiraan dalaman


bandar utama. Permintaan pelabur yang lebih sederhana terhadap harta tanah kedai diperhatikan, selaras dengan perkembangan dalam pasaran perumahan. Ini disebabkan harta tanah kedai dilihat sebagai aset pelaburan alternatif kepada rumah. Bilangan peminjam yang membeli berbilang unit kedai atau unit gabungan kedai dan kediaman meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 5.8% (2015: +9.4%). Transaksi keseluruhan bagi harta tanah kedai menguncup 28.9% kepada 9,687 unit dalam tempoh sembilan bulan pertama, berbanding 13,630 unit dalam tempoh yang sama pada tahun 2015, mencerminkan aktiviti perniagaan yang lebih perlahan. Dari segi nilai transaksi, ia juga menguncup 34.7% kepada RM7 bilion dalam tempoh tersebut. Pelarasan penawaran oleh pemaju bagaimanapun telah mengurangkan lebihan unit kedai yang tidak terjual lantaran membendung risiko bekalan berlebihan daripada terus naik. Dalam tempoh sembilan bulan pertama, bekalan yang dirancang dan unit dalam pembinaan masing-masing menguncup sebanyak 19.4% dan 14.7% (purata 2010-2015: +4.9% dan +12.1%). Pelarasan ini telah membantu menyokong kadar sewa, terutamanya di Lembah Klang, pada purata RM4.4 bagi setiap kaki persegi.

Bagi segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah, risiko masih tinggi dengan bekalan baharu mengatasi trend beberapa tahun kebelakangan ini. Trend ini dilihat berterusan walaupun terdapat tanda-tanda permintaan penyewa yang lebih lembap, terutamanya dalam sektor O&G dan perkhidmatan kewangan, berikutan pengumuman langkah penjimatan dan kawalan kos[1]. Dalam segmen ruang pejabat, jumlah stok meningkat lagi sebanyak 1.2% (purata 2010-2015: +4%) kepada 220.4 juta kaki persegi. Akibatnya, kadar kekosongan purata yang sememangnya tinggi menjadi semakin teruk kepada 17.1% (purata 2010-2015: 16.3%) (Rajah 1.11). Bekalan ruang pejabat baharu yang dirancang akan terus memberikan tekanan menurun terhadap kadar sewa. Kadar sewa purata ruang pejabat di Lembah Klang kekal tertekan pada RM5.90 (2015: RM5.94) sebulan bagi setiap kaki persegi, dengan pemilik beberapa bangunan lama menawarkan cuti sewa bagi menarik atau mengekalkan penyewa. Kira-kira 5.5 juta kaki persegi (2010-2015: +2.8 juta kaki persegi setahun) ruang pejabat baharu dijangka akan ditambah setiap tahun kepada pasaran pejabat Lembah Klang dalam tempoh tiga tahun akan datang. Dalam segmen kompleks membeli-belah, jumlah stok meningkat lagi sebanyak 7.2% (purata 2010-2015: +5.5%) kepada 155.9 juta kaki persegi. Kadar kekosongan purata meningkat lebih tinggi kepada 19% daripada 17.7% (purata 2010-2015: 19.5%) pada tahun 2015, sebahagiannya mencerminkan penggabungan antara beberapa peruncit. Walaupun kadar sewa purata kekal stabil, dianggarkan sebanyak 19.3 juta kaki persegi (2010-2015: +16.2 juta kaki persegi setahun) bekalan ruang runcit yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun akan datang berkemungkinan menjejaskan penyewaan dan kadar sewa.

[1] Laporan Pasaran Harta Tanah Suku Tahunan oleh Jones Lang Wootton.

Rajah 1.12

Pasaran Harta Tanah, Sistem Perbankan: Analisis Vintaj bagi Pinjaman untuk Membeli Harta Bukan Kediaman



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko langsung kepada bank daripada dedahan kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal kecil, disokong oleh amalan peminjaman dan penilaian yang baik. Sebagaimana yang dilihat bagi pinjaman perumahan, kadar mungkir vintaj bagi pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman sejak tahun 2007 terus bertambah baik (Rajah 1.12). Nisbah delinkuensi dan jejas nilai keseluruhan bagi pembiayaan oleh bank untuk pembelian harta bukan kediaman juga kekal rendah masing-masing pada 0.7% dan 1% (2015: 0.4% dan 0.9%). Walau bagaimanapun, bekalan berlebihan harta tanah komersial jika tidak dikawal boleh membawa kepada ketidakseimbangan yang lebih runcing dalam pasaran harta tanah. Ini boleh menyebabkan kesan limpahan kepada segmen ekonomi yang lain. Dasar perancangan negara yang dirangka dengan teliti dan komprehensif, termasuk mengatur bekalan ruang pejabat yang besar dan kompleks membeli-belah, adalah amat penting untuk mengurus risiko ini. Langkah-langkah seperti yang diambil pada bulan April 2016 oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengetatkan kelulusan pembinaan bangunan pejabat baharu dianggap berhemat.

MENGURUS DEDAHAN RISIKO KREDIT KEPADA PERNIAGAAN

Pada tahun 2016, jumlah hutang terkumpul sektor perniagaan meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 8.6% (2015: +12.7%) kepada RM1,326.4 bilion atau 107.9% (2015: 105.5%; 1998: 131.7%) daripada KDNK. Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh, meningkat 9% (2015: +14.6%). Terbitan baharu bon korporat dan sukuk meningkat 14.2% (2015: +18.8%) (Rajah 1.13), terutamanya dalam sektor infrastruktur, harta tanah dan telekomunikasi. Keadaan perniagaan terus mencabar bagi firma dalam beberapa sektor. Firma dalam industri berkaitan O&G (termasuk perkapalan) terus membuat penyesuaian terhadap perubahan struktur berikutan harga komoditi yang lebih rendah. Prestasi kewangan bagi firma dalam sektor harta tanah dan automotif terjejas akibat permintaan yang lebih perlahan, manakala perniagaan yang berorientasikan import dan firma yang mempunyai peminjaman mata wang asing yang besar akan lebih terjejas disebabkan nilai ringgit yang menurun.

Secara keseluruhan, firma Malaysia terus mengekalkan kedudukan kewangan yang agak kukuh walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar. Median nisbah hutang kepada ekuiti bagi korporat bukan kewangan Malaysia (berdasarkan 120 firma bukan kewangan yang tersenarai di Bursa Malaysia yang mencakupi 85% daripada permodalan pasaran) bertambah baik kepada 43.6% (bulan September 2015: 46.1%) pada akhir bulan September 2016. Agregat leveraj kekal di bawah paras yang dicatat oleh ekonomi sedang pesat membangun (emerging market economies, EME) (Rajah 1.14). Ia juga berada dalam lingkungan paras purata yang pernah dicatat sebelum dan selepas krisis kewangan global, dan di bawah paras sebelum bermulanya krisis kewangan Asia. Kira-kira 74% daripada jumlah hutang terkumpul merangkumi peminjaman dalam negeri, dengan hanya 6% daripadanya dalam denominasi mata wang asing. Pinjaman perniagaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.8% (2015: +7.7%) selaras dengan perkembangan dalam ekonomi Malaysia (Rajah 1.15). Akses kepada pembiayaan bagi kebanyakan perniagaan secara amnya kekal memuaskan, dengan bukti terhad bahawa pemberian pembiayaan kredit secara keseluruhan semakin ketat. Kadar penolakan pinjaman keseluruhan kekal sekitar 16% (2015: 15%). Beberapa bank didapati lebih berhati-hati dalam memberikan pinjaman kepada sektor di mana prospek prestasi adalah lebih lemah, seperti sektor O&G, automotif dan harta tanah. Ini menyebabkan beberapa bank mengambil masa yang lebih panjang untuk meluluskan pinjaman, berikutan keperluan tambahan dokumentasi pinjaman untuk menyokong bank membuat penilaian aliran tunai dan penampan kewangan firma dalam sektor-sektor tersebut.

Selain itu, dedahan perniagaan kepada risiko pembiayaan semula telah berkurang sejak beberapa tahun yang lalu dengan pemanjangan tempoh

matang purata hutang sektor perniagaan. Tempoh matang purata terbitan baharu bon korporat dan sukuk meningkat daripada 7.8 tahun pada tahun 2013 kepada 11.9 tahun pada tahun 2016 (Rajah 1.16), manakala tempoh matang purata peminjaman bank yang diluluskan meningkat daripada tujuh tahun pada tahun 2013 kepada lapan tahun pada tahun 2016. Secara keseluruhan, kira-kira 73% hutang perniagaan merangkumi hutang jangka sederhana dan panjang, justeru mengurangkan keterdedahan firma terhadap perubahan ketara dalam kos peminjaman.

Risiko daripada hutang korporat luar negeri dan dalam mata wang asing tidak menjejaskan kestabilan kewangan

Sebahagian besar daripada risiko dedahan luar bagi korporat bukan kewangan terhadap kestabilan kewangan terus terkawal. Jumlah hutang luar negeri terkumpul perniagaan yang kebanyakannya merupakan peminjaman luar negeri telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 17.9% (2015: +24.7%) pada tahun 2016. Jumlah hutang luar negeri mencakupi 25.8% (2015: 23.7%) daripada jumlah hutang perniagaan atau 27.8% (2015: 25.1%) daripada KDNK (Rajah 1.17). Hutang luar negeri yang lebih besar ini disebabkan oleh peminjaman baharu dan kesan penilaian kadar pertukaran. Peminjaman dalam denominasi mata wang asing daripada institusi kewangan tempatan mencakupi 4.6% daripada jumlah hutang korporat atau 4.9% daripada KDNK. Hampir setengah (49%) daripada hutang luar negeri perniagaan ialah obligasi antara syarikat (terutamanya syarikat multinasional yang beroperasi di dalam negeri) yang mempunyai risiko pendanaan dan risiko mudah tunai yang secara relatif rendah. Kredit perdagangan dan pemegangan bon korporat dan sukuk dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, yang mencakupi kira-kira 22% daripada jumlah hutang luar negeri perniagaan, turut mengehadkan dedahan perniagaan kepada risiko mata wang. Selain itu, bahagian peminjaman luar negeri jangka panjang dengan tempoh matang lebih daripada satu tahun kekal stabil pada kira-kira 70% daripada jumlah hutang luar negeri korporat. Keadaan ini seterusnya mengimbangi risiko pelanjutan jangka pendek.


Kebanyakan peminjaman luar negeri oleh perniagaan disokong oleh penerimaan dalam mata wang asing daripada operasi luar negeri atau menerusi perlindungan nilai dengan institusi kewangan tempatan. Di bawah rejim kelulusan untuk peminjaman dalam mata wang asing yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak bertahun-tahun, korporat bukan kewangan dikehendaki mendapatkan kelulusan Bank untuk peminjaman dalam mata wang asing bernilai sekurang-kurangnya RM100 juta daripada institusi kewangan bukan pemastautin, syarikat tujuan khas, dan entiti lain yang tidak berkaitan. Firma yang ingin mendapatkan kelulusan untuk peminjaman luar negeri perlu menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang sewajarnya daripada aliran hasil dalam mata wang asing atau melalui penggunaan derivatif kewangan untuk melindung nilai terhadap risiko mata wang. Langkah ini bertujuan membendung leveraj mata wang asing yang berlebihan. Peminjaman juga hendaklah dibuat untuk tujuan yang produktif. Selain itu, institusi kewangan dan syarikat juga perlu mematuhi keperluan pelaporan yang membolehkan Bank memantau dedahan yang ketara dan mendapat pemahaman awal tentang kelemahan yang meningkat. Langkah yang diumumkan oleh Bank pada bulan Disember 2016 untuk meliberalkan pasaran lindung nilai ringgit tempatan telah meningkatkan fleksibiliti firma untuk mengurus risiko pertukaran asing. Secara khususnya, pemastautin kini boleh secara aktif melindung nilai dedahan dalam dolar AS dan renminbi China sehingga had bersamaan RM6 juta bagi setiap bank, setelah memberikan perakuan bahawa mereka tidak terlibat dalam aktiviti spekulatif.

Kedudukan kewangan kebanyakan perniagaan pada amnya adalah kukuh dan kedudukan ini terus menyokong keupayaan mereka untuk membayar balik hutang (Rajah 1.18). Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) untuk korporat bukan kewangan Malaysia secara agregat kekal agak tinggi pada 9.4 kali (Januari-September 2015: 12 kali), jauh melebihi piawaian kehematan sebanyak dua kali. Keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang turut disokong oleh kedudukan mudah tunai yang mantap, dengan median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt, CASTD) pada 1.2 kali (Januari-September 2015: 1.4 kali). Untuk tempoh waktu 12 bulan yang berakhir September 2016, hutang korporat berisiko (diukur sebagai bahagian hutang yang ditanggung oleh firma dengan ICR yang kurang daripada dua kali), meningkat kepada 7.7% (2015: 6.2%) daripada jumlah hutang syarikat (Rajah 1.19). Peningkatan ini disebabkan oleh persekitaran yang mencabar terutamanya firma dalam sektor automotif, harta tanah dan O&G, seperti yang dijangka oleh Bank. Bahagian hutang

Peningkatan hutang korporat bukan kewangan didorong oleh terbitan bon baharu

Rajah 1.13

Sektor Perniagaan: Nisbah Hutang Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK




[1] Termasuk hutang kepada bank asing yang diperbadankan di Malaysia

Leveraj kekal lebih rendah berbanding dengan firma dalam EME dan negara serantau

Rajah 1.14

Sektor Perniagaan: Perbandingan Leveraj Korporat Merentas Rantau




Nota: Data bagi semua rantau adalah berdasarkan *IMF Global Financial Stability Report October 2016*
Bagi Malaysia pada tahun 2016, data bagi sembilan bulan pertama

Aktiviti pembiayaan domestik pada amnya selaras dengan aktiviti ekonomi dalam negeri

Rajah 1.15


Sektor Perniagaan: Pembiayaan Domestik dan Keluaran Dalam Negara Kasar



Terbitan bon baharu kebanyakannya mempunyai tempoh matang lebih panjang, lantas mengurangkan risiko pelanjutan

Rajah 1.16

Sektor Perniagaan: Kematangan Terbitan Bon Korporat




Nota: Tempoh matang purata diwajarkan mengikut jumlah terbitan

Hutang luar negeri korporat bukan kewangan mencakupi kira-kira suku daripada jumlah hutang dan separuh daripadanya ialah peminjaman antara syarikat

Rajah 1.17

Sektor Perniagaan: Profil Hutang Korporat Bukan Kewangan




Sumber: Bank Negara Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

Kedudukan kewangan yang pada amnya kukuh terus menyokong kupayaan membayar balik hutang

Rajah 1.18

Sektor Perniagaan: Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Mudah Tunai




Nota: Bagi tahun 2016, data bagi sembilan bulan pertama

Hutang berisiko bagi korporat bukan kewangan Malaysia kekal lebih rendah berbanding dengan kebanyakan EME

Rajah 1.19

Sektor Perniagaan: Hutang Berisiko bagi Malaysia dan EME Serantau Terpilih




Nota: Data bagi semua rantau adalah berdasarkan *IMF Global Financial Stability Report October 2016*
Bagi Malaysia, data adalah bagi dua belas bulan berakhir September 2016

Keupayaan membayar balik hutang bagi sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah adalah memuaskan

Rajah 1.20

Sektor Perniagaan: Penunjuk Nisbah Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih




Nota: Bagi tahun 2016, data bagi sembilan bulan pertama

Kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan sistem perbankan kekal kukuh

Rajah 1.21


Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar



Lebihan modal bank mencukupi untuk menampung lebih dua kali kemungkinan kerugian kredit di bawah simulasi kejutan teruk

Rajah 1.22

Sektor Perniagaan: Kemungkinan Kerugian Kredit bagi Peminjam Besar di Bawah Ujian Tekanan




Nota: **FX** Kejutan mata wang asing
IR Kenaikan kos peminjaman bagi pinjaman dalam denominasi ringgit
BON Kenaikan kadar kupon bagi terbitan baharu bon koporat dan sukuk
EBITDA Kejutan perolehan

Keupayaan membayar balik hutang bagi korporat bukan kewangan secara keseluruhan dijangka kekal utuh, walaupun risiko kredit dijangka lebih tinggi dalam beberapa sektor

Rajah 1.23

Sektor Perniagaan: Prospek Risiko Kredit bagi Sektor Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bloomberg dan pengiraan dalaman

berisiko bagi syarikat bukan kewangan Malaysia, meskipun meningkat masih kekal di bawah paras yang dicatatkan oleh EME yang lain.

Firma-firma utama dalam sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah pada amnya mengekalkan keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai yang memuaskan (Rajah 1.20). Permintaan yang berterusan untuk perumahan mampu milik sedikit sebanyak boleh membantu firma dalam sektor harta tanah. Ini disokong oleh pelarasan harga selanjutnya dan pengimbangan semula bekalan oleh pemaju untuk memenuhi permintaan tersebut. Sebaliknya, sektor automotif dijangka menghadapi rintangan yang berterusan dengan permintaan yang dijangka kekal lembap disebabkan oleh sikap isi rumah yang berbelanja dengan lebih berhati-hati. Persatuan industri automotif meramalkan pertumbuhan jualan yang kecil, hanya sebanyak 1.7% untuk tahun 2017, berbanding dengan pertumbuhan negatif sebanyak 13% pada tahun 2016. Pemulihan sektor ini dijangka terus perlahan bagi sektor berkaitan O&G. Firma dalam sektor ini akan terus membuat penyelarasan seiring dengan norma perniagaan dan operasi baharu. Meskipun pengurangan pengeluaran minyak mentah global yang dirancang dianggap mempunyai kesan positif kepada firma O&G, impaknya mungkin terhad berikutan ketidakpastian yang masih wujud dalam permintaan global, komitmen pengeluar untuk mengurangkan pengeluaran dalam jangka panjang, dan pemulihan keluaran minyak shale.

Secara agregat, dedahan institusi kewangan kepada sektor berkaitan O&G secara relatif adalah kecil. Oleh itu, impak langsung ke atas kestabilan kewangan dalam negeri adalah terhad, walaupun beberapa bank dijangka membuat peruntukan lebih tinggi yang mungkin memberikan kesan kepada keberuntungan. Dedahan bank dalam negeri (termasuk dedahan luar kunci kira-kira) kepada perniagaan dalam sektor berkaitan O&G mencakupi kira-kira 5% daripada dedahan dalam negeri kepada perniagaan atau 14% daripada jumlah modal sistem perbankan. Dengan mengambil kira dedahan menerusi operasi bank domestik di luar negeri dan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC), dedahan kepada sektor ini mewakili kira-kira 6% daripada jumlah dedahan kepada perniagaan dan 20% daripada jumlah modal. Bank-bank secara beransur-ansur telah menambah jumlah peruntukan bagi menghadapi potensi kerugian kredit kepada 7.5% daripada jumlah dedahan kepada sektor berkaitan O&G, sekali gus memastikan keupayaan untuk menyerap kerugian tanpa menjejaskan kedudukan modal bank. Selain bank, dedahan penanggung insurans dan pengendali takaful serta IKBB kepada sektor berkaitan O&G juga kecil. Dedahan ekuiti IKBB kepada sektor ini kurang 3% daripada jumlah aset IKBB individu, manakala pemegangan bon dan ekuiti oleh penanggung insurans dan pengendali takaful mencakupi kurang 1% daripada jumlah aset atau 5% daripada jumlah modal yang tersedia. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am berkemungkinan menghadapi premium yang lebih rendah dalam segmen marin, penerbangan dan transit berikutan penangguhan projek dan pengeluaran yang lebih rendah oleh syarikat O&G utama, namun kesannya dijangka tidak ketara (rujuk Bab 3 dalam Laporan ini). Sepanjang lima tahun yang lalu, sumbangan sektor ini hanya berpurata 4.9% daripada jumlah premium langsung kasar.

Kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan adalah mampan, meskipun beberapa sektor lebih terjejas oleh perkembangan dalam negeri dan global

Kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan kekal kukuh. Pinjaman terjejas dan delinkuen secara umumnya rendah dan stabil (Rajah 1.21 dan Jadual 1.4). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, prestasi pinjaman dalam sektor O&G, automotif dan harta tanah merosot seperti yang dijangkakan. Bahagian pinjaman perniagaan yang dijadualkan semula dan distruktur semula kekal rendah pada hanya 0.1% daripada jumlah akaun perniagaan, dengan lebih banyak kemudahan distruktur semula dalam sektor berkaitan O&G. Nisbah pinjaman perniagaan terjejas keseluruhan, termasuk pinjaman distruktur semula, kekal rendah pada 2.4%. Bagi dana dalam pasaran modal domestik, enam bon korporat dan sukuk yang diberikan penarafan peringkat domestik telah diturunkan taraf pada tahun 2016, berbanding dengan tujuh pada tahun 2015. Penurunan taraf ini secara amnya mencerminkan kelemahan yang khusus dalam sektor tertentu sahaja dan mewakili hanya 1.3% (2015: 1.8%) daripada jumlah bon korporat dan sukuk terkumpul.

Jadual 1.4

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar

	% daripada Jumlah Dedahan Hutang Domestik[1]	% daripada Jumlah Pinjaman Perniagaan	Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (%)			Nisbah Pinjaman Delinkuen Kasar (%)		
	2016		2014	2015	2016	2014	2015	2016
Keseluruhan			**2.6**	**2.5**	**2.4**	**0.3**	**0.3**	**0.4**
***antaranya:* PKS**		**50.8**	**2.6**	**2.4**	**2.3**	**0.4**	**0.4**	**0.4**
Aktiviti harta tanah (termasuk REITs)[2]	18.1	19.5	0.7	1.5	1.5	0.1	0.1	0.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	17.2	20.0	1.8	1.8	1.8	0.3	0.3	0.3
Perkilangan	15.8	18.1	5.0	3.9	3.7	0.1	0.1	0.1
antaranya: Automotif	0.8	0.7	0.5	0.4	0.4	0.01	0.01	0.01
Pembinaan	10.6	11.5	3.0	2.8	2.4	0.2	0.3	0.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.7	6.4	6.1	6.5	6.3	0.8	0.7	1.2
Pertanian utama	5.5	6.3	0.7	1.0	0.8	0.1	0.03	0.04
antaranya: Minyak sawit	3.7	4.1	0.5	1.2	1.0	0.02	0.01	0.002
Perlombongan dan kuari	2.3	2.1	0.4	0.2	3.9	0.03	0.03	0.28
antaranya: Minyak dan gas[3]	2.1	1.9	0.3	0.1	4.1	0.006	0.004	0.3

[1] Termasuk pinjaman/pembiayaan perniagaan, bon korporat dan sukuk
[2] Amanah Pelaburan Harta Tanah
[3] Termasuk aktiviti huluan dan hiliran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara agregat, keupayaan membayar balik hutang oleh kumpulan peminjam besar terus disokong oleh penampan tunai yang kukuh dan kedudukan kewangan yang memuaskan

Bank terus memantau keadaan kewangan kumpulan peminjam besar yang boleh memberi kesan yang ketara terhadap kestabilan institusi kewangan. Kumpulan peminjam besar ditakrifkan sebagai syarikat yang mempunyai dedahan kredit dengan institusi kewangan, termasuk pembiayaan langsung dan pemegangan bon korporat dan sukuk, yang melebihi RM2 bilion. Pada tahun 2016, dedahan institusi kewangan Malaysia kepada kumpulan peminjam besar mencakupi 27.9% (2015: 29.1%) daripada jumlah dedahan bank dan IKP kepada perniagaan. Bagi penanggung insurans, dedahan ini mencakupi 79% (2015: 82.1%) daripada jumlah dedahan penanggung insurans dan pengendali takaful kepada perniagaan, dan kebanyakannya mempunyai penarafan tinggi atau dedahan yang dijamin Kerajaan. Secara agregat, keupayaan membayar balik hutang oleh kumpulan peminjam besar terus disokong oleh penampan tunai yang agak kukuh, meskipun keadaan operasi lebih mencabar. Median ICR dan CASTD kumpulan peminjam besar kekal melebihi ambang kehematan, masing-masing sebanyak 5.9 kali dan 1.2 kali (Januari-September 2015: 6.8 kali dan 1.1 kali). Dedahan kredit kepada kumpulan peminjam besar dengan ICR di bawah median telah menurun kepada 12.8% (2015: 15%) daripada jumlah dedahan bank dan IKP kepada perniagaan, serta 18% (2015: 21.9%) daripada dedahan penanggung insurans dan pengendali takaful kepada perniagaan.

Agregat dedahan institusi kewangan Malaysia kepada kumpulan peminjam besar yang mempunyai tumpuan peminjaman dalam mata wang asing yang tinggi (>30%) mencakupi 9.8% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Kumpulan peminjam besar ini

beroperasi terutamanya dalam sektor intensif modal seperti sektor O&G, perladangan dan yang berkaitan pembinaan. Hanya beberapa kumpulan peminjam didapati mempunyai ICR dan CASTD yang lemah dan di bawah paras kehematan, dan kumpulan ini mencakupi 2% daripada jumlah dedahan kredit institusi kewangan kepada perniagaan. Majoriti kumpulan peminjam besar ini dijangka berupaya membayar balik hutang dalam keadaan kemerosotan ketara dalam keberuntungan, ringgit yang semakin lemah, dan kos peminjaman yang lebih tinggi. Di bawah senario simulasi kejutan teruk (ringgit menyusut nilai sehingga 50%, keuntungan operasi merosot 75%, dan kos peminjaman untuk pinjaman, bon korporat dan sukuk meningkat 100 mata asas), kemungkinan kerugian kredit daripada dedahan kepada peminjam besar secara kumulatif dianggarkan selesa dan dapat diserap oleh lebihan penampan modal bank. Pada masa ini, lebihan penampan modal bank mencukupi untuk menampung lebih daripada dua kali anggaran kemungkinan kerugian (Rajah 1.22). Tahap kemungkinan kerugian dikurangkan selanjutnya oleh piawaian pengunderaitan dan amalan pengurusan risiko bank (termasuk peruntukan kerugian pinjaman) yang lebih baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Secara khususnya, penambahbaikan proses di bank bagi mengurus dedahan rakan niaga yang mempunyai hubungan menerusi kesalingbergantungan kewangan dan ekonomi telah mengurangkan tumpuan kredit pada peminjam besar. Pengaturan yang sedia ada dalam setiap bank dan pada peringkat sistem, dapat membantu peminjam berdaya maju yang menghadapi cabaran operasi berbentuk sementara dan turut mengimbangi kesan daripada kemungkinan kemerosotan dalam kualiti aset. Pada peringkat sistem, pengaturan sedemikian termasuk Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat untuk syarikat yang lebih besar dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil untuk PKS.

Syarikat Malaysia secara umumnya dijangka mengekalkan keupayaan membayar balik hutang yang utuh pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, prospek kredit untuk sektor tertentu seperti sektor berkaitan O&G, harta tanah dan automotif akan terus mencabar, terutamanya pada separuh tahun pertama 2017. Risiko kemungkiran keseluruhan yang dijangka untuk syarikat Malaysia berdasarkan ukuran Risiko Kredit Bloomberg, adalah rendah dan stabil pada 0.034% (2015: 0.041%) (Rajah 1.23). Pada tahap ini, risiko mungkir yang dijangka adalah jauh lebih rendah berbanding dengan paras tertinggi 0.170% yang diperhatikan semasa tempoh krisis kewangan global. Kebanyakan industri yang mempunyai dedahan kredit terbesar kepada institusi kewangan juga terus mencatat tahap risiko kemungkiran yang dijangka rendah.


MENGURUS RISIKO DARIPADA KETIDAKTENTUAN PASARAN KEWANGAN

Pada tahun 2016, pasaran kewangan global mengalami beberapa episod peningkatan ketidaktentuan pasaran. Pertumbuhan dan inflasi global yang sederhana, jangkaan yang bertukar dari segi kecepatan dan pengaturan masa kadar faedah di AS untuk kembali semula ke paras yang wajar, dan harga komoditi global yang rendah terus menjejaskan dengan ketara sentimen dan tingkah laku pelabur. Ketidakpastian ini telah mengakibatkan berlaku ketidaktentuan dalam aliran portfolio global. Pada separuh tahun kedua, tindak balas pasaran global terhadap keputusan pilihan raya presiden AS, referendum di UK dan beberapa perkembangan politik global lain menambahkan kesan kepada ketidaktentuan pasaran. Di dalam negeri, ketidaktentuan pasaran turut dipengaruhi oleh kebimbangan yang berterusan mengenai kesan perubahan harga minyak terhadap prospek kedudukan fiskal negara, serta aktiviti spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) bagi ringgit.

Malaysia terus mengalami aliran portfolio dua hala yang secara amnya mencerminkan pergerakan keluar masuk dana global dari ekonomi pasaran pesat membangun dan ekonomi pengeluar komoditi. Pada separuh pertama tahun 2016, aliran masuk portfolio bersih oleh bukan pemastautin berjumlah RM23.8 bilion. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh jangkaan penangguhan pelarasan kepada kadar faedah di AS dan pelanjutan pelonggaran monetari dalam ekonomi maju utama bagi tempoh empat bulan pertama tahun 2016. Minat yang meningkat terhadap aset kewangan Malaysia sebahagiannya mencerminkan pemulihan harga minyak mentah global, serta penilaian lebih positif oleh para pelabur global tentang kedudukan ekonomi dan fiskal dalam negeri. Bermula bulan Mei, jangkaan baharu tentang kadar faedah yang lebih tinggi di AS, ketidakpastian geopolitik yang meningkat, serta turun naik harga minyak mentah global telah mengurangkan minat pelabur terhadap aset di pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Perkara ini menyebabkan aliran keluar portfolio bersih sebanyak RM28.5 bilion oleh bukan pemastautin pada separuh

Rajah 1.24

Pasaran Kewangan: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kedua tahun itu, dengan aliran keluar yang lebih tinggi dicatat pada bulan November dan awal Disember. Aktiviti pelaburan di luar negara oleh para pelabur institusi domestik pada tahun itu juga menyumbang kepada aliran keluar portfolio. Keseluruhan aliran keluar portfolio bersih untuk tahun itu berjumlah RM19.7 bilion (2015: aliran keluar bersih berjumlah RM28.2 bilion) (Rajah 1.24). Pegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) oleh bukan pemastautin meningkat kepada 51.9% pada akhir bulan Oktober, sebelum menurun kepada 47.1% (2015: 47.7%) daripada jumlah MGS terkumpul pada akhir tahun 2016. Pegangan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) oleh bukan pemastautin pula meningkat kepada 9.2% (2015: 5.4%) daripada jumlah GII terkumpul (Rajah 1.25).

Rajah 1.25

Pasaran Kewangan: Pemegangan MGS, GII dan Ekuiti oleh Bukan Pemastautin



Pemegangan MGS dan GII disebut sebagai peratusan daripada jumlah terkumpul manakala pemegangan ekuiti disebut sebagai peratusan daripada jumlah permodalan pemasaran

Sumber: Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman


Dalam pasaran ekuiti, pelabur bukan pemastautin mengekalkan pegangan sebanyak 22.3% (2015: 22.3%) daripada jumlah permodalan pasaran.

Pasaran kewangan dalam negeri adalah teratur dan menyokong pengantaraan kewangan domestik walaupun berlakunya ketidaktentuan pasaran

Tanpa mengambil kira lonjakan yang berlaku pada dua bulan terakhir tahun 2016, ketidaktentuan pasaran kewangan dalam negeri pada amnya lebih rendah bagi sepanjang tahun, disokong oleh institusi kewangan Malaysia dan pelabur institusi domestik (Rajah 1.26). Hasilnya, spread bida-tawar dan nisbah pusing ganti umumnya berada dalam julat yang kecil, kecuali pada suku terakhir tahun apabila spread melebar (Rajah 1.27 dan Rajah 1.28). Sehubungan dengan itu, kadar hasil MGS untuk tempoh matang satu tahun sehingga 20 tahun menunjukkan trend yang menurun untuk sebahagian besar tahun 2016, sebelum meningkat antara 67 mata asas hingga 108 mata asas dalam tempoh dua bulan terakhir (Rajah 1.29). Seperti episod ketidaktentuan yang pernah berlaku sebelum ini, pergerakan kadar hasil telah dibendung oleh pegangan sekuriti hutang awam yang lebih tinggi dalam kalangan institusi perbankan serta kumpulan wang simpanan dan kumpulan wang pencen, yang memegang hampir 60% daripada jumlah sekuriti hutang awam terkumpul.

Rajah 1.26

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)




Nota: 1. FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibangunkan berdasarkan penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - pertukaran asing, ekuiti, bon, wang dan institusi kewangan.
2. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menandakan tahap tekanan dari paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.27

Pasaran Kewangan: Spread Bida-Tawar Purata FBM KLCI dan MGS (% daripada Harga Penengah)




Sumber: Bloomberg, Reuters dan pengiraan dalaman

Kesan limpahan ke atas kadar hasil bon korporat pula adalah terhad memandangkan bahagian pegangan pelabur asing yang rendah dan stabil iaitu 2.8% (2015: 2.7%) (Rajah 1.30). Dalam pasaran ekuiti, FBM KLCI mengakhiri tahun 2016 pada paras 3% lebih rendah dengan nisbah harga kepada perolehan sebanyak 16.5 kali (2015: 18 kali), yang menghampiri purata jangka panjang sebanyak 16.7 kali bagi tempoh 2000-2016 (Rajah 1.31). Tanggapan pasaran tentang risiko kerajaan, seperti yang ditunjukkan oleh spread swap mungkir kredit bagi Malaysia, telah menurun pada tahun 2016, sejajar dengan ekonomi serantau yang lain (Rajah 1.32).

Pada akhir 2016, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.3%, iaitu pada RM4.4860 berbanding dengan dolar AS. Walaupun ringgit terjejas akibat kejutan luaran yang menyebabkan aliran keluar portfolio dan turun naik kadar pertukaran serantau, perubahan pada nilai ringgit yang ketara juga disebabkan oleh aktiviti spekulasi dalam pasaran NDF luar pesisir

Rajah 1.28


Pasaran Kewangan: Nisbah Pusing Ganti Bulanan FBM KLCI dan MGS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.29

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil MGS dan Aliran Portfolio Bersih Suku Tahunan




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

yang tidak telus. Susulan daripada keputusan pilihan raya presiden AS pada bulan November, sentimen pasaran NDF luar pesisir bagi ringgit bertukar menjadi lebih lembap. Saiz urus niaga yang ketara dan mekanisme penentuan harga yang tidak telus dalam pasaran NDF luar pesisir kemudiannya menjejaskan pula pasaran pertukaran asing tempatan dan mengganggu proses penemuan harga dalam negeri. Perkembangan ini menyebabkan ketidakjajaran antara kadar pertukaran dengan asas-asas ekonomi dalam negeri yang mendasarinya. Ketidakseimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran pertukaran asing domestik yang semakin meningkat sejak beberapa tahun turut menyumbang kepada turun naik ringgit. Perolehan hasil eksport yang tidak ditukar kepada ringgit dan permintaan yang semakin meningkat untuk mata wang asing oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negara telah melemahkan struktur permintaan ringgit. Oleh itu, Jawatankuasa Pasaran Kewangan yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia telah

Rajah 1.30


Pasaran Kewangan: Kadar Hasil Bon Korporat



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.31


Pasaran Kewangan: Indeks Harga dan Nisbah Harga kepada Perolehan FBM KLCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.33

Sistem Perbankan: Risiko Ekuiti, Pertukaran Asing dan Kadar Faedah (% daripada Jumlah Modal)




Sumber: Bank Negara Malaysia

mengumumkan beberapa langkah pada bulan Disember untuk memperdalam dan memperluas pasaran pertukaran asing dalam negeri, termasuk memberikan lebih fleksibiliti untuk melindung nilai pertukaran asing dalam pasaran tempatan. Satu lagi langkah ialah menghendaki perolehan hasil eksport dalam mata wang asing perlu ditukar kepada ringgit untuk meningkatkan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran tempatan. Langkah-langkah ini merupakan sebahagian siri inisiatif pembangunan pasaran untuk membangunkan pasaran pertukaran asing yang aktif, mendalam, telus dan berfungsi dengan baik di Malaysia. Berikutan langkah ini, ketidaktentuan purata pasaran ringgit tempatan menurun kepada 5.4% pada bulan Januari 2017 (November 2016: 7.5%). Langkah ini akan memerlukan masa yang lebih lama untuk mencapai kesan yang diingini.

Rajah 1.32

Pasaran Kewangan: Spread Swap Mungkir Kredit 5 tahun




Sumber: Bloomberg

Pengambilan risiko oleh institusi kewangan Malaysia secara amnya tidak berubah. Aset perbendaharaan sistem perbankan berkembang sedikit iaitu sebanyak 2.9% kepada RM369.3 bilion atau 15.1% daripada jumlah aset. Sebahagian besar peningkatan itu mencerminkan pembelian MGS dan GII pada dua bulan terakhir. Namun begitu, saiz akaun dagangan kekal agak kecil pada 11.7% (2015: 12.1%) daripada portfolio perbendaharaan. Risiko tempoh dalam portfolio dagangan bank juga kekal rendah, dengan perubahan dalam nilai pasaran dianggarkan RM4.1 juta bagi perubahan setiap satu mata asas kadar faedah. Pengurusan risiko dan kegiatan melindung nilai yang aktif oleh bank juga membantu membendung dedahan risiko pasaran pada tahap yang terurus (Rajah 1.33). Peruntukan jumlah modal oleh bank terhadap risiko kadar faedah bagi portfolio dagangan adalah stabil pada 1.1% daripada jumlah modal bank, manakala dedahan terhadap risiko ekuiti kekal pada paras minimum sebanyak 0.8% daripada jumlah modal (2015: masing-masing 1.2% dan 0.7%). Secara keseluruhan, dedahan risiko pertukaran asing hampir tidak berubah pada 6.3% (2015: 6.1%) daripada jumlah modal, dan kekal pada paras yang selaras dengan had berhemat bagi nilai berisiko dan kerugian dalaman yang ditetapkan oleh setiap bank untuk setiap mata wang penting dan gabungan semua mata wang. Pada tahun 2016, bank mencatat perolehan bersih yang lebih tinggi berjumlah RM6.4 bilion (2015: RM5.1 bilion) daripada aktiviti perbendaharaan - terutamanya disebabkan perolehan bersih yang lebih tinggi daripada pelupusan dan penilaian semula sekuriti hutang, yang membentuk 20% (2015: 17.7%) daripada keuntungan sebelum cukai.

Rajah 1.34

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Aset




Sumber: Bank Negara Malaysia

Penanggung insurans dan pengendali takaful (Rajah 1.34 dan Rajah 1.35) juga mengekalkan tingkah laku pengambilan risiko secara berhemat. Penanggung insurans mempunyai portfolio perbendaharaan yang besar yang mencakupi kira-kira tiga suku daripada jumlah aset insurans, sebahagian besarnya dipegang untuk mengimbangi struktur liabiliti syarikat insurans. Sehubungan dengan itu, bon korporat jangka sederhana hingga jangka panjang mencakupi 93% daripada jumlah bon korporat yang dipegang oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, manakala pegangan ekuiti pula dipelbagaikan merentas seluruh sektor ekonomi, terutamanya dalam saham-saham mewah. Pada akhir tahun 2016, penanggung insurans dan pengendali takaful memperuntukkan lebih banyak modal untuk risiko pasaran, yang meningkat kepada 13.3% (2015: 12.9%) daripada jumlah modal tersedia (Rajah 1.36). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan peruntukan modal untuk pelaburan ekuiti yang lebih tinggi oleh beberapa penanggung insurans

Rajah 1.35


Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.36

Sektor Insurans dan Takaful: Komposisi Risiko Pasaran




Sumber: Bank Negara Malaysia

hayat yang besar (2016: 7.7%; 2015: 7.5% daripada jumlah modal tersedia). Secara keseluruhan, portfolio dagangan mencatat prestasi yang lebih baik untuk industri insurans berbanding dengan tahun 2015 (Rajah 1.37 dan Rajah 1.38). Penanggung insurans dan pengendali takaful mencatat keuntungan bersih RM0.9 bilion (2015: RM0.3 bilion) daripada aktiviti dagangan, kebanyakannya didorong oleh peningkatan dalam nilai bon korporat jangka panjang yang dipegang oleh penanggung insurans hayat.

Agregat lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik, yang terus menyokong aktiviti pengantaraan,

Rajah 1.37

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Keberuntungan dan Aktiviti Berkaitan Pelaburan




Nota: Lajur mewakili aktiviti berkaitan pelaburan bagi insurans hayat sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.38

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Keberuntungan dan Aktiviti Berkaitan Pelaburan




Nota: Lajur mewakili aktiviti berkaitan pelaburan bagi insurans am sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

berkurang kepada RM185 bilion (2015: RM205 bilion) selaras dengan pergerakan portfolio keseluruhan pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, mudah tunai sistem perbankan yang merangkumi penempatan deposit, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank kekal lebih daripada mencukupi pada RM167.4 bilion (2015: RM170.9 bilion) dan boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Sejumlah besar mudah tunai pendanaan masih berasaskan deposit, justeru mengehadkan dedahan institusi perbankan kepada pasaran pendanaan borong. Deposit mencakupi 69.4% (2015: 71%) daripada jumlah ekuiti dan semua liabiliti bank, dan kebanyakannya dalam ringgit. Profil pendeposit juga secara amnya tidak

Rajah 1.39

Sistem Perbankan: Komposisi Deposit Mengikut Penyimpan



Sumber: Bank Negara Malaysia

berubah (Rajah 1.39) bagi tahun itu. Deposit oleh individu pemastautin meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 5.1% (2015: +5.3%), manakala deposit oleh perniagaan pemastautin menguncup 2.3% (2015: +0.9%) dalam keadaan perolehan korporat yang lebih lemah. Deposit oleh bukan pemastautin hanya mencakupi 4.3% (2015: 4.1%) daripada jumlah deposit. Deposit dalam denominasi mata wang asing mencakupi bahagian lebih rendah sebanyak 7.8% (2015: 8.4%) daripada jumlah deposit. Pendanaan antara bank terus rendah dan kekal di bawah 6% daripada jumlah pendanaan bank.


Nisbah pinjaman kepada dana mencerminkan dengan lebih tepat struktur pendanaan yang lebih pelbagai dan asas pendanaan institusi perbankan yang lebih meluas

SRR yang dikurangkan pada bulan Februari telah membantu memperbaiki pengagihan mudah tunai dalam sistem perbankan. Sejak itu, persaingan untuk deposit, khususnya deposit institusi telah reda. Pada tahun itu, bank terus mengeluarkan instrumen jangka sederhana (dalam ringgit dan mata wang asing) yang lebih sepadan dengan profil kematangan aset. Langkah ini juga didorong sebahagiannya oleh jangkaan bagi keperluan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) di bawah rangka kerja mudah tunai Basel III (dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2). Pada tahun 2016, instrumen ekuiti dan hutang bank berkembang 3.9%, hampir sejajar dengan kadar peningkatan aset bank. Instrumen tersebut mencakup 12.6% daripada jumlah pendanaan bank dan seterusnya mengurangkan lagi ketidakpadanan kematangan dan mata wang dalam struktur pendanaan bank. Nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF)[2], yang mencerminkan asas pendanaan bank yang lebih baik dan meluas, ialah 84.3% (2015: 83%) pada akhir tahun 2016, atau 75.3% (2015: 74.6%) sekiranya turut mengambil kira ekuiti (rujuk rencana 'Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank'). Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan di bawah Basel III ialah 124.8% pada akhir tahun 2016, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan sebanyak 70%. Kira-kira 80% daripada bank telah mencatat tahap LCR yang melebihi 100% (Rajah 1.40).

[2] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk diterbitkan, kertas komersil dan nota berstruktur).

Rajah 1.40

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III




Sumber: Bank Negara Malaysia

Kos pendanaan keseluruhan menurun, berikutan pengurangan SRR, persaingan untuk deposit yang reda dan penurunan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai 2016. Kadar antara bank menjadi lebih rendah berikutan perkembangan ini (Rajah 1.41). Kadar deposit tetap jangka pendek yang disebut untuk pendeposit korporat besar terpilih juga susut antara 35 mata asas hingga 75 mata asas, iaitu ke tahap yang terakhir dilihat pada tahun 2014, ketika pertumbuhan jumlah deposit lebih kukuh pada paras kira-kira 8%.

Keadaan mudah tunai dolar AS tempatan adalah lebih ketat terutamanya selepas pilihan raya presiden AS. Aliran keluar portfolio yang ketara pada dua bulan terakhir 2016 memberikan tekanan terhadap mudah tunai pendanaan dolar AS berjangka pendek (Rajah 1.42). Spread mudah tunai dolar AS tempatan jangka pendek, seperti yang ditunjukkan oleh spread kadar hasil tersirat dolar AS yang melebihi Kadar Tawaran Antara Bank London

Rajah 1.41


Pasaran Kewangan: Kadar Antara Bank bagi Ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.42

Pasaran Kewangan: Spread Kadar Hasil Tersirat Dolar AS Melebihi Libor dan Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang (CCBS) USD/RM 5 tahun




Sumber: Bank Negara Malaysia

(London Interbank Offered Rate, LIBOR), meningkat kepada 134 mata asas pada akhir tahun 2016 (2015: 68 mata asas). Spread mudah tunai dolar AS jangka panjang, seperti yang ditunjukkan oleh spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun, meningkat sedikit kepada 93 mata asas pada pertengahan bulan Disember sebelum menurun kepada 68 mata asas (2015: 75 mata asas) pada akhir tahun. Keadaan mudah tunai dolar AS tempatan jangka pendek yang lebih ketat tidak menjejaskan bank dengan ketara. Sesetengah bank menggunakan strategi pengurusan tunai mata wang asing secara aktif untuk memanfaatkan perbezaan kadar jangka pendek, dalam keadaan ketidaktentuan pasaran yang meningkat pada suku terakhir tahun 2016. Sistem perbankan merupakan peminjam mata wang asing bersih dalam pasaran antara bank (RM9.2 bilion atau 2.6% daripada liabiliti mata wang asing). Keadaan ini sebahagian besarnya mencerminkan penempatan antara bank oleh entiti induk bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks, LIFB) sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan mudah tunai untuk seluruh kumpulan. Sebaliknya, kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) yang lebih besar secara amnya kekal sebagai pemberi pinjaman bersih dalam mata wang asing dalam pasaran antara bank. Sumber utama pendanaan mata wang asing adalah daripada deposit pelanggan dan pinjaman mata wang asing jangka panjang, yang mencakupi 49.8% daripada jumlah liabiliti mata wang asing. Pendanaan ini melebihi tahap untuk membiayai pinjaman dalam mata wang asing jangka panjang bank. Nisbah LTF mata wang asing, walaupun dalam trend menaik, masih rendah pada 52.5% (Rajah 1.43).

Rajah 1.43

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman kepada Dana Mengikut Mata Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUS RISIKO PENULARAN DARIPADA DEDAHAN LUARAN DAN OPERASI LUAR NEGERI

Risiko rakan niaga daripada dedahan luaran institusi kewangan

Perubahan kepada kedudukan kewangan luaran bank di Malaysia (termasuk entiti di LIBFC) adalah sejajar dengan perkembangan ekonomi serantau pada tahun 2016. Aset luaran menurun 3.4% kepada RM248.2 bilion manakala liabiliti luaran meningkat 7.1% kepada RM423.8 bilion (2015: masing-masing +11.3% dan +9.4%) (Rajah 1.44). Aset dan liabiliti luaran bank di Malaysia masing-masing mencakupi 10.2% dan 17.3% daripada kedudukan kewangan bank pada tahun 2016 (2015: masing-masing 10.9% dan 16.8% daripada jumlah aset dan pendanaan sistem perbankan). Penguncupan aset luaran mencerminkan terutamanya penurunan penempatan dalam kumpulan oleh bank. Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh pelarasan yang berterusan terhadap had yang dikenakan ke atas dedahan kepada rakan niaga perbankan yang berkaitan. Di bawah piawaian domestik, dedahan tunggal kepada rakan niaga tertakluk pada had maksimum 50% daripada jumlah modal bank bermula 1 Januari 2017.


Liabiliti luaran bersih bank di Malaysia meningkat kepada RM175.6 bilion (2015: RM138.9 bilion). Sebahagian besar liabiliti luaran ini terdiri daripada dana modal LIFB di Malaysia dan sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan yang menggambarkan risiko kredit dan mudah tunai yang terhad kepada LIFB (Rajah 1.45). Komponen lain termasuklah deposit oleh bukan pemastautin dan pendanaan antara bank. Sehingga kini, tiada bukti jelas yang menunjukkan pengeluaran dalam skala besar bagi dana sedemikian walaupun dalam tempoh aliran keluar portfolio yang besar. Sebaliknya, DBG mengekalkan kedudukan aset luaran bersih sebanyak RM4.1 bilion (2015: RM10.5 bilion) (Rajah 1.46). Seperti kedudukan LIFB, sebahagian besar dedahan luaran DBG, terdiri daripada dana modal dalam subsidiari dan cawangan di luar negeri, serta penempatan lebihan mudah tunai dalam kumpulan sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan mudah tunai berpusat.

Liabiliti luaran jangka pendek bagi bank terus didorong oleh operasi pengurusan mudah tunai berpusat dan kehadiran LIFB yang kukuh

Struktur dan aktiviti utama berkaitan dengan dedahan luaran bank di Malaysia secara amnya tidak berubah. Mudah tunai terus diuruskan secara berpusat di ibu pejabat untuk mengoptimumkan kelebihan pendanaan secara relatif merentas operasi kumpulan. Pada tahap institusi, bank dikehendaki menguruskan kedudukan jurang mudah tunai menurut peraturan tempatan, termasuk mengambil langkah berhemat untuk mendapatkan sumber mudah tunai alternatif secukupnya untuk mengurangkan pergantungan yang berlebihan pada pendanaan dalam kumpulan.

Rajah 1.44

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC
Liabiliti luaran = Hutang luar negeri (antara bank + deposit & nostro + pinjaman + sekuriti hutang) + dana modal + sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan + lain-lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.45

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran LIFB




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.46

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran DBG



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC


Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara geografi, sebahagian besar daripada dedahan luaran bank adalah dengan rakan niaga yang berpusat di Asia, terutamanya di Singapura dan Hong Kong SAR, dan kebanyakannya dalam denominasi dolar AS (Rajah 1.47 dan Rajah 1.48).

Meskipun bank domestik mempunyai kehadiran yang meluas di rantau ini, kemungkinan kesan limpahan daripada gabungan kejutan kredit dan pendanaan luaran terhadap sistem perbankan Malaysia masih rendah. Analisis penularan rangkaian yang dijalankan oleh Bank terhadap dedahan merentas sempadan bank di Malaysia kepada rakan niaga perbankan utama menunjukkan bahawa kesan penularan yang disimulasikan daripada andaian senario kesukaran di Singapura, yang merupakan dedahan terbesar bagi bank Malaysia, tidak akan mengakibatkan kesukaran seluruh sistem pada sektor perbankan dalam sampel

Rajah 1.47

Sistem Perbankan: Komposisi Liabiliti Luaran Mengikut Lokasi




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.48

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Luaran Mengikut Lokasi




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 1.1

Sistem Perbankan: Kesan Andaian Senario Kesukaran Secara Serentak yang Berpunca daripada Pusat Kewangan Antarabangsa



Nota: Setiap nod mewakili sistem perbankan sebuah negara dalam sampel analisis (13 secara keseluruhan, termasuk Malaysia). Saiz nod mewakili ukuran relatif bagi kerugian modal kumulatif yang berpunca daripada simulasi kejutan kredit dan pendanaan pada semua pusingan penularan. Lebar garisan mewakili tahap relatif kesalinghubungan antara dua sistem perbankan, diukur berasaskan dedahan bersih merentas sempadan. Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana 'Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia' dalam Laporan 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia


analisis. Walau bagaimanapun, senario andaian kesukaran secara serentak yang berpunca daripada dua pusat kewangan antarabangsa utama di rantau ini lebih berkemungkinan menyebabkan kesan limpahan yang lebih meluas, di samping mewujudkan laluan penularan yang baharu (Gambar Rajah 1.1). Secara tidak langsung, keadaan ini akan menjejaskan sistem perbankan Malaysia jika sistem perbankan utama yang lain terjejas dengan ketara. Simulasi ini menggunakan data pada peringkat agregat yang mengandaikan setiap sistem perbankan sebagai rakan niaga asing tunggal, dan dengan itu mengandaikan kemungkiran dedahan merentas sempadan yang menyeluruh oleh semua bank individu dalam sesebuah negara. Walaupun kemungkinan bagi peristiwa melampau sedemikian berlaku secara serentak dan seragam adalah rendah, andaian yang ketat ini digunakan untuk menganggarkan kemungkinan kesan penularan maksimum yang berpunca daripada berbilang kemungkiran kredit dan kejutan pendanaan yang berlaku secara serentak. Andaian ini turut mengabaikan kesan daripada pemindahan risiko kredit, langkah pengurangan kerugian oleh bank, atau campur tangan dasar oleh pihak berkuasa. Andaian ini juga membolehkan penilaian dibuat terhadap penularan luaran secara langsung dan kesan penularan yang berganda terhadap seluruh sistem perbankan, akibat limpahan tidak langsung yang disebabkan oleh eksternaliti rangkaian.

Dalam sektor insurans, tuntutan luaran kebanyakannya adalah dalam bentuk dedahan insurans semula am. Pada akhir tahun 2016, penanggung insurans am telah menginsurans semula 15.4% daripada jumlah perniagaan yang diunderait kepada penanggung insurans semula luar negeri (Rajah 1.49), kebanyakannya penanggung insurans semula di AS dan Eropah dengan ibu pejabat di Jerman, Switzerland

dan UK (Rajah 1.50). Ini mencakupi 22.6% daripada jumlah modal tersedia. Risiko rakan niaga insurans semula kekal stabil dan rendah, dengan penanggung insurans semula global utama mengekalkan penarafan yang tinggi dan kedudukan kewangan yang kukuh. Keupayaan penanggung insurans semula global untuk mengunderait risiko baharu juga secara amnya dijangka kekal utuh pada masa hadapan, dengan sokongan tambahan daripada penambahbaikan prestasi keseluruhan. Ini seterusnya meningkatkan jumlah modal penanggung insurans semula global, dianggarkan berjumlah USD595 bilion (2015: USD565 bilion) pada akhir bulan September 2016[3]. Selain dedahan insurans semula, aset luaran penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia masih kecil iaitu kurang 5% daripada jumlah aset industri atau 13.5% daripada jumlah modal industri. Penanggung insurans secara amnya kekal berhati-hati dalam mengembangkan pelaburan mereka di luar negeri. Mereka mengawal dedahan itu menerusi had pelaburan dalaman yang secara relatifnya rendah dan memberikan tumpuan pada pasaran ekuiti yang lebih aktif di Asia (Rajah 1.51).

Rajah 1.49

Sektor Insurans dan Takaful: Nisbah Insurans Semula Tersid



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.50

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Insurans Semula Asing Mengikut Negara Utama




Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Seperti yang dianggarkan dalam laporan Reinsurance Market Outlook oleh Aon Benfield.

Rajah 1.51

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau




Sumber: Bank Negara Malaysia

Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri

Operasi DBG di luar negeri secara amnya terus mengekalkan keberuntungan dan kedudukan kewangan yang kukuh. Meskipun perolehan yang lebih lemah sejajar dengan pertumbuhan serantau yang lebih perlahan, operasi luar negeri menyumbang antara 4.3% hingga 25% (S3 2015: antara 10% hingga 25%) daripada jumlah keuntungan kumpulan bagi setiap DBG. Paras permodalan kekal tinggi pada akhir bulan September 2016, dalam julat 10.9% hingga 19.3% (S3 2015: julat 9.2% hingga 19.8%). Kedudukan ini disokong oleh pengaturan pengawasan dan pengurusan risiko seluruh kumpulan yang bertambah kukuh, termasuk ujian tekanan yang lebih menyeluruh. Semua ini berperanan penting dalam mengehadkan penyebaran risiko kepada sistem perbankan Malaysia. Operasi DBG di luar negeri terus tertumpu sebahagian besarnya pada aktiviti pemberian pinjaman secara tradisional yang dibiayai sejumlah besarnya oleh deposit mata wang tempatan (Rajah 1.52). Hal ini mengurangkan risiko berkaitan dengan pendanaan merentas sempadan dan ketidakpadanan mata wang. Penampan mudah

Rajah 1.52

Sistem Perbankan: Struktur Pendanaan Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: Data pada akhir S3 2016


Sumber: Bank Negara Malaysia

tunai kekal mencukupi, dengan nisbah perlindungan mudah tunai subsidiari utama DBG yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum negara berkenaan dengan selesa.

Pada tahun 2016, DBG terus mengembangkan operasinya di luar negeri dan mengukuhkan kehadiran serantau. Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri (aset luar negeri) meningkat pada kadar tahunan 7.2% kepada RM559.3 bilion pada akhir suku ketiga 2016. Peningkatan ini mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah aset DBG (24.3%; S3 2015: 23.5%). Pada peringkat institusi, bahagian aset di luar negeri adalah dalam julat 0.1%

Rajah 1.53

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih




Nota: Data pada akhir S3 2016

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.54

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Runcit Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: Data pada akhir S3 2016


Sumber: Bank Negara Malaysia

hingga 37.8% daripada jumlah aset bagi setiap DBG. Walaupun pertumbuhan pinjaman menguncup 2.2% dalam tempoh itu, pinjaman yang sebahagian besarnya dikeluarkan kepada segmen runcit dan PKS terus mencakupi sebahagian besar (60.4%) daripada jumlah aset luar negeri. Lebih separuh daripada pinjaman runcit merupakan pinjaman bercagar (untuk pembelian rumah dan kereta) (Rajah 1.53 dan Rajah 1.54). Dedahan ini sebahagian besarnya kekal tertumpu di Singapura (47%) dan Indonesia (23%), negara yang mempunyai kehadiran penting bagi beberapa DBG (Rajah 1.55).

Kualiti keseluruhan aset luar negeri secara amnya kekal utuh walaupun wujud tekanan terhadap beberapa sektor tertentu sepanjang tahun. Seperti yang dijangkakan,

Rajah 1.55

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Operasi Luar Negeri DBG




Nota: Data pada akhir S3 2016

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.56

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

peningkatan paras jejas nilai dicatat daripada dedahan kepada peminjam dan syarikat tertentu di Indonesia dan Singapura, yang lebih terjejas oleh penurunan harga minyak dan keadaan ekonomi yang lebih perlahan. Oleh itu, median nisbah pinjaman terjejas meningkat kepada 3.2% (S3 2015: 2.2%), dengan taburan merentas entiti secara individu yang lebih meluas (julat 0.1% hingga 9.2%; S3 2015: julat 0.1% hingga 5%) (Rajah 1.56). Secara agregat, dedahan operasi luar negeri kepada sektor berkaitan O&G (termasuk perkapalan) kekal kecil sebanyak 0.8% daripada jumlah aset luar negeri.

DBG telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurus kualiti kedudukan kewangan luar negeri, termasuk: (i) menstruktur semula pinjaman secara awalan bagi peminjam yang menghadapi masalah kewangan bersifat sementara; (ii) meningkatkan peruntukan bagi dedahan kepada perniagaan yang lebih terjejas; (iii) memperkukuh piawaian pengunderaitan; (iv) mempertingkat pemantauan risiko kredit yang lebih tinggi; dan (v) mengemas kini ujian tekanan secara berkala untuk mengurus prestasi modal dan perolehan secara proaktif. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Bank terus kerap berbincang dan berinteraksi dengan pengawal selia negara tuan rumah melalui forum penyeliaan sedia ada dan mesyuarat dua hala. Platform yang telah lama wujud ini membolehkan perbincangan mendalam mengenai isu-isu penyeliaan antara Bank dengan pengawal selia negara tuan rumah. Platform ini juga memudahkan penyelarasan tindak balas penyeliaan terhadap isu-isu yang baru muncul. Di bawah rangka kerja penyeliaan bersepadu, Bank menjalankan pemeriksaan di premis entiti yang mempunyai operasi luar negeri yang penting sekurang-kurangnya setiap tahun. Ini disokong oleh laporan maklumat mengenai prestasi kewangan dan perkembangan dalam profil risiko operasi luar negeri DBG secara berkala kepada Bank. Pada peringkat serantau, rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis merentas sempadan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) terus menyokong pengenalpastian risiko penularan yang berpunca daripada institusi kewangan bermasalah yang mempunyai operasi yang besar di rantau ini, dan mentakrifkan protokol untuk menyelaraskan tindak balas antara bank pusat dengan pihak berkuasa penyeliaan serantau untuk membendung risiko tersebut.


KESALINGHUBUNGAN INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK DENGAN SISTEM KEWANGAN

Prospek pemindahan risiko dan kejutan daripada IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank kepada sistem kewangan kekal terhad. Walaupun IKBB sebagai satu kumpulan terus berkembang dari segi saiz (+6.3% dalam jumlah aset), profil risiko dan sifat kesalinghubungan dengan sistem kewangan domestik secara amnya masih tidak berubah. Saluran utama pemindahan risiko daripada IKBB kepada sistem kewangan masih melalui pelaburan dalam kelas aset yang sama dan pegangan ekuiti dalam institusi kewangan Malaysia (Rajah 1.57).

Pada akhir tahun 2016, agregat aset IKBB mencakupi kira-kira 39.4% (2015: 38.8%) daripada jumlah aset sistem kewangan (Rajah 1.58). Kumpulan wang simpanan dan pencen serta industri pengurusan dana mewakili majoriti (83%) daripada jumlah aset IKBB. Tujuh IKBB terbesar membentuk 68% daripada aset IKBB. Kebanyakan aktiviti pengantaraan kewangan IKBB adalah dalam bentuk pembiayaan dan pelaburan dalam instrumen hutang dan ekuiti yang lazim (Rajah 1.59). Pengantaraan kewangan IKBB mencakupi bahagian KDNK yang lebih rendah sebanyak 98.6% (2015: 101.9%), mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam dana pelaburan (2016: +4.3%; 2015: +6.0%) dan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah. Bagi kebanyakan IKBB yang lebih besar, bahagian pelaburan dalam ekuiti secara amnya kekal stabil, mencakupi antara 29% hingga 72% daripada jumlah aset masing-masing. Bahagian pelaburan dalam sekuriti hutang juga kekal stabil, mencakupi antara

Rajah 1.57

Kesalinghubungan IKBB dengan Sistem Kewangan




a Awalan
* Tidak termasuk pinjaman yang diberikan oleh IKBB yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman.

Rajah 1.58

Saiz dan Komposisi Aset Sistem Kewangan




a Awalan
Nombor dalam kurungan merujuk peratus aset kepada aset sistem kewangan
^ Merujuk pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia pembiayaan sewa beli bukan bank, syarikat pemegang amanah milik kerajaan, dan pertubuhan keselamatan sosial
* Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang dikawal selia oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 - Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Development Bank Malaysia, Export-import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (sebuah koperasi), Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
** Merujuk sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji kebangsaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

Rajah 1.59

Pengantaraan Kewangan Domestik oleh IKBB



Nota: Pengantaraan kewangan terdiri daripada (i) pelaburan dalam ekuiti; (ii) pembiayaan; (iii) pelaburan dalam sekuriti hutang; (iv) pensekuritian; dan (v) jaminan atau penambahbaikan kredit. Pengantaraan kredit terdiri daripada (ii) - (v).

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman


4% hingga 41% daripada jumlah aset. Entiti-entiti ini terus memainkan peranan penting menyokong mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik, termasuk apabila berlakunya tekanan jualan yang meningkat oleh pelabur bukan pemastautin. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, IKBB secara beransur-ansur telah menambah pelaburannya dalam harta tanah, infrastruktur dan ekuiti swasta untuk meningkatkan hasil dan mempelbagaikan risiko pelaburan. Walau bagaimanapun, pelaburan tersebut secara relatif masih kecil, iaitu kurang 10% daripada jumlah aset IKBB individu, walaupun trend ini dijangka meningkat berikutan pengumuman oleh beberapa IKBB besar yang merancang untuk menambah pelaburan dalam kelas aset tersebut untuk tempoh beberapa tahun akan datang. Bahagian aset luar negeri juga secara amnya telah tidak berubah, mencakupi antara 7.3% hingga 28.4% daripada jumlah aset IKBB individu.

IKBB boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan melalui kesan kepada harga kelas aset yang sama dipegang oleh institusi kewangan lain. Keadaan ini boleh berlaku akibat pelupusan pelaburan secara besar-besaran oleh IKBB yang mengalami tekanan kewangan. Risiko juga boleh dipindahkan kepada institusi kewangan melalui hubungan reputasi atau kewangan ekoran pegangan kepentingan ekuiti yang besar dalam institusi tersebut oleh IKBB. Pada masa ini, risiko sedemikian dinilai masih dalam keadaan yang amat terkawal. Keberuntungan keseluruhan IKBB kekal dalam keadaan persekitaran pelaburan luar negeri dan domestik yang mencabar. Pulangan atas aset bagi IKBB yang lebih besar mencakupi antara 3.9% hingga 6.1% (2015: antara 3.3% hingga 6.3%). Memandangkan liabiliti IKBB kebanyakannya dalam denominasi ringgit, susut nilai ringgit pada tahun 2016 memberikan kesan bersih positif ke atas IKBB yang lebih besar melalui keuntungan daripada penilaian aset luar negeri. Kemungkinan berlakunya tekanan kewangan yang berpunca daripada aktiviti transformasi tempoh matang yang dijalankan oleh IKBB juga kekal rendah. Baki tempoh matang purata bon korporat yang diterbitkan oleh IKBB ialah 9.9 tahun, hampir sepadan dengan tempoh pembiayaan purata yang diberikan (biasanya kurang 10 tahun). Pendanaan pasaran jangka pendek menggunakan kertas komersial berjumlah 2.4% daripada jumlah sekuriti hutang yang diterbitkan IKBB. Keadaan ini mengehadkan apa-apa kemungkinan berlakunya risiko pelanjutan dan pendanaan. Walau bagaimanapun, beberapa IKBB terdedah kepada risiko mudah tunai yang lebih tinggi disebabkan jumlah deposit yang besar yang digunakan untuk membiaya aset jangka panjang. IKBB ini terus mengambil langkah untuk mengukuhkan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko secara beransur-ansur, seterusnya meningkatkan daya tahan IKBB ini terhadap kejutan mudah tunai. Secara agregat, IKBB mengekalkan paras aset mudah tunai (terdiri daripada tunai, penempatan deposit, dan sekuriti kerajaan) yang stabil, yang berjumlah antara 17% hingga 32% daripada jumlah aset (2015: antara 20% hingga 31%).

Agregat ekuiti yang dipegang oleh IKBB yang lebih besar dalam DBG kekal pada paras yang sama sebanyak 35% (2015: 35.1%) daripada jumlah permodalan pasaran DBG. Pendedahan risiko kredit langsung sistem kewangan kepada IKBB secara amnya juga kekal stabil. Pemberian pinjaman oleh bank kepada IKBB mencakupi 13.8% (2015: 13.7%) daripada jumlah modal sistem perbankan. Sementara itu, pemegangan sekuriti IKBB oleh bank dan penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) adalah lebih tinggi sedikit pada 9.3% (2015: 8.8%) daripada jumlah modal. Pendedahan sistem perbankan kepada IKBB dalam bentuk swap kadar faedah dan mata wang asing kekal terhad pada kira-kira 5% daripada jumlah modal bank.

Rajah 1.60


Sistem Perbankan: Nisbah Jumlah Modal Pascakejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.61

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Pascakejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

UJIAN TEKANAN KESOLVENAN BERBILANG TAHUN BAGI BANK DAN PENANGGUNG INSURANS

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menyerap kejutan di bawah senario ujian tekanan yang teruk

Institusi kewangan menunjukkan daya tahan yang berterusan terhadap kekangan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Berdasarkan ujian tekanan terkini yang dijalankan oleh Bank, nisbah jumlah modal agregat pascakejutan bagi sistem perbankan dianggarkan melebihi 11% di bawah senario buruk pertama (SB1), dan melebihi 10% di bawah senario buruk kedua (SB2) (Rajah 1.60).

Lebih 95% daripada kerugian berpunca daripada kejadian kredit yang sebahagian besarnya didorong oleh portfolio pinjaman isi rumah. Simulasi kemungkiran peminjam korporat tertentu dengan dedahan yang besar kepada sistem perbankan masing-masing merangkumi 6% dan 11% daripada jumlah kerugian kredit dalam SB1 dan SB2. Kerugian bersih kumulatif sepanjang empat tahun tempoh ujian tekanan masing-masing berjumlah 51% dan 85% daripada lebihan modal di bawah SB1 dan SB2.

Nisbah pinjaman terjejas kasar bagi sistem perbankan dianggarkan meningkat kepada 9% di bawah SB1 dan 15% di bawah SB2 (Rajah 1.61). Walaupun berdepan tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk, bank masih berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kerugian yang dianggarkan, dengan menggunakan penampan modal yang sedia ada tanpa modal tambahan.

Keputusan ujian untuk industri insurans adalah serupa. Agregat nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) bagi penanggung insurans hayat dan am dianggarkan kekal melebihi tahap minimum pengawalseliaan sepanjang tempoh ujian tekanan di bawah kedua-dua senario. Oleh sebab penanggung insurans hayat memegang kebanyakan aset dalam portfolio dagangan, institusi tersebut paling terjejas oleh simulasi peristiwa risiko pasaran yang melibatkan penurunan harga aset yang ketara, terutamanya di bawah SB1. Di bawah senario ini, CAR bagi penanggung insurans hayat dianggarkan merosot daripada 243% kepada 190%. Simulasi pemulihan ekonomi yang cepat pada tahun-tahun berikutnya akan menyebabkan CAR pulih kepada 248% menjelang akhir tahun 2020. Permodalan agregat penanggung insurans am dianggarkan mampan pada paras melebihi 200% di bawah kedua-dua senario buruk, dengan impak utama berpunca daripada kejutan berkaitan tuntutan insurans motor yang tinggi.

Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan Bagi Bank dan Penanggung Insurans

Ujian tekanan berbilang tahun berasaskan kesolvenan menggunakan satu siri peristiwa risiko yang jarang berlaku (risiko hujung atau 'tail risk') berdasarkan tiga landasan pertumbuhan KDNK domestik hipotetikal (satu senario dasar dan dua senario buruk) sepanjang tempoh empat tahun dari tahun 2017 hingga 2020. Kejutan serentak terhadap risiko hasil, kredit dan pasaran dikenakan pada pendapatan dan perbelanjaan operasi, pertumbuhan kunci kira-kira dan paras modal institusi kewangan. Ujian tekanan ini tidak mengambil kira apa-apa tindak balas pengimbangan kerugian oleh institusi kewangan atau dasar oleh pihak berkuasa tempatan. Senario buruk pula direka khusus untuk tujuan ujian tekanan, dan berkemungkinan rendah untuk berlaku, berdasarkan analisis fakta balas.

Jadual 1.5

Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama yang Digunakan untuk Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	Senario Buruk 1 (SB1)	Senario Buruk 2 (SB2)
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan		
• Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)	• Sehingga 33%	• Sehingga 25%
• Penurunan kumulatif pertumbuhan aset (untuk tempoh 4 tahun)	• 9%	• 20%
• Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans	• Sehingga 67%	• Sehingga 31%
Kejutan risiko kredit		
• Kejutan kebarangkalian mungkir (Probability of default, PD)		
◦ Pinjaman perniagaan	◦ 6% hingga 12%	◦ 6% hingga 14%
◦ Pinjaman isi rumah	◦ 1% hingga 17%	◦ 2% hingga 25%
• Kejutan kerugian akibat mungkir (Loss given default, LGD)		
◦ Pinjaman perniagaan	◦ 43% hingga 55%	◦ 42% hingga 59%
◦ Pinjaman isi rumah	◦ 23% hingga 100%	◦ 22% hingga 100%
• Kemungkiran syarikat terpilih dengan dedahan besar kepada sistem perbankan	• Syarikat di bawah senarai amatan (watch list) dan lebih mudah terjejas oleh keadaan makroekonomi dan kewangan yang tertekan	
Kejutan risiko pasaran		
• Peningkatan tahunan kadar hasil MGS	• Sehingga 51 mata asas	• Sehingga 80 mata asas
• Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat	• Sehingga 26 mata asas	• Sehingga 40 mata asas
• Penurunan tahunan FBM KLCI	• Sehingga 51%	• Sehingga 30%
• Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	• Sehingga 17% - 30%	• Sehingga 9% - 15%
Kejutan risiko pendanaan luar		
• Kebalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin	• Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank	• Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko insurans am		
• Peningkatan dalam nisbah tuntutan	• Sehingga 28%	• Sehingga 15%
• Peningkatan dalam liabiliti premium (kelas motor)	• Sehingga 1.5 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara	• Sehingga 1 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara

Senario buruk pertama (SB1) melibatkan kemelesetan ekonomi berbentuk V pada tahun 2017, diikuti oleh pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi sebelum kembali ke tahap pertumbuhan potensi jangka panjang. Magnitud kemelesetan diperoleh berdasarkan 2.5 sisihan piawaian kadar pertumbuhan jangka panjang daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan kelembapan ketara yang berlaku serentak di AS, RR China, EU, dan EME berikutan pelarasan dasar monetari kepada paras yang wajar di AS yang tidak teratur, pelarasan pasaran ekuiti yang mendadak di RR China, ketidaktentuan politik di EU, dan tekanan geopolitik yang meningkat dalam beberapa EME. Pemulihan ekonomi global diandaikan bermula dari tahun 2018, disokong oleh rangsangan monetari dan fiskal di AS dan RR China.

Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi landasan pertumbuhan ekonomi berbentuk L dengan penurunan yang sederhana pada awalnya. Ini diikuti oleh pemulihan ekonomi yang lemah dan berpanjangan, yang diwakili sisihan negatif kumulatif sebanyak enam sisihan piawaian bagi kadar pertumbuhan jangka panjang berbanding dengan senario dasar. Keadaan ini dicetuskan oleh: (i) dasar terhad oleh pentadbiran baharu AS; (ii) kelemahan berpanjangan di RR China selepas pembetulan dalam ketidakseimbangan dalam negeri dan tindak balas dasar yang tidak berkesan; dan (iii) pertikaian politik di EU. Kelemahan domestik yang merangkumi leveraj isi rumah yang tinggi dan kedudukan fiskal yang ketat, terus mengehadkan keupayaan ekonomi dalam negeri untuk menyerap kejutan luaran dan kewangan, justeru menyumbang kepada kelemahan ekonomi yang berlanjutan.

Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah

Oleh Siti Hanifah Borhan Nordin, Lim Sheng Ling dan Muhammad Khairul Muizz Abd Aziz

Ukuran lazim keberhutangan isi rumah yang sering digunakan untuk menunjukkan risiko hutang berlebihan yang melepasi nilai ambang tertentu ialah nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar. Walau bagaimanapun, nisbah ini tidak menggambarkan pemahaman yang menyeluruh mengenai kualiti hutang kerana kekurangan beberapa maklumat utama. Berdasarkan nisbah ini, kesimpulan tidak boleh dibuat secara langsung tentang keupayaan isi rumah membayar balik hutang kerana ia tidak mengambil kira simpanan dan kekayaan yang dimiliki peminjam. Nisbah ini juga tidak memberikan apa-apa maklumat tentang taburan hutang atau kelemahan kedudukan kewangan peminjam mengikut segmen pendapatan. Oleh itu, penggunaan nisbah ini tidak memadai untuk tujuan analisis dan perumusan dasar. Tambahan lagi, analisis menggunakan nisbah ini boleh menghasilkan kesimpulan yang salah. Oleh itu, penunjuk lain seperti nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR)[1] dan margin kewangan perlu digunakan untuk penilaian yang lebih terperinci tentang potensi kelemahan isi rumah dan implikasinya terhadap kestabilan kewangan.

Sejak beberapa tahun lalu, Bank telah menerbitkan analisis yang lebih terperinci dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran tentang taburan hutang isi rumah dan keupayaan membayar balik. Rencana ini membuat penilaian susulan dengan menggunakan penunjuk DSR dan margin kewangan yang diperoleh berdasarkan data daripada Pangkalan Data Keberhutangan Pendapatan Bersepadu (Integrated Income Indebtedness Database, IIID). IIID yang dibangunkan oleh Bank baru-baru ini memadankan pinjaman oleh individu dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, (Central Credit Reference Information System, CCRIS) dengan pendapatan mereka yang dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Analisis ini meliputi hampir dua juta rekod individu, yang mewakili kira-kira 5% penduduk[2] dan 10% tenaga kerja di Malaysia, serta hutang berjumlah kira-kira RM200 bilion atau 20% daripada jumlah hutang isi rumah.

Analisis ini menambah baik lagi penilaian peringkat makro yang dibuat sebelum ini melalui tiga cara. Pertama, ia memberikan penilaian yang lebih terperinci tentang trend dan korelasi di dalam dan merentas kumpulan peminjam menggunakan data peringkat mikro yang luas. Kedua, ia mengaplikasikan konsep margin kewangan untuk mengukur dengan lebih tepat keupayaan peminjam individu membayar balik hutang pada nilai ambang pendapatan yang berbeza-beza. Ketiga, ia membolehkan korelasi antara paras DSR dengan tekanan kewangan isi rumah dikenal pasti dengan mudah. Dengan pemahaman ini, penilaian dapat dibuat dengan lebih tepat tentang kemungkinan kerugian kredit kepada pemberi pinjaman berikutan dedahan kepada sektor isi rumah. Kesimpulan utama analisis ini, yang dibentangkan di bawah, secara keseluruhannya adalah sejajar dengan penilaian Bank sebelum ini tentang kelemahan kewangan isi rumah.

Taburan Hutang Isi Rumah

Analisis ini tertumpu pada peminjaman yang dibuat oleh individu. Pada akhir tahun 2015, individu dalam kumpulan pendapatan 20 tertinggi[3] mencakupi bahagian terbesar hutang isi rumah (kira-kira 40%) (Rajah 1). Paras hutang purata peminjam dalam kumpulan ini adalah lebih dua kali berbanding dengan kumpulan peminjam yang lain (Rajah 2). Keupayaan membayar balik hutang kumpulan ini agak teguh seperti yang ditunjukkan oleh nisbah khidmat hutang yang lebih berhemat (Rajah 3). Berbanding dengan segmen pendapatan yang lain, sebahagian besar hutang ini adalah bercagar, dengan kira-kira 77% hutang ini adalah untuk pembelian harta tanah dan pelaburan yang prinsipalnya dijamin[4] dan seterusnya menyumbang kepada pengumpulan kekayaan individu (Rajah 4).

---

[1] Bańbuła et al (2015) dan Faruqui (2008).


[2] Sebagai perbandingan, *Household, Income and Labour Dynamics Survey* yang digunakan untuk kajian serupa di Australia mewakili kira-kira 0.1% populasi penduduk.

[3] Individu dikumpulkan berdasarkan pendapatan bulanan (Sumber: IIID).
Kumpulan pendapatan 20 terendah : Individu berpendapatan ≤ RM2,500 sebulan
Kumpulan pendapatan 20-40 : Individu berpendapatan RM2,501-RM3,500 sebulan
Kumpulan pendapatan 40-60 : Individu berpendapatan RM3,501-RM5,000 sebulan
Kumpulan pendapatan 60-80 : Individu berpendapatan RM5,001-RM8,000 sebulan
Kumpulan pendapatan 20 tertinggi : Individu berpendapatan ≥ RM8,000 sebulan

[4] Terutamanya terdiri daripada dana yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad.

Rajah 1


Pendapatan Isi Rumah dan Pengagihan Hutang Mengikut Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2


Hutang bagi Setiap Peminjam Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3


Nisbah Khidmat Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Hutang Mengikut Tujuan Pinjaman Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia


Selaras dengan data yang diterbitkan dalam Laporan terdahulu, peminjam dalam segmen pendapatan yang lebih mudah terjejas, iaitu individu dalam kumpulan pendapatan 40 terendah di dalam analisis ini, mencakupi hanya 11.4% daripada jumlah hutang. Peminjam dalam kumpulan ini lebih berkemungkinan mengalami kesukaran membayar hutang mereka sekiranya berlaku kejutan pembayaran, memandangkan penampan kewangan yang tidak mencukupi. Keadaan ini diimbangi sedikit sebanyak oleh jumlah hutang yang dibiayai di bawah skim kadar terapung atau boleh ubah yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan pendapatan lain (Rajah 5). Walau bagaimanapun, lebih separuh (53%) daripada peminjaman kumpulan ini masih sensitif terhadap perubahan kadar faedah yang boleh memberikan kesan yang tidak seimbang terhadap keupayaan membayar balik hutang, memandangkan tahap pendapatan mereka yang rendah.

Lebih kurang dua pertiga hutang isi rumah ditanggung oleh peminjam yang tinggal di pusat guna tenaga utama[5]. Kebanyakan peminjam ini berumur antara 30 hingga 40 tahun dalam kumpulan pendapatan 40-60. Seperti yang dijangka, sebahagian besar hutang ini digunakan untuk pembelian harta kediaman. Ini diikuti dengan hutang bagi pembelian kenderaan dan kegunaan peribadi, selaras dengan keperluan mobiliti yang lebih tinggi dan peningkatan perbelanjaan bagi mereka yang baru berkeluarga dan membuat pilihan gaya hidup di bandar.

[5] Selangor, Johor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Rajah 5

Hutang Mengikut Jenis Kadar Faedah Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia


Berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembiayaan yang bertanggungjawab oleh Bank pada tahun 2012, bahagian pembiayaan peminjam dalam kumpulan pendapatan 40-60 telah meningkat sedikit. Perubahan ini adalah ekoran langkah pemberi kredit memperketat piawaian pinjaman bagi kumpulan pendapatan terendah. Aspek ini juga telah menjadi tumpuan penyeliaan yang lebih giat oleh Bank sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan profil hutang peminjam dalam kumpulan ini, seperti dinyatakan di atas, institusi pemberi pinjaman perlu memberikan perhatian yang rapi bagi memastikan penilaian kemampuan membayar balik hutang yang mantap berterusan.

Penilaian Keupayaan Membayar Balik Hutang Menggunakan Ukuran Margin Kewangan dan Korelasinya dengan DSR[6]

Analisis peminjam individu yang mempunyai margin kewangan negatif dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam[7]. Margin kewangan peminjam ditakrifkan sebagai pendapatan setelah ditolak potongan wajib, pembayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas[8] (Gambar Rajah 1). Peminjam lebih berkemungkinan menghadapi masalah kewangan – terutamanya apabila berlaku kejutan pendapatan dan perbelanjaan yang tidak dijangka – jika mereka mempunyai margin kewangan negatif. Oleh itu, peminjam dalam kumpulan ini perlu diberikan lebih perhatian. Metrik hutang berisiko (debt-at-risk, DAR) digunakan untuk mengukur

Gambar Rajah 1

Mengukur Risiko Kredit Menggunakan Pendekatan Margin Kewangan



i peminjam individu

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia


6 Nisbah jumlah obligasi bulanan pembayaran balik hutang bank dan bukan bank kepada pendapatan bulanan (ditolak potongan wajib).
7 Bilston et al (2015) dan Albacete dan Fessler (2010).
8 Bagi kajian ini, keperluan asas ditakrifkan sebagai: (i) makanan dan minuman bukan alkohol; (ii) sewa dan penyelenggaraan perumahan; (iii) air, elektrik, gas dan bahan api lain; (iv) pengangkutan; (v) pendidikan; dan (vi) penjagaan kesihatan.

potensi sumber risiko ini yang ditakrifkan sebagai jumlah dedahan risiko kredit kepada peminjam dengan margin kewangan negatif, selepas mengambil kira nilai cagaran. Dalam analisis ini, potongan 40% dikenakan ke atas nilai cagaran bagi pinjaman perumahan, manakala bagi pinjaman lain, kerugian akibat mungkir diandaikan sebanyak 100%. Walau bagaimanapun, anggaran DAR dalam analisis ini berkemungkinan terlebih anggar. Ini adalah kerana metodologi yang digunakan untuk mengira margin kewangan peminjam tidak mengambil kira simpanan dan aset kewangan mudah tunai yang boleh diguna untuk melaraskan pendapatan dan perbelanjaan. Metodologi ini sejajar dengan metodologi yang digunakan dalam analisis kepekaan dan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, yang biasanya mengandaikan tidak ada penampan atau campur tangan dasar.

Pada peringkat agregat, sebanyak 15.4% daripada jumlah peminjam dalam analisis ini mempunyai margin kewangan negatif (Rajah 6). Seperti yang dijangka, kumpulan pendapatan 40 terendah mencakupi bahagian tertinggi peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif (sebanyak 21% daripada peminjam dalam kumpulan pendapatan tersebut) dengan anggaran amaun DAR kira-kira 3% daripada jumlah hutang isi rumah. DAR meningkat kepada kira-kira 8% daripada jumlah hutang sekiranya kumpulan pendapatan 40-60 diambil kira.

Rajah 6

Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Mengikut Kumpulan Pendapatan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi kumpulan pendapatan 60-80 dan 20 tertinggi, bahagian peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif menurun dengan ketara kepada kira-kira 13% daripada peminjam dalam kumpulan pendapatan tersebut (Rajah 6). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sebahagian besar hutang bagi kumpulan peminjam tersebut ialah hutang bercagar, sekali gus mengurangkan kesan margin kewangan negatif ke atas kualiti aset bank dengan ketara. Hasil Kaji Selidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan (Financial Inclusion and Capability Survey) yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2015 juga menunjukkan bahawa peminjam dalam kumpulan pendapatan lebih tinggi berkemungkinan besar mempunyai tahap simpanan dan kekayaan dalam bentuk lain yang lebih tinggi yang boleh digunakan untuk membayar hutang. Hasil kajian ini disokong oleh nisbah delinkuensi dan nisbah pinjaman terjejas bagi peminjam dalam kumpulan ini yang jauh lebih rendah berbanding dengan purata industri (Rajah 7 dan Rajah 8).

Analisis ini seterusnya menunjukkan bahawa peminjam dalam semua kumpulan pendapatan berkemungkinan besar berada dalam keadaan margin kewangan negatif jika DSR mereka melebihi 60%. Bagi peminjam yang lebih mudah terjejas dalam kumpulan pendapatan 40 terendah, margin kewangan negatif dapat dilihat walaupun pada paras DSR yang lebih rendah. Peminjam yang mempunyai DSR melebihi 60% mencakupi kira-kira 18% daripada jumlah peminjam merentas semua kumpulan pendapatan (Rajah 9). Sebanyak 40% daripada jumlah tersebut berada dalam kumpulan pendapatan 60-80 dan 20 tertinggi. Berdasarkan profil semasa hutang isi rumah, angka ini menunjukkan bahawa kemungkinan kerugian meningkat dengan ketara mengatasi tahap semasa adalah terhad. Ini adalah seperti yang ditunjukkan oleh DAR bagi kumpulan pendapatan 40 terendah.

Rajah 7


Pinjaman Delinkuen Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 8


Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 9

Nisbah Khidmat Hutang bagi Peminjam Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Implikasi Dasar

Secara amnya, dasar pemberian pinjaman institusi bank dan bukan bank lazimnya menghendaki keseluruhan obligasi khidmat bayar balik hutang peminjam tidak melebihi 60% daripada pendapatan pada masa hutang mula ditanggung. Analisis yang dibentangkan di sini mengesahkan bahawa dasar tersebut memainkan peranan penting untuk mengurangkan risiko sektor isi rumah. Walau bagaimanapun, perubahan yang ketara dalam profil hutang isi rumah, terutamanya dari segi taburan hutang isi rumah merentas kumpulan pendapatan dan paras DSR, boleh mengubah keadaan ini dan seterusnya melemahkan daya tahan isi rumah, dan berpotensi untuk menjejaskan kestabilan kewangan dan makroekonomi. Hal ini menekankan perlunya sikap untuk terus berwaspada dalam amalan pemberian pinjaman, di samping membantu isi rumah untuk mengurus hutang secara efektif melalui program pendidikan dan bantuan pengurusan hutang yang berterusan. Analisis ini juga menunjukkan bahawa isi rumah yang lebih berisiko termasuk mereka yang berada dalam kumpulan pendapatan 40-60 serta mempunyai demografi yang lebih muda dan menetap di pusat guna tenaga utama. Langkah seperti penambahbaikan pengangkutan awam dapat mengurangkan keperluan meminjam bagi pembelian kenderaan,

di samping meningkatkan peluang untuk memperoleh pendapatan. Langkah ini penting untuk menyokong sikap berwaspada yang berterusan dalam amalan pembiayaan yang bertanggungjawab oleh institusi pemberi pinjaman.

Kajian susulan tentang hubungan antara DSR dengan kebarangkalian kemungkiran mungkin boleh memberikan panduan tentang paras indikatif bagi nilai ambang paras DSR yang berhemat bagi kumpulan pendapatan yang berbeza. Kajian susulan ini boleh menyumbang kepada amalan pengunderaitan kredit, pengurusan risiko dan peruntukan kerugian pinjaman oleh institusi kewangan. Kajian ini juga membolehkan pembezaan profil risiko kredit peminjam yang lebih nyata berdasarkan paras DSR merentas kumpulan umur dan pendapatan, lokasi geografi dan jenis kemudahan pembiayaan. Dengan menerapkan pengawalan yang seimbang, Bank boleh mengurangkan potensi kesan yang tidak diingini (seperti pengurangan akses kepada pembiayaan untuk peminjam yang layak) daripada pelaksanaan dasar kehematan makronya. Selain itu, kajian susulan boleh memperincikan perancangan dan penentukuran senario serta parameter ujian tekanan bagi menilai keupayaan penyerapan kejutan oleh peminjam dan pemberi pinjaman.

Rujukan

Albacete, N dan P Fessler (2010): 'Stress Testing Austrian Households', Oesterreichische Nationalbank Financial Stability Report 19, hlm 72 – 91.

Bańbuła, P, A Kotuła, J Przeworska dan P Strzelecki (2015): 'Which Households Are Really Financially Distressed – How Micro Data Could Inform Macroprudential Policy', Kertas yang dibentangkan di Irving Fisher Committee Workshop berkenaan "Combining Micro And Macro Statistical Data For Financial Stability Analysis. Experiences, Opportunities and Challenges," Warsaw, Poland, 14-15 Disember 2015, IFC Bulletin, no 41.

Bilston, T, R Johnson dan M Read (2015): 'Stress Testing the Australian Household Sector Using the Hilda Survey', Reserve Bank of Australia Research Discussion Paper 2015-01.

Faruqui, U (2008): 'Indebtedness and The Household Financial Health: An Examination of the Canadian Debt Service Ratio Distribution', Bank of Canada Staff Working Papers – 46.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014): 'Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah'.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014): 'Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas'.

Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank

Oleh Fann Shar Linn dan Vincent Ang


Landskap kewangan Malaysia telah melalui transformasi beberapa dekad yang lalu yang dicirikan oleh pasaran yang lebih mendalam dan aktif, ekonomi yang lebih terbuka dan peserta pasaran yang semakin canggih. Secara kolektif, perubahan ini telah meninggalkan kesan yang ketara terhadap struktur pendanaan bank, ciri mudah tunai pasaran dan pendekatan yang diamalkan oleh bank dalam mengurus risiko yang berkaitan. Berikutan pengurusan risiko mudah tunai yang kini lebih dinamik, penunjuk yang lazim digunakan untuk menentukan kestabilan pendanaan berbanding dengan pertumbuhan aset perlu dikaji semula. Rencana ini meninjau isu ini dan langkah-langkah yang telah diambil oleh bank secara progresif untuk menyesuaikan amalan pengurusan risiko mudah tunai dengan persekitaran pasaran yang kian berubah.

Sehingga awal tahun 2000-an, sumber utama pendanaan bank ialah deposit pelanggan (daripada segmen borong dan runcit). Menjelang alaf baharu, deposit pelanggan mencakupi 82% daripada jumlah liabiliti pendanaan dalam sistem perbankan. Keadaan ini sebahagiannya mencerminkan kadar simpanan yang tinggi pada masa itu, yang berpurata 36.6% daripada jumlah pendapatan negara kasar (PNK) sepanjang tahun 1990-an (2016: 28.8% daripada PNK). Pilihan pelaburan, terutamanya untuk pendeposit runcit, juga secara relatifnya terhad. Antara tahun 2000 hingga 2005, saiz purata pasaran amanah saham/pengurusan aset ialah 13.8% daripada jumlah aset kewangan mudah tunai, berbanding dengan 23.5% pada akhir tahun 2016. Selain itu, aset perbankan pada masa itu lebih besar dan sukar untuk dicairkan, sebahagian besarnya (34% daripada jumlah aset) terdiri daripada pinjaman korporat dengan tempoh tunggu hasil yang panjang.

Keadaan ini jauh berbeza dengan ciri struktur aset dan liabiliti bank pada masa ini, yang mengalami perubahan ketara berikutan tiga perkembangan penting dalam sistem kewangan. Pertama, pasaran modal Malaysia telah berkembang pesat dari segi jumlah dan kedalaman. Perkembangan ini telah membolehkan institusi kewangan dan pelabur mempelbagaikan strategi portfolio pendanaan dan pelaburan mereka, menerusi pengembangan sumber pendanaan dari pasaran bon dan ekuiti (Rajah 1 dan Rajah 2). Antara tahun 2010 hingga 2016, pasaran bon korporat di Malaysia berkembang pada kadar tahunan 9%. Pada tempoh yang sama, pasaran ekuiti berkembang 11% setahun dari segi permodalan pasaran. Kedua, integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih pesat telah

Rajah 1

Sistem Perbankan: Komposisi Sumber Pendanaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Sistem Perbankan: Modal dan Peminjaman Jangka Panjang



Sumber: Bank Negara Malaysia

memperkukuh kehadiran bank-bank Malaysia di rantau ini sejajar dengan peningkatan hubungan perdagangan antara negara Asia. Aset bank Malaysia di luar negara berkembang pada kadar tahunan terkompaun sebanyak 16% bagi tempoh 2012 hingga 2016. Aliran pelaburan langsung asing dan integrasi kewangan yang berterusan juga telah meluaskan peranan dan fungsi bank di dalam dan di luar negara. Perkembangan ini telah memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada bank untuk mengurus risiko mudah tunai, disokong oleh inovasi dalam produk kewangan dan pengurusan risiko. Akhir sekali, semua perubahan ini berlatarkan pengguna kewangan yang mempunyai nilai kekayaan yang tinggi dan lebih canggih, dan berupaya membuat pilihan kewangan optimum menerusi peningkatan penawaran produk kewangan dan ekonomi yang semakin bersifat digital. Semua ini, di samping simpanan yang lebih rendah dan aktivisme pengguna yang lebih tinggi, telah mengurangkan kestabilan deposit pelanggan berbanding dengan sumber dana lain dan menyumbang kepada peralihan secara beransur-ansur ke arah sumber pendanaan yang lebih meluas untuk bank-bank.

Penunjuk Risiko Mudah Tunai

Keberkesanan nisbah pinjaman kepada deposit (loan-to-deposit ratio, LDR) sebagai penunjuk risiko mudah tunai bergantung pada keadaan apabila (i) deposit adalah nyata lebih stabil; dan (ii) sebahagian besar aset bank terdiri daripada pinjaman yang besar dan tidak mudah cair. LDR yang tinggi boleh menandakan kemungkinan bank telah mengambil lebih banyak risiko mudah tunai dengan mengembangkan portfolio pinjaman lebih pantas daripada keupayaan mendapatkan pendanaan pinjaman melalui deposit. Namun begitu, LDR kini memberikan gambaran risiko mudah tunai dalam konteks yang amat terhad. Khususnya, LDR tidak menggambarkan peningkatan kepelbagaian sumber dan tempoh pendanaan sejajar dengan pertumbuhan pinjaman. Dalam hal ini, LDR akan menunjukkan anggaran yang berlebihan berhubung dengan risiko mudah tunai.

Andaian asas LDR, iaitu deposit merupakan bentuk pendanaan yang stabil, tidak lagi benar untuk semua jenis pendeposit memandangkan mereka kini lebih canggih, sensitif kepada kadar hasil dan mempunyai pilihan pelaburan yang lebih meluas sejak kebelakangan ini. Kemajuan teknologi juga telah memainkan peranan penting dalam mempercepat mobiliti dana deposit, terutamanya menerusi pengurangan kos pemindahan dana, serta akses kepada maklumat berkaitan produk yang lebih baik dan lebih segera untuk pengguna kewangan yang mempengaruhi keputusan simpanan dan pelaburan mereka. Rangka kerja dan nisbah risiko mudah tunai yang lebih terkini membolehkan penilaian yang lebih teliti dibuat dengan mengambil kira kepelbagaian ciri dalam kalangan pendeposit, yang akan dibincangkan selanjutnya dalam rencana ini.

Dari segi aset, LDR tidak mengambil kira kepelbagaian jenis pinjaman, sekuriti dan pelaburan lain yang merupakan ciri biasa kunci kira-kira kebanyakan bank pada masa ini. Meskipun pinjaman masih merupakan komponen aset yang besar, kebolehan untuk mengambil kira dan menilai mudah tunai pinjaman dan aset lain adalah penting. Kewujudan pasaran sekunder yang disokong oleh perkembangan pasaran pensekuritian membolehkan bank-bank mengukuhkan kedudukan mudah tunai mereka melalui pelarasan pada komponen aset, berbanding dengan kebergantungan pada komponen liabiliti yang diandaikan oleh LDR. Kebergantungan pada pinjaman sebagai satu-satunya proksi keperluan pendanaan boleh mengurangkan keberkesanan LDR sebagai pengukur risiko mudah tunai, termasuk terkurang anggaran (underestimation) risiko yang disebabkan oleh obligasi luar kunci kira-kira.


Menyedari perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh dan terperinci, Bank telah memperkenalkan Rangka Kerja Mudah Tunai (Liquidity Framework, LF) pada tahun 1998. LF menghendaki bank-bank mengunjurkan aliran tunai mereka sehingga setahun dengan menentukan kematangan kontraktual dan kematangan kelakuan aset, liabiliti dan item luar kunci kira-kira. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai transformasi tempoh matang yang dijalankan oleh sesebuah bank dan memberikan amaran sekiranya wujud jurang tempoh matang yang besar. Bagi memastikan bank mempunyai penampan pendanaan yang mencukupi andai kata berlakunya tekanan mudah tunai dalam tempoh yang singkat, rangka kerja ini menguatkuasakan keperluan lebihan mudah tunai bersih minimum sebanyak 3% untuk tempoh matang sehingga 1 minggu, dan 5% untuk kelompok tempoh matang satu minggu hingga satu bulan. Selain itu, LF mentakrifkan ‘aset mudah tunai’ sebagai aset yang dianggap memiliki kualiti yang mencukupi untuk dijual tanpa menyebabkan kerugian besar dari segi nilai, meskipun dalam keadaan tekanan.

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) merupakan satu komponen dalam pembaharuan pengawalseliaan Basel III yang berlandaskan konsep asas LF. Piawaian LCR, yang telah dikuatkuasakan di Malaysia sejak bulan Jun 2015, memastikan bank mempunyai aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) yang mencukupi untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam persekitaran tekanan yang teruk selama 30 hari. Andaian yang digunakan untuk senario ini dimodelkan berdasarkan pemerhatian terhadap krisis kewangan global pada tahun 2008. LCR mengambil kira lebih banyak faktor yang boleh menjejaskan kestabilan pendanaan, berbanding dengan LF. Antaranya termasuk jenis rakan niaga, tempoh urus niaga, dan ciri penebusan produk tertentu. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, peningkatan kestabilan deposit adalah lebih berhubung kait dengan peningkatan dalam LCR berbanding dengan LDR. Sebaliknya, HQLA, yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti aset mudah tunai di bawah LF, dibahagikan kepada tiga kategori mengikut mutu dan potensi nilai mudah tunai dalam keadaan tekanan. Aset dikategorikan berdasarkan ciri seperti penarafan kredit, kemudahan dan kepastian penilaian serta saiz dan jumlah pasaran aset yang tertentu.

LCR akan menjadi penunjuk mudah tunai yang penting apabila pasaran semakin biasa dengan asas-asas konsep LCR. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa amalan penzahiran yang tidak konsisten merentas negara menjejaskan kebolehbandingan (comparability) LCR, lalu mengehadkan penggunaan LCR secara meluas oleh peserta pasaran dan agensi penarafan. Meskipun isu ini dijangka tidak lagi wujud pada masa hadapan, Bank menyedari akan perlunya nisbah yang mudah dan diyakini. Oleh itu, Bank telah menerbitkan nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (loan-to-fund-and-equity, LTFE)

Rajah 3

Perbandingan Antara LDR dengan LCR: Kepekaan kepada Kestabilan Deposit



Nota: Sampel yang digunakan untuk rajah di atas merupakan 20 bank yang terbesar di Malaysia mengikut saiz deposit, yang setiap satu bank diwakili oleh satu bulatan. Bulatan yang berlorek mewakili peningkatan nilai LDR atau LCR, manakala bulatan yang kosong mewakili penurunan nilai LDR atau LCR. Saiz setiap bulatan mewakili saiz perubahan nisbah-nisbah tersebut antara bulan Disember 2015 dan bulan Disember 2016. "Kestabilan Deposit (%)" ialah perbezaan dalam pergerakan bulanan purata bagi jumlah deposit antara tahun 2015 dan tahun 2016. Pergerakan selari paksi-x dari arah kiri ke kanan mewakili kestabilan deposit yang semakin meningkat.
Rajah ini menunjukkan bahawa kestabilan deposit mempunyai korelasi yang lebih rapat dengan LCR berbanding dengan LDR. Ini ditunjukkan oleh perbezaan tumpuan bulatan hijau dan jingga: Bulatan hijau (berlorek) lebih tersebar di seluruh spektrum paksi-x, menunjukkan hubungan yang lemah antara LDR dengan kestabilan deposit. Bulatan jingga (berlorek) pula tertumpu pada bahagian kanan paksi-x, maka menunjukkan korelasi yang lebih tinggi antara peningkatan LCR dengan peningkatan kestabilan deposit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2015 untuk memberikan gambaran yang lebih tepat berhubung dengan perubahan penting struktur pendanaan bank pada tahun-tahun kebelakangan ini yang telah menyebabkan LDR tidak lagi tepat. Nisbah-nisbah ini, yang disiarkan dalam Perkembangan Monetari dan Kewangan yang diterbitkan oleh Bank setiap bulan, menambah baik LDR sebagai ukuran mudah tunai dengan mencerminkan sumber pendanaan bank yang lebih luas. Nisbah-nisbah ini boleh dikira dengan mudah menerusi maklumat kewangan yang sedia ada mengenai sesebuah bank. LTF turut mengambil kira terbitan hutang manakala LTFE mengembangkannya lagi dengan memasukkan ekuiti.

Pada masa hadapan, Bank merancang untuk memperkenalkan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR), iaitu pelengkap kepada LCR di bawah pembaharuan Basel III berkaitan dengan mudah tunai. Sama seperti LF, NSFR memberikan unjuran profil tempoh matang untuk satu tahun bagi aset dan liabiliti dalam keadaan perniagaan yang biasa. NSFR menambah baik LF dengan menganggarkan jumlah pendanaan stabil yang diperlukan oleh bank untuk membiayai pelbagai aset serta komponen luar kunci kira-kira, bergantung pada faktor seperti kualiti aset, tempoh urus niaga, jenis rakan kongsi, tempoh bebanan dan kemungkinan memenuhi obligasi bukan kontraktual (non-contractual).

Apabila pasaran semakin faham dan biasa dengan penunjuk risiko mudah tunai yang lebih baik seperti LCR dan NSFR, ia akan mewujudkan rangka kerja yang lebih mantap untuk memberikan maklumat berhubung dengan risiko mudah tunai. Bank akan terus menambah baik data yang diterbitkan secara berkala bagi mengambil kira perkembangan ini untuk memaklumkan pasaran mengenai mudah tunai dengan lebih tepat dan menyeluruh.

Amalan Pengurusan Risiko Mudah Tunai

Penggunaan penunjuk risiko mudah tunai perlu difahami dalam konteks amalan pengurusan risiko mudah tunai sesebuah bank. Ini merupakan matlamat utama penambahbaikan keperluan penzahiran pengurusan risiko mudah tunai yang merupakan sebahagian daripada maklumat penting yang perlu dimasukkan dalam penyata kewangan bank.

Pemerhatian yang lebih teliti ke atas amalan bank-bank di Malaysia mendapati bahawa mereka telah mengukuhkan prosedur dalaman, amalan dan sistem masing-masing sejak beberapa tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan daya tahan institusi terhadap risiko mudah tunai. Ini termasuk penambahbaikan dalam bidang tadbir urus, ujian tekanan, rancangan pendanaan kontingensi (contingency funding plan, CFP) dan penentuan harga pemindahan dana (funds transfer pricing, FTP).

Dari segi tadbir urus, lembaga pengarah dan pengurusan kanan bank telah mengambil pendekatan yang lebih berpandangan jauh dan komprehensif bagi mengurus risiko mudah tunai. Antaranya termasuk penentuan kesanggupan mengambil risiko dan strategi mudah tunai yang mengambil kira isu mudah tunai yang baharu, kesalinghubungan risiko mudah tunai dengan risiko bidang lain (contohnya, kredit, pasaran dan reputasi) serta kesan tindakan bank tersebut yang mungkin ada pada risiko sistemik yang lebih meluas. Perkara ini telah menambah baik pengubahsuaian dan sensitiviti kesanggupan mengambil risiko dalaman, seterusnya meningkatkan kebolehan bank untuk bertindak balas terhadap perkembangan pasaran yang teruk.

Berbanding dengan dekad sebelum ini, FTP kini menjadi amalan lazim di seluruh industri. Amalan ini banyak menyumbang kepada integrasi pengurusan risiko mudah tunai dalam operasi harian bank. Berdasarkan pemerhatian melalui penyeliaan, bank-bank yang lebih besar khususnya telah mencapai kemajuan yang ketara dalam menambah baik keperincian dan kepekaan metodologi penentuan harga. Amalan terbaik FTP mengambil kira penentuan harga mudah tunai yang dibeza-bezakan mengikut pelbagai ukuran kestabilan pendanaan dan kualiti aset. Secara keseluruhan, amalan sebegini telah membolehkan bank-bank melaksanakan sistem insentif yang lebih baik dengan memberikan ganjaran kepada unit perniagaan yang berupaya mendapatkan pendanaan stabil dan mengenakan caj yang sewajarnya terhadap mereka yang menjana aset yang sukar dicairkan.

Ujian tekanan mudah tunai dalaman juga telah menunjukkan penambahbaikan yang ketara berbanding dengan analisis sensitiviti asas pada masa lalu. Bank-bank semakin canggih dalam pendekatan mereka untuk mengenal pasti risiko mudah tunai yang mungkin berlaku, terutamanya risiko yang unik kepada operasi perbankan tertentu. Lazimnya, kejadian begini jarang-jarang berlaku tetapi boleh menyebabkan kesan yang teruk. Ujian tekanan yang dijalankan oleh bank kini dibentuk berdasarkan pelbagai andaian yang menggabungkan kejadian yang khusus kepada bank tertentu, gangguan teruk dalam pasaran bank tersebut beroperasi dan dalam pasaran lain yang berkait, serta kesan kejutan pusingan kedua. Bank-bank juga telah menambah baik penggunaan hasil ujian tekanan, terutamanya dalam membentuk langkah-langkah sokongan, seperti rancangan pendanaan kontingensi, dasar risiko dan had kuantitatif untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti.

Bukan Sekadar Nisbah dan Keperluan Minimum

Pergantungan yang keterlaluan pada penunjuk yang mudah seperti LDR berkemungkinan besar boleh menimbulkan tingkah laku atau reaksi pasaran yang boleh menjejaskan kestabilan, terutamanya apabila penunjuk tersebut gagal memberikan maklumat tepat mengenai kedudukan kewangan dan strategi pendanaan bank yang kian berubah. Hal ini dapat diperhatikan pada akhir tahun 2015, apabila tumpuan yang terlebih pada LDR menjadi faktor utama yang menyumbang kepada persaingan untuk mendapatkan deposit yang akhirnya mengakibatkan spread antara kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dengan kadar KLIBOR menyimpang jauh daripada paras purata sejarah. Dalam persekitaran pasaran yang sangat dinamik, pengurusan risiko mudah tunai memerlukan dasar risiko dalaman yang jelas, hubungan yang erat dan berfungsi antara pelbagai fungsi perniagaan dan kawalan serta pelaburan yang mencukupi dalam sistem data dan kecekapan teknikal. Melalui pencapaian yang menyeluruh ini, berserta pematuhan pengawalseliaan yang berkesan, bank-bank akan memastikan daya tahan mereka untuk menghadapi cabaran daripada kitaran perniagaan yang berbeza pada masa akan datang.

Sektor Perbankan

59 Prestasi Sektor Perbankan
61 Perkembangan Sektor Perbankan
65 Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
69 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
70 *Rencana: Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu*


Sektor Perbankan

PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Aktiviti pembiayaan terus menyokong ekonomi pada tahun 2016. Jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan meningkat 5.3% pada tahun 2016 kepada RM1,521.5 bilion (2015: RM1,445.1 bilion) (Rajah 2.1).

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan didorong oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah, yang mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3%. Kadar pertumbuhan yang sederhana ini (2015: 7.7%) selaras dengan langkah-langkah Bank untuk menggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan telah mengurangkan risiko paras keberhutangan isi rumah yang lebih tinggi. Pembiayaan kepada sektor perniagaan secara keseluruhannya meningkat 4.9%, didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang meningkat 9.2%. Institusi perbankan terus optimistik dalam memberi pinjaman kepada PKS, meskipun prospek ekonomi global masih dalam keadaan tidak menentu. Kadar kelulusan pembiayaan PKS oleh institusi perbankan kekal kukuh pada 77.3% pada tahun 2016. Institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) terus mengeratkan kerjasama dengan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC) dan agensi-agensi Kerajaan untuk membangunkan produk kewangan dan memberikan bantuan teknikal kepada PKS. Kerjasama tersebut memberikan sokongan penting kepada PKS untuk memainkan peranan utama sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. PKS juga dijangka mendapat manfaat daripada peruntukan dana tambahan yang diumumkan dalam Bajet 2017.

Selaras dengan pertumbuhan aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan, aset sistem perbankan berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.8% pada tahun 2016 kepada RM2,443.6 bilion (2015: 6.1%). Keupayaan sektor perbankan untuk menyerap kerugian tetap kukuh, disokong oleh paras permodalan yang kekal tinggi. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal jauh melebihi paras

Peruntukan Bajet tahun 2017 untuk PKS


- RM500 juta untuk Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi membantu pertumbuhan syarikat Bumiputera.
- RM200 juta untuk Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi melaksanakan Program Keusahawanan dan Pembiayaan Premis Perniagaan.
- RM130 juta untuk Dana Promosi Eksport Nasional bagi menyokong program promosi eksport oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negeri Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp).
- RM100 juta untuk Dana Eksport di bawah TERAJU bagi menyokong syarikat Bumiputera berusaha niaga di luar negara, sebagai sebahagian daripada peningkatan usaha Kerajaan untuk merangsang sumbangan PKS kepada 25% daripada jumlah eksport menjelang tahun 2020.

pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (2015: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.6%). Modal institusi perbankan yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum juga meningkat 0.2% kepada RM124.5 bilion pada akhir tahun 2016 (Rajah 2.2). Sebahagian besar (dianggarkan 85.1%) daripada modal ini terus diwakili oleh modal berkualiti tinggi dalam bentuk ekuiti, perolehan tertahan dan rizab yang mampu menyerap kerugian.

Permodalan institusi perbankan bertambah kukuh walaupun nisbah aset berwajaran risiko (risk-weighted assets, RWA) kepada jumlah aset yang pada amnya stabil menurun sedikit kepada 63.1% (2015: 64.4%) disebabkan oleh pertumbuhan pembiayaan yang lebih perlahan. Penurunan nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset ini juga didorong oleh peningkatan pemegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi oleh institusi perbankan untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Berdasarkan laporan institusi perbankan semasa tempoh pemerhatian, nisbah leveraj sistem perbankan, yang mengukur modal asas kumpulan 1 berbanding dengan aset bukan berwajaran risiko, berada pada 7.7%. Modal ini melebihi dua kali paras minimum yang dicadangkan di bawah Basel III. Ini menunjukkan bahawa institusi perbankan berada pada kedudukan yang selesa untuk mematuhi keperluan nisbah leveraj ini, meskipun belum perlu untuk berbuat demikian. Dengan isu reka bentuk dan penentukuran bagi nisbah leveraj hampir dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Jawatankuasa Basel), Bank berhasrat untuk mengeluarkan satu kertas perbincangan kepada pihak industri pada separuh pertama tahun 2017 mengenai cadangan mengaplikasikan piawaian nisbah leveraj di Malaysia.

Rajah 2.2

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sektor perbankan Malaysia kekal teguh dengan permodalan yang kukuh

Sistem perbankan, termasuklah institusi perbankan Islam, mencatat peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM32.2 bilion (2015: RM29 bilion) pada tahun 2016. Pulangan atas aset dan ekuiti juga masing-masing meningkat sedikit kepada 1.34% dan 12.5% (2015: 1.32% dan 12.3%). Prestasi pendapatan yang lebih kukuh ini didorong oleh aktiviti perbendaharaan dalam keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Analisis yang lebih terperinci menunjukkan institusi perbankan mencatat keuntungan bersih daripada jualan instrumen yang "sedia untuk dijual" dan urus niaga pertukaran asing yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1.8 bilion. Prestasi pendapatan ini juga disokong oleh sumbangan dividen yang lebih tinggi daripada subsidiari, yang meningkat 27.8% dan menyumbang 10.3% kepada keuntungan sebelum cukai. Penyumbang utama pendapatan dividen ialah operasi perbankan Islam dalam keadaan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh (rujuk 'Prestasi Sektor Perbankan Islam' dalam Bab bertajuk 'Pembangunan Kewangan Islam' untuk maklumat lanjut). Pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi hasil daripada aktiviti pembiayaan juga telah menyokong pendapatan, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan bertempoh untuk pembelian harta tanah dan modal kerja.

Margin faedah/pembiayaan kasar telah mengecil, mencerminkan tawaran kadar faedah pembiayaan yang berdaya saing oleh institusi perbankan dalam keadaan pertumbuhan pembiayaan yang semakin sederhana serta kenaikan kecil dalam kos purata dana (2016: 2 mata asas). Namun begitu, margin faedah/pembiayaan bersih selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian meningkat sedikit (Rajah 2.3), hasil daripada peningkatan kecekapan oleh institusi perbankan. Sebahagian besar peningkatan ini didorong oleh penggunaan teknologi baharu untuk menyelaraskan operasi dan mengurangkan kos overhed. Langkah-langkah yang diambil oleh beberapa institusi perbankan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja mereka selaras dengan

Rajah 2.3

Sistem Perbankan: Margin Faedah Kasar dan Bersih




Sumber: Bank Negara Malaysia

tumpuan semula hala tuju perniagaan juga telah membantu mengehadkan kenaikan tahunan kos kakitangan. Secara keseluruhan, keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja, iaitu penunjuk kecekapan hasil, meningkat sebanyak 14.9% pada tahun 2016.

Kualiti aset pinjaman sistem perbankan merosot sedikit, sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan prestasi pinjaman kepada sektor minyak dan gas (oil and gas, O&G), automotif dan harta tanah seperti yang dijangka (rujuk 'Mengurus Dedahan Risiko Kredit kepada Perniagaan' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016' untuk maklumat lanjut). Bahagian pinjaman jejas nilai telah meningkat kepada 1.24% daripada jumlah pinjaman

Rajah 2.4

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

ditolak peruntukan jejas nilai individu (individual impairment provision, IIP) (2015: 1.20%) (Rajah 2.4). Namun begitu, kemerosotan kualiti aset secara lebih menyeluruh tidak dialami, disebabkan oleh amalan pengurusan risiko yang lebih baik sejak beberapa tahun lalu, terutamanya dalam sektor isi rumah berikutan pelaksanaan piawaian yang lebih kukuh bagi pembiayaan yang bertanggungjawab. Institusi perbankan terus mengekalkan peruntukan berhemat untuk pembiayaan dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi, pada kadar 90.2% (2015: 96.3%). Kedudukan ini diperkukuh oleh peruntukan jejas nilai kolektif (collective impairment provision, CIP) dan rizab pengawalseliaan yang dipegang oleh setiap institusi perbankan yang melebihi paras keperluan minimum 1.2% daripada pinjaman bersih.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN


Pada tahun 2016, landskap perbankan Malaysia terus dipengaruhi oleh kemajuan teknologi dan pengantarabangsaan sistem kewangan yang semakin meluas. Penggunaan teknologi untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan telah meningkat dengan ketara, dengan semakin banyak transaksi perbankan dijalankan menerusi terminal layan diri (self-service terminals) dan saluran digital seperti perbankan mudah alih, perbankan dalam talian dan aplikasi mudah alih (Gambar Rajah 2.1). Secara khusus, transaksi perbankan mudah alih telah mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 98.1%.

Institusi perbankan terus memanfaatkan potensi besar teknologi kewangan

Pada masa yang sama, inovasi terus berkembang pesat dengan percambahan syarikat permulaan teknologi kewangan (financial technology, FinTech). Syarikat seumpama ini lebih kecil dan pantas mengikuti perkembangan digital, tetapi seringkali menghadapi cabaran untuk menembusi pasaran kerana kurang dikenali dan belum mendapat kepercayaan pengguna kewangan. Untuk memanfaatkan potensi sinergi yang disediakan oleh syarikat FinTech yang lebih berfokuskan teknologi, institusi perbankan mengambil pendekatan untuk bekerjasama dalam usaha merangsang inovasi. Pendekatan ini termasuk mewujudkan *accelerator programme*, yang melaluinya institusi perbankan memberi syarikat FinTech akses kepada pengetahuan mengenai industri kewangan untuk menambah baik produk mereka supaya sedia diuji oleh pengguna kewangan. Seterusnya, pendekatan

Gambar Rajah 2.1

Penggunaan Terminal Layan Diri dan Saluran Digital pada Tahun 2016



Sumber: Bank Negara Malaysia

ini akan meningkatkan potensi inisiatif baharu dibentuk menjadi produk ataupun perkhidmatan yang berdaya maju secara komersial.

Bank memberi sokongan terhadap perkembangan ini, yang membolehkan teknologi canggih digunakan dalam pelbagai aspek perbankan (rujuk 'Inovasi FinTech' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Merentas Sektor' untuk maklumat lanjut mengenai perkembangan seluruh sektor kewangan). Antara inovasi yang ketara termasuk prosedur yang dipermudah dan lebih selamat untuk *on-boarding* dan pengesahan pelanggan baharu dengan menggunakan kaedah biometrik. Institusi perbankan juga banyak memanfaatkan penggunaan *artificial intelligence* untuk meningkatkan akses kepada produk kewangan dan menambah baik hubungan dengan pelanggan. Dari aspek sistem pembayaran, pembayaran tanpa sentuhan yang didorong oleh teknologi komunikasi *near field* terus mendapat sokongan. Perkembangan ini terus meningkatkan kecekapan dan mengurangkan risiko pematuhan untuk institusi perbankan dalam keadaan operasi yang terus mencabar. Untuk IKP khususnya, kemajuan teknologi juga telah memacu agenda rangkuman kewangan. Inisiatif penting termasuklah pendigitalan perkhidmatan menerusi mesin juruwang maya (virtual teller machine) dan ATM mudah alih, yang meluaskan jangkauan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan untuk komuniti luar bandar.

Pada tahun 2016, lesen perbankan komersial telah diberikan kepada China Construction Bank (Malaysia) Berhad, yang akan mengukuhkan lagi kesalinghubungan ekonomi dan kewangan dengan salah satu rakan perdagangan utama Malaysia. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, institusi perbankan yang hendak beroperasi di Malaysia akan dinilai mengikut kriteria kehematan dan kemampuan entiti itu memenuhi kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia. Bank telah menambah baik lagi proses penilaian kemampuan pemohon untuk memenuhi kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia melalui interaksi dan perbincangan secara lebih mendalam dengan pemohon mengenai kemampuan dan komitmen mereka untuk meningkatkan sumbangan kepada negara. Interaksi dan perbincangan ini juga telah membolehkan Bank menyampaikan keutamaan pembangunan sektor perbankan, termasuk menyokong pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi bernilai tambah, memenuhi keperluan

segmen khusus (niche segments) dalam pasaran dalam negeri, dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia. Pada akhir tahun 2016, bilangan institusi perbankan berlesen di Malaysia berjumlah 57, merangkumi 29 institusi perbankan berlesen dalam negeri dan 28 institusi perbankan milik asing.

Pertumbuhan inklusif

Dengan kerjasama industri perbankan, Bank terus berusaha untuk menggalakkan akses yang inklusif kepada perkhidmatan perbankan yang berpatutan untuk semua segmen penduduk di Malaysia. Bagi enam IKP di bawah kawal selia Bank, jumlah pembiayaan terkumpul kepada sektor pertumbuhan yang disasarkan oleh institusi-institusi ini meningkat 5.7% pada tahun 2016 kepada RM143.3 bilion. Walaupun pertumbuhan ini didorong sebahagian besarnya oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah dan pertanian, trend positif dapat dilihat dalam pemberian pinjaman kepada semua sektor utama yang disasarkan (Gambar Rajah 2.2).

Pada akhir tahun 2016, jumlah pembiayaan terkumpul untuk perusahaan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro ialah RM921.8 juta. Secara keseluruhan, pembiayaan berjumlah RM3.5 bilion telah diluluskan dan memberikan manfaat kepada lebih daripada 200,000 akaun perusahaan mikro di bawah Skim ini sejak pelancarannya pada tahun 2006.


Jangkauan perkhidmatan perbankan juga terus mencapai kemajuan pada tahun 2016. Jumlah pusat akses perkhidmatan kewangan di seluruh negara meningkat daripada 10,166 kepada 11,248, yang membolehkan 99% rakyat Malaysia mendapat akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan yang selamat, diyakini dan berpatutan. Pada akhir tahun 2016, 97% daripada mukim di Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses. Ini didorong oleh rangkaian perbankan ejen yang terus berkembang dengan bilangan ejen bank kini melebihi 7,900 (2015: 6,902). Lebih 12,000 akaun simpanan dibuka menerusi rangkaian perbankan ejen pada tahun 2016 dan bilangan transaksi yang dijalankan menerusi ejen bank meningkat 58.6% kepada 100.3 juta, dengan nilaian dianggarkan sebanyak RM8.5 bilion (akhir tahun 2015: 63.2 juta transaksi, bernilai RM5.7 bilion).

Akses kepada perkhidmatan kewangan oleh komuniti terus menjadi kepentingan utama

Pada bulan November 2016, Bank melancarkan laman sesawang mikro (microsite) Rangkuman Kewangan untuk meningkatkan lagi akses orang ramai dan PKS kepada maklumat tentang pelbagai inisiatif rangkuman kewangan. Laman sesawang mikro tersebut merupakan pusat untuk semua maklumat berkaitan rangkuman kewangan, termasuklah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan di Malaysia.

Gambar Rajah 2.2

Pembiayaan IKP kepada Sektor Pertumbuhan Sasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Platform ini melengkapi langkah yang terus dilaksanakan oleh Bank, dengan kerjasama industri dan agensi utama, untuk mewujudkan keadaan kewangan yang lebih akomodatif bagi perniagaan yang menyokong inovasi dan dalam bidang pertumbuhan baharu.

Inisiatif untuk Menyokong Pembiayaan bagi Inovasi dan Bidang Pertumbuhan Baharu

- **Menurunkan kos memulakan perniagaan menerusi pengawalseliaan yang menyokong**
  Dua inisiatif utama pengawalseliaan telah diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam sektor kewangan, iaitu rangka kerja *Regulatory Sandbox* oleh Bank dan rangka kerja pengawalseliaan mengenai pembiayaaan antara rakan ke rakan (peer-to-peer, P2P) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang setara untuk penyelesaian kewangan inovatif yang boleh meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kewangan sedia ada atau mewujudkan perkhidmatan baharu untuk keperluan yang belum dipenuhi. Selain itu, pasaran saham baharu yang dicadangkan oleh Bursa Malaysia pada bulan September 2016 akan membolehkan PKS disenaraikan pada kos yang lebih rendah dalam persekitaran pengawalseliaan yang lebih fleksibel. Cadangan ini dijangka akan meluaskan jangkauan pendanaan PKS, di samping berperanan sebagai platform untuk penyenaraian yang lebih formal di dalam pasaran ACE.

- **Menangani kekurangan maklumat dengan memanfaatkan sumber data baharu**
  Dengan peningkatan kecanggihan dalam analisis data, penggunaan maklumat bukan kewangan untuk menyokong penetapan keputusan kredit yang dibuat semakin menunjukkan kemajuan. Sebagai contoh, platform perdagangan secara elektronik telah mula menggunakan data transaksi dan pembayaran pengguna mereka untuk menentukan profil kredit, justeru membolehkan mereka menceburi bidang pemberian pinjaman kepada perniagaan kecil. Data yang diperoleh menerusi perkhidmatan secara elektronik bersepadu juga membolehkan pemberi pinjaman mengenal pasti perubahan dalam keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam, justeru mengurangkan delinkuensi dan kemungkiran. Menyedari potensi yang sedia ada dalam pendekatan ini, Bank menggalakkan institusi perbankan dan IKP untuk mengkaji penggunaan analisis *big data* (contohnya dengan menggunakan sejarah membeli belah, rekod bil utiliti, alamat rumah dan tempat kerja individu) serta penilaian psikometrik untuk menilai profil kredit bakal peminjam yang tidak mempunyai rekod prestasi pinjaman atau rekod pinjamannya tidak mencukupi. Bank akan terus memantau perkembangan ini untuk memastikan persekitaran pengawalseliaan kekal akomodatif bagi pendekatan baharu dalam cara penilaian kredit.

- **Mewujudkan proses pembiayaan PKS yang lancar**
  Bank sedang bekerjasama dengan industri perbankan untuk membangunkan suatu platform dalam talian yang bersepadu untuk memudahkan PKS mendapat sumber pembiayaan. Platform ini bertujuan mengurangkan masa yang diambil oleh PKS untuk mengenal pasti produk pembiayaan yang sesuai dan memenuhi keperluan dokumentasi yang mungkin berbeza-beza dalam kalangan institusi perbankan. Lantaran itu, platform ini akan menyelaraskan permohonan pembiayaan PKS, di samping menyarankan pelbagai pakej pembiayaan yang sesuai berdasarkan keperluan pembiayaan dan profil risiko pemohon. PKS tidak lagi perlu menghubungi setiap institusi perbankan secara berasingan, dan pada masa yang sama, kos institusi perbankan yang berkaitan dengan proses penilaian kredit dan ketidakseragaman dokumentasi boleh dikurangkan. Platform ini juga akan memberikan sokongan praktikal kepada pemohon yang tidak berjaya, dengan menghubungkan mereka kepada saluran khidmat nasihat dan pembinaan keupayaan yang disediakan oleh Kerajaan.

- **Meningkatkan kebolehan untuk mengakses perkhidmatan perbankan menerusi pembinaan keupayaan**
  Bank dengan kerjasama industri kewangan telah menganjurkan beberapa program pada tahun 2016 untuk meningkatkan keupayaan PKS memperoleh dana. Program tersebut bertujuan meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan usahawan. Dari sudut penawaran, langkah-langkah terus diambil untuk menangani prasyarat penerimaan aset tidak ketara (seperti harta intelek, yang lazimnya merupakan aset tunggal syarikat permulaan) oleh institusi perbankan sebagai cagaran. Penubuhan sekumpulan pakar penilaian baru-baru ini merupakan langkah penting untuk membina keupayaan sektor perbankan dan PKS bagi menilai hak harta intelek yang seterusnya akan mempercepat penerimaan dan penggunaan aset ini sebagai cagaran untuk pembiayaan. Selain itu, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. telah menubuhkan Platform Pengkomersialan Teknologi (Tech Commercialisation Platform) untuk perniagaan mendapat khidmat pemadanan pelabur dan nasihat dari awal ke akhir (end-to-end), iaitu daripada segi penyelidikan produk kepada pembangunan prototaip, dan akhirnya, pengkomersialan.

Kerjasama untuk menggalakkan pertumbuhan inklusif juga sedang dijalankan oleh industri perbankan. Pada bulan September 2016, satu kumpulan kerja industri ditubuhkan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih bersepadu bagi menyampaikan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (corporate social responsibility, CSR) oleh sektor kewangan, justeru meningkatkan impaknya. Pendekatan ini berusaha untuk memanfaatkan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan pentadbiran dengan menggembleng usaha industri untuk memperkasakan komuniti. Untuk mencapai tujuan ini, peningkatan tahap literasi dalam kalangan penduduk miskin di bandar telah dikenal pasti sebagai keutamaan segera.

Memprofesionalkan industri perbankan

Usaha untuk meningkatkan amalan, pengetahuan dan kompetensi industri perbankan semakin meningkat pada tahun 2016. Institusi perbankan bersama dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), telah mengisytiharkan komitmen untuk mendaftarkan ahli lembaga pengarah dan kakitangan penting dalam program Jurubank Bertauliah (Chartered Banker programme). Usaha ini merupakan langkah penting untuk memprofesionalkan tenaga kerja industri perbankan. Kelayakan Jurubank Bertauliah memberikan wadah pembangunan berwibawa kepada ahli dalam profesion perbankan, dengan hasrat untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran dan beretika tinggi. Matlamat ini dapat dicapai dengan memastikan individu yang mempunyai kelayakan tersebut mengamalkan standard profesional dan etika yang tinggi dalam penyediaan perkhidmatan perbankan, justeru mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai dalam sektor perbankan.

RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN DAN PENYELIAAN

Pelaksanaan piawaian Basel III

Pada tahun 2016, pelaksanaan piawaian Basel III terus menjadi tumpuan utama aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank. Institusi perbankan telah beralih dengan lancar kepada keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) minimum yang dinaikkan kepada 80% pada tahun 2017, sejajar dengan pengaturan peralihan global. Kebanyakan institusi perbankan telah melaporkan kedudukan LCR melebihi 100% pada akhir tahun 2016.

Penilaian tematik mengenai amalan LCR telah merumuskan bahawa piawaian tersebut sedang dilaksanakan dengan berkesan oleh institusi-institusi perbankan, serta dengan sokongan pengawasan lembaga pengarah dan kawalan dalaman yang memadai. Penambahbaikan juga diperhatikan dalam kualiti pelaporan dan ketepatan masa dalam penjanaan metrik mudah tunai utama berikutan peningkatan sistem operasi institusi perbankan. Kebanyakan institusi perbankan telah mencapai banyak kemajuan dalam usaha ini. Bagi memastikan ketekalan yang lebih baik dalam pentafsiran parameter utama LCR, seperti takrifan deposit yang stabil dan akaun operasi, Bank juga telah mengeluarkan panduan tambahan untuk menangani variasi yang didapati semasa penilaian tematik. Secara keseluruhan, institusi perbankan telah menunjukkan pematuhan LCR yang lebih bersepadu dengan proses tadbir urus dan pengurusan risiko. Sehubungan dengan itu, amalan pengurusan mudah tunai dijangka terus diperkukuh merentas semua institusi perbankan.

Peningkatan penyepaduan di antara piawaian mudah tunai dengan pengaturan pengurusan risiko institusi perbankan adalah dijangka

Pematuhan terhadap keperluan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) yang sedang dirancang dijangka menjadi lebih mencabar, memandangkan tumpuannya pada pembiayaan jangka panjang untuk mengurangkan ketidakpadanan kematangan. Bagi sesetengah institusi, memenuhi keperluan tersebut akan melibatkan pengimbangan semula kedudukan kewangan yang ketara dengan mengutamakan sumber pendanaan yang lebih stabil dan berjangka panjang, atau aset yang kurang memerlukan pendanaan yang stabil. Yang penting, proses ini tidak memberikan apa-apa kesan yang tidak diingini terhadap pengantaraan kewangan oleh sektor perbankan. Interaksi dan perbincangan dengan industri telah dipergiat pada tahun 2016 untuk memahami dengan lebih baik cabaran khusus setiap institusi perbankan, yang akan menyumbang kepada penyesuaian piawaian NSFR dan pengaturan peralihan yang berkaitan. Melalui interaksi dan perbincangan yang telah dilaksanakan, institusi perbankan kelihatan berada dalam kedudukan yang baik untuk melanjutkan profil kematangan dan

mempelbagaikan sumber pendanaan bagi mematuhi NSFR. Strategi yang sedang dipertimbangkan oleh institusi perbankan termasuklah terbitan sekuriti jangka sederhana dan jangka panjang, serta instrumen pasaran wang jangka panjang untuk pelanggan runcit dan PKS, seperti instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposit, NID) runcit.

Berdasarkan data pemerhatian, NSFR sistem perbankan berada pada 103.2% pada akhir tahun 2016, dengan lebih separuh daripada institusi perbankan melaporkan kedudukan melebihi 100%. Bank akan terus memantau dengan teliti kedudukan ini dan akan berbincang dengan industri tentang cadangan piawaian NSFR selepas pertengahan tahun 2017.

Agenda pembaharuan pengawalseliaan Bank akan terus bersandarkan keutamaan domestik

Pada masa hadapan, Bank juga akan menjalankan kajian semula yang menyeluruh tentang amalan pengurusan risiko mudah tunai dalam sektor perbankan Malaysia yang bertujuan untuk mengukuhkan piawaian seluruh industri. Kajian semula ini akan mengambil kira perubahan asas dalam profil pendanaan institusi perbankan dan juga perkembangan dalam pasaran pendanaan utama (rujuk rencana 'Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016' untuk maklumat lanjut). Bidang yang akan diliputi di bawah kajian semula ini merangkumi tadbir urus, pengenalpastian, pengukuran, pemantauan dan kawalan risiko mudah tunai.


Jawatankuasa Basel dijangka memuktamadkan komponen pembaharuan pascakrisis selebihnya pada separuh pertama 2017. Ini akan mengukuhkan lagi rangka kerja modal berasas risiko dengan menjadikan keperluan piawaian global lebih ringkas, lebih sensitif kepada risiko dan memudahkan lagi perbandingan merentas negara. Berhubung dengan pembaharuan ini, keutamaan bagi Bank dalam jangka sederhana adalah untuk menambah baik rangkuman risiko bagi aktiviti institusi perbankan dalam rangka kerja modal pengawalseliaan (rujuk 'Fasa Kedua' di bawah Gambar Rajah 2.3), yang selaras dengan penilaian risiko dalam konteks sistem kewangan domestik. Sehubungan dengan itu, Bank akan memulakan kajian semula keperluan sedia ada untuk risiko kredit, pasaran dan operasi pada tahun 2017, yang bertujuan untuk memperkukuh daya tahan institusi perbankan terhadap risiko-risiko ini. Pengukuhan keperluan modal berbanding dengan risiko kredit rakan niaga bagi dedahan derivatif juga termasuk dalam kajian semula ini, sejajar dengan peningkatan aktiviti institusi perbankan dalam pasaran derivatif yang lebih maju. Secara keseluruhan, turutan pembaharuan akan mempertimbangkan kesan ke atas ekonomi Malaysia, dengan mengambil kira garis masa yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa dan kemajuan pelaksanaan pada peringkat global.

Perancangan pemulihan dan penyelesaian

Piawaian Basel juga dilengkapkan dengan usaha antarabangsa yang lebih meluas untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan global dan menangani

Gambar Rajah 2.3

Pelaksanaan Pembaharuan Utama Piawaian Basel



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penambahbaikan utama kepada piawaian pengurusan risiko kredit

- Menguatkan keperluan pengukuran risiko kredit untuk menggalakkan pendekatan anggaran kerugian yang lebih canggih.
- Menetapkan keperluan tadbir urus yang lebih tinggi, dengan menitikberatkan jangkauan penglibatan lembaga pengarah dan fungsi kawalan risiko dalam proses kelulusan kredit.
- Memperluas keperluan pengurusan kredit di luar kebiasaan dan pengurusan risiko penumpuan kredit, risiko negara dan risiko pemindahan.
- Memperkenalkan keperluan pengawasan risiko kredit yang merangkumi seluruh kumpulan bagi risiko yang berpunca daripada aktiviti merentas entiti dalam kumpulan dan negara.
- Menggalakkan pengurusan mantap bagi risiko kredit yang sedia ada dalam aktiviti tertentu penanggung insurans dan pengendali takaful, seperti pembelian sekuriti hutang dan pemindahan risiko kepada penanggung insurans semula atau pengendali takaful semula.

kelemahan utama dalam rangka kerja pengawalseliaan sebelum krisis. Usaha ini termasuk pembaharuan yang dicadangkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) untuk menambah baik perancangan pemulihan dan penyelesaian institusi kewangan, khususnya bagi institusi yang penting dari segi sistemik. Dalam hal ini, Bank dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia terus berusaha membangunkan rangka kerja perancangan pemulihan dan penyelesaian domestik bagi Malaysia. Fasa pertama usaha ini memberikan tumpuan pada sektor perbankan, dan akan diikuti oleh pelanjutan rangka kerja untuk penanggung insurans dan pengendali takaful pada peringkat kemudiannya. Bank merancang untuk melaksanakan usaha rintis dengan institusi perbankan yang dikenal pasti untuk menguji rangka kerja perancangan pemulihan pada separuh kedua tahun 2017 bagi menentukan panduan dasar akhir yang akan dikeluarkan kepada industri.

Pengurusan risiko kredit

Pada bulan Januari 2017, Bank mengeluarkan piawaian pengurusan risiko kredit yang dikemas kini untuk perbincangan dengan orang ramai. Pengemaskinian piawaian ini bertujuan meningkatkan amalan pengurusan risiko kredit seluruh industri, dengan mengambil kira perkembangan saiz dan kepelbagaian penawaran produk, pengantarabangsaan sistem kewangan yang lebih ketara dan peranan pasaran modal domestik sebagai sumber pembiayaan alternatif yang semakin berkembang. Piawaian ini juga merangkumi keperluan yang akan menyokong keberkesanan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (Malaysian Financial Reporting Standards 9) oleh institusi kewangan, dan menggalakkan penjajaran dengan objektif kehematan.

Ujian tekanan

Keperluan pengawalseliaan bagi ujian tekanan telah diperhalusi pada tahun 2016 untuk memastikan penilaian risiko yang lebih mantap dan berpandangan jauh oleh institusi perbankan. Ujian tekanan ialah alat kritikal yang digunakan untuk mengenal pasti kelemahan utama dan risiko yang ketara dalam institusi perbankan. Ujian ini memberikan input utama dalam penentuan kesanggupan mengambil risiko dan had risiko oleh institusi perbankan serta perancangan modal, mudah tunai, pemulihan dan penyelesaian. Pengemaskinian yang dicadangkan telah diterbitkan pada bulan Oktober 2016.

Keperluan baharu untuk institusi perbankan melaksanakan ujian tekanan berbalik (reverse stress testing) telah diperkenalkan dengan tujuan mengenal pasti kejadian atau senario yang boleh mengakibatkan institusi perbankan menjadi tidak berdaya maju. Pengenalpastian kejadian atau senario sedemikian boleh membantu institusi perbankan mendalami risiko yang ditanggung, sama ada risiko itu sepadan dengan kesanggupan mengambil risiko dan tindakan yang diperlukan untuk mengelakkan risiko yang tidak boleh diterima. Usaha sedemikian dijangka dapat berfungsi sebagai input kepada strategi pengurusan risiko dan rancangan pemulihan institusi perbankan agar bersedia untuk bertindak dengan pantas sekiranya berlaku apa-apa kejadian pencetus. Keputusan ujian tekanan berbalik (di samping keputusan ujian tekanan berdasarkan senario yang ditetapkan oleh Bank dan senario yang dibangunkan secara dalaman) dikehendaki dilaporkan secara berkala kepada Bank. Laporan ini akan melengkapkan penilaian kestabilan dan penyeliaan kewangan Bank.

Penambahbaikan utama piawaian ujian tekanan

- Menggalakkan penilaian yang berpandangan jauh dengan mewajibkan ujian tekanan berbilang tahun dengan tempoh minimum yang ditetapkan selama tiga tahun.
- Memperkenalkan keperluan mengambil kira limpahan risiko daripada syarikat gabungan kepada institusi perbankan.
- Menambah baik kualiti ujian tekanan dengan menghendaki institusi perbankan untuk mempertimbangkan kesalinghubungan antara pelbagai jenis risiko yang berbeza semasa senario tertekan.
- Menguatkan strategi pengurangan risiko dan rancangan pemulihan institusi perbankan dengan menghendaki ujian tekanan berbalik untuk mengenal pasti risiko yang jarang-jarang berlaku (tail risk).

Mengurus risiko amalan

Sejak beberapa tahun yang lepas, Bank telah mempergiatkan usaha untuk menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional di persekitaran tekanan persaingan dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Penambahbaikan dalam amalan tingkah laku perniagaan institusi perbankan terus dipantau dan diperkukuh. Institusi perbankan telah melaksanakan amalan pembiayaan bertanggungjawab dengan lebih mantap. Ini dicerminkan oleh penilaian kemampuan boleh bayar yang lebih konsisten dalam penawaran produk kewangan. Amalan pasaran juga telah diberikan perhatian oleh ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan, dan lebih bersepadu dengan rancangan strategik perniagaan institusi perbankan. Di samping itu, kes pengiklanan yang kurang tepat atau mengelirukan yang dikenal pasti oleh Bank pada tahun 2016 juga telah berkurangan dan menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pemasaran yang adil oleh institusi perbankan.

Lebih penekanan pada amalan pasaran diperhatikan dalam seluruh sektor perbankan

Bank sentiasa peka memantau dan menilai risiko amalan dalam sektor perbankan. Dalam era perbankan digital yang semakin berkembang, Bank telah meningkatkan perhatian pada pengurusan risiko amalan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas oleh institusi perbankan, yang boleh meningkatkan dedahan kepada penipuan kewangan (lihat juga 'Inovasi FinTech' dalam Bab berjudul 'Perkembangan Merentas Sektor'). Institusi perbankan sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang langkah berjaga-jaga yang perlu diambil apabila mengakses perkhidmatan kewangan melalui platform digital. Peningkatan kebergantungan pada teknologi dan saluran digital untuk perkhidmatan kewangan juga berpotensi meningkatkan risiko akses tanpa kebenaran kepada maklumat sulit pelanggan. Pada tahun 2016, institusi perbankan dikehendaki menjalankan kajian semula secara bebas berhubung dengan keberkesanan kawalan yang sedia ada untuk melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan. Skop kajian semula ini meliputi pemeriksaan pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan pelupusan maklumat pelanggan. Kajian semula ini mendapati bahawa kawalan beberapa institusi perbankan perlu dikukuhkan lagi dan hal ini sedang ditangani oleh institusi perbankan berkenaan. Secara khususnya, pengukuhan ini bertujuan menambah baik kawalan berasaskan sistem untuk menghalang akses tanpa kebenaran kepada maklumat sulit pelanggan dan sistem pemantauan untuk mengesan penzahiran yang tidak dibenarkan. Secara umum, institusi perbankan telah diingatkan untuk memastikan program latihan dalaman yang menekankan tanggungjawab kakitangan untuk mematuhi sepenuhnya prosedur pengendalian maklumat sulit pelanggan dikekalkan dan dikemaskinikan secara berkala.

Tindakan penyeliaan telah diambil oleh Bank terhadap 24 buah institusi perbankan (termasuk IKP) pada tahun 2016 untuk pelbagai ketidakpatuhan terhadap keperluan tingkah laku yang dikeluarkan oleh Bank, seperti yang berikut:

- Empat buah institusi perbankan telah diarahkan supaya memperkukuh langkah-langkah kawalan bagi mengelakkan penzahiran maklumat pelanggan tanpa kebenaran;
- Sebuah institusi perbankan telah diarahkan supaya menghentikan pengenaan fi yang dilarang;
- Enam buah institusi perbankan telah diarahkan supaya mengubah suai dan meningkatkan tahap penzahiran bahan pemasaran untuk memastikan risiko produk dan maklumat yang berkaitan dizahirkan dengan jelas. Institusi perbankan

tersebut juga dikehendaki menyemak semula terma dalam kontrak yang dianggap tidak adil atau menjejaskan kepentingan pelanggan;
- 19 buah institusi perbankan telah diarahkan untuk memastikan bahawa perkhidmatan perbankan asas ditawarkan sebagai pilihan kepada semua pelanggan; dan
- Tujuh buah institusi perbankan telah diarahkan supaya menangani kelemahan berhubung dengan keperluan dasar pembiayaan yang bertanggungjawab dan telus.

Selain usaha pengawalseliaan, inisiatif yang diterajui industri terus memainkan peranan penting untuk membina kepercayaan, meningkatkan kecekapan operasi dan menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan. Usahasama antara institusi perbankan dengan persatuan industri kini sedang dijalankan untuk menggalakkan penyelarasan Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang menetapkan prinsip dan piawaian asas perkhidmatan pelanggan. Usaha ini akan menjadi asas untuk kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan seluruh industri, yang dirancang bagi tahun 2017.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Operasi serantau kumpulan perbankan domestik semakin berkembang (kadar pertumbuhan tahunan terkompaun 3 tahun bagi jumlah aset luar negeri: 17%) dengan prospek pertumbuhan masa hadapan dijangka terus bertambah baik berikutan perjanjian dua hala yang dipermudah oleh Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF).

Pada tahun 2016, Bank memeterai perjanjian dua hala dengan Otoritas Jasa Keuangan, Bangko Sentral ng Pilipinas dan Bank of Thailand, yang merintis laluan bagi akses pasaran yang lebih meluas dan fleksibiliti operasi untuk bank ASEAN bertauliah (qualified ASEAN banks) dalam menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan antara rantau. Integrasi serantau dijangka dipertingkat pada dekad akan datang, dibantu oleh pengaturan kestabilan kewangan serantau yang dibentuk oleh gabenor-gabenor dan menteri-menteri kewangan ASEAN pada bulan April 2016 untuk menggalakkan lagi ketelusan pengawalseliaan, pembinaan keupayaan dan kerjasama dalam rantau ini.

Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu

Oleh: Zarina Abd Rahman dan Samuel Lee


Pembiayaan untuk perniagaan di Malaysia telah berkembang sejak sedekad yang lalu. Salah satu perkembangan yang paling ketara ialah pembiayaan pasaran modal yang semakin penting untuk aktiviti perniagaan, yang turut mengurangkan pergantungan pada pembiayaan bank. Sejak mutakhir ini, permintaan terhadap pembiayaan juga mencerminkan peralihan yang lebih meluas dalam aktiviti ekonomi ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan dengan peningkatan penggunaan teknologi. Perkembangan ini telah mendorong pembiayaan menggunakan sumber baharu untuk memenuhi pendorong permintaan yang telah berubah serta pembaharuan dalam pendekatan dan program pemberian pinjaman oleh pemberi pinjaman tradisional. Walaupun sektor perbankan terus menjadi pembiaya utama, pembiayaan alternatif juga telah berkembang secara beransur-ansur (untuk rencana ini, pembiayaan alternatif merujuk kaedah pembiayaan selain pembiayaan hutang secara tradisional oleh bank, tetapi termasuk pemajakan dan pemfaktoran). Rencana ini menghuraikan potensi sumber pembiayaan alternatif sebagai pelengkap kepada pembiayaan hutang oleh bank untuk memenuhi keperluan pembiayaan hutang oleh perniagaan yang semakin pelbagai dan inovatif.

Pembiayaan Alternatif sebagai Pelengkap Sumber Dana

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam operasi sektor perniagaan di Malaysia, termasuk PKS, semakin meningkat kebelakangan ini. Syarikat permulaan juga semakin giat merebut peluang, dengan itu lebih cenderung untuk menerima pakai dan menggunakan inovasi bagi memanfaatkan trend baharu ini (Rajah 1). Perkembangan ini mendorong kemunculan ekonomi berasaskan perkongsian dan pasaran secara elektronik (e-pasaran). Premis teras ekonomi berasaskan perkongsian ialah keupayaan untuk menjana nilai ekonomi dengan memaksimumkan penggunaan aset sedia ada dan membolehkan akses yang mudah serta berkesan dari segi kos kepada sumber pengeluaran tanpa perlu mempunyai hak milik ke atas sumber tersebut. Sementara itu, e-pasaran memanfaatkan platform maya untuk memadankan penawaran dan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dengan lebih cekap, sekali gus mengurangkan kos pegangan. Pendorong bagi keadaan ini ialah peningkatan trend perniagaan berasaskan inventori yang sedikit, tetapi lebih ditumpukan pada harta intelektual.

Rajah 1

Ciri-ciri Perniagaan Syarikat Permulaan



Sumber: SME Corporation Malaysia


Perniagaan sedemikian menghadapi cabaran untuk mengakses pembiayaan berasaskan bank, sebahagian besarnya disebabkan oleh ciri-ciri pembiayaan bank yang sering kali tidak sesuai dengan pembiayaan usaha niaga yang inovatif dan dalam bidang pertumbuhan baharu:

- Proses penilaian kredit bank masih terlalu bergantung pada pengumpulan dan analisis sejumlah besar data sejarah dan kuantitatif. Penggunaan model berasaskan skor kredit yang meluas oleh bank juga menyerlahkan sifat berkitar pemberian pinjaman bank. Sehubungan dengan itu, perniagaan dalam bidang pertumbuhan baharu menghadapi kesukaran untuk memperoleh pembiayaan bank, terutamanya semasa ekonomi mengalami kelembapan.

- Penilaian kredit ada ketikanya dilengkapkan oleh data mengenai hubungan dengan pelanggan, yang bergantung pada maklumat yang dikumpul sejak hubungan perbankan terjalin. Maklumat ini termasuk pengetahuan tentang watak dan integriti peminjam, kewibawaan rujukan, atau kedudukan peminjam dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, penilaian berdasarkan hubungan semakin kurang diutamakan sejak bank beralih ke arah sistem yang lebih berpusat untuk menilai kredit dan membuat keputusan, selaras dengan pertambahan saiz dan kompleksiti.
- Ciri utama pemberian pinjaman kepada perniagaan yang kurang dikenali beserta rekod prestasi yang terhad masih lagi berupa cagaran, terutamanya dalam bentuk harta tanah komersial dan kediaman yang digunakan bank sebagai penampan daripada kerugian kredit. Cagaran seperti ini umumnya adalah sukar diperoleh dalam kalangan perniagaan baharu, seperti dinyatakan di atas. Kebergantungan pada cagaran juga sebahagiannya menggambarkan tahap inersia organisasi. Dalam hal ini, bank agak perlahan untuk membangunkan kepakaran dalam bidang pertumbuhan baharu atau menggunakan pendekatan dan teknologi baharu untuk mengurus risiko (Rajah 2).

Rajah 2

Cabaran Utama Membiayai Bidang Inovatif dan Pertumbuhan Baharu




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebab-sebab permohonan pinjaman ditolak yang sering dinyatakan oleh PKS mengesahkan pemerhatian ini (Rajah 3).

Rajah 3

Sebab-sebab Bank Menolak Permohonan Pinjaman seperti yang Dinyatakan oleh PKS



Sumber: Kaji Selidik SME Corporation Malaysia

Tingkah laku bank sebahagian besarnya adalah kerana kewajipan untuk melindungi kepentingan pendeposit. Hal ini menyebabkan bank tidak boleh mengambil risiko yang berlebihan. Walaupun perniagaan yang lebih berisiko telah melalui tapisan kelayakan kredit dengan sewajarnya, peminjam mempunyai insentif yang tinggi untuk menggunakan dana bagi projek lebih berisiko kerana keuntungan daripada perniagaan yang diambil akan menjadi milik mereka, manakala bank dan pendeposit lebih terdedah pada risiko kegagalan membayar balik faedah dan prinsipal jika perniagaan itu gagal.

Pembiayaan alternatif yang berkembang dapat mengurangkan jurang ini dengan membuka peluang pembiayaan baharu kepada perniagaan yang inovatif dan masih pada peringkat permulaan. Contoh yang jelas termasuklah:


- Pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet (crowdfunding) dan pemberian pinjaman rakan-ke-rakan yang menurunkan kos carian bagi pemberi pinjaman dan peminjam;
- Ekuiti persendirian dan modal usaha niaga yang membolehkan penyedia dana membuat jangkaan risiko dan pulangan yang lebih terselaras;
- Struktur pemberian pinjaman bersandarkan aset yang mengambil kira keupayaan menjana nilai aset rujukan; dan
- Pemfaktoran yang membolehkan peminjam yang kurang kepercayaan kredit untuk menambah baik aliran tunai dengan menggantikan risiko kredit mereka dengan pelanggan lain yang lebih teguh.

Model kewangan alternatif juga semakin memanfaatkan platform digital, terus meningkatkan kecekapan dan berpotensi untuk menangani jurang pembiayaan dalam ekonomi. Maklumat terkini menunjukkan penggunaan kaedah pembiayaan alternatif telah meningkat, meskipun agak kecil berbanding dengan pemberian pinjaman secara tradisional oleh bank. Baru-baru ini enam pengendali pasaran berdaftar telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mengendali platform pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet berasaskan ekuiti. Platform tersebut telah memperoleh dana berjumlah RM6.2 juta untuk membiayai perniagaan permulaan dalam tempoh 10 bulan. Kesedaran orang ramai mengenai saluran pembiayaan alternatif juga telah menunjukkan trend yang meningkat (Rajah 4) dan dilaporkan perniagaan semakin banyak menggunakan kaedah pembiayaan alternatif (Rajah 5), yang disokong oleh pertumbuhan pengantaraan kewangan bukan bank.

Ruang untuk menyokong pembangunan kewangan alternatif di Malaysia masih terbuka luas. Pada tahun 2015, pembiayaan alternatif terkumpul merangkumi modal usaha niaga, pemajakan dan pemfaktoran serta pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet berjumlah RM3.3 bilion, berbanding dengan RM25.1 bilion jumlah permohonan pembiayaan PKS yang ditolak oleh bank. Perbandingan ini menunjukkan anggaran jurang pembiayaan sebanyak RM21.8 bilion yang berpotensi dipenuhi oleh pembiayaan alternatif (Rajah 6).

Rajah 4


Carian Google untuk "Crowdfunding" di Malaysia (indeks)



Sumber: Google trends

Rajah 5

PKS yang Dilaporkan Menggunakan Pembiayaan Alternatif




Sumber: Kaji Selidik SME Corporation Malaysia

Jurang antara jumlah semasa pemfaktoran dan pemajakan di Malaysia (masing-masing 0.64% dan 0.69% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar [KDNK]) dengan purata jumlah pemfaktoran dan pemajakan global di negara-negara yang lebih maju (masing-masing 4.55% dan 1.55% daripada KDNK[1]) menunjukkan terdapat RM48 bilion lagi pembiayaan tambahan yang boleh dijana oleh PKS Malaysia melalui kemudahan pemfaktoran dan pemajakan.

Rajah 6

Jurang Pembiayaan PKS setakat 2015



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Global Leasing Report 2016, White Clarke Group, 2016; Annual Review, Factor Chain International, 2016.

Pengantaraan Kewangan Alternatif oleh Bank di Malaysia

Institusi perbankan turut berperanan menggalakkan pembangunan kewangan alternatif di Malaysia. Peranan ini jelas dalam sektor perbankan Islam apabila penggunaan pengantaraan pelaburan dan amalan perbankan berasaskan nilai yang disokong oleh kontrak Syariah menyumbang ke arah pertumbuhan kewangan alternatif. Yang ketara, penggunaan instrumen kewangan berasaskan ekuiti dan pertukaran yang inovatif seperti *musyarakah* dan *ijarah* telah menawarkan nilai yang berbeza, yang membolehkan risiko dikongsi antara pelabur dengan pemilik perniagaan. Kaedah ini menggunakan struktur akaun pelaburan yang diurus oleh institusi perbankan Islam.

Sektor perbankan Islam semakin mencapai kemajuan dalam penyediaan kewangan alternatif yang menggabungkan objektif komersial dan sosial melalui *waqf* dan pengaturan berasaskan sumbangan lain untuk memberikan lebih manfaat langsung kepada masyarakat. Penggunaan *waqf* tunai untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan untuk mereka yang memerlukan, merupakan contoh peranan pengantaraan yang lebih meluas yang sedia dilaksanakan oleh sektor perbankan Islam (rujuk Bab berjudul 'Pembangunan Kewangan Islam' untuk maklumat lanjut mengenai akaun pelaburan dan *waqf*).

Beberapa bank juga telah memperkenalkan platform perdagangan invois, iaitu platform elektronik sebagai pelengkap pemfaktoran tradisional, untuk menyokong perniagaan yang berdaya maju tetapi kekurangan tunai. Platform tersebut membolehkan PKS menukar invois belum terima kepada wang tunai dengan cepat dan cekap pada kadar yang lebih kompetitif kerana platform tersebut menyediakan proses bidaan invois belum terima secara telus dalam talian. Platform ini juga mengurangkan penipuan yang membabitkan penggunaan invois yang sama untuk berbilang pembiayaan. Perdagangan invois dijangka berkembang, dengan platform berasaskan elektronik memainkan peranan yang lebih penting untuk menghimpunkan pelabur canggih serta pembekal dana institusi. Potensi untuk meningkatkan jumlah pengguna baharu yang lebih meluas juga telah meningkatkan penyertaan bank sebagai pembekal dana institusi dalam platform perdagangan pengantaraan invois oleh bank.

Keutamaan Dasar untuk Memajukan lagi Kewangan Alternatif

Keutamaan untuk memajukan lagi kewangan alternatif sebagai sumber penting pembiayaan peringkat awal perlu merangkumi perkara berikut:

- Mengukuhkan pengaturan institusi untuk menyelaras, menjajar dan memacu dasar pembangunan untuk kewangan alternatif melalui pendekatan atas ke bawah. Hal ini memerlukan pertimbangan yang terperinci bagi pengawalseliaan dan rangka kerja perundangan yang sewajarnya, serta sokongan infrastruktur kewangan untuk menyediakan akses yang cekap kepada, dan penyampaian penyelesaian pembiayaan alternatif.
- Menambah baik kualiti, liputan dan integriti data berkaitan pembiayaan alternatif untuk memaklumkan keputusan dasar awam dan keputusan kredit persendirian. Piawaian perlu diwujudkan untuk penyedia kewangan alternatif melaporkan data yang tetap dan tepat pada masanya kepada pihak berkuasa pengawasan. Data ekonomi juga perlu dibahagikan mengikut segmen untuk menyerlahkan industri yang inovatif dan industri pertumbuhan baharu.
- Mewujudkan daftar cagaran bersepadu (unified collateral registry) untuk aset boleh alih. Daftar tersebut boleh meningkatkan asas cagaran untuk pembiayaan dengan ketara melalui peningkatan ketelusan dan pencegahan penipuan. Daftar ini akan memberikan manfaat kepada PKS khususnya melalui keupayaan untuk mengembangkan nilai aset boleh alih seperti jentera dan inventori, yang sering membentuk sebahagian besar modal saham PKS.
- Menggalakkan pembangunan perantara muka program aplikasi (application programme interface, API) terbuka yang membolehkan pemaju pihak ketiga memanfaatkan pangkalan data institusi kewangan untuk menyampaikan penyelesaian yang lebih cepat, lebih murah dan mengikut keadaan. API ini perlu disokong oleh standard yang seragam bagi membolehkan institusi kewangan berkongsi data serta keperluan berkaitan keselamatan maklumat, pertukaran data dan dasar lain yang berkaitan data.
- Mempergiat inisiatif untuk berinteraksi dan berbincang dengan orang ramai dan inisiatif pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS tentang saluran kewangan alternatif yang tersedia. Usaha juga perlu untuk menggalakkan penyedia dana (termasuk pelabur tidak formal) untuk turut serta secara lebih aktif dalam pasaran kewangan alternatif.

Sektor Insurans dan Takaful

77 Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
82 Dasar Pengawalan dan Penyeliaan serta Perkembangannya
87 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
89 *Rencana: Evolusi Saluran Pengagihan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga*

Sektor Insurans dan Takaful

PRESTASI SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2016. Jumlah premium dan caruman meningkat 4.4% kepada RM61.3 bilion (2015: +4% kepada RM58.7 bilion) manakala gabungan aset insurans dan takaful meningkat 5% kepada RM277 bilion (2015: +5.7% kepada RM263.8 bilion). Pertumbuhan terus disokong oleh permodalan keseluruhan yang kukuh. Pada akhir tahun 2016, agregat nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) sektor insurans dan takaful ialah 243.9%, dengan lebihan modal yang melebihi paras pengawalseliaan minimum 130% terus meningkat kepada RM37.9 bilion (2015: RM36.4 bilion).

Jumlah premium dan caruman sektor insurans dan takaful meningkat 4.4% manakala aset bertambah 5%

Terdapat 55 penanggung insurans dan pengendali takaful dalam industri, termasuk penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula, pada tahun 2016 (Jadual 3.1 dan Jadual 3.2). Sejak lima tahun yang lalu, bilangan peserta industri ini berkurang daripada 60 berikutan penggabungan dan pengambilalihan yang kebanyakannya dalam kalangan penanggung insurans am, untuk meningkatkan daya tahan dan mencapai kecekapan skala (efficiencies in scale). Jumlah broker insurans dan takaful serta penasihat kewangan yang diluluskan ialah 56. Sejumlah 54 ajuster kerugian pula didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang sebahagian besarnya aktif dalam penilaian tuntutan motor dan berkaitan kebakaran.

Jadual 3.1

Bilangan Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful

Kategori	Bilangan
Penanggung insurans hayat	10
Penanggung insurans am	19
Penanggung insurans komposit	4
Pengendali takaful keluarga	3
Pengendali takaful komposit	8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 3.2

Bilangan Penanggung Insurans Semula dan Pengendali Takaful Semula

Kategori	Bilangan
Penanggung insurans semula hayat	1
Penanggung insurans semula am	5
Penanggung insurans semula komposit	1
Pengendali takaful semula	4


Sumber: Bank Negara Malaysia

Premium dan caruman

Sektor insurans hayat dan takaful keluarga terus mempunyai pendorong pertumbuhan yang berbeza (Rajah 3.1 dan Rajah 3.2). Bagi sektor insurans hayat,

Rajah 3.1


Sektor Insurans Hayat: Pertumbuhan Premium dan Caruman Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.2

Sektor Takaful Keluarga: Pertumbuhan Caruman Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

pertumbuhan perniagaan baharu disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam polisi insurans endowmen premium tetap (regular premium endowment policies) yang menggabungkan perlindungan dengan simpanan dan pelaburan. Sebaliknya, perniagaan baharu dalam sektor takaful keluarga sebahagian besarnya masih didorong oleh polisi kelompok bertempoh (group term policies), termasuk polisi bertempoh berkaitan kredit, yang memberikan manfaat perlindungan yang secara relatif lebih tinggi tetapi tidak termasuk komponen simpanan atau pelaburan.

Bahagian perniagaan insurans/takaful perubatan dan kesihatan semakin meningkat, mencerminkan pertambahan faedah bagi pekerja secara berkelompok

Sejak tahun 2006, pertumbuhan perniagaan baharu sebahagian besarnya disokong oleh polisi insurans dan takaful berkaitan pelaburan. Polisi seperti ini memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada pemegang polisi untuk menyesuaikan premium mereka selaras dengan perubahan kecenderungan pelaburan atau keadaan kewangan. Polisi ini juga menarik minat khususnya mereka yang mempunyai perubahan pendapatan yang lebih tinggi atau berhasrat untuk memanfaatkan peluang pelaburan. Antara tahun 2012 hingga 2016, perniagaan insurans dan takaful berkaitan pelaburan meningkat pada kadar purata 8.1%, mencakupi 32.9% daripada jumlah perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan yang tidak menentu sejak dua tahun yang lalu telah melembapkan pertumbuhan segmen ini memandangkan ia lebih sensitif terhadap perubahan keadaan pasaran. Komposisi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga pada amnya kekal tidak berubah, kecuali bahagian perniagaan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang meningkat 8.7% kepada 12.4% daripada jumlah perniagaan sepanjang empat tahun yang lalu (Rajah 3.3). Sebahagian besar daripada pertumbuhan ini disebabkan oleh penyediaan faedah pekerja secara berkelompok yang lebih banyak oleh syarikat-syarikat selaras dengan kenaikan kos pembiayaan kesihatan.

Pengambilan insurans telah meningkat tetapi kadar penembusan tidak berganjak sejak lima tahun yang lalu dan jurang perlindungan kekal ketara


Kadar penembusan insurans, yang diukur oleh jumlah polisi insurans hayat dan takaful keluarga yang masih aktif berbanding jumlah penduduk, kekal tidak berganjak dalam julat 54% hingga 56% sejak lima tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, jumlah nilai yang dilindungi adalah lebih tinggi, meningkat kepada RM1,964.8 bilion pada tahun 2016 (2015: RM1,852 bilion). Jumlah ini dianggap masih tidak mencukupi walaupun untuk penduduk berinsurans. Berdasarkan kajian industri[1], anggaran jurang perlindungan purata[2] di Malaysia adalah antara RM553,000 untuk keluarga yang pencari nafkah utamanya mempunyai insurans hayat yang tertentu, hingga RM723,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya tidak mempunyai apa-apa insurans hayat. Kemampuan membayar dan akses yang diperlukan bagi menyediakan perkhidmatan polisi insurans masih menjadi halangan utama untuk meningkatkan kadar penembusan dalam segmen pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Beberapa inisiatif penting telah diambil sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk meningkatkan ketelusan, menggalakkan inovasi produk serta meluaskan saluran pengagihan produk dan perkhidmatan insurans dan takaful (dihuraikan lebih lanjut dalam Bab ini). Langkah ini dijangka dapat mengurangkan halangan tersebut dan meningkatkan prospek untuk mencapai sasaran penembusan 75% yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

[1] 2012 Underinsurance Study in Malaysia oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Disember 2013.

[2] Ukuran tahap sesuatu keluarga terkurang insurans berikutan kematian pencari nafkah utama.

Rajah 3.3


Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Pertumbuhan Premium dan Caruman Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.4

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Pertumbuhan Premium dan Caruman Kasar dan Komposisi Perniagaan



Sumber: Bank Negara Malaysia


Pertumbuhan insurans am dan takaful am telah disokong oleh perniagaan kebakaran, yang mengimbangi kesan jualan kenderaan bermotor dan penggunaan kapal sewa khas yang lebih perlahan

Bagi sektor insurans am dan takaful am, premium dan caruman kasar menurun seiring dengan keadaan ekonomi (Rajah 3.4). Penjualan kenderaan bermotor yang lebih perlahan telah memberikan kesan kepada segmen insurans dan takaful motor, yang masih merupakan bahagian terbesar (43.4%) daripada perniagaan insurans am dan takaful am. Penurunan harga minyak dan kadar penggunaan kapal sewa khas juga telah memperlahankan pertumbuhan perniagaan berkaitan minyak luar pesisir dan kapal marin dengan mencatatkan penurunan premium masing-masing sebanyak 14.9% dan 12.6%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan terus disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap insurans dan takaful kebakaran daripada peniaga dan pemilik harta tanah individu. Secara keseluruhan, pertumbuhan premium dan caruman kasar kekal positif pada 1.7% (2015: +3.1%).

Kira-kira 90.4% daripada premium insurans dan caruman takaful yang diunderait di Malaysia kekal dalam negeri, yang pada amnya tidak berubah sejak 10 tahun yang lalu (Rajah 3.5). Tahap bendungan (retention level) yang secara relatif tinggi, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kelas perniagaan peribadi (insurans/takaful motor, perubatan dan kesihatan serta kemalangan peribadi) yang lebih besar dan mempunyai dedahan yang lebih kecil untuk setiap polisi serta ciri-ciri polisi yang kurang kompleks. Penanggung insurans dan pengendali takaful domestik juga berupaya mengunderait dan menanggung sebahagian besar risiko dalam beberapa bahagian perniagaan korporat seperti insurans/takaful pampasan pekerja dan liabiliti majikan yang menunjukkan tahap ketidaktentuan kerugian yang lebih rendah dan disokong oleh kumpulan risiko yang agak pelbagai. Keupayaan penanggung insurans dan pengendali takaful domestik untuk mengunderait dan menanggung risiko yang lebih besar dan kompleks, bagaimanapun, masih belum berkembang, lantas mengakibatkan sebahagian besar risiko tersebut diinsuranskan di luar negeri. Keadaan ini lebih ketara dalam segmen perniagaan marin, penerbangan, liabiliti, bon prestasi dan tenaga dengan tahap bendungan secara amnya kekal bawah 75% sepanjang lima tahun yang lalu. Angka ini mencakupi sebahagian besar aliran keluar premium insurans semula yang berjumlah RM1.9 bilion untuk semua risiko yang digabung pada tahun 2016. Selaras dengan perkembangan ekonomi berserta strukturnya yang kian berubah, industri perlu mengukuhkan keupayaannya untuk menyokong risiko yang lebih kompleks dan bukan tradisional, baik pada peringkat teknikal mahupun peringkat kewangan.

Rajah 3.5


Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Bendungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.6

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan



Sumber: Bank Negara Malaysia


Keberuntungan

Keberuntungan industri bertambah baik pada tahun 2016. Dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat 10.3% kepada RM13.3 bilion (Rajah 3.6). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan pendapatan premium dan caruman yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, lebihan[3] dana insurans hayat dan takaful keluarga yang digabungkan adalah lebih rendah disebabkan oleh pelarasan terhadap liabiliti polisi setelah mengambil kira tempoh berpanjangan kadar hasil lebih rendah yang dialami. Hal ini mengimbangi penurunan pembayaran manfaat polisi bersih berikutan pembayaran kematangan polisi yang lebih rendah pada tahun 2016. Pembayaran serahan sejak empat tahun yang lalu kekal lebih tinggi berbanding dengan paras purata tertinggi yang pernah dicatatkan (Rajah 3.7), dengan peningkatan yang mendadak sejak tahun 2014. Perkembangan ini adalah membimbangkan ekoran kehilangan nilai dan perlindungan kepada pemegang polisi. Bank telah meningkatkan penelitiannya terhadap amalan jualan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dan mengarahkan mereka supaya mengukuhkan langkah-langkah untuk mengekalkan polisi pengguna. Langkah-langkah tersebut termasuk menyediakan pilihan kepada pemegang polisi untuk menukar polisi mereka kepada polisi berbayar sepenuhnya dengan membuat penyelarasan terhadap jumlah yang diinsuranskan serta pengkajian semula sistem insentif ejen dan pengantara.

Penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan yang jauh lebih kukuh berbanding dengan tahun sebelumnya, dengan keuntungan operasi meningkat 26.4% pada tahun 2016 (2015: -15.1%) (Rajah 3.8). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh hasil pengunderaitan yang bertambah baik bagi perniagaan motor

Rajah 3.7

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Pembayaran Serahan




Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Selepas pembayaran bonus interim tetapi tidak termasuk lebihan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya dan pindahan daripada pemegang saham.

Rajah 3.8

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia


susulan pelepasan rizab tuntutan, termasuk rizab yang dipegang untuk risiko yang diunderait melalui Kumpulan Insurans Motor Malaysia (Malaysian Motor Insurance Pool, MMIP), berikutan perkembangan trend tuntutan yang lebih stabil. Keadaan ini juga disokong oleh tahap kerugian kecurian kenderaan yang lebih rendah, menurun kepada hampir separuh daripada paras tertinggi pada tahun 2013. Keadaan ini, bagaimanapun, hanya mengurangkan sebahagian daripada kerugian tuntutan motor bagi Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga (Rajah 3.9) yang terus melebihi tahap premium dengan margin yang besar. Keadaan ini menunjukkan kepentingan untuk meneruskan pelaksanaan langkah pembaharuan yang lebih meluas dalam sektor motor untuk mencapai penetapan harga yang lebih sejajar dengan risiko dan mendorong penambahbaikan yang diperlukan bagi menstabilkan dan mengurangkan kerugian. Pembaharuan ini juga akan menggalakkan penetapan harga yang lebih saksama, yang seterusnya mengurangkan keperluan subsidi bersilang antara kelas perniagaan atau antara segmen pelanggan.

Meskipun keuntungan operasi bagi insurans am dan takaful am meningkat, perniagaan motor terus mengalami kerugian besar bagi Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga

Sejak beberapa tahun yang lalu, penanggung insurans dan pengendali takaful secara beransur-ansur beralih kepada bon korporat yang mempunyai kadar hasil yang lebih tinggi untuk meningkatkan pulangan terlaras risiko ke atas modal (Rajah 3.10). Sebahagian besar peralihan ini adalah daripada pemegangan tunai, deposit dan sekuriti kerajaan. Bahagian aset industri dalam sekuriti kerajaan telah berkurang sejak 10 tahun yang lalu kepada 11% pada tahun 2016 (2007: 16.6%), manakala bahagian aset dalam bon korporat pula meningkat kepada 42.8% (2007: 33.8%). Tahap kesanggupan penanggung insurans dan pengendali takaful mengambil risiko kredit pada amnya masih konservatif, dengan kebanyakan syarikat mengekalkan

Rajah 3.9


Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Gabungan dan Nisbah Kerugian bagi Kelas Perniagaan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.10

Sektor Insurans dan Takaful: Komposisi Asset



Sumber: Bank Negara Malaysia

sasaran portfolio dengan penarafan kredit minimum AA dan ke atas. Dalam persekitaran kadar hasil rendah yang berpanjangan, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga terutamanya dijangka membuat pelarasan selanjutnya dalam peruntukan aset bagi meningkatkan kepelbagaian dan mencapai kesepadanan aset dengan liabiliti yang lebih cekap. Keadaan ini dijangka terus diimbangkan dengan strategi yang dapat meningkatkan daya tahan terhadap ketidaktentuan kredit yang lebih meluas dalam persekitaran ekonomi semasa.

DASAR PENGAWALAN DAN PENYELIAAN SERTA PERKEMBANGANNYA

Dasar dan inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2016 terus tertumpu pada usaha untuk membina dan mengukuhkan asas bagi membangunkan industri insurans dan takaful yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan inklusif. Selaras dengan mandat Bank untuk menggalakkan layanan adil kepada pengguna kewangan, aktiviti pengawalan dan penyeliaan juga ditumpukan pada pengurusan risiko yang menjadi amalan utama yang dinilai oleh Bank dan memperkukuh piawaian tingkah laku profesional yang tinggi serta urusan yang adil dalam industri.

Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran berfasa

Seperti yang dibayangkan oleh langkah-langkah di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu untuk meningkatkan kecekapan penyelesaian tuntutan motor dan melaraskan secara beransur-ansur premium tarif ke paras yang lebih wajar, industri memulakan fasa pertama liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran pada 1 Julai 2016. Liberalisasi berfasa akan memberikan fleksibiliti dalam penentuan harga risiko yang lebih saksama yang akan menggalakkan pengurusan risiko yang lebih baik dalam bentuk sikap pemanduan yang bertanggungjawab serta pengamalan langkah keselamatan di jalan raya. Persaingan sihat ini juga akan menjadi pemangkin bagi rangkaian produk motor dan kebakaran yang lebih pelbagai, di samping tahap perkhidmatan yang lebih baik. Industri berada pada kedudukan yang baik untuk membuat peralihan ini dengan disokong oleh keupayaan pengurusan kewangan dan risiko yang lebih kukuh.

Liberalisasi kadar tarif secara berperingkat akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bagi membolehkan pelarasan pasaran yang teratur. Di bawah Fasa I liberalisasi, produk baharu motor dan kebakaran boleh ditawarkan pada harga yang berasaskan pasaran, manakala produk motor sedia ada di bawah tarif akan terus ditawarkan kepada orang ramai pada kadar tarif semasa. Di bawah Fasa II, yang akan bermula 1 Julai 2017, tarif bagi semua produk motor sedia ada akan dimansuhkan kecuali untuk produk motor pihak ketiga yang kadar tarifnya akan dilaraskan secara beransur-ansur. Liberalisasi tarif seterusnya untuk produk motor pihak ketiga akan dikaji semula pada tahun 2019 dengan mengambil kira perkembangan pasaran pada Fasa I dan II.

Bermula 1 Julai 2017, tarif motor yang sedia ada akan dimansuhkan kecuali produk motor pihak ketiga

Bagi memberikan ruang kepada penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengimbangi apa-apa kenaikan premium motor, terutamanya yang melibatkan bilangan polisi yang besar, kadar premium untuk produk kebakaran yang sedia ada akan terus dikawal selia di bawah tarif dengan pelarasan yang beransur-ansur. Kajian semula tarif kebakaran akan dilaksanakan bersama-sama tarif yang masih kekal iaitu bagi produk motor pihak ketiga. Kajian semula ini akan dilakukan apabila terdapat gambaran yang lebih jelas mengenai proses peralihan ini dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Terdapat beberapa jenis risiko yang perlu diberikan perhatian. Persaingan harga yang tidak terkawal antara syarikat untuk mengekalkan atau menguasai bahagian pasaran boleh menyebabkan penetapan harga risiko yang tidak memadai, seterusnya mendedahkan industri kepada kerugian yang besar dan mengurangkan keupayaan pengunderaitan pada masa hadapan. Selain caj risiko modal yang sedia ada untuk menangani penurunan kadar secara mendadak, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki mengemukakan kadar yang berada di bawah nilai ambang yang ditetapkan untuk semakan Bank bagi mengurangkan risiko ini. Risiko ketidakmampuan membayar polisi insurans dan takaful motor untuk beberapa segmen di bawah penetapan harga berasaskan pasaran juga sedang diurus melalui pengaturan peralihan yang bersesuaian, dengan memastikan ketelusan yang sewajarnya dan mendidik pemilik kenderaan tentang kaedah untuk memperbaiki profil risiko mereka. Kekeliruan orang ramai berkaitan syarat-syarat perlindungan

juga penting untuk ditangani memandangkan terdapat produk yang lebih pelbagai diperkenalkan di pasaran. Meskipun perhatian yang rapi perlu diberikan pada risiko-risiko ini, ia tidak menjejaskan keperluan pembaharuan bagi kepentingan jangka panjang. Ini adalah bagi memastikan pasaran insurans dan takaful motor mampan dan lebih saksama, di samping mengukuhkan insentif yang akan meningkatkan pengurusan risiko dan keselamatan jalan raya.

Sebagai prasyarat penting bagi fasa liberalisasi seterusnya, usaha terus dilaksanakan untuk menambah baik data sedia ada supaya mencukupi dan boleh diyakini untuk penilaian risiko dan tuntutan. Usaha ini melibatkan penambahbaikan kualiti data yang dikemukakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful kepada Insurance Services Malaysia Berhad (ISM) yang menyenggara pangkalan data dan menyediakan sokongan analisis untuk pelaksanaan liberalisasi tarif berfasa yang berkesan. Pangkalan data yang dikongsi ini dijangka melengkapkan aktiviti pembangunan produk, penentuan harga dan penentuan rizab oleh setiap penanggung insurans dan pengendali takaful melalui pengumpulan data industri. ISM juga dijangka melaksanakan sistem perisikan penipuan pada separuh kedua tahun 2017 yang boleh mengenal pasti corak penipuan berdasarkan data yang dikumpul daripada penanggung insurans dan pengendali takaful mengenai tuntutan yang disyaki palsu.

Langkah-langkah juga sedang dilaksanakan untuk meningkatkan liputan dan perincian data rujukan yang disenggarakan oleh Motordata Research Consortium Sdn. Bhd. (MRC), yang digunakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk penilaian tuntutan. Langkah ini disokong oleh pelaksanaan piawaian kelayakan dan profesional yang lebih tinggi yang akan diperkenalkan untuk ajuster kerugian.

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Rangka Kerja)

Rangka Kerja ini yang dikeluarkan pada bulan November 2015 menggariskan strategi serampang tiga mata yang bertujuan menggalakkan inovasi yang lebih tinggi dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga bagi memenuhi keperluan perlindungan penduduk Malaysia. Rangka Kerja ini memberikan lebih fleksibiliti kepada penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengawal kos pengagihan dan pengurusan, menggalakkan pembangunan saluran pengagihan alternatif serta memperkukuh insentif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengantara. Perkembangan utama pelaksanaan Rangka Kerja pada tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

(i) Pelaksanaan kad skor seimbang untuk pengantara insurans hayat dan takaful keluarga

Penekanan yang berlebihan terhadap pertumbuhan premium tanpa mengambil kira kepentingan pemegang polisi telah menyebabkan Bank beberapa kali bertindak meminta penjelasan daripada syarikat terhadap tingkah laku mereka menjual produk yang tidak menepati kehendak dan kedudukan kewangan pemegang polisi. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perkara sebegini juga telah menyebabkan kadar penyerahan semula polisi yang lebih tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kad skor seimbang (balanced scorecard, BSC) akan mengubah struktur ganjaran untuk pengantara berkuat kuasa mulai tahun 2018 dengan tujuan untuk menyelaraskan pemberian ganjaran dengan keseluruhan kualiti perkhidmatan dan polisi yang dijual. Perubahan ini akan menambah baik insentif kepada pengantara untuk mematuhi piawaian profesionalisme dan perkhidmatan yang lebih tinggi dalam memberikan khidmat nasihat dan cadangan produk, serta sokongan pelanggan yang berterusan kepada pemegang polisi sepanjang tempoh polisi berkuat kuasa. Dengan lebih 95% perniagaan insurans dan takaful kini diperoleh melalui ejen dan pengantara, langkah ini dijangka meningkatkan tahap kepercayaan dan keyakinan pengguna kewangan terhadap industri. Bagi melengkapkan BSC, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga juga dikehendaki memberi semua pelanggan mereka panduan perkhidmatan yang memperincikan aspek nasihat dan perkhidmatan yang pelanggan jangkakan daripada pengantara insurans dan takaful.

Peserta industri telah bersetuju dengan penunjuk prestasi utama di bawah BSC berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Bank dalam Rangka Kerja ini. Pelaksanaan rintis BSC kini sedang dijalankan sebelum pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2018.

(ii) Ketersediaan produk menerusi saluran pengagihan langsung tanpa khidmat nasihat

Pada bulan Oktober 2016, Bank memuktamadkan keperluan bagi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk menawarkan produk perlindungan asas menerusi saluran pengagihan langsung tanpa khidmat nasihat dan tanpa komisen. Penawaran ini akan bermula dengan produk bertempoh pada tahun 2017, diikuti oleh produk penyakit kritikal serta perubatan dan kesihatan pada tahun 2018. Saluran pengagihan langsung melibatkan pengagihan melalui premis penanggung insurans dan pengendali takaful, atau platform dalam talian. Pelanggan juga akan diberikan alat untuk memudahkan penilaian kendiri (self-assessment) tentang kesesuaian dan kemampuan membeli sesuatu produk bagi membolehkan keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dapat dibuat tanpa khidmat nasihat. Perkara ini dijangka meningkatkan pengambilan insurans, di samping mengurangkan kos produk perlindungan asas.

Produk perlindungan asas akan ditawarkan melalui saluran pengagihan langsung, bermula dengan produk bertempoh pada tahun 2017, diikuti oleh produk penyakit kritikal serta perubatan dan kesihatan pada tahun 2018

(iii) Pengenalan akaun dalam talian untuk pemegang polisi insurans dan takaful

Sebagai sebahagian daripada langkah di bawah Rangka Kerja untuk meningkatkan tempoh pemegangan polisi insurans hayat dan takaful keluarga, kebanyakan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga telah menyediakan maklumat kepada pemegang polisi mengenai butiran polisi mereka secara dalam talian sejak bulan Julai tahun 2016. Ini termasuk maklumat mengenai status polisi dan premium serta caruman untuk membolehkan pemegang polisi mengikuti dan mengurus polisi mereka. Dokumen untuk memfailkan tuntutan dan perubahan butir-butir pemegang polisi atau penamaan di bawah polisi ini juga boleh diakses secara dalam talian. Bermula tahun 2017, akaun-akaun dalam talian akan diperluas untuk merangkumi maklumat mengenai pelan berkaitan pelaburan, baki pinjaman polisi, nilai serahan, bonus polisi sertaan dan butiran mengenai pemegang amanah, pemegang serah hak dan penama. Inisiatif ini akan menyediakan kaedah yang praktikal dan mudah untuk pemegang polisi menguruskan polisi mereka dengan lebih baik dan memastikan mereka terus menikmati manfaat perlindungan yang dikehendaki.

Insurans mikro dan takaful mikro

Hanya 4% daripada isi rumah dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah kini mempunyai perlindungan insurans hayat atau takaful keluarga. Selaras dengan mandat Bank untuk menggalakkan sistem kewangan yang inklusif, penggalakan tawaran produk insurans mikro dan takaful mikro yang lebih meluas telah menjadi keutamaan penting bagi Bank dalam usaha menangani jurang perlindungan ini. Tumpuan telah diberikan terutamanya pada pengurangan kos pengagihan serta memudahkan reka bentuk dan penyampaian produk, di samping memastikan perlindungan yang bermakna kepada pemegang polisi.

Pada tahun 2016, Bank mengeluarkan satu kertas perbincangan yang menggariskan parameter pengawalseliaan yang diselaraskan bagi risiko yang lebih rendah yang terdapat dalam produk insurans mikro dan takaful mikro. Usaha ini bertujuan menggalakkan penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk insurans mikro dan takaful mikro dengan lebih meluas. Pada masa yang sama, Bank dan industri juga meningkatkan usaha untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan perlindungan insurans dan takaful, terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful.

Hanya 4% daripada isi rumah berpendapatan rendah dilindungi oleh insurans hayat atau takaful keluarga

Sejak kertas perbincangan tersebut dikeluarkan, beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful telah menunjukkan minat untuk memperkenalkan produk yang lebih mudah dan mampu diperoleh oleh kumpulan berpendapatan rendah, dengan memanfaatkan saluran pengagihan alternatif termasuk sistem pos, perbankan ejen, agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan. Pengajaran daripada syarikat yang mengambil langkah awal ini dijangka menarik lebih banyak firma dalam industri ini untuk menawarkan produk insurans mikro dan takaful mikro pada masa hadapan.

Piawaian perakaunan kontrak insurans

Selepas beberapa tahun dalam pembangunan, Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board, IASB) telah mengumumkan bahawa semakan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk kontrak insurans (International Financial Reporting Standard for insurance contract, IFRS 17) akan dikeluarkan pada tahun 2017, manakala pelaksanaan sepenuhnya akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021. Piawaian tersebut, yang bertujuan meningkatkan kebolehbandingan dan ketelusan pelaporan kewangan untuk kontrak insurans, akan diterima pakai di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, dan dengan itu ia terpakai kepada semua penanggung insurans dan pengendali takaful berlesen. Memandangkan piawaian tersebut dijangka menyebabkan perubahan asas pada amalan penilaian semasa, Bank akan mengkaji semula penetapan kehematan semasa dan tahap perbezaan dalam kontrak insurans sedia ada dalam industri, untuk mengenal pasti isu yang mungkin memerlukan panduan pengawalseliaan tambahan. Preskripsi pengawalseliaan semasa mungkin perlu diubah untuk menyelaraskan keperluan kehematan dan perakaunan. Dalam fasa pertama kajian semula yang dijangka siap pada tahun 2017, tumpuan akan diberikan pada keperluan yang berkaitan dengan penentuan penunaian aliran tunai (aliran tunai yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontrak insurans), pengelompokan kontrak insurans dan penilaian margin perkhidmatan semasa (jangkaan keuntungan perakaunan dalam kontrak insurans).

Piawaian modal insurans global

Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) sedang membangunkan Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Insurance Capital Standard, ICS), yang bertujuan mewujudkan metodologi yang sama bagi penyelia merentas pelbagai negara untuk menilai kecukupan modal kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa. Versi awal ICS yang akan digunakan sebagai asas untuk pelaporan sulit dijangka dikeluarkan pada separuh kedua tahun 2017. Penggunaan versi awal ini akan menentukan penambahbaikan ke atas ICS sebelum dimuktamadkan untuk diterima pakai pada tahun 2019. Walaupun ICS terpakai pada peringkat kumpulan, perubahan pada peringkat ini dalam amalan penilaian dan pengurusan modal tentunya akan memberikan impak kepada entiti individu dalam kumpulan yang wujud di Malaysia. Perkembangan ini bertepatan dengan rancangan Bank untuk mengkaji semula Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful bagi memastikan rangka kerja tersebut sentiasa relevan dan berkesan dalam mengukuhkan daya tahan industri. Bank kini sedang berusaha membangunkan kaji selidik kuantitatif tentang metodologi penilaian dalam industri dan impaknya ke atas modal serta pengukuran risiko di bawah ICS. Jika relevan, penilaian ini akan diselaraskan dengan penilaian keperluan IFRS 17.

Penyerahan polisi hayat dan takaful keluarga

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyerahan polisi insurans hayat dan takaful keluarga meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kaji selidik Bank menunjukkan sebab utama bagi keluputan polisi yang sememangnya boleh dielakkan adalah kerana kelalaian pemegang polisi membayar premium secara tetap. Keluputan sedemikian dijangka dapat dikurangkan dengan pengenalan akaun insurans dan takaful dalam talian berserta insentif yang lebih baik bawah BSC untuk ejen terus memberikan perkhidmatan kepada pemegang polisi sepanjang hayat polisi.

Bayaran serahan telah meningkat sejak tahun-tahun kebelakangan ini

Alasan utama lain yang dikenal pasti bagi penyerahan polisi insurans dan takaful ialah tekanan kewangan yang dihadapi oleh pemegang polisi yang menjejaskan kemampuan memperoleh insurans dan takaful. Keadaan ini dijejaskan lagi oleh amalan jualan yang melampau, yang menyebabkan pemegang polisi menukar polisi mereka, atau membeli polisi yang tidak mungkin dapat diteruskan disebabkan keadaan dan keperluan kewangan mereka. Semua alasan ini mendorong Bank untuk terus memberikan lebih tumpuan pada usaha menangani risiko salah jual dalam industri.

Ekoran aktiviti penyeliaan Bank yang semakin giat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan pembaharuan yang diperkenalkan di bawah

langkah Rangka Kerja yang giat dilaksanakan, Bank mendapati pihak lembaga pengarah dan pengurusan kanan penanggung insurans dan pengendali takaful memberikan lebih perhatian pada penyeliaan yang berkesan terhadap tingkah laku ejen. Walau bagaimanapun, penilaian oleh Bank terhadap amalan jualan pengantara insurans dan takaful terus mendedahkan kelemahan sesetengah syarikat, yang seterusnya meningkatkan risiko ketidaksesuaian produk yang disarankan kepada bakal pelanggan.

Tindakan penyeliaan telah diambil terhadap beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful bagi pelbagai ketidakpatuhan dengan keperluan tingkah laku

Pada tahun 2016, Bank telah mengarahkan beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful supaya mengukuhkan pengendalian proses memperoleh fakta pelanggan dan meningkatkan kualiti latihan agensi. Selain itu, tindakan penyeliaan telah diambil ke atas 11 penanggung insurans dan lima pengendali takaful kerana pelbagai ketidakpatuhan terhadap keperluan tingkah laku yang dikeluarkan oleh Bank, seperti yang dinyatakan di bawah:

- Tujuh penanggung insurans dan empat pengendali takaful diarahkan supaya mengubah suai dan meningkatkan tahap penzahiran bagi bahan pemasaran produk;
- Satu penanggung insurans dan satu pengendali takaful diarahkan supaya memulangkan premium dan caruman (termasuk faedah jika berkenaan) berjumlah RM1 juta kepada 152 pemegang polisi yang terlibat dalam salah jual produk insurans hayat dan takaful keluarga;
- Tiga penanggung insurans dan satu pengendali takaful diarahkan mengembalikan bayaran berjumlah RM6.6 juta kepada 9,752 pemegang polisi yang terlibat kerana kegagalan menyelia ejen mereka dengan baik, yang menyebabkan aktiviti penipuan; dan
- Dua penanggung insurans diarahkan memulangkan/memindahkan sejumlah RM10.9 juta yang melibatkan 13,899 pemegang polisi untuk memperbetul kesilapan pengiraan yang menyebabkan kesalahan dalam bayaran kepada pemegang polisi dan caj dikenakan ke atas mereka.

Penentuan semula harga produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan

Kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti penentuan semula harga produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan (medical and health insurance/takaful, MHIT) oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Bagi memastikan perkara ini diuruskan secara wajar dengan mengambil kira perlindungan kepada pemegang polisi, Bank mengambil beberapa langkah pada tahun 2016 untuk menggalakkan disiplin dan ketelusan yang lebih tinggi dalam dasar dan amalan penentuan semula harga. Penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki mengambil langkah yang jelas untuk menangani kekerapan penentuan semula harga, tahap pemberian subsidi silang (cross-subsidisation), dan komunikasi yang sesuai kepada pemegang polisi dalam dasar penentuan semula harga. Selain itu, mereka hendaklah menyediakan pilihan kepada pemegang polisi untuk terus menerima perlindungan MHIT dengan menawarkan pilihan untuk menukar pelan, mengurangkan had kelayakan bilik dan makanan, atau menaik taraf bagi menambah ciri tanpa pengunderaitan perubatan tambahan. Pada masa yang sama, Bank juga terlibat dalam perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkepentingan lain tentang langkah yang lebih meluas untuk menangani inflasi perubatan, terutamanya dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan swasta. Perkembangan selanjutnya tentang perkara ini akan dimaklumkan oleh Kerajaan.

Semakan bonus bagi produk insurans hayat sertaan

Dokumen dasar mengenai Pengurusan Perniagaan Insurans Hayat Sertaan, yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2015, telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016. Dokumen ini menggalakkan hasil yang lebih saksama untuk pemegang polisi apabila penanggung insurans membuat semakan bonus dengan menetapkan piawaian yang mesti dipatuhi oleh penanggung insurans dalam menilai kemampanan dana insurans. Penanggung insurans juga dikehendaki mengambil langkah yang wajar untuk mengurus kehendak pemegang polisi dan memberikan sokongan kepada pelanggan yang terjejas oleh semakan bonus.

Selaras dengan kehendak yang diperkukuh di bawah dokumen dasar, penanggung insurans telah mengambil pendekatan yang lebih beransur-ansur dalam semakan

bonus supaya dapat menyederhanakan impak segera ke atas pemegang polisi yang terjejas. Selain itu, penanggung insurans juga telah memperbaik komunikasi tentang semakan bonus dengan pemegang polisi yang terlibat, dengan memberikan penerangan yang jelas tentang alasan semakan dan kesan ke atas manfaat polisi. Dalam persekitaran pasaran kewangan semasa yang tidak menentu, Bank akan terus mengkaji semula dengan teliti amalan industri dalam menentukan semakan bonus bagi memastikan semakan yang dibuat adalah saksama dan wajar.

Bahasa mudah untuk polisi insurans dan takaful

Susulan pengeluaran Garis Panduan mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk pada awal tahun 2011, penanggung insurans dan pengendali takaful telah mula mendraf syarat-syarat lazim dalam polisi insurans atau takaful dalam bahasa yang mudah dan boleh difahami. Peralihan kepada bahasa mudah bertujuan membantu pengguna memahami dengan lebih baik tentang manfaat, pengecualian dan obligasi di bawah polisi yang dibeli oleh mereka dan dalam perbandingan produk. Penggunaan dokumen dalam bahasa mudah akan menggalakkan tindakan dan tingkah laku penting oleh pemegang polisi, seperti memaklumkan tentang perubahan status kesihatan atau kejadian tuntutan, atau faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan sama ada sesuatu produk memenuhi keperluan khusus mereka.

Peralihan kepada bahasa mudah untuk polisi insurans dan takaful bertujuan membantu pengguna memahami dengan lebih baik tentang manfaat, pengecualian dan obligasi polisi

Kira-kira satu pertiga daripada polisi insurans dan takaful peribadi yang dikeluarkan pada tahun 2016 menggunakan polisi dalam bahasa mudah, meliputi pelbagai rangkaian produk termasuk polisi motor, pemilik rumah dan isi rumah, kemalangan diri dan penyakit kritikal. Dengan penggunaan bahasa mudah sepenuhnya untuk polisi kereta dan motosikal persendirian yang dikeluarkan bermula 1 November 2016, lebih daripada tiga perempat polisi insurans peribadi dijangka menggunakan bahasa mudah pada tahun 2017. Bank akan menjalankan kajian semula yang lebih intensif terhadap contoh polisi yang digunakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi memastikan matlamat bahasa mudah dicapai dengan berkesan.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Bank terus aktif menyertai forum serantau dan antarabangsa yang menggalakkan kerjasama penyeliaan merentas sempadan dan piawaian global bagi pasaran insurans yang kukuh.

Bank merupakan ahli jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Teknikal serta kumpulan kerja Kesolvenan Modal dan Pengujian Lapangan di bawah IAIS. Melalui jawatankuasa dan kumpulan kerja ini, Bank menyumbang dalam penetapan piawaian antarabangsa, termasuk ICS yang berfungsi sebagai ukuran minimum bagi kecukupan modal untuk kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa serta penanggung insurans global yang penting secara sistemik. Bank juga akan menjadi tuan rumah untuk Persidangan Tahunan IAIS ke-24 pada bulan November 2017 dengan tema 'Penyeliaan Insurans: Melihat Lebih Jauh'. Ini adalah kali pertama dalam tempoh 14 tahun Persidangan Tahunan IAIS diadakan di negara ASEAN, dengan jangkaan penyertaaan kira-kira 500 orang dari 140 negara yang menjadi anggota IAIS.

Pada peringkat serantau, Bank turut serta meningkatkan kerjasama dan penyelarasan melalui Forum Pengawal Selia Insurans Asia (Asian Forum of Insurance Regulators, AFIR) dan Mesyuarat Pengawal Selia Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Regulators' Meeting, AIRM). AFIR mencapai kemajuan penting sebagai platform bagi kerjasama penyeliaan dengan pengendorsan pelan tindakan utama AFIR untuk pertukaran maklumat, kerjasama serantau dan pembinaan keupayaan pada Persidangan Tahunan AFIR ke-11 yang diadakan di Taipei pada bulan April 2016.

AIRM juga merupakan platform penting untuk dialog dan kerjasama berkaitan perkembangan dan isu yang mempengaruhi pasaran insurans ASEAN. Peningkatan penembusan insurans dan keupayaan penyeliaan terus menjadi bidang keutamaan penting untuk negara anggota. Institut Latihan dan Penyelidikan Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Training and Research Institute, AITRI) yang ditubuhkan oleh negara anggota ASEAN pada tahun 2000, terus memainkan peranan penting dalam pembinaan keupayaan untuk pengawal

selia insurans ASEAN. Pada tahun 2016, empat program latihan pengawal selia yang dikendalikan merangkumi bidang insurans yang inklusif, tadbir urus korporat dan pengurusan risiko organisasi, penyeliaan insurans semula serta kerjasama penyeliaan, kerjasama merentas sempadan dan pengurusan krisis. AITRI juga dijangka memainkan peranan lebih penting dalam meningkatkan kesediaan negara anggota ASEAN untuk integrasi insurans serantau. Tahun 2016 juga menyaksikan mesyuarat sulung Forum Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Forum, AIFo), yang menggabungkan pengawal selia insurans dan perunding perdagangan ASEAN untuk membangunkan pelan hala tuju integrasi insurans serantau bagi menyokong hubungan perdagangan, pelaburan dan ekonomi, selaras dengan objektif Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC). Integrasi insurans serantau maju setapak lagi pada tahun 2016 dengan pencapaian persetujuan Pakej Komitmen Ketujuh di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement in Services, AFAS). Di bawah Pakej Ketujuh ini, Malaysia memberikan komitmen untuk meliberalkan penawaran insurans marin, penerbangan dan transit dan juga perkhidmatan broker insurans rentas sempadan berkuat kuasa mulai 20 Disember 2016.

Evolusi Saluran Pengagihan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Oleh Tang Khai Sheng


Saluran pengagihan yang berkesan dan profesional adalah penting bagi memastikan semua segmen penduduk mempunyai akses kepada produk insurans hayat dan takaful keluarga, dan berupaya membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi untuk keperluan perlindungan kewangan mereka. Rencana ini meninjau perubahan landskap saluran pengagihan sektor insurans hayat dan takaful keluarga serta perlunya transformasi yang lebih mendalam bagi sektor tersebut untuk mencapai wawasan ini.

Daripada Sistem Didominasi Agensi kepada Sistem Dua Saluran

Sepanjang beberapa dekad awal, saluran agensi merupakan pemacu utama pertumbuhan industri insurans hayat dan takaful keluarga memandangkan sebahagian besar penduduk masih belum memiliki insurans. Kenalan dan hubungan peribadi merupakan kekuatan utama yang telah digunakan dengan begitu berkesan oleh saluran agensi untuk meningkatkan akses kepada produk insurans dan takaful pada ketika tahap celik kewangan masih rendah. Apabila permintaan terhadap perkhidmatan kewangan meningkat berikutan peningkatan pendapatan isi rumah, industri insurans berkembang menjadi sistem dua saluran pada tahun 1990-an, dengan pengenalan bankasurans untuk memanfaatkan rangkaian cawangan dan jumlah pelanggan bank. Bermula dengan pengaturan bankasurans yang pertama pada tahun 1994, jualan bankasurans telah mencatat pertumbuhan yang mengagumkan, mencapai lebih daripada separuh bahagian pasaran insurans hayat semasa kemuncaknya pada tahun 2004 (Rajah 1). Peralihan kepada sistem dua saluran ini diiringi oleh tahap penyertaan insurans yang lebih tinggi sebagaimana yang dibuktikan oleh purata pertumbuhan perniagaan baharu tahunan sebanyak 16% dan peningkatan kadar penembusan insurans dan takaful daripada 13% kepada 51%[1] dari tahun 1990 hingga tahun 2010 (Rajah 2).

Rajah 1


Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Bahagian Pasaran Premium dan Caruman Baharu Mengikut Saluran Pengagihan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Premium dan Caruman Baharu Mengikut Saluran Pengagihan dan Kadar Penembusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Ditakrifkan sebagai nisbah polisi insurans hayat dan takaful keluarga kepada jumlah penduduk.

Walaupun beberapa saluran baharu kemudiannya telah diperkenalkan dalam pasaran, khususnya insurans melalui internet pada tahun 2000 dan penasihat kewangan pada tahun 2001, bahagian pasaran bagi kedua-dua saluran ini masih kecil. Saluran-saluran ini tidak mencapai kemajuan yang memberangsangkan kerana syarikat-syarikat terus mengutamakan saluran agensi dan bankasurans berbanding dengan pelaburan untuk membangunkan saluran-saluran baharu ini. Hal ini disebabkan kebimbangan berlakunya konflik saluran. Sehingga kini, pengagihan insurans secara langsung dan dalam talian hanya menyumbang 5% daripada jualan insurans hayat dan takaful keluarga berbanding dengan bahagian pasaran yang lebih tinggi sehingga 25% di negara maju[2].

Pertumbuhan Keseluruhan Sederhana Manakala Segmen Pengguna Tertentu Masih Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful


Dalam tempoh lima tahun yang lepas, kesan tambahan daripada saluran agensi dan bankasurans semakin berkurang. Pertumbuhan industri insurans hayat dan takaful keluarga telah menjadi sederhana berbanding dengan dekad sebelumnya, dengan pertumbuhan perniagaan baharu berpurata pada 5.5% setahun antara tahun 2011 hingga 2016. Penembusan insurans hayat dan takaful keluarga adalah sekitar 55% dalam tempoh lima tahun yang lalu (Rajah 2). Tanpa mengambil kira polisi berbilang yang dimiliki oleh pemegang polisi yang sama, peratusan penduduk yang memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau takaful keluarga hanyalah 35% (2015). Dalam kalangan kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah, hanya 4% mempunyai perlindungan insurans hayat atau takaful keluarga tertentu mengikut Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2015.

Kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga yang mendatar serta penyertaan insurans yang rendah bagi penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan insurans disebabkan oleh beberapa faktor:

- **Produktiviti agensi telah merosot**
  Bilangan polisi yang dijana oleh setiap ejen telah merosot. Sejumlah 80% ejen kini menjual kurang daripada dua polisi sebulan, malah dalam kalangan ejen yang lebih berpengalaman, lebih separuh daripada mereka menjual kurang daripada satu polisi sebulan (Rajah 3). Salah satu faktor penyumbang ialah 60% daripada ejen beroperasi secara sambilan, terutamanya sebagai pekerjaan sampingan. Faktor ini mengekang usaha menjadikan tenaga agensi lebih profesional, seterusnya menyebabkan profesion ini kurang menarik sebagai kerjaya pilihan, yang meneruskan lagi kitaran kejam. Cabaran yang dihadapi untuk menarik dan mengekalkan ejen telah menyaksikan bilangan ejen menurun sejak tahun 2012, dengan hanya tiga daripada 10 ejen masih kekal dalam industri selepas tiga tahun.

Rajah 3

Sektor Insurans Hayat: Komposisi Ejen Mengikut Tahap Produktiviti dan Pengalaman



Sumber: Persatuan Insurans Hayat Malaysia

[2] Laporan Swiss Re *sigma* No. 2/2014 'Digital Distribution in Insurance: A Quiet Revolution'.

- **Produk kurang mampu dimiliki oleh pasaran umum**
  Purata premium bagi setiap polisi telah meningkat dengan cepat pada kadar tahunan sebanyak 8% dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, berbanding dengan purata 3% dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Ketidakmampuan membeli produk juga merupakan sebab utama pengguna tidak membeli atau tidak meneruskan perlindungan insurans hayat/takaful keluarga[3]. Trend ini seiring dengan peralihan yang nyata kepada lebih banyak produk berkaitan pelaburan yang dijual oleh ejen. Produk sedemikian mencakupi dua pertiga daripada premium perniagaan baharu yang dijana oleh ejen dan lazimnya mempunyai premium yang lebih tinggi disebabkan lebih banyak unsur berkaitan pelaburan. Pengguna yang mencari kadar hasil dalam persekitaran kadar faedah yang rendah telah membantu meningkatkan permintaan terhadap produk berkaitan pelaburan, yang menawarkan potensi pulangan tinggi semasa pasaran kewangan lebih baik. Dari segi penawaran, tahap jaminan sedia ada dalam produk berkaitan pelaburan yang lebih rendah juga telah menyebabkan produk tersebut secara relatif lebih cekap modal untuk diunderait oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Hal ini terbukti daripada perubahan dalam komposisi produk keseluruhan, dengan produk berkaitan pelaburan mencakupi 33% daripada bahagian pasaran perniagaan baharu pada tahun 2016 (2009: 25%). Di samping itu, produk-produk telah menjadi lebih kompleks dengan lebih banyak ciri produk, yang menyebabkan premium menjadi lebih tinggi. Gabungan faktor ini serta struktur ganjaran berasaskan komisen yang memberikan insentif kepada saluran agensi untuk mengutamakan produk-produk dengan saiz premium yang lebih besar dan pengguna yang lebih mewah, turut menyumbang kepada pengurangan kemampuan membeli insurans.

- **Saluran bankasurans telah memberikan tumpuan pada produk berkaitan pelaburan dan produk berkaitan kredit**
  Pertumbuhan saluran bankasurans kebanyakannya tertumpu pada produk premium tunggal berkaitan kredit dan berkaitan pelaburan yang lebih difahami oleh kakitangan jualan di bank dan pelanggan bank. Bayaran fi yang tinggi oleh penanggung insurans dan pengendali takaful kepada bank di bawah perjanjian eksklusif bankasurans juga telah mendorong keutamaan diberikan pada produk premium yang lebih tinggi dan segmen pelanggan yang lebih mewah. Kesannya, kadar penembusan insurans dan takaful dalam kalangan pelanggan bank jauh lebih rendah berbanding dengan kadar penembusan industri, iaitu hanya 5% pada tahun 2014, dengan segmen pelanggan berpendapatan rendah secara amnya kurang diwakili.

- **Jangkauan sokongan agensi di luar pusat bandar adalah terhad**
  Dari segi jangkauan geografi tenaga agensi, terdapat perbezaan yang ketara antara lokasi kerana lebih 60% daripada ejen berkhidmat di kawasan Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang. Memandangkan ejen lazimnya bergantung pada cawangan-cawangan penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mendapatkan sokongan pentadbiran, pematuhan dan latihan, keadaan ini membataskan jangkauan ejen di pusat-pusat bandar sahaja (Gambar Rajah 1). Keadaan ini juga seterusnya menyebabkan ejen memberikan tumpuan pada segmen pelanggan yang lebih berkemungkinan sudah mempunyai perlindungan insurans hayat atau takaful keluarga tertentu, manakala golongan berpendapatan rendah dan penduduk luar bandar diabaikan.

Faktor-faktor di atas menunjukkan terdapat skop yang luas untuk saluran pengagihan alternatif menangani jurang insurans dalam kalangan segmen penduduk yang lebih besar. Jurang ini masih ketara, sama ada dilihat dari segi usaha meningkatkan kadar penembusan, merapatkan jurang perlindungan hayat dan perubatan atau meningkatkan tahap perlindungan (Rajah 4).

[3] Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan 2015.

Gambar Rajah 1


Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Peta Haba Rangkaian Cawangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Kadar Penembusan dan Tahap Perlindungan[4]



[4] Ditakrifkan sebagai jumlah yang diinsuranskan per kapita

Sumber: Bank Negara Malaysia, Sasaran Program Transformasi Ekonomi (PEMANDU), 2012 Underinsurance Study in Malaysia (Universiti Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia)

Evolusi Saluran Pengagihan Masa Hadapan

Penawaran produk yang semakin kompleks dan di luar kemampuan telah mengehadkan akses kepada produk insurans dan takaful oleh sebahagian besar segmen penduduk. Usaha-usaha untuk mengurangkan kompleksiti dan kos perlu bergerak seiring untuk mencapai peningkatan bahagian pasaran produk insurans hayat dan takaful keluarga yang mudah, yang diagihkan melalui saluran pengagihan alternatif dan melibatkan strategi yang berikut:

- **Memudahkan dan menyelaraskan produk untuk meningkatkan penembusan**
  Reka bentuk produk yang mudah akan menjadikan insurans dan takaful mampu dimiliki dan diperoleh segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans. Hal ini selaras dengan prinsip dan ciri-ciri produk seperti yang digariskan dalam Kertas Perbincangan Insurans Mikro dan Takaful Mikro yang diterbitkan pada bulan April 2016. Inisiatif Pek Pemula (Starter Pack) seperti yang dicadangkan oleh industri merupakan langkah penting ke arah hala tuju yang betul, yang memberikan perlindungan bertempoh asas pada paras premium yang rendah dengan

pengunderaitan yang minimum. Produk ini dijangka dilancarkan pada suku kedua tahun 2017 dan akan berfungsi sebagai asas bagi penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengembangkan lebih banyak produk bersasaran untuk memenuhi keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful.

- **Memanfaatkan teknologi dengan saluran dalam talian dan mudah alih**
  Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga memperkenalkan elemen-elemen penting untuk merangsang peralihan ini termasuk menghendaki produk perlindungan asas disediakan melalui saluran langsung dan memperkenalkan agregator produk secara dalam talian untuk membolehkan pengguna membandingkan produk dan membuat pilihan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Kadar penembusan internet dan telefon pintar yang tinggi di Malaysia, berserta kemajuan teknologi pembayaran, platform dalam talian dan insurans mudah alih, menjanjikan peluasan jangkauan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans. Peningkatan kecekapan yang nyata berikutan automasi proses yang dihasilkan oleh saluran ini telah membuka peluang baharu untuk menjadikan produk lebih mudah dan mampu dimiliki. Secara khususnya, insurans mudah alih yang menggabungkan reka bentuk produk yang mudah dan mekanisme pembayaran yang cekap (misalnya dengan menolak masa berbual atau kredit) telah banyak meningkatkan rangkuman insurans dalam banyak pasaran lain.

- **Meningkatkan pusat akses pengguna melalui perkongsian**
  Penanggung insurans dan pengendali takaful juga perlu meningkatkan perkongsian dengan perniagaan dan organisasi yang memiliki rangkaian pengagihan yang besar dan mantap termasuk koperasi, organisasi berasaskan komuniti, rangkaian runcit dan ejen bank. Perkongsian ini menawarkan pelbagai pusat akses pengguna dan kebanyakannya mempunyai kemudahan pembayaran untuk memudahkan kutipan premium.

  Jualan insurans hayat dan takaful keluarga secara bersemuka berserta nasihat kewangan akan terus menjadi tonggak asas untuk jangkauan dan penggalakan celik kewangan. Ejen, kakitangan bank dan penasihat kewangan dengan akses langsung kepada pengguna mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk memahami keperluan khusus pengguna dan untuk meningkatkan pemahaman tentang bagaimana produk insurans dan takaful berfungsi. Walau bagaimanapun, syarikat insurans dan pengendali takaful perlu menilai secara berterusan bagaimana saluran-saluran ini boleh menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, termasuk menerusi perkara-perkara berikut:

- **Meningkatkan kemahiran dan melengkapi pengantara**
  Alat sokongan dan analisis akan membantu pengantara untuk memadankan saranan produk dengan keperluan pengguna dengan lebih baik. Perkara ini perlu diperkukuh dengan meningkatkan piawaian profesionalisme dan kualiti keseluruhan perkhidmatan, termasuk melalui latihan dan meningkatkan kemahiran ejen dan kakitangan bank secara berterusan.

- **Menambah baik struktur insentif**
  Penanggung insurans dan pengendali takaful juga perlu mengkaji semula bagaimana struktur insentif mempengaruhi tingkah laku pengantara. Kad skor seimbang (balanced scorecard) yang diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga akan melengkapkan usaha-usaha ini dengan menyelaraskan ganjaran pengantara dengan memberikan lebih penekanan pada kesesuaian produk untuk bakal pelanggan dan kualiti perkhidmatan keseluruhan. Dengan peredaran masa, kajian semula insentif ini secara berterusan adalah penting untuk menggalakkan tingkah laku yang diingini ke arah merapatkan jurang perlindungan.

- **Meningkatkan interaksi dan hubungan melalui penasihat kewangan**
  Seiring dengan peningkatan pendapatan dan kekayaan isi rumah, permintaan untuk nasihat kewangan yang komprehensif dan bebas juga meningkat. Untuk menggalakkan penasihat kewangan bertindak sebagai saluran pengagihan yang berdaya maju, Bank telah mengurangkan modal berbayar minimum daripada RM100,000 kepada RM50,000 dan melaraskan syarat kelayakan untuk menjadi wakil penasihat kewangan. Perkara ini juga akan menggalakkan ejen insurans/takaful untuk menjadi wakil penasihat kewangan. Sejak langkah ini diperkenalkan pada tahun 2015, bilangan wakil penasihat kewangan telah meningkat kepada 574 (2014: 381). Penanggung insurans dan pengendali takaful juga perlu mempunyai strategi produk dan pengagihan yang tetap dan disokong oleh sumber operasi yang mencukupi untuk membangunkan lagi saluran khidmat nasihat kewangan.

Pembangunan Kewangan Islam

97 Pengantaraan Sektor Kewangan Islam
97 Perbankan Islam
103 Takaful
106 Merealisasikan Impak Positif Sosioekonomi Kewangan Islam
107 Pembangunan Tenaga Mahir

Pembangunan Kewangan Islam

PENGANTARAAN SEKTOR KEWANGAN ISLAM

Pelan Induk Sektor Kewangan 2001 telah menggariskan strategi yang menyeluruh untuk mengukuhkan sektor kewangan Islam di Malaysia. Sejak pelaksanaan pelan tersebut, ekosistem kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memenuhi keperluan ekonomi negara yang terus berkembang (Gambar Rajah 4.1). Dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, institusi perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan, dengan penampan kewangan yang kukuh.

Jumlah aset industri perbankan Islam meningkat 8.3% pada tahun 2016 (2015: 11.5%) untuk mencakupi 28% daripada keseluruhan aset sistem perbankan (2015: 26.8%). Aktiviti pengantaraan turut berkembang dengan pertumbuhan pengantaraan pelaburan yang menggalakkan. Industri takaful juga mengekalkan pertumbuhannya dengan catatan sumbangan takaful bersih yang lebih tinggi sebanyak RM7.5 bilion pada tahun 2016 (2015: RM 6.8 bilion), mencakupi 14.6% daripada jumlah premium dan sumbangan industri.

Pembangunan industri kewangan Islam bagi tempoh dua tahun akan datang lebih tertumpu pada usaha meningkatkan kepelbagaian pengantaraan yang dipacu oleh teknologi, untuk mengekalkan kadar pertumbuhan perniagaan dan tawaran nilai yang lebih baik kepada pelanggan. Dalam hal ini, Bank akan mengadakan interaksi dan perbincangan yang intensif dengan industri untuk menggalakkan pelaksanaan kontrak Syariah yang lebih inovatif dalam instrumen pendanaan, pembiayaan dan pelaburan. Bagi menyokong aktiviti perdagangan dan perniagaan, aspek perlindungan takaful dan pengurusan risiko akan diberikan penekanan melalui inisiatif kerjasama yang melibatkan institusi yang berkaitan. Dalam memenuhi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan berlandaskan Syariah, institusi kewangan Islam hendaklah memainkan peranan yang lebih besar dalam pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) dengan memberikan sumbangan yang lebih bermakna ke arah pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih luas. Wawasan sektor kewangan Islam juga disokong oleh transformasi lanskap pendidikan kewangan Islam untuk menangani keperluan tenaga mahir industri.

PERBANKAN ISLAM

Prestasi sektor perbankan Islam


Pembiayaan industri perbankan Islam meningkat 11% kepada RM549.5 bilion pada tahun 2016, didorong oleh permintaan terhadap produk kewangan berlandaskan Syariah daripada sektor isi rumah. Hampir 61% daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh industri perbankan Islam telah disalurkan kepada sektor isi rumah (2015: 61.6%). Permintaan terhadap pembiayaan berlandaskan Syariah daripada segmen runcit dijangka terus memacu pertumbuhan industri perbankan Islam, berikutan peningkatan penerimaan pengguna dan daya saing produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Meskipun perniagaan menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar, pembiayaan kepada sektor perniagaan meningkat 13.3%, melebihi kadar pertumbuhan pembiayaan kepada sektor isi rumah. Pembiayaan adalah menyeluruh dengan 10.4% daripada jumlah pembiayaan telah disalurkan kepada sektor pendidikan, kesihatan, perkilangan dan pertanian. Menjelang tahun 2020, pembiayaan berlandaskan Syariah dijangka mencakupi 40% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan di Malaysia.

Akaun pelaburan (investment account, IA) terus berkembang pada tahun 2016 sebagai sumber pendanaan baharu untuk bank-bank Islam. Ciri-ciri perkongsian risiko IA dijangka dapat menyokong

Gambar Rajah 4.1

Perbankan Islam dan Takaful: Sepintas Lalu




[1] termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.1

Akaun Pelaburan berbanding Jumlah Keseluruhan Deposit Islam dan Akaun Pelaburan (IDIA)



Sumber: Bank Negara Malaysia

keusahawanan melalui pengaturan yang lebih cekap bagi pengantaraan pelaburan oleh industri perbankan Islam. IA yang diurus oleh bank-bank Islam meningkat kepada RM73.7 bilion untuk mencakupi 12.2% daripada jumlah deposit Islam dan IA dalam sistem perbankan Islam (2015: RM47.1 bilion, 8.6%) (Rajah 4.1). Penerimaan tawaran nilai akaun pelaburan oleh pelabur runcit telah membuka peluang kepada sektor perbankan Islam untuk membangunkan produk-produk inovatif yang boleh memenuhi permintaan ini.

Akaun pelaburan berkembang mencakupi 12.2% dan bertindak sebagai sumber pendanaan baharu

Permodalan industri perbankan Islam kekal kukuh sepanjang tahun 2016. Pada akhir tahun 2016, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal (TCR) mencatat peratusan melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13%, 13% dan 16.6% (2015: 12.3%, 12.3%, 16.1%).

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Memperkukuh daya tahan institusi dan kestabilan sistem

Sepanjang tahun 2016, perkembangan pengawalseliaan dalam bidang kewangan Islam tertumpu pada: (i) memuktamadkan terbitan enam piawaian Syariah tambahan; (ii) melaksanakan kajian semula ke atas Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah; (iii) melaksanakan piawaian modal dan mudah tunai bagi bank-bank Islam; dan (iv) menyediakan panduan dan penjelasan lanjut berhubung dengan olahan pengawalseliaan untuk produk IA.

Gambar Rajah 4.2

Elemen dan Matlamat Utama Kontrak Syariah yang Dikehendaki

Tarikh Kuat Kuasa	1 Januari 2018	1 Julai 2018	31 Julai 2018	1 Ogos 2018
Kontrak Syariah	*Kafalah*	*Wakalah*	*Wadi'ah* *Hibah* *Qard*	*Ijarah*
Pelaksanaan	Jaminan bank, surat kredit tunggu sedia dan instrumen jaminan lain	Akaun pelaburan, pembiayaan dan surat kredit	Deposit Islam, kad kredit-i dan pembiayaan	Pembiayaan
Elemen Penting	• Perbezaan antara hak dengan tanggungjawab penjamin dan benefisiari adalah lebih jelas	• Keupayaan bank-bank Islam sebagai ejen pemerolehan aset atau pengurus pelaburan adalah lebih jelas	• Larangan memberikan manfaat kontraktual dan penzahiran kadar penunjuk *hibah* untuk deposit Islam yang berasaskan *qard*	• Pemilikan aset sepanjang tempoh sewaan serta hak dan liabiliti pihak-pihak berkontrak di bawah *ijarah* adalah lebih jelas
Matlamat	• Perlindungan untuk penjamin diperkukuh	• Tadbir urus dan kebertanggungjawaban fidusiari bank-bank Islam diperkukuh	• Amalan perniagaan dan pasaran untuk peminjam dan pemberi pinjaman *qard* diperkukuh	• Melindungi kepentingan penyewa dan pemberi sewa

Sumber: Bank Negara Malaysia

Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi

Keputusan Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) yang dikuatkuasakan melalui Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi bertujuan untuk menggalakkan pengurusan risiko yang berkesan dalam perniagaan kewangan Islam. Sejak tahun 2014, lima Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi termasuk *Murabahah*, *Mudarabah* dan *Istisna`* telah dilaksanakan sebagai panduan bagi pelaksanaan kontrak Syariah dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Enam Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi tambahan telah dikeluarkan pada tahun 2016 seperti yang digariskan dalam Gambar Rajah 4.2.

Bank akan mengeluarkan tiga lagi piawaian Syariah pada tahun 2017, iaitu *Wa`d*, *Rahn* dan *Bai` al-Sarf*, sekali gus melengkapkan ikhtisar piawaian pengawalseliaan untuk kontrak Syariah bagi perniagaan kewangan Islam.

Tadbir urus Syariah

Kajian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah dilaksanakan oleh Bank pada suku pertama tahun 2016 untuk mengambil kira industri perbankan Islam dan takaful yang lebih matang dan sedang berkembang pesat di Malaysia. Kajian semula ini menekankan pertimbangan tadbir urus Syariah yang lebih bersepadu dengan strategi perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam, di samping mengukuhkan proses membuat keputusan oleh fungsi-fungsi utama yang bertanggungjawab dalam tadbir urus Syariah.

Kajian semula dasar difokuskan pada empat aspek utama:

- menjelaskan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah serta interaksi dengan Jawatankuasa Syariah tentang perkara berkaitan tadbir urus Syariah;
- mempertingkatkan komposisi dan proses membuat keputusan (seperti metodologi dan kuorum) Jawatankuasa Syariah;
- memperkukuh pertahanan tiga barisan (three lines of defences) dalam mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah dan memperjelas kebertanggungjawaban untuk pelaksanaan keputusan Syariah; dan
- mengukuhkan peranan sokongan fungsi Syariah pada peringkat institusi, termasuk meningkatkan kualiti penyelidikan Syariah untuk menggalakkan operasi perniagaan yang berlandaskan Syariah secara menyeluruh.

Pada tahun 2016, Bank juga telah mencadangkan penambahbaikan terhadap Laporan Jawatankuasa Syariah untuk perbincangan lanjut. Selain memperuntukkan keperluan Jawatankuasa Syariah untuk

Gambar Rajah 4.3

Penyesuaian Keperluan Modal dan Mudah Tunai dalam Perbankan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

mengeluarkan pandangan berhubung pematuhan Syariah oleh institusi masing-masing, penambahbaikan ini juga bertujuan meningkatkan kualiti pendedahan berkaitan pengurusan risiko pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam. Bank akan mengeluarkan satu Kertas Konsep yang menggariskan cadangan perubahan ini kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah pada separuh pertama tahun 2017.

Pelaksanaan piawaian modal dan mudah tunai


Piawaian kehematan dan amalan pasaran yang terpakai bagi institusi kewangan Islam adalah selaras dengan piawaian dan amalan terbaik pada peringkat global. Ini termasuk piawaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB). Dalam hal ini, Bank sentiasa memastikan bahawa piawaian tersebut mampu menangani risiko yang berkaitan dengan ciri-ciri utama pelbagai kontrak Syariah melalui panduan lanjut dalam piawaian pada peringkat domestik. Sebagai contoh, Gambar Rajah 4.3 menerangkan keperluan berkaitan Syariah dalam piawaian modal dan mudah tunai yang kini sedang dikaji semula untuk menggambarkan kontrak Syariah yang baru dikeluarkan.

Rangka kerja Akaun Pelaburan

Peranan keusahawanan dalam kalangan bank Islam terus diperkasakan melalui Rangka kerja Akaun Pelaburan (Investment Account Framework, IAF), yang diperkenalkan pada tahun 2014, bagi menyokong

Rajah 4.2a

Komposisi Pembiayaan Mengikut Kontrak Syariah




Nota: "Lain-lain" termasuk konsep pembiayaan Islam yang tidak dinyatakan, *bai` dayn, bai` salam, bai` al-sarf, istisna`, kafalah, mudarabah, qard, rahn, ujrah, wakalah*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.2b

Perubahan dalam Aplikasi Kontrak Syariah



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengantaraan pelaburan oleh bank-bank Islam dengan memanfaatkan dana untuk kegunaan produktif dalam ekonomi. IAF memberikan panduan berhubung dengan operasi IA dengan mengambil kira ciri-ciri risiko yang unik bagi IA berbanding dengan deposit Islam yang dijamin prinsipalnya.

Berdasarkan amalan yang berbeza-beza dalam operasi IA, Bank telah menyediakan panduan tambahan kepada industri berhubung dengan penstrukturan produk, pengurusan operasi dan amalan perniagaan dalam penawaran produk IA. Panduan ini menyelaraskan ciri-ciri produk IA (seperti jenis aset pendasar dan keanjalan penebusan) dengan lebih dekat kepada matlamat pelaburan yang disasarkan. Panduan ini juga bertujuan untuk mengukuhkan pengurusan dana IA agar dapat melindungi kepentingan pelabur dengan lebih baik, khususnya dengan menghendaki bank-bank Islam menambah baik proses untuk menjalankan penilaian terhadap kesanggupan pelanggan mengambil risiko pelaburan sebelum apa-apa saranan pelaburan dibuat kepada bakal pemegang IA.

Perkembangan dalam sektor perbankan Islam

Memperluas peranan pengantaraan sektor perbankan Islam

Satu perkembangan penting dalam pelaksanaan kontrak Syariah untuk pembiayaan oleh industri perbankan Islam ialah peningkatan pelaksanaan *tawarruq* dalam tempoh

tiga tahun yang lalu (Rajah 4.2). Pada tahun 2016, pembiayaan *tawarruq* meningkat lebih 34% mencakupi 22.4% daripada jumlah terkumpul pembiayaan berlandaskan Syariah. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya telah didorong oleh operasi dagangan komoditi Bursa Suq Al-Sila yang telah mengurangkan kos dan risiko yang berkaitan dengan urus niaga berasaskan *tawarruq*. Deposit Islam berasaskan *tawarruq* juga meningkat pada kadar 7.5% pada tahun 2016, menggambarkan permintaan yang lebih tinggi terhadap pulangan kadar tetap bagi deposit yang ditawarkan berasaskan kontrak *tawarruq*.

Usaha untuk mengukuhkan keupayaan institusi perbankan Islam dalam mengurus risiko kredit dan pasaran semakin dipergiat sejajar dengan peningkatan penggunaan *tawarruq* sebagai kontrak pendasar bagi perniagaan perbankan Islam. Perkembangan ini akan menjadi asas inovasi pelaksanaan *tawarruq* dengan gabungan kontrak Syariah yang lain. Perkara ini diperuntukkan di bawah Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi *Tawarruq* yang telah dikeluarkan oleh Bank, berkuat kuasa pada 1 Julai 2016.

Penggunaan kontrak Syariah secara inovatif, termasuk kontrak perkongsian, amat penting untuk memenuhi kepelbagaian keperluan pelaburan dan pendanaan sesebuah ekonomi. Sehubungan dengan itu, Bank terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memperluas pelaksanaan kontrak Syariah. Usaha ini termasuk menangani isu-isu perundangan, menjelaskan olahan percukaian dan perakaunan, dan meningkatkan kecekapan operasi serta kos untuk kontrak-kontrak yang berasaskan pertukaran dan perkongsian risiko. Usaha ini perlu diperlengkap dengan model-model operasi yang sesuai dilaksanakan di dalam sesebuah institusi kewangan Islam. Perkara ini akan terus menjadi fokus penyeliaan yang penting bagi Bank untuk memelihara integriti sistem kewangan Islam.

Penggunaan pelbagai kontrak Syariah secara inovatif adalah penting untuk memenuhi keperluan pelaburan dan pendanaan

Peningkatan Pengantaraan Berteraskan Teknologi

Tahun 2016 telah menyaksikan kemajuan dalam penggunaan teknologi oleh industri perbankan Islam untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pengantaraan, khususnya melalui operasi Platform Akaun Pelaburan (IAP) pada bulan April 2016. Walaupun pelaksanaan platform yang dibangunkan oleh konsortium yang diwakili enam buah institusi perbankan Islam ini masih pada peringkat rintis, ia telah pun membantu dalam aktiviti pemerolehan dana berjumlah RM20 juta pada tahun 2016 untuk menyokong pelbagai usaha perniagaan dalam industri yang berbeza, termasuk pengangkutan dan pendidikan. Struktur penawaran pendanaan dan pembiayaan oleh institusi perbankan Islam yang dipermudah melalui IAP ini buat masa ini tertumpu pada penggabungan kontrak *wakalah* atau *mudarabah* dengan kontrak berasaskan hutang seperti *tawarruq*. Walau bagaimanapun, kepelbagaian struktur penawaran dijangka akan lebih terzahir pada masa hadapan sejajar dengan perkembangan potensi IAP dari aspek peningkatan jangkauan dan kecekapan perantaraannya.

Sebagai pengantara pelaburan, institusi perbankan Islam sebagai bank penaja berperanan penting dalam fungsi penilaian daya maju dan pemantauan risiko sesebuah projek yang diapungkan dalam IAP, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur. Hal ini seterusnya akan meningkatkan prospek untuk memanfaatkan sumber pendanaan yang lebih luas di samping mendapat manfaat daripada disiplin pasaran yang lebih kukuh yang diamalkan oleh bank-bank Islam, khususnya bagi segmen yang kurang diberikan perhatian dalam ekonomi, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).


Sepanjang tahun 2016, Bank terus bekerjasama dengan bank-bank penaja dan agensi-agensi berkaitan yang diamanahkan untuk membangunkan usaha niaga tertentu seperti Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Perbadanan BioEkonomi, dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Usaha ini bertujuan menggalakkan lebih banyak penglibatan usaha niaga yang berdaya maju dalam memanfaatkan pendanaan pelaburan melalui IAP. Pada masa yang sama, usaha berterusan oleh Bank dan industri untuk meningkatkan kesedaran dan keserasian dengan ciri-ciri istimewa IA sebagai produk pelaburan baharu turut mengambil kira penglibatan para pelabur utama yang telah membiayai beberapa usaha niaga yang diapungkan dalam IAP.

Pemudahan pembiayaan perdagangan

Satu aspek pembangunan penting yang diberikan keutamaan ialah pemudahan pembiayaan perdagangan memandangkan masih banyak peluang perniagaan

Rajah 4.3

Pembiayaan Perdagangan oleh Bank-bank Islam di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

yang belum diterokai oleh industri perbankan Islam. Dengan memanfaatkan prinsip-prinsip intrinsik Syariah yang menggalakkan perdagangan dan keusahawanan, industri perbankan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pertumbuhan yang mampan bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Potensi pembiayaan perdagangan adalah signifikan untuk menyokong eksport halal. Ini dapat dilihat melalui pertambahan penyertaan PKS dalam ekonomi halal yang telah dimulakan oleh Kerajaan bagi memenuhi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal pada peringkat global yang semakin meningkat. Industri kewangan Islam pada masa ini mewakili hanya 3.4% daripada jumlah pembiayaan perdagangan, dan kurang daripada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan pembiayaan perdagangan melalui sistem perbankan (Rajah 4.3). Bank berhasrat untuk melihat pembiayaan perdagangan berlandaskan Syariah menyokong 10% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Pemudahan pembiayaan perdagangan sudah bersedia menghadapi gangguan teknologi (technology disruption)

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh industri perbankan ialah ketidakcekapan proses yang menjurus ke arah peningkatan risiko operasi. Penggunaan teknologi yang semakin meluas untuk menyelaraskan operasi pembiayaan perdagangan oleh bank, termasuk bank-bank Islam, sekali gus dapat mengurangkan pergantungan pada proses perniagaan berteraskan dokumentasi secara manual. Enam buah bank Islam telah menubuhkan satu platform berasaskan laman sesawang yang menyokong penyediaan pembiayaan perdagangan dan penyelesaian pengurusan modal kerja yang lebih cekap. Bagi menggalakkan peranan bank-bank Islam yang lebih luas dalam pemudahan pembiayaan perdagangan, Bank merancang untuk mengadakan perbincangan dengan industri berhubung pelbagai inisiatif pada separuh pertama tahun 2017, termasuk integrasi dan pendigitalan penawaran pembiayaan perdagangan serta meningkatkan ketersediaan takaful kredit perdagangan sebagai instrumen pengurangan risiko. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam pemudahan pembiayaan perdagangan dan kesalinghubungan dengan komuniti perdagangan di Malaysia pada separuh pertama tahun 2017.

TAKAFUL

Prestasi sektor takaful

Sumbangan kasar perniagaan takaful keluarga baharu meningkat 12.5% pada tahun 2016, mencakupi 76.2% daripada jumlah perniagaan takaful di Malaysia (2015: 74.9%). Produk bertempoh, yang sebahagian besarnya terdiri daripada produk berkaitan dengan pembiayaan, merupakan penyumbang terbesar kepada perniagaan takaful keluarga baharu dengan bahagiannya mencakupi 57.8% daripada jumlah kasar sumbangan takaful keluarga. Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh peranan aktif pengendali takaful dalam menyokong skim pembiayaan perumahan yang diperkenalkan oleh Kerajaan selain perkongsian bankatakaful yang meluas. Permintaan terhadap produk takaful yang berkaitan dengan pembiayaan berlandaskan Syariah kekal menjadi pendorong utama pertumbuhan industri takaful. Walau bagaimanapun, beberapa faktor lain turut menjadi

lebih penting dengan bahagian perniagaan bertempoh mencatat penurunan sebanyak 10.5% (2012: 68.3%) sejak lima tahun lalu. Sebahagian daripada penurunan ini juga menggambarkan pertumbuhan pembiayaan isi rumah yang kurang memberangsangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sebaliknya, pertumbuhan perniagaan berkaitan pelaburan semakin bertambah, dengan sumbangan meningkat 13.1% pada tahun 2016.


Bilangan produk takaful baharu yang diperkenalkan dalam pasaran meningkat kepada 55 berbanding dengan 18 pada tahun 2015, dan ini menunjukkan bahawa industri lebih responsif terhadap perubahan permintaan. Contoh yang ketara, permintaan terhadap produk yang menyediakan manfaat berkaitan kematian (khairat), haji dan pendidikan telah menggalakkan lebih banyak pengendali takaful mengembangkan segmen perniagaan ini sejak mutakhir ini.

Dalam sektor takaful am, segmen perniagaan motor, kebakaran dan kemalangan diri mencakupi 91.4% daripada jumlah kasar sumbangan takaful am. Meskipun sektor ini mencatat pertumbuhan keseluruhan sebanyak 4.6% pada tahun 2016, penawaran beberapa jenis produk telah berkurang sejak beberapa tahun lalu. Pengurangan ini disebabkan oleh langkah yang diambil oleh beberapa pengendali takaful yang sedang merencana semula fokus perniagaan dan memantapkan amalan pengunderaitan untuk risiko yang lebih besar dan kompleks termasuk risiko liabiliti dan marin, penerbangan dan transit. Bagi tempoh jangka sederhana, peluang terbuka luas untuk pertumbuhan produk takaful yang menyokong aktiviti perniagaan, khususnya produk untuk memenuhi keperluan PKS. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2015, 59% responden daripada PKS menyatakan bahawa mereka telah memilih sama ada untuk menggunakan produk takaful, atau akan mempertimbangkan secara serius untuk membeli produk takaful yang memenuhi keperluan perniagaan mereka pada harga yang kompetitif. Hasil kaji selidik ini menunjukkan potensi pasaran dan peluang yang luas untuk industri takaful mengembangkan skop perlindungan melangkaui risiko tradisional yang dilindungi di bawah kelas motor dan kebakaran sedia ada.

Perniagaan takaful semula terus berkembang dengan peningkatan jumlah takaful keluarga dan takaful am tersid (ceded) yang diunderait oleh pengendali takaful semula profesional, meskipun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 6% pada tahun 2016 (2015: 27.6%). Di bawah Rangka Kerja Operasi Takaful (Takaful Operational Framework, TOF) yang dilaksanakan pada tahun 2012, pengendali takaful dikehendaki menggunakan pengaturan takaful semula yang berlandaskan Syariah dan hanya boleh mengesid perniagaan kepada penanggung insurans atau penanggung insurans semula konvensional dalam keadaan tertentu, termasuklah apabila keupayaan takaful semula sedia ada untuk sesetengah risiko sukar didapati (Rajah 4.4). Pengendali takaful semula juga telah menambah bahagian perniagaan asing yang diunderait di luar Malaysia, masing-masing mencakupi 28.5% dan 32.6% daripada jumlah perniagaan yang diunderait dalam perniagaan takaful semula keluarga dan am. Hal ini akan meningkatkan

Rajah 4.4a


Trend Pengesidan (Ceding) Perniagaan Takaful Keluarga



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.4b

Trend Pengesidan (Ceding) Perniagaan Takaful Am



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepelbagaian risiko di samping meningkatkan kecekapan skala (efficiencies of scale) untuk menyokong pelaburan pada masa hadapan yang seterusnya mengukuhkan lagi sokongan teknikal dan kewangan industri.

Permodalan industri takaful kukuh dengan nisbah kecukupan modal agregat sebanyak 205.3% pada tahun 2016 (2015: 191.5%). Paras ini jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum sebanyak 130%.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan


Pelaksanaan piawaian kehematan bagi takaful

Piawaian kehematan dan amalan pasaran yang terpakai bagi pengendali takaful adalah selaras dengan piawaian global yang dikeluarkan oleh IFSB dan Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS). Dalam masa yang sama, piawaian yang terpakai turut menggambarkan ciri-ciri unik model operasi takaful. Sejak tahun 2011, Bank telah mengeluarkan piawaian takaful yang khusus berhubung dengan penilaian dan permodalan untuk merangkumi tanggungjawab pengendali takaful terhadap dana takaful yang dimiliki oleh peserta takaful (Gambar Rajah 4.4). Pada bulan April 2016, Bank telah mengeluarkan keperluan yang menghendaki pengendali takaful menyediakan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP). Keperluan ini merupakan tambahan kepada piawaian modal minimum bagi memastikan dana takaful mempunyai modal yang mencukupi berbanding dengan profil risiko mereka yang tertentu, berdasarkan program pengurusan modal yang mantap yang dilaksanakan oleh pengendali takaful.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang berterusan untuk menggalakkan pelaksanaan

Gambar Rajah 4.4

Penyesuaian Keperluan Penilaian dan Modal bagi Takaful



Sumber: Bank Negara Malaysia

rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah dengan berkesan, Bank juga telah melaksanakan kajian semula TOF untuk menjelaskan lagi penggunaan piawaian Syariah (termasuklah piawaian *Wakalah*, *Qard* dan *Hibah* yang dikeluarkan baru-baru ini) oleh pengendali takaful dalam rangkaian produk yang ditawarkan dan rangka kerja operasi mereka. Seterusnya, ini dijangka menggalakkan kepelbagaian produk takaful yang memenuhi profil risiko dan permintaan peserta takaful yang berbeza. Antara aspek yang dikaji semula ialah keperluan pengawalseliaan berkaitan dengan pengasingan dana takaful, ganjaran pengendali takaful dan tanggungjawab fidusiari mereka dalam pengurusan dana takaful. Kertas Konsep berhubung dengan cadangan semakan TOF dijangka dikeluarkan pada suku kedua tahun 2017.

Strategi untuk menaik nilai sumbangan industri termasuk kemampanan, kepelbagaian, kecekapan dan mutu institusi


MEREALISASIKAN IMPAK POSITIF SOSIOEKONOMI KEWANGAN ISLAM

Kewangan Islam, yang berteraskan prinsip Syariah, mempunyai potensi yang besar untuk menzahirkan tawaran nilai dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Bank, dengan kerjasama industri, giat meneruskan strategi untuk merealisasikan impak positif ini. Langkah yang diambil secara amnya menjurus pada empat dimensi: menggalakkan kemampanan, mutu institusi, keterangkuman dan kepelbagaian, serta kecekapan pengantaraan kewangan Islam. Pada masa hadapan, penilaian kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat mengikut setiap dimensi ini akan diberikan tumpuan utama dalam menentukan keutamaan pembangunan dan pengawalseliaan (Gambar Rajah 4.5).

Langkah-langkah untuk menilai kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat sedang dirangka oleh Bank, dengan kerjasama industri

Gambar Rajah 4.5

Penilaian Pengantaraan yang Berkesan bagi Merealisasikan Impak Sosioekonomi Kewangan Islam yang Dihasratkan pada Masa Hadapan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2016, Bank telah menerajui dan menyokong beberapa inisiatif pada peringkat industri untuk merealisasikan pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) sebagai teras utama produk kewangan Islam, sejajar dengan usaha untuk menggalakkan inovasi tawaran produk.

- Bank sedang bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan dalam membangunkan rangka kerja *Corporate Value Intent* (CVI) untuk membantu bank-bank Islam melaksanakan amalan berasaskan nilai (value-based practices) yang berlandaskan matlamat Syariah. Ini sejajar dengan aspirasi agar institusi kewangan Islam menilai dan mengurus impak aktiviti mereka terhadap ekonomi dan masyarakat. Rangka kerja ini bertujuan menggalakkan penzahiran berkualiti tinggi oleh institusi kewangan Islam berhubung dengan hasrat, strategi dan prestasi perniagaan mereka, dengan memberikan tumpuan pada cara bank-bank Islam menjana nilai untuk pemegang saham dan masyarakat keseluruhan. Kerjasama strategik tersebut sedang giat dilaksanakan untuk mengeluarkan Kertas Strategi CVI pada separuh pertama tahun 2017.
- Pada peringkat negeri, beberapa inisiatif telah diterajui oleh institusi kewangan Islam dengan kerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri, termasuklah pengenalan wakaf tunai untuk membiayai aktiviti wakaf di samping turut memanfaatkan aset wakaf dengan berkesan. Pada masa ini, lima buah institusi kewangan Islam dan Majlis Agama Islam Negeri yang terlibat sedang menghasilkan perjanjian induk wakaf tunai untuk dijadikan templat operasi pengaturan wakaf tunai. Pada tahun 2016, inovasi berkaitan turut melibatkan pengenalan kad debit Islam baharu dengan ciri wakaf serta platform untuk mendapatkan dana daripada orang ramai menerusi internet (crowdfunding) yang memudahkan penyaluran derma kepada pertubuhan amal dengan ketelusan, keupayaan mengesan dan kecekapan yang lebih baik. Wakaf juga sedang dikaji semula sebagai bidang pertumbuhan baharu untuk menjana pendanaan yang mampan bagi tujuan kebajikan masyarakat (Gambar Rajah 4.6).
- Festival Inovasi Kewangan Islam (Islamic Finance Innovation Festival, IF InnoFest) telah dianjurkan oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dengan sokongan Bank dan persatuan industri pada bulan November 2016 untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara industri dengan ahli akademik bagi menjalin idea inovatif dengan penyelesaian industri yang praktikal. Festival ini menyediakan platform untuk perniagaan menyumbangkan idea inovatif kepada institusi kewangan Islam, dengan tujuan mengenal pasti penyelesaian yang boleh dilaksanakan untuk menghasilkan manfaat yang jelas dalam penawaran produk. Idea yang disumbangkan meliputi penyelesaian yang menjangkau pasaran modal Islam, mikrokewangan dan teknologi kewangan.

Gambar Rajah 4.6

Dimensi Kewangan Sosial bagi Kewangan Islam di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR

Bank terus memberikan keutamaan pada pembangunan tenaga mahir yang berkualiti tinggi untuk kewangan Islam. Pada bulan November 2016, Jawatankuasa Pemandu bagi Transformasi Landskap Pendidikan untuk Kewangan Islam (Jawatankuasa Pemandu) dibentuk untuk merangka hala tuju strategik yang jelas yang diterajui oleh industri untuk penyedia perkhidmatan tenaga mahir di Malaysia. Pada masa ini, tumpuan adalah terhadap INCEIF, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM), Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, CIIF) dan Persatuan Penasihat Syariah (Association of Shariah Advisors, ASAS). Setiap institusi ini mempunyai mandat,

peranan dan tumpuan yang tersendiri untuk memacu inisiatif pembangunan tenaga mahir dalam landskap pendidikan perkhidmatan kewangan secara keseluruhan.

Jawatankuasa Pemandu bertanggungjawab untuk menjalankan kajian semula yang terperinci terhadap institusi-institusi ini dengan tujuan untuk mengenal pasti cabaran dalam landskap pendidikan kewangan Islam dan merumuskan saranan strategik dalam mengukuhkan lima buah institusi tersebut. Antara skopnya termasuk strategi untuk memastikan penawaran oleh institusi adalah berkualiti tinggi, penambahbaikan kepada pengaturan institusi untuk meningkatkan keberkesanan, penyusunan strategi masa hadapan bagi mengukuhkan tumpuan institusi dan memanfaatkan sinergi, serta langkah untuk mencapai kemampanan kewangan jangka panjang. Pada suku kedua tahun 2017, Jawatankuasa Pemandu dijangka merangka hala tuju untuk mengubah landskap pendidikan kewangan Islam pada masa hadapan.

Pada tahun 2016, Bank juga membangunkan dua program latihan khusus untuk kakitangan Syariah dan pengurusan atasan di bank-bank Islam. Program Pendidikan Kepemimpinan Syariah yang dilancarkan pada bulan Mac 2015 dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Icliff (Iclif Leadership and Governance Centre, ICLIF) merupakan program utama yang dirangka untuk cendekiawan Syariah melengkapkan kepakaran bidang Syariah mereka yang sedia ada. Program ini akan ditawarkan pada peringkat antarabangsa pada tahun 2017. Bagi ahli lembaga pengarah institusi kewangan Islam, program yang akan memberi ahli lembaga pengarah asas yang kukuh dalam pengetahuan Syariah dan penggunaan perniagaannya akan diperkenalkan pada separuh pertama tahun 2017.

Selain tenaga mahir yang diperlukan dalam industri perbankan Islam dan takaful, pemimpin dalam sektor perkhidmatan sokongan profesional juga memainkan peranan penting untuk memajukan pembangunan kewangan Islam. Contohnya, dalam bidang perakaunan, Malaysian Institute of Accountants (MIA) telah memulakan program untuk menghasilkan ahli perakaunan profesional yang mempunyai kepakaran khusus dalam kewangan Islam. Bank akan terus memberikan sokongan kepada usaha ini sebagai sebahagian daripada mandat Bank untuk menggalakkan sistem dwikewangan yang kukuh dan progresif di Malaysia.

Bank juga telah menerbitkan Manual Tenaga Pengajar bagi Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi pada bulan Ogos 2016 untuk menyokong pengajaran disiplin kewangan Islam di institusi pengajian tinggi. Manual Tenaga Pengajar ini dirangka berdasarkan Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi Bank dan berperanan sebagai sumber rujukan pembelajaran praktikal sedia ada untuk pelajar institusi pengajian tinggi merangkumi isu teknikal, amalan pasaran dan perkembangan industri. Manual ini boleh digunakan oleh ahli akademik untuk menyesuaikan kontrak Syariah dan penggunaannya dalam sukatan pelajaran akademik sedia ada. Manual Tenaga Pengajar yang pertama mengandungi Piawaian Syariah *Murabahah*, manakala manual piawaian Syariah yang lain masih dalam perancangan dan akan dirangka secara berperingkat-peringkat dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Perkembangan Merentas Sektor

111 Pasaran Kewangan
113 Dasar Kehematan
114 Integriti Sistem Kewangan
115 Tindakan Penguatkuasaan
116 Perniagaan Perkhidmatan Wang
117 Rangka Kerja Perlindungan dan Pemerkasaan Pengguna
119 Inovasi FinTech
122 *Rencana: Kajian Separuh Penggal Pelan Sektor Kewangan (2011 – 2020)*
129 *Rencana: Model Baharu Perniagaan Perkhidmatan Wang – Ke Arah Pemodenan dan Profesionalisme yang Lebih Mantap*

Perkembangan Merentas Sektor


PASARAN KEWANGAN

Pasaran sekuriti hutang Malaysia terus menjadi sumber pembiayaan utama bagi sektor awam dan korporat, dan kekal sebagai salah satu pasaran yang terbesar di Asia Tenggara (Rajah 5.1), mencakupi 95.6% daripada keluaran dalam negeri kasar. Bon kerajaan dan bon korporat jangka panjang terkumpul meningkat 6.1% kepada RM1.2 trilion pada tahun 2016, dengan kebanyakan bon korporat diterbitkan oleh sektor *kewangan, insurans dan harta tanah; infrastruktur;* dan *bekalan elektrik, gas dan air*. Bahagian pembiayaan korporat daripada pasaran bon meningkat sedikit kepada 37.4% daripada jumlah pembiayaan korporat pada akhir tahun 2016 (2015: 36.8%). Sukuk terus mencakupi bahagian yang lebih tinggi daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul, iaitu pada 56.4% (Rajah 5.2).

Dalam pasaran pertukaran asing (foreign exchange, FX), sentimen pelabur yang berubah berikutan peristiwa global utama pada separuh kedua tahun 2016 telah menyebabkan kebanyakan mata wang utama dan serantau menghadapi tekanan yang menyebabkan penurunan nilai, termasuk ringgit. Keadaan ini mencerminkan ketidakpastian terhadap pelarasan dasar ekonomi utama berikutan undian United Kingdom untuk keluar dari Kesatuan Eropah dan juga keputusan pilihan raya presiden Amerika Syarikat (AS) seperti yang dibincangkan dalam Bab tentang 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016' di bawah 'Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan'.

Rajah 5.1


Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



Sumber: Asian Bonds Online

Rajah 5.2

Sekuriti Hutang dan Sukuk Terkumpul (Awam dan Korporat)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Turun naik nilai ringgit bertambah ketara disebabkan ketidakpastian prospek harga minyak mentah global dan aktiviti spekulatif dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF), yang menyebabkan perbezaan yang jelas antara kadar ringgit luar pesisir dengan kadar ringgit yang diurusniagakan di dalam negeri. Pasaran FX domestik mencatat jumlah dagangan harian purata sebanyak USD8.1 bilion, iaitu 20.6% lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Mata wang ringgit berbanding dengan mata wang asing lain diurusniagakan pada jumlah purata harian sebanyak USD4.4 bilion, dengan purata urus niaga semerta (spot) dan urus niaga hadapan (forward) sebanyak

USD1.9 bilion setiap hari. Mudah tunai dalam pasaran FX domestik juga mencerminkan ketidakseimbangan yang meningkat antara penawaran dengan permintaan dalam aliran FX (juga dibincangkan dalam Bab tentang 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016'), yang turut menyumbang kepada turun naik nilai ringgit. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.3%, dan mengakhiri tahun itu pada RM4.4860 berbanding dengan dolar AS.

Pada bulan Mei 2016, Bank menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) yang terdiri daripada pegawai kanan Bank, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, institusi kewangan dan peserta utama lain dalam pasaran kewangan untuk menyediakan forum yang lebih inklusif, bagi menambah baik strategi untuk membangunkan pasaran kewangan di Malaysia. FMC mengumumkan beberapa langkah pada bulan Disember 2016 yang bertujuan menggalakkan pasaran FX dalam negeri yang lebih mendalam, lebih telus dan berfungsi dengan baik, termasuk memberikan fleksibiliti kepada peserta dalam pasaran perlindungan nilai ringgit. Di samping itu, institusi kewangan diberi peringatan untuk mematuhi proses usaha wajar yang mantap dan Kenali Pelanggan Anda (Know-Your-Customer, KYC) untuk memastikan mereka tidak terlibat dalam aktiviti spekulatif dalam pasaran NDF ringgit. Pelaksanaan langkah-langkah ini berhasil meningkatkan mudah tunai dalam pasaran FX domestik, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan jumlah urus niaga FX ringgit dalam negeri kepada purata harian sebanyak USD5.9 bilion, manakala urus niaga dalam pasaran NDF ringgit menurun kepada purata harian sebanyak USD1.3 bilion pada akhir tahun 2016.

Pada tahun 2016, FMC juga memperkenalkan penggunaaan metodologi baharu untuk penetapan kadar rujukan USD/RM. Metodologi yang berkuat kuasa mulai 18 Julai 2016 ini selaras dengan amalan terbaik global dan bertujuan meningkatkan ketelusan pasaran dengan menggunakan data urus niaga pasaran harian dan bukannya sebut harga yang dikemukakan oleh bank-bank tempatan untuk menetapkan kadar rujukan. Hal ini mengukuhkan lagi kredibiliti mekanisme penetapan kadar rujukan dan mengurangkan peluang untuk mempengaruhi proses penetapan kadar rujukan secara tidak wajar.

Pada bulan Oktober 2016, Bank dengan kerjasama industri perbankan melancarkan program Instrumen Deposit Boleh Niaga (Negotiable Instrument of Deposit, NID) dan Instrumen Boleh Niaga Islam

Langkah-langkah untuk Memperluas dan Membangunkan Pasaran Kewangan Dalam Negeri

- Liberalisasi dan penyahkawalseliaan pasaran perlindungan nilai ringgit dalam negeri:
  a. Pemastautin (termasuk pengurus dana) dibenarkan untuk melindung nilai dedahan dolar AS dan Semerta Luar Pesisir China (China Offshore Spot) sehingga had sebanyak RM6 juta bagi setiap pelanggan untuk setiap bank, dengan disokong oleh pengisytiharan sekali sahaja tentang hasrat perlindungan nilai FX. Perlindungan nilai dedahan FX yang melebihi had ini terus dibenarkan dengan syarat urus niaga tersebut disokong oleh komitmen asas;
  b. Pengurus dana pemastautin dan bukan pemastautin dibenarkan untuk mengurus dedahan FX mereka secara aktif sehingga 25% daripada aset pelaburan mereka apabila mendaftar dengan Bank, sekali gus menyediakan lebih fleksibiliti untuk aktiviti perlindungan nilai yang dinamik; dan
  c. Institusi kewangan bukan pemastautin yang bukan sebahagian daripada kumpulan perbankan bank tempatan yang berlesen juga dibenarkan menyertai rangka kerja Pejabat Luar Negeri Dilantik (Appointed Overseas Office, AOO). Di bawah rangka kerja AOO, fleksibiliti tambahan bagi urus niaga ringgit disediakan untuk meluaskan akses kepada pasaran FX dalam negeri oleh pelabur dan syarikat asing. Fleksibiliti ini termasuk perlindungan nilai FX untuk akaun institusi itu sendiri atau bagi pihak pelanggan untuk komitmen akaun semasa dan kewangan, dan juga tawaran kemudahan pembiayaan perdagangan dalam denominasi ringgit.
- Penyelarasan pelaburan dalam aset mata wang asing oleh entiti pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik untuk melabur dalam aset mata wang asing dalam pasaran dalam negeri dan luar pesisir, sehingga had kehematan sebanyak RM50 juta setiap tahun kalendar bagi setiap kumpulan korporat.
- Pengimbangan semula permintaan terhadap ringgit dengan membenarkan pengeksport mengekalkan sehingga 25% daripada hasil perolehan eksport dalam mata wang asing, dengan baki selebihnya ditukar kepada ringgit. Jumlah mata wang asing yang melebihi nilai ambang boleh dikekalkan melalui kadar pertukaran semula yang sama untuk menyokong

(Islamic Negotiable Instrument, INI) runcit untuk meluaskan penyertaan pelabur runcit dalam pasaran kewangan, dan seterusnya meningkatkan lagi kedalaman dan mudah tunai pasaran. Memandangkan NID dan INI runcit mempunyai nilai ambang pelaburan yang lebih rendah dan boleh diniagakan di kaunter dalam pasaran sekunder, program ini akan memperluas akses pelabur runcit kepada instrumen pasaran wang yang secara relatif berisiko rendah. Pembangunan pasaran NID runcit juga dijangka meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan sokongan (ancillary services), seperti platform perdagangan alternatif dan perkhidmatan penjagaan untuk memenuhi permintaan pelaburan runcit, yang disediakan oleh institusi kewangan dan entiti bukan bank seperti syarikat teknologi kewangan (financial technology, FinTech).

Program NID dan INI runcit dilancarkan oleh Bank bagi menggalakkan pembangunan pasaran kewangan yang dinamik dengan penyertaan pelabur runcit yang lebih ramai

Bank terus memberikan keutamaan pada penggalakan piawaian tingkah laku dan ketelusan yang tinggi dalam pasaran kewangan borong domestik untuk memastikan pasaran yang adil, teratur dan cekap. Pada tahun 2016, Bank menerbitkan draf dedahan Kod Tatakelakuan bagi Pasaran Kewangan Borong Malaysia untuk maklum balas. Kod ini menggariskan secara rasmi obligasi ke atas peserta pasaran dalam pasaran kewangan borong supaya mematuhi piawaian tingkah laku profesional dan etika. Oleh itu, apa-apa pelanggaran terhadap piawaian ini boleh diambil tindakan undang-undang. Draf piawaian ini menangani keperluan tingkah laku dalam aktiviti berurus niaga, termasuk tingkah laku yang dilarang dan tanggungjawab peserta pasaran untuk menggalakkan pasaran yang berwibawa dan adil. Draf ini juga menggariskan peranan ACI-Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia dalam memelihara pasaran yang teratur, yang merangkumi pengawasan kendiri (self-policing), menjalankan penyiasatan berhubung dengan salah laku ahlinya dan merujuk kes salah laku yang melibatkan pelanggaran kod kepada Bank untuk siasatan lanjut.

Usaha telah diambil bagi menggalakkan lagi penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Berikutan pelaksanaan operasi Kemudahan Mudah Tunai Renminbi (Renminbi Liquidity Facility) pada tahun 2013 dan pelantikan bank penjelasan renminbi di Malaysia oleh People's Bank of China pada tahun 2015, penyelesaian perdagangan dalam ringgit dan renminbi terus mencapai kemajuan dan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 42.2%. Penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan bukan sahaja mengurangkan kos urus niaga perdagangan untuk perniagaan, tetapi juga menggalakkan lebih fleksibiliti dalam mengurus risiko FX bagi institusi perbankan dan menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan serantau. Pengaturan penyelesaian dalam mata wang tempatan juga ditingkatkan untuk penyelesaian ringgit dan baht Thai pada bulan Mac 2016 di bawah rangka kerja yang dilaksanakan bersama Bank of Thailand. Ini diikuti oleh Memorandum Persefahaman yang dimeterai antara Bank dengan Bank Indonesia pada bulan Disember 2016 untuk mewujudkan rangka kerja bagi penyelesaian perdagangan dua hala dalam ringgit dan rupiah Indonesia. Pengaturan dengan Bank of Korea juga telah diperbaharui pada bulan Januari 2017.

DASAR KEHEMATAN

Bank telah mengeluarkan piawaian akhir bagi Tadbir Urus Korporat pada bulan Ogos 2016, setelah mengkaji secara teliti maklum balas yang diterima mengenai draf piawaian serta perbincangan meluas dengan pihak industri berkaitan isu-isu tertentu yang dibangkitkan, yang kebanyakannya berhubung dengan pengaturan untuk peralihan. Piawaian akhir ini melanjutkan tempoh peralihan sehingga tahun 2021 untuk institusi kewangan mematuhi keperluan komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah yang diperkukuh. Bank-bank dan penanggung insurans/syarikat takaful telah mula berinteraksi dengan Bank secara aktif mengenai rancangan untuk mematuhi keperluan tersebut dan kini mula mengukuhkan rangka kerja dalaman berkaitan dengan sistem pampasan dan budaya organisasi untuk mengukuhkan tingkah laku profesional dan etika. Usaha telah dimulakan untuk juga mengkaji semula piawaian tadbir urus korporat sedia ada bagi institusi kewangan pembangunan (IKP), dengan draf perubahan dijangka dikeluarkan pada separuh pertama tahun 2017 untuk industri memberikan maklum balas. Di samping bertujuan untuk turut meningkatkan piawaian dan amalan tadbir urus IKP, draf piawaian untuk IKP akan terus mengambil kira mandat pembangunan khusus serta struktur pemilikan IKP yang unik.

Selain itu, Bank telah mengeluarkan piawaian Pengurusan Risiko Operasi yang disemak pada bulan Mei 2016. Piawaian yang disemak ini menghendaki institusi kewangan untuk mewujudkan suatu rangka kerja pengurusan risiko operasi yang mantap dan setimpal dengan saiz serta kompleksiti operasi institusi. Tempoh peralihan sehingga dua tahun diberikan untuk institusi kewangan memenuhi keperluan baharu itu. Walaupun usaha yang diambil masih tidak sekata, Bank mendapati terdapat peningkatan besar dalam amalan pengurusan risiko operasi oleh institusi kewangan. Institusi pada umumnya lebih proaktif dan menyeluruh dalam menguruskan risiko operasi, dengan peningkatan dalam penggunaan peralatan canggih untuk meramal peristiwa dan kerugian yang disebabkan oleh risiko operasi. Institusi kewangan juga menggunakan kaedah kebertanggungjawaban yang jelas bagi pengurusan risiko operasi dan kaedah yang lebih berstruktur untuk pengumpulan data berkaitan risiko operasi. Pada suku pertama tahun 2017, Bank akan mula menerbitkan Laporan Landskap Risiko Operasi, berdasarkan laporan oleh institusi kewangan melalui sistem yang disediakan oleh Bank iaitu Operational Risk Integrated Online Network (ORION). Laporan yang akan diterbitkan dua kali setahun itu memberikan gambaran keseluruhan kerugian risiko operasi pada peringkat sistem untuk membantu institusi kewangan membandingkan pengalaman mereka sendiri dengan norma industri, dan menyokong usaha-usaha oleh institusi kewangan untuk terus mengukuhkan kawalan dalaman dan menilai dedahan mereka terhadap risiko operasi.

INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Bank dan 15 agensi lain yang menganggotai Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering) terus melaksanakan pelan tindakan di bawah Pelan Strategik Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kebangsaan (2015-2020) (National Anti-Money Laundering and Countering Financing of Terrorism Strategic Plan) pada tahun 2016. Penilaian susulan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) pada tahun 2016 mendapati Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam meningkatkan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa berhubung dengan pencegahan pengubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering/counter financing of terrorism, AML/CFT) sejak penerbitan Laporan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation Report) mengenai rejim AML/CFT Malaysia pada tahun 2015.

Bank terus memanfaatkan dan mengukuhkan kerjasamanya dengan agensi dan organisasi lain, dalam usaha untuk mengekalkan pertahanan yang kukuh bagi menangani risiko pengubahan wang haram/pembiayaan keganasan (money laundering/ terrorism financing, ML/TF), terutamanya dalam kalangan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan. Ini termasuk bekerjasama sepanjang tahun 2016 dengan beberapa organisasi kawal selia kendiri (self-regulatory organisations) seperti Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur dan Institut Akauntan Malaysia untuk bersama-sama menjalankan program jangkauan dan memberikan panduan kepada firma-firma individu untuk meningkatkan pengurusan risiko ML/TF.

FATF telah mengiktiraf Malaysia kerana mencapai kemajuan besar dalam meningkatkan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa AML/CFT sejak penerbitan Laporan Penilaian Bersama Mengenai Malaysia pada tahun 2015

Bank juga bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit, FIU) asing dalam usaha memerangi pembiayaan keganasan (terrorism financing, TF). Kewaspadaan terhadap penggunaan sistem kewangan untuk membiayai kegiatan keganasan telah meningkat pada peringkat global sejak kemunculan kumpulan pengganas militan di negara-negara Teluk pada tahun 2014. Pada tahun 2016, Bank berkongsi maklumat dengan PDRM berhubung dengan 68 aktiviti yang mungkin merupakan kegiatan TF dan juga membuat 11 permohonan untuk mendapatkan maklumat daripada FIU asing di bawah Kumpulan FIU Egmont. Pada peringkat antarabangsa, Bank telah menyertai penilaian risiko TF serantau yang pertama di Asia Tenggara, yang telah dikendalikan oleh FIU dari Australia dan Indonesia. Penilaian ini menitikberatkan kaedah dan saluran TF yang berisiko tinggi, termasuk yang menimbulkan risiko kepada negara-negara secara bersama atau risiko dalam rantau (Gambar Rajah 5.1). Hasil penilaian itu, beberapa cadangan dikemukakan iaitu:

(i) pembangunan sistem yang selamat bagi pihak

kerajaan serantau untuk berkongsi maklumat tentang orang yang disyaki mempunyai kaitan dengan kegiatan TF;

(ii) kajian lanjut pola dan trend dalam pergerakan dana/nilai merentas sempadan; dan


(iii) penilaian yang dipertingkat terhadap pertubuhan bukan keuntungan (non-profit organisations, NPO) yang berisiko tinggi.

Berikutan cadangan-cadangan itu, Bank kini bekerjasama dengan FIU asing di rantau ini untuk menggunakan penilaian risiko yang lebih terperinci terhadap NPO yang terdedah kepada risiko TF, dan mengenal pasti kawasan penting sempadan serantau yang terdedah kepada pergerakan dana secara haram untuk membiayai kegiatan pengganas.

Pada tahun 2016, Bank menerbitkan tiga nota teknikal tentang obligasi pelaporan oleh institusi pelapor berhubung dengan pencegahan risiko TF. Jadual 5.1 memaparkan ringkasan perkara-perkara penting yang terkandung dalam nota teknikal tersebut. Nota teknikal ini memberikan panduan yang lebih terperinci dalam bidang-bidang tertentu bagi memastikan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT secara berkesan oleh institusi pelapor.

Gambar Rajah 5.1

Tindakan Keutamaan yang Dikenal Pasti Hasil daripada Penilaian Risiko Serantau Terhadap Pembiayaan Keganasan di Asia Tenggara



Sumber: Penilaian Risiko Serantau Terhadap Pembiayaan Keganasan 2016 oleh Pusat Pelaporan dan Analisis Transaksi Keuangan (PPATK) dan Australian Transaction Reports and Analysis Centre (AUSTRAC), digunakan di bawah lesen CC BY 4.0 (www.creativecommons.org/license)

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Dalam usaha menyemai disiplin pasaran dan mencegah salah laku dalam sistem kewangan, Bank menggunakan pelbagai kaedah penguatkuasaan, termasuk tindakan penguatkuasaan pentadbiran, sivil dan jenayah dalam menangani kesalahan berkanun dan ketidakpatuhan terhadap piawaian yang dikeluarkan oleh Bank. Pada tahun 2016, 13 entiti dan individu telah didakwa kerana menjalankan aktiviti dan skim haram, dengan sembilan sabitan kes telah diperoleh. Kes-kes ini adalah terutamanya bagi kesalahan berkaitan dengan perkhidmatan wang haram dan pengambilan deposit secara haram. Di samping itu, Bank telah memulakan 38 siasatan baharu terhadap kegiatan yang disyaki melanggar undang-undang dan pelanggaran pengawalseliaan oleh entiti dan individu. Jadual 5.2 memberikan ringkasan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank pada tahun 2016.

Bank juga bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain untuk menyiasat dan mendakwa jenayah bersindiket.

Jadual 5.1

Nota Teknikal bagi Obligasi Pelaporan berkenaan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Nota Teknikal	Tujuan
Sekatan Kewangan Bersasaran ke atas Keganasan dan Pembiayaan Keganasan	Memberikan panduan kepada Institusi Pelapor dalam melaksanakan sekatan kewangan bersasaran berkaitan TF melalui mekanisme terperinci, yang termasuk penapisan yang teliti terhadap pelanggan dan keperluan pelaporan yang terperinci.
Pejuang Pengganas Asing	Membantu institusi kewangan mengenal pasti urus niaga kewangan yang berkemungkinan besar adalah berkaitan dengan pembiayaan untuk pejuang pengganas asing.
Penunjuk Risiko Keganasan	Menyediakan penunjuk risiko yang dibangunkan oleh FATF sebagai panduan kepada institusi kewangan dalam mengenal pasti dan mengurangkan risiko TF.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 5.2

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2016

Bidang	Tindakan Penguatkuasaan
Pengambilan deposit secara haram	• Pertuduhan telah dibuat terhadap seorang individu bagi kesalahan mengambil deposit secara haram di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (ABIK). • Seorang individu telah disabitkan dengan pertuduhan di bawah seksyen 112(1)(c) yang dibaca bersama seksyen 25(1) ABIK yang mengakibatkan denda berjumlah RM100,000 dan penjara.
Ketidakpatuhan pada keperluan kehematan	• Kompaun berjumlah RM5.4 juta dikenakan terhadap sebuah bank Islam atas kegagalan mematuhi keperluan pelaporan statistik di bawah seksyen 78 Akta Bank Negara Malaysia 2009. • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM1.4 juta dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan untuk menyerahkan penemuan audit di bawah seksyen 48(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK).
Penyediaan perkhidmatan wang yang tidak sah	• 12 pertuduhan dibuat terhadap tiga entiti dan sembilan individu atas kesalahan menyediakan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah di bawah seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW). • Dua entiti dan lima individu disabitkan dengan lapan pertuduhan kerana menyediakan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah di bawah seksyen 4 dan seksyen 23 APPW, mengakibatkan denda berjumlah RM370,000 dan penjara.
Ketidakpatuhan pada keperluan pengawalseliaan	• Kompaun berjumlah RM39,000 dikenakan terhadap tiga pengendali MSB atas kegagalan mengeluarkan resit kepada pelanggan bagi urus niaga pertukaran di bawah seksyen 27 APPW. • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM12,000 dikenakan terhadap lapan pengendali MSB atas kegagalan untuk mengekalkan dana modal minimum di bawah seksyen 22 APPW. • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM20,500 telah dikenakan terhadap 13 pengendali MSB atas kegagalan untuk menyerahkan laporan audit dalam tempoh yang ditetapkan di bawah seksyen 31(9) APPW.
Ketidakpatuhan pada keperluan pentadbiran pertukaran asing	• Kompaun berjumlah RM22.9 juta dikenakan terhadap tujuh institusi atas kegagalan mematuhi keperluan pentadbiran pertukaran asing di bawah seksyen 214 APK dan seksyen 225 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI).
Ketidakpatuhan pada dasar AML/CFT	• Kompaun berjumlah RM1.7 juta dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan untuk mematuhi obligasi pelaporan dan keperluan penyimpanan rekod di bawah seksyen 14(1)(b) dan seksyen 17(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). • Kompaun berjumlah RM1.6 juta dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan untuk mematuhi obligasi pelaporan dan Perintah AMLA di bawah seksyen 14(1)(b) dan seksyen 50 AMLA.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2016, Bank, bersama-sama dengan Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara daripada Jabatan Peguam Negara, PDRM dan Kastam Diraja Malaysia menyerbu sebuah sindiket pengendali perniagaan perkhidmatan wang (money services business, MSB) haram, susulan tindakan perisikan dan pengawasan rapi selama 16 bulan terhadap sindiket tersebut, yang didapati memindahkan dana secara haram dari Malaysia ke negara-negara jiran. Penyiasatan ke atas ahli-ahli sindiket kini sedang dijalankan.

PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG

Segmen pengurupan wang runcit dan borong dalam industri MSB terus meningkat, masing-masing sebanyak 21.1% dan 38.5% pada tahun 2016 (2015: masing-masing RM60.7 bilion dan RM7.7 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan kukuh terhadap mata wang lazim seperti dolar AS, dolar Singapura, euro dan mata wang serantau daripada pelancong ke dalam dan luar negeri. Sementara itu,

pengiriman wang keluar secara keseluruhannya menurun 1.9% kepada RM34.3 bilion (2015: RM34.9 bilion), disebabkan oleh penghantaran balik gaji dan ganjaran menggunakan saluran pengiriman wang perbankan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank terus mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.6% bagi pengiriman wang keluar oleh pekerja migran terutamanya ke Indonesia, Bangladesh dan India. Perkembangan dalam industri MSB dibincangkan dengan lebih lanjut dalam rencana 'Model Baharu Perniagaan Perkhidmatan Wang - Ke Arah Pemodenan dan Profesionalisme yang Lebih Mantap'.

RANGKA KERJA PERLINDUNGAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA


Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) yang mula beroperasi pada 1 Oktober 2016 merupakan kemajuan penting dalam rangka kerja yang berkesan untuk perlindungan pengguna kewangan di Malaysia. OPK menyediakan saluran alternatif bebas bagi pengguna untuk menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan atau produk kewangan yang ditawarkan oleh 175 ahli penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) yang merangkumi institusi perbankan, IKP, penanggung insurans, pengendali takaful, broker insurans dan takaful, pengeluar instrumen pembayaran dan penasihat kewangan. Walaupun sebahagian besar OPK merupakan perkembangan daripada Biro Pengantaraan Kewangan yang dahulu, aspek utama tadbir urus dan operasinya telah diperkukuh dan dipertingkat untuk memastikan penyelesaian pertikaian yang lebih cekap dan menambah baik insentif untuk PPK berinteraksi dengan pengguna secara lebih konstruktif.

Pertanyaan dan khidmat nasihat yang dikendalikan melalui BNMLINK dan TELELINK – iaitu pusat perhubungan Bank dengan orang ramai – terus mencatat peningkatan pada tahun 2016 (Rajah 5.3). Purata sebanyak 2,562 pertanyaan, khidmat nasihat dan aduan dikendalikan oleh Bank setiap hari, iaitu 27% lebih tinggi berbanding dengan tahun 2015. Sebaliknya, aduan yang direkodkan terhadap PPK pula berkurang (Rajah 5.4). Interaksi dan perbincangan antara Bank dengan pengguna dan PPK menunjukkan bahawa pengguna lebih peka tentang saluran yang tersedia untuk mereka mengemukakan pertanyaan dan kebimbangan. PPK pula terus mengambil kira maklum balas yang dikongsi oleh Bank daripada pengurusan aduan awamnya untuk menambah baik cara PPK mengurus dan memberikan respons terhadap isu pengguna. Maklum balas sedemikian telah berkembang untuk merangkumi bukan sahaja kebimbangan individu berkaitan dengan PPK tertentu, malah isu terkini yang meluas dalam industri kewangan di Malaysia.

Usaha Bank bersama rakan strategik untuk meningkatkan tahap celik kewangan terus diperkukuh melalui penubuhan Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) pada bulan November 2016. Ahli FEN pada peringkat awal terdiri daripada Bank, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, dan Permodalan Nasional Berhad, dengan ahlinya dijangka terus bertambah mengikut keperluan untuk memacu inisiatif bersasaran. FEN bertujuan meningkatkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang baharu bagi menambah baik celik kewangan melalui inisiatif antara agensi yang lebih terselaras, kerjasama

Rajah 5.3


Pertanyaan dan Khidmat Nasihat yang Dikendalikan oleh Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.4

Aduan yang Diterima oleh Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang lebih erat dan tumpuan yang padu pada penilaian impak. Bagi tujuan ini, FEN akan berkerjasama dengan kementerian kerajaan yang berkenaan, persatuan industri dan kumpulan pengguna untuk menyampaikan, memantau dan menilai inisiatif pendidikan kewangan di bawah strategi kebangsaan yang bersepadu. Keutamaan FEN pada masa ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan pendidikan tentang keperluan perancangan kewangan jangka panjang. Ini mencerminkan ketidakcukupan simpanan persaraan yang juga telah dinyatakan oleh Bank dalam laporan terdahulu dan merupakan kebimbangan berterusan berikutan kurangnya perhatian sebahagian besar penduduk Malaysia[1] terhadap perancangan kewangan jangka panjang.

Rangkaian Pendidikan Kewangan telah ditubuhkan pada bulan November 2016 untuk menyelaras dan memacu strategi pendidikan kewangan kebangsaan di Malaysia

Bank juga bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mempertingkatkan akses kewangan bagi golongan orang kurang upaya (OKU). Institusi kewangan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan lebih khusus yang memenuhi keperluan golongan kurang upaya, dan terus menambah baik akses kepada infrastruktur fizikal untuk OKU di semua lokasi kewangan mereka. Sehingga kini, PPK telah melatih lebih 10,000 pekerja barisan hadapan (front liners) bagi menyediakan perkhidmatan sokongan yang sewajarnya untuk keperluan khas OKU. Sebuah IPK juga telah melancarkan satu program kewangan khusus untuk menyediakan modal kerja bagi pertanian atau perniagaan berasaskan pertanian kepada OKU. Inisiatif jangkauan dan pendidikan oleh Bank tertumpu pada usaha menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan secara bertanggungjawab, terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan masyarakat luar bandar. Usaha ini juga telah menyebabkan PPK yang mengambil bahagian dalam program ini menawarkan produk kewangan yang lebih mampu dibayar, termasuk produk insurans dan takaful yang membantu menyediakan perlindungan kewangan terhadap kejadian buruk yang tidak dijangka seperti kebakaran dan banjir.

[1] Berdasarkan International Survey of Adult Financial Literacy Competencies yang dijalankan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development/International Network on Financial Education pada tahun 2016.

Pada tahun 2016, sebanyak 56 entiti baharu dimasukkan ke dalam senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alerts, FCA) yang merupakan entiti yang tidak diberikan kebenaran atau tidak diberikan kelulusan oleh Bank (terdapat dalam laman sesawang Bank), menjadikan jumlah entiti dalam senarai sebanyak 277 entiti. Kebanyakan entiti yang dikenal pasti dalam senarai tersebut disyaki menjalankan aktiviti yang mengandungi unsur-unsur pengambilan deposit. Orang ramai perlu mengetahui perkembangan kaedah penipuan dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk melindungi diri daripada skim seperti itu. Perkara ini terus menjadi tema utama dalam kempen pendidikan Bank sepanjang tahun 2016. Maklumat penting dihebahkan dengan meluas oleh Bank melalui pelbagai saluran, termasuk media sosial dan aplikasi mudah alih Bank, MyBNM, yang memberikan maklumat terkini kepada pengguna tentang hal-hal berkaitan dengan pengguna dan jenayah kewangan.

Usaha untuk merumuskan undang-undang kredit pengguna bagi Malaysia diteruskan pada tahun 2016 bagi mengukuhkan perlindungan undang-undang terhadap peminjam dalam urusan mereka dengan penyedia kredit. Pada masa ini, aktiviti kredit pengguna adalah di bawah bidang kuasa beberapa undang-undang seperti Akta Perkhidmatan Kewangan, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, Akta Sewa Beli 1967, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Peruntukan di bawah undang-undang ini ada kalanya tidak selaras, menyebabkan perlindungan yang tidak konsisten kepada peminjam. Pendekatan pengawalan yang berbeza (contohnya, berdasarkan penyedia atau produk) juga telah menyebabkan jurang dalam rangka kerja pengawalseliaan yang boleh menjejaskan matlamat untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada peminjam. Pada tahun 2016, Bank, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengorak langkah dengan rancangan untuk merangka dan mendapatkan maklum balas yang lebih meluas daripada pihak berkepentingan utama mengenai undang-undang kredit pengguna yang lebih bersepadu. Antara lain, undang-undang ini akan memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada peminjam, termasuk dalam bidang pembiayaan yang mampu dibayar (affordable financing), pelepasan hutang, penzahiran dan pemulihan hutang. Undang-undang yang dicadangkan ini juga bertujuan

mempertingkatkan penyelarasan pengawalan dan penyeliaan antara agensi, dan memperkukuh mekanisme penguatkuasaan dalam aspek aktiviti kredit pengguna. Paparan penting inisiatif bagi mempertingkatkan perlindungan dan pemerkasaan pengguna pada tahun 2016 diringkaskan dalam Gambar Rajah 5.2.


INOVASI FINTECH

Kemunculan FinTech kini mentakrifkan semula penyediaan, pengagihan dan penggunaan perkhidmatan kewangan. Solusi FinTech yang inovatif membuka peluang baharu untuk meningkatkan akses kepada kewangan bagi peniaga dan pengguna serta mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan kewangan dalam menyokong transformasi ekonomi Malaysia. Bank komited terhadap usaha membentuk persekitaran pengawalseliaan yang selamat dan menyokong inovasi FinTech di Malaysia. Pada bulan Jun 2016, Bank telah menubuhkan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group, FTEG), yang bertanggungjawab untuk merumuskan langkah dan strategi dasar bagi memudahkan penggunaan inovasi teknologi oleh industri. Gambaran keseluruhan tentang inisiatif dan program utama yang diperkenalkan oleh kumpulan tersebut ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.3.

Perkembangan penting pada tahun 2016 ialah penerbitan parameter yang dimuktamadkan untuk *Sandbox* Pengawalseliaan pada bulan Oktober.

Gambar Rajah 5.2


Inisiatif Utama bagi Mempertingkatkan Perlindungan dan Pemerkasaan Pengguna pada tahun 2016



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5.3

Inisiatif Utama di bawah Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sandbox Pengawalseliaan ini membolehkan eksperimen solusi FinTech yang inovatif dibuat dalam situasi pasaran yang sebenar, apabila solusi yang dicadangkan mempunyai potensi yang jelas untuk:

- meningkatkan akses, kecekapan, keselamatan dan kualiti perkhidmatan kewangan;
- mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko institusi kewangan; atau
- menangani jurang, atau membuka peluang baharu bagi pembiayaan atau pelaburan dalam ekonomi Malaysia.

Semasa tempoh ujian bagi solusi yang diterima masuk ke dalam *Sandbox* Pengawalseliaan, fleksibiliti yang sewajarnya akan diberikan menurut dasar pengawalseliaan Bank sedia ada. Dasar ini mungkin merangkumi keperluan kehematan atau amalan pasaran yang disesuaikan selaras dengan dedahan terhad yang wujud dalam persekitaran ujian. Sehingga kini, satu solusi telah memulai ujian sebenar, dan pada masa yang sama Bank telah menerima pada peringkat awal, lima lagi solusi untuk diuji dalam *Sandbox* Pengawalseliaan. Solusi ini termasuk kaedah baharu bagi penyampaian maklumat perbandingan bagi produk insurans, model pertukaran mata wang rakan ke rakan (peer-to-peer currency exchange) dan perkhidmatan pengiriman wang secara elektronik. Permulaan ujian sebenar adalah tertakluk pada keupayaan pemohon untuk memenuhi keperluan yang ditentukan oleh Bank mengikut kes.

Sebagai pemangkin untuk membangunkan ekosistem FinTech yang berkembang maju di Malaysia, Bank akan mengorak langkah dalam beberapa bidang pembangunan utama pada masa hadapan. Ini termasuklah:

(i) Menggunakan antara muka program aplikasi (application programme interface, API) yang terbuka bagi membolehkan perkongsian data dengan pihak ketiga tanpa menjejaskan kerahsiaan dan keselamatan data;

(ii) Mewujudkan utiliti KYC yang sama bagi memudahkan pendekatan secara berkesan dan cekap untuk institusi kewangan mengurus obligasi pematuhan. Hal ini juga bertujuan mengurangkan penipuan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan pelanggan;

(iii) Menghasilkan panduan untuk pengkomputeran awan (cloud computing) bagi memanfaatkan kecekapan operasi dan pada masa yang sama, melindungi integriti data dalam perkhidmatan kewangan;

(iv) Meneliti penerapan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology) untuk mengembangkan infrastruktur, pengaturan dan proses baharu yang akan mengubah cara perkhidmatan kewangan disampaikan; dan

(v) Meningkatkan daya tahan keselamatan siber dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Tindakan secara usaha sama oleh industri dijangka memainkan peranan penting bagi mencapai skala, kecekapan dan keberkesanan kos dalam memacu bidang pembangunan utama ini. Beberapa kumpulan kerja industri telah ditubuhkan untuk membangunkan cadangan yang lebih terperinci dalam bidang yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan pada tahun yang akan datang, dengan tumpuan awal diberikan pada pewujudan proses KYC elektronik berpusat untuk pembukaan akaun bank dan penggunaan teknologi lejar teragih untuk pembiayaan dagangan. Bank juga terus mengeratkan kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Malaysia Digital Economy Corporation dalam memastikan persekitaran yang kondusif untuk inovasi FinTech.

Kerjasama antara peserta industri adalah penting untuk memajukan dan mempercepatkan pembangunan ekosistem FinTech pada masa hadapan

Bank menyedari bahawa penggunaan teknologi yang berleluasa dalam operasi institusi kewangan akan meningkatkan dedahan sistem kewangan kepada ancaman siber yang boleh menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan kewangan yang penting dan mengancam integriti sistem kewangan. Oleh itu, dalam penerimaan inovasi, perhatian yang rapi dan teliti adalah amat penting bagi memastikan sistem kewangan mengekalkan pertahanan yang kukuh dan teguh terhadap serangan siber, terutamanya berhubung dengan infrastruktur keselamatan dan kawalan operasi. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan yang lebih luas bagi memperkukuh daya tahan industri terhadap serangan siber (lihat juga Bab 'Sistem Pembayaran dan Penyelesaian'), Bank telah menubuhkan Kumpulan Kerja Siber Industri (Industry Cyber Working Group) sebagai platform untuk menggalakkan institusi kewangan berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan risiko teknologi, menyelaraskan usaha untuk mengurangkan risiko siber dan membenarkan pertukaran maklumat risikan berhubung dengan ancaman siber. Bagi meningkatkan tahap ketersediaan dan daya tahan siber industri terhadap ancaman siber, Bank menghendaki semua institusi perbankan melaksanakan penilaian yang menyeluruh berhubung dengan ancaman siber dan memperkukuh kawalan terhadap ancaman tersebut. Ini termasuk mengemas kini piawaian dan protokol keselamatan secara berkala bagi penyulitan (encryption) perkhidmatan laman sesawang dan penentuan pengaturan yang jelas untuk memastikan pelaporan insiden keselamatan yang tepat pada masanya oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Kajian Separuh Penggal Pelan Sektor Kewangan (2011 – 2020)

Oleh Ian Lee Wei Xiung dan Kershia Tan Wei

Pelan Sektor Kewangan (Pelan) yang dilancarkan pada 21 Disember 2011, melakarkan hala tuju strategik 10 tahun ke arah meningkatkan daya tahan, kecekapan dan daya saing sektor kewangan Malaysia. Berlandaskan asas yang kukuh ekoran pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan pada dekad lalu, Pelan ini merangkumi 69 saranan dan 214 inisiatif bagi menggalakkan sektor kewangan untuk terus memainkan peranannya secara berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Saranan-saranan ini mencerminkan landskap ekonomi dan kewangan yang semakin berubah berikutan pelbagai faktor termasuk ketidaksamaan pendapatan yang semakin meningkat, perubahan demografi, pembaharuan kawal selia pascakrisis, sektor perkhidmatan yang menjadi semakin penting dalam ekonomi, kesalinghubungan serantau dan global yang lebih luas dan kemajuan teknologi. Berlatarkan persekitaran ini, sembilan objektif utama digariskan dalam Pelan (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

Objektif Utama di bawah Pelan

- Pengantaraan berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi
- Pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- Perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- Integrasi kewangan serantau dan antarabangsa yang diperkukuh
- Pengantarabangsaan kewangan Islam
- Amalan tadbir urus dan pengurusan risiko institusi kewangan yang dipertingkat
- Kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui pembayaran secara elektronik
- Pemerkasaan pengguna
- Pembangunan tenaga mahir bagi sektor kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana ini membincangkan kemajuan dan pencapaian di bawah Pelan sehingga kini, trend dan perkembangan yang baru muncul, serta implikasinya dari segi keutamaan inisiatif di bawah Pelan pada masa hadapan.


Kemajuan dan Pencapaian

Kemajuan yang berterusan telah dicapai ke arah merealisasikan objektif Pelan, dengan 41% inisiatif telah dilaksanakan sepenuhnya dan 44% lagi berjalan mengikut perancangan. Secara kolektif, inisiatif ini meliputi sebahagian besar inisiatif berimpak tinggi merentas kesemua sembilan objektif utama dalam Pelan (Gambar Rajah 2). Khususnya, langkah-langkah yang bertujuan melindungi kestabilan sistem kewangan dan mengukuhkan pendorong utama pembangunan kewangan telah membantu membentuk persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan inovasi yang lebih luas dan pertumbuhan sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini terdapat dalam Gambar Rajah 3.

Penilaian terhadap kesan pelaksanaan inisiatif menunjukkan hasil yang memberangsangkan, dengan manfaat jangka panjang bagi langkah-langkah tertentu dijangka dapat dicapai mengikut peredaran masa. Dalam hal perlindungan kehematan, manfaat ini akan dilihat semasa tempoh tekanan kewangan.

Gambar Rajah 2

Kemajuan Keseluruhan Inisiatif Pelan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3

Sorotan Inisiatif Utama

52% *Siap*

39% *Mengikut jadual*
6% *Belum dilaksanakan*
3% *Dalam kajian*

Memelihara kestabilan sistem kewangan

- Amalan pengawalan dan penyeliaan yang dipertingkatkan dengan tumpuan pada tadbir urus dan pengurusan risiko

- Pelaksanaan perundangan yang dimodenkan (iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002)
- Penggunaan piawaian global yang diperkukuhkan, termasuk pembaharuan dalam piawaian modal dan imbuhan

40% *Siap*

42% *Mengikut jadual*
8% *Belum dilaksanakan*
10% *Dalam kajian*

Menggalakkan pendorong utama bagi pembangunan kewangan

- Kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui pembayaran secara elektronik
- Pemerkasaan pengguna
- Pembangunan tenaga mahir bagi sektor kewangan

- Pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran
- Pelaksanaan Skim Ombudsman Kewangan
- Transformasi institusi latihan, berakreditasi dan profesional yang utama, termasuk Asian Banking School, Asian Institute of Chartered Bankers dan Agensi Akreditasi Kewangan

38% *Siap*

46% *Mengikut jadual*
5% *Belum dilaksanakan*
11% *Dalam kajian*

Memangkinkan inovasi dan pertumbuhan

- Pengantaraan berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi
- Pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- Perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- Integrasi kewangan serantau dan antarabangsa yang diperkukuh
- Pengantarabangsaan kewangan Islam


- Pelaksanaan Rangka Kerja Perbankan Ejen
- Enakmen Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015
- Pelaksanaan pembaharuan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga
- Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran
- Pemuktamadan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
- Pelaksanaan Platform Akaun Pelaburan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan positif daripada inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan adalah paling ketara dalam bidang rangkuman kewangan, pengawalan dan penyeliaan, integrasi kewangan serantau dan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik (Gambar Rajah 4). Rangkuman kewangan telah berkembang nyata, disokong terutamanya oleh rangkaian ejen bank yang semakin meningkat. Hal ini turut disokong oleh peningkatan kesedaran pengguna dan pembangunan rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih mantap. Tambahan pula, penampan kewangan yang kukuh dan pengambilan risiko yang berhemat telah membolehkan institusi kewangan di Malaysia mengharungi episod pergolakan kewangan, pertumbuhan yang lemah dan pengecilan margin pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kerjasama pengawalan dan penyeliaan yang lebih kukuh antara pihak berkuasa di rantau ini berlandaskan hubungan paling erat kebelakangan ini, juga telah menyediakan persekitaran yang diperlukan bagi meningkatkan pertumbuhan dan kestabilan serantau. Sementara itu, pertumbuhan dalam penggunaan pembayaran secara elektronik telah meningkatkan lagi kecekapan ekonomi Malaysia melalui pengurangan kos pengendalian wang tunai dan cek.

Gambar Rajah 4

Kesan Inisiatif di bawah Pelan



[1] Jumlah penduduk sekurang-kurangnya 2,000 orang
[2] Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) ialah organisasi kerjasama bank pusat dan pihak berkuasa monetari di Asia Timur dan kawasan Pasifik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, pembangunan kewangan yang lebih mantap telah diiringi oleh kesan limpahan ekonomi yang positif dari segi penyertaan penduduk Malaysia dalam sektor kewangan. Pada akhir tahun 2016, jumlah pekerja sektor kewangan adalah kira-kira 164,592 orang[1], dengan 6,100 pekerjaan tambahan diwujudkan sejak suku pertama 2013. Jumlah ini mencakupi kira-kira 3% daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia. Sebagai salah satu daripada sektor berproduktiviti

[1] Termasuk kakitangan bank perdagangan, bank-bank Islam, bank pelaburan, bank-bank Islam antarabangsa, institusi kewangan pembangunan, penanggung insurans dan pengendali takaful.

tinggi berasaskan pengetahuan, 74% kakitangan sektor kewangan merupakan ahli profesional berkemahiran tinggi. Purata gaji dalam sektor kewangan meningkat pada kadar purata 11.4% antara tahun 2013 hingga tahun 2016, berjumlah RM7,790 sebulan (setiap pekerja) pada tahun 2016 (2013: RM5,661), manakala produktiviti meningkat pada kadar purata 4%[2] pada tempoh yang sama. Namun begitu, sementara institusi kewangan di Malaysia terus menstruktur semula operasi selaras dengan landskap kewangan yang berubah, keadaan kekosongan jawatan dalam sektor kewangan masih tinggi (2016: 4,800 kekosongan jawatan), terutamanya untuk jawatan berkemahiran tinggi.

Selain itu, sektor kewangan juga telah membuat sumbangan positif kepada nilai keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Nilai tambah sebenar perkhidmatan kewangan kepada KDNK berjumlah lebih RM75.3 bilion pada tahun 2016, mencakupi 6.8% daripada KDNK benar. Pada tempoh tahun 2011 hingga 2016, nilai tambah sektor kewangan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak 2.7%. Pertumbuhan adalah lebih sederhana pada beberapa tahun yang lalu ekoran persekitaran ekonomi yang mencabar, pertumbuhan yang lebih rendah dalam aktiviti pinjaman dan pasaran modal serta keadaan persaingan yang meningkat.

Walaupun kemajuan yang jelas telah dicapai, masih terdapat beberapa bidang berpotensi besar yang belum diterokai. Industri insurans dan takaful Malaysia masih mempunyai potensi yang besar untuk pertumbuhan. Walaupun penembusan insurans seperti yang diukur mengikut bilangan polisi insurans hayat dan takaful keluarga bagi setiap penduduk telah meningkat kepada 54.2% (2010: 51.1%), pertumbuhan masih lemah sejak lima tahun yang lalu. Dalam sektor insurans am dan takaful am, kapasiti domestik untuk mengunderait risiko yang lebih besar dan lebih khusus hampir mencapai hadnya, yang seterusnya akan memberi kesan kepada aliran keluar insurans semula. Antara cabaran yang dihadapi oleh industri ialah kekurangan kepakaran pengunderaitan bagi risiko yang besar dan khusus, tahap kesedaran risiko yang rendah dan ketersediaan produk mampu dibeli yang terhad, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga kumpulan berpendapatan rendah.

Dengan peralihan Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, salah satu bidang pembangunan seterusnya ialah pengantaraan kewangan bagi bidang pertumbuhan baharu yang lebih intensif dari segi pengetahuan dan teknologi serta mempunyai kandungan inovasi yang tinggi. Walaupun aktiviti sedemikian dijangka bertambah giat pada masa hadapan, pembiayaan bank masih banyak tertumpu pada sektor yang lebih tradisional. Sebagai contoh, kurang 1% daripada kelulusan pembiayaan PKS telah diberikan kepada segmen pertumbuhan baharu pada tahun 2016 seperti teknologi hijau, bioteknologi dan industri inovatif lain yang memberikan tumpuan pada harta intelek serta teknologi maklumat dan komunikasi. Kekangan utama dalam tawaran solusi pembiayaan tradisional bagi industri-industri ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam rencana 'Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu'. Ini termasuk kekurangan cagaran, sejarah kredit terhad dan maklumat tidak simetri yang tinggi. Keutamaan untuk melindungi deposit orang ramai, yang kekal sebagai sumber penting pendanaan bagi bank, juga menandakan keperluan dan peluang untuk membangunkan penyelesaian pembiayaan alternatif bagi industri pertumbuhan baharu.

Trend dan Perkembangan yang Baru Muncul

Secara keseluruhannya, pertimbangan utama yang menyokong saranan dalam Pelan kekal relevan (Gambar Rajah 5).

Walau bagaimanapun, perkembangan sejak lima tahun yang lalu telah mendorong inisiatif baharu dipertimbangkan bagi mencapai objektif Pelan, tetapi pada masa yang sama memberikan tumpuan yang lebih jitu pada inisiatif tertentu yang sedia ada.

Salah satu perkembangan tersebut ialah kemunculan teknologi kewangan (financial technology, FinTech). FinTech telah meluaskan penyediaan perkhidmatan kewangan melangkaui bidang kuasa tradisional bank, dan berpotensi mengubah asas cara perkhidmatan kewangan disampaikan dan digunakan. Ini seterusnya boleh mengubah dengan ketara kedinamikan bersaing sektor kewangan dan ciri pengantaraan kewangan. Bank menjangkakan penggunaan

[2] Produktiviti dalam sektor kewangan diwakili oleh jumlah pendapatan faedah bersih, pendapatan fi dan premium insurans/takaful ditolak tuntutan dan dibahagi dengan jumlah kakitangan yang bekerja dalam sektor perbankan dan insurans/takaful.

Gambar Rajah 5

Pertimbangan dan Strategi Utama yang Menyokong Pelan

PERTIMBANGAN	STRATEGI
1. Penduduk yang lebih berusia dan tinggal di bandar 2. Kelas pendapatan sederhana yang besar dan semakin berkembang 3. Pertumbuhan perkhidmatan berintensif pengetahuan 4. Kekukuhan jumlah PKS yang dinamik dan berdaya saing 5. Peralihan kepada aktiviti bernilai tambah lebih tinggi 6. Integrasi global dan serantau yang lebih meluas	• Pembangunan sistem pencen yang lebih mampan untuk persaraan • Perlindungan yang dipertingkat untuk produk dan perkhidmatan insurans perubatan dan kesihatan, termasuk produk insurans penjagaan kesihatan jangka panjang dan insurans hilang upaya lain • Pembangunan ekosistem pendanaan yang lebih pelbagai, aktif dan mampan melangkaui pembiayaan bank secara tradisional • Penggalakan ekosistem sokongan dan perkongsian strategik yang holistik antara institusi domestik dengan serantau untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan yang semakin meningkat • Pembangunan pengantara, pasaran kewangan dan infrastruktur sokongan untuk menyokong penyediaan pembiayaan projek jangka panjang yang besar, termasuk menambah baik rangka kerja perkongsian sektor awam-swasta

Sumber: Bank Negara Malaysia

FinTech yang semakin meningkat dapat memberikan implikasi yang meluas bagi bidang seperti pembayaran, rangkuman kewangan, kewangan Islam, perlindungan pengguna dan perniagaan perkhidmatan wang. Pada masa hadapan, FinTech dijangka meninggalkan kesan pada komposisi dan jenis pekerjaan yang akan ditawarkan dalam sektor kewangan. Khususnya, pekerjaan yang intensif tenaga yang berbentuk rutin dan boleh diramal adalah berisiko tinggi untuk diautomasikan. Meskipun kesan sebenar FinTech terhadap pekerjaan masih belum dapat disimpulkan, sektor kewangan harus memantapkan semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang ada dengan kompetensi yang berasaskan teknologi supaya dapat meraih manfaat daripada penggunaan teknologi di samping mengurangkan kesan yang menjejaskan tenaga kerja.

Satu lagi perkembangan penting ialah andaian makroekonomi luaran dan dalam negeri yang sederhana bagi tempoh jangka sederhana. Walaupun sasaran awal di bawah Pelan menjangkakan sistem kewangan berkembang pada kadar tahunan 8%-11%, sasaran tersebut kini dijangka menjadi lebih sederhana, sejajar dengan kadar pertumbuhan tahunan purata kira-kira 6.8% yang dicapai sepanjang tempoh 2011 hingga 2016. Keadaan ini akan meningkatkan tekanan terhadap institusi kewangan untuk meneliti semula model perniagaan yang sedia ada dan meninjau peluang melangkaui segmen perniagaan tradisional untuk meraih manfaat daripada bidang pertumbuhan baharu. Selain itu, trend makroekonomi ini juga telah meningkatkan tumpuan terhadap peranan sektor kewangan dalam menyediakan penyelesaian kepada cabaran sosioekonomi yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah, kemiskinan bandar dan daya tahan isi rumah terhadap kejutan kewangan.

Ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa dan domestik juga merupakan cabaran baharu kepada pengurusan kestabilan kewangan. Keadaan ini didorong oleh ketidakpastian yang menyelubungi dasar monetari di Amerika Syarikat, digabungkan dengan perkembangan ekonomi dan politik global, termasuk turun naik harga komoditi yang semakin ketara. Dengan keterbukaan pasaran kewangan Malaysia, penambahbaikan kedalaman, keluasan dan daya tahan keseluruhan pasaran kewangan, termasuk pasaran pertukaran asing dan derivatif, kini menjadi lebih penting.

Pada peringkat global, para peniaga dan individu juga semakin mencerminkan pertimbangan terhadap pembangunan dan pertumbuhan yang mampan apabila membuat keputusan berkenaan ekonomi. Antara contoh yang berkaitan termasuk usaha-usaha yang semakin giat ke arah Pelaburan Mampan, Bertanggungjawab dan Berimpak (Sustainable, Responsible and Impact Investing, SRI) dan penggunaan kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

(Environmental, Social and Governance criteria) dalam keputusan pelaburan. Ini membuka peluang pertumbuhan yang besar kepada sektor kewangan Islam yang menekankan perlindungan dan penambahbaikan kebajikan sosial sebagai prinsip terasnya. Aktiviti kewangan Islam di Malaysia kini ditadbir oleh rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang menyeluruh. Ini menyediakan asas yang kukuh bagi sektor kewangan untuk menjalankan peranan yang lebih besar dalam pembangunan yang mampan menerusi penawaran penyelesaian SRI.

Keutamaan Melangkah ke Hadapan

Dengan tinggal hanya empat tahun lagi untuk mencapai aspirasi Pelan, gambaran keseluruhan keutamaan penting menjelang tahun 2020 adalah seperti digariskan dalam Gambar Rajah 6. Ini mengambil kira perkembangan yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, yang akan melibatkan penelitian semula penetapan pengawalseliaan dan strategi pembangunan dalam beberapa bidang.

Antaranya ialah evolusi sebuah ekosistem pembiayaan alternatif dan FinTech yang dinamik untuk menyokong inovasi masa hadapan dan mengembangkan sumber pendanaan bagi PKS. Ini termasuk pembangunan penyelesaian pendanaan yang lebih berasaskan pasaran untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan dan mengurangkan kebergantungan pada pendanaan berasaskan bank. Tumpuan yang lebih besar akan diberikan pada pembiayaan industri peneraju dan perniagaan permulaan peringkat awal dengan menambah baik rangka kerja bagi penyelesaian pembiayaan alternatif seperti pemfaktoran dan pemajakan. Peranan institusi kewangan pembangunan juga akan dikaji semula agar dapat memberikan perkhidmatan dan sokongan yang lebih baik kepada pembangunan sektor sosioekonomi yang disasarkan.

Bank berusaha untuk menggalakkan industri memainkan peranan yang lebih besar bagi menerajui inisiatif yang akan menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan melalui penggunaan FinTech. Contoh terbaharu usaha ini ialah pelaksanaan dua projek berasaskan teknologi berimpak tinggi yang akan diterajui oleh industri, termasuk pembangunan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology) untuk memacu kecekapan yang lebih tinggi dalam pembiayaan perdagangan dan mempermudah proses Kenali-Pelanggan-Anda (Know-Your-Customer, KYC) secara digital.

Bagi menangani cabaran dan realiti yang timbul daripada ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih ketara, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan cair, termasuk memastikan ketersediaan instrumen perlindungan nilai yang berkesan dari segi kos untuk menguruskan dedahan risiko. Bagi mencapai matlamat ini, Bank bersama-sama dengan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) telah memperkenalkan beberapa langkah yang bertujuan untuk meningkatkan kestabilan pasaran dan memperluas pasaran perlindungan nilai dalam negeri. Keterangan lanjut mengenai langkah-langkah ini dan peranan FMC dibincangkan di dalam Bab ini.

Lebih penekanan juga akan diberikan pada usaha meningkatkan peranan insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan perlindungan dan pengurusan risiko isi rumah dan perniagaan Malaysia. Langkah-langkah akan diambil untuk mempercepat penembusan insurans dan mengurangkan jurang perlindungan dengan meluaskan ketersediaan produk perlindungan asas, insurans mikro dan takaful mikro. Langkah ini akan disokong oleh pelaksanaan pendekatan pengawalseliaan yang setimpal bagi insurans mikro dan takaful mikro. Penyediaan persekitaran operasi yang kondusif membolehkan industri membangunkan produk bagi memenuhi keperluan segmen yang kini masih kurang diinsuranskan. Pempelbagaian selanjutnya dalam saluran pengagihan insurans dan takaful juga dijangka meningkatkan ketersediaan dan penerimaan produk perlindungan dengan lebih ketara. Dalam sektor insurans am dan takaful am, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pembaharuan yang meluas, termasuk liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran secara berfasa serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan kos yang berkaitan dengan penyelesaian tuntutan. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan dengan mengambil kira keseimbangan antara penyertaan domestik dengan penyertaan asing dalam sektor insurans dan takaful, sejajar dengan kepentingan terbaik kepada Malaysia.

Gambar Rajah 6

Keutamaan Masa Hadapan di bawah Pelan



Pengantaraan Kewangan yang Berkesan

- Mengembangkan ekosistem FinTech yang aktif untuk meningkatkan akses dan kecekapan
- Membangunkan penyelesaian pembiayaan yang lebih berasaskan pasaran bagi PKS dan industri peneraju
- Mengukuhkan peranan dan impak institusi kewangan pembangunan



Rejim Pengawalan dan Penyeliaan

- Membangunkan Rangka Kerja Pemulihan dan Penyelesaian bagi institusi kewangan
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan pembaharuan pengawalseliaan dalam sektor perbankan dan insurans/takaful
- Memastikan rangka kerja penyeliaan dan metodologi pengukuran yang dinamik dan berpandangan ke hadapan



Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Dinamik

- Menambah baik mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran bon sekunder
- Membangunkan pasaran derivatif yang mendalam dan cair
- Meningkatkan lagi penggunaan penyelesaian mata wang tempatan untuk perdagangan dalam rantau ini



Pembayaran Secara Elektronik

- Memupuk ekosistem pembayaran yang terbuka dan aktif sebagai pemangkin untuk inovasi FinTech



Rangkuman Kewangan

- Menambah baik lagi penggunaan yang bertanggungjawab, penerimaan dan kualiti perkhidmatan kewangan
- Meningkatkan akses kepada produk perlindungan asas, insurans mikro dan takaful mikro
- Menggalakkan perkhidmatan pembayaran yang inovatif



Pemerkasaan Pengguna

- Memperkukuh rangka kerja perundangan untuk kredit pengguna
- Melaksanakan dan menyelaraskan strategi pendidikan kewangan kebangsaan
- Menggalakkan budaya kredit yang lebih bertanggungjawab



Integrasi Kewangan Serantau dan Antarabangsa

- Mempererat hubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia melalui pengaturan dua hala dan serantau yang baharu



Pembangunan Tenaga Mahir

- Mempercepat pengikhtisasan tenaga kerja sektor kewangan
- Menyiapkan transformasi institusi pembelajaran dan profesional yang utama
- Menarik minat tenaga mahir serantau dan antarabangsa dalam bidang strategik



Kewangan Islam

- Meningkatkan penggunaan pengantaraan berasaskan nilai oleh bank-bank Islam
- Menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan sokongan profesional Islam
- Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat inovasi kewangan Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia

Model Baharu Perniagaan Perkhidmatan Wang – Ke Arah Pemodenan dan Profesionalisme yang Lebih Mantap

Oleh Mark Lee Kian Meng dan Mohd Izwan Ali Mohd Long

Industri perniagaan perkhidmatan wang (money services business, MSB) di Malaysia yang terdiri daripada perniagaan pengiriman wang, perniagaan pengurupan wang dan perniagaan mata wang borong, telah ditransformasikan menjadi satu industri yang dinamik dan cekap, dengan perlindungan yang jauh lebih mantap untuk mencegah penggunaannya dalam jenayah kewangan. Sejak lima tahun yang lalu, industri ini telah mencatat pertumbuhan dua angka dalam segmen pengiriman wang dan pertukaran mata wang, dengan purata tahunan masing-masing 16.8% dan 16.2% setahun dari tahun 2012 sehingga tahun 2016. Dianggarkan kira-kira satu perempat daripada jumlah ini adalah daripada transaksi yang sebelum ini dijalankan menerusi saluran tidak rasmi. Pencapaian ini disokong oleh peningkatan yang ketara dalam bilangan pusat akses bagi perkhidmatan MSB dan persaingan yang lebih cekap yang seterusnya mengurangkan kos pengiriman wang sehingga kurang daripada 3%, iaitu di bawah paras sasaran 5% oleh Bank Dunia. Kualiti perkhidmatan juga dicerminkan menerusi amalan penyedia perkhidmatan wang yang lebih profesional dengan perlindungan yang lebih baik kepada pengguna.

Transformasi industri ini ialah hasil daripada pembaharuan menyeluruh yang dijalankan oleh Bank untuk meningkatkan rangka kerja pengawasan dan penyeliaan perniagaan perkhidmatan wang. Usaha ini bertujuan menambah baik persekitaran bagi menyediakan perkhidmatan pengiriman wang dan pertukaran mata wang yang berdaya saing, cekap dan selamat. Rencana ini akan memberikan gambaran keseluruhan transformasi sepanjang tempoh 2011 hingga 2016, dan keutamaan untuk terus membangunkan industri MSB pada masa hadapan, selaras dengan peranan utama Bank untuk menggalakkan rangkuman kewangan serta memelihara integriti dan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Ciri-ciri industri sebelum tahun 2011

Sebelum tahun 2011, industri perkhidmatan wang menghadapi pelbagai cabaran. Industri pada ketika itu kurang kesepaduan memandangkan lebih 1,000 syarikat berlesen menjalankan perniagaan perkhidmatan wang dalam keadaan yang serba kekurangan untuk persaingan yang berkesan dan pertumbuhan yang mampan. Kira-kira 80% peserta industri adalah bersaiz kecil, tanpa sumber atau keupayaan untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan dan mematuhi piawaian tingkah laku profesional yang diperlukan bagi memastikan pemantauan dan pengenalpastian risiko yang berkesan. Memandangkan perkhidmatan wang bercirikan intensif tunai, industri ini semakin terdedah kepada risiko untuk digunakan sebagai konduit bagi aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF). Keadaan ini bertambah serius berikutan pertumbuhan pesat penyedia pengurupan wang dan pengiriman wang tidak berlesen yang menjalankan urus niaga tanpa rekod, termasuk oleh pekerja asing di negara ini. Keadaan sedemikian menyerlahkan kelemahan pengawasan untuk mencegah jenayah kewangan yang boleh menjejaskan keselamatan dan integriti industri dan sistem kewangan pada keseluruhannya.

Pelulusan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA) yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2011 telah merintis laluan untuk pembaharuan perundangan dan pengawalseliaan yang penting dalam industri MSB. Sebelum MSBA, aktiviti pengurupan wang, pengiriman wang dan mata wang borong ditadbir di bawah tiga perundangan yang berasingan iaitu Akta Pengurupan Wang 1998 yang telah dimansuhkan, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Dengan menyatukan perundangan berasingan di bawah satu rangka kerja pengawalseliaan yang bersepadu dan diperkemas, tumpuan strategik yang jelas dapat diberikan terhadap pembangunan industri dan menggalakkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih jelas dan tekal. Ini juga penting untuk memastikan industri diselaraskan dengan objektif transformasi.

MSBA menyediakan rangka kerja pengawalseliaan tunggal dan bersepadu untuk aktiviti MSB. MSBA menghendaki syarikat MSB mematuhi piawaian tingkah laku profesional yang minimum, memberikan perlindungan yang lebih meluas kepada pengguna dan memperkukuh perlindungan terhadap aktiviti ML/TF. MSBA juga memperkenalkan kriteria pelesenan yang lebih tegas untuk memastikan hanya perniagaan yang berwibawa sahaja dibenarkan beroperasi dalam industri.

Strategi utama transformasi industri MSB

1. Pelaksanaan model operasi baharu untuk perkhidmatan wang

Pelaksanaan model baharu untuk MSB sebagai pemangkin utama bagi perubahan struktur dalam industri merupakan satu elemen penting MSBA. Model baharu ini memaparkan tiga perubahan penting:

- Pelaksanaan rejim pengawalseliaan seimbang iaitu pengawalseliaan yang setara dengan skala, skop dan kompleksiti syarikat MSB. Ini termasuk keperluan pengawalseliaan berperingkat supaya syarikat MSB beroperasi pada tahap yang setara dengan keupayaan kewangan dan operasi, serta penggunaan pendekatan berasaskan risiko untuk langkah Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Anti Money Laundering/ Counter Financing of Terrorism, AML/CFT). Pengaturan ini telah membantu syarikat-syarikat bersaiz kecil untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan yang sewajarnya, dan pada masa yang sama memastikan peningkatan risiko dalam syarikat-syarikat yang lebih besar atau dalam segmen perniagaan tertentu terus diurus dengan berkesan;
- Skop perniagaan yang diperkembang membolehkan sesebuah syarikat MSB mengendalikan perniagaan pengiriman wang, pengurupan wang dan mata wang borong di bawah satu entiti tunggal, tertakluk pada tahap keberkesanan dalam pelaksanaan pematuhan, tadbir urus dan standard pengurusan. Hal ini telah meningkatkan daya maju syarikat MSB dan membolehkan kemasukan pelaburan untuk membina keupayaan kewangan dan operasi yang lebih kukuh. Pada tahun 2012 hingga 2015, keberuntungan keseluruhan syarikat MSB meningkat dengan ketara dengan purata tahunan sebanyak 47% secara keseluruhannya; dan
- Pelaksanaan pengaturan prinsipal-ejen yang membolehkan syarikat MSB yang lebih besar melantik syarikat yang lebih kecil sebagai ejen mereka. Pengaturan ini menambah baik syarat pemantauan dan penyeliaan aktiviti MSB dengan lebih berkesan dan juga memainkan peranan penting untuk meminimumkan gangguan berikutan pelarasan yang perlu dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang lebih kecil bagi mematuhi keperluan pengawalseliaan yang telah diperkukuh. Pengaturan baharu ini membolehkan syarikat-syarikat yang lebih kecil terus memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat dengan memanfaatkan sistem operasi dan kawalan yang disediakan oleh prinsipal berikutan keperluan untuk memenuhi obligasi pematuhan yang semakin meningkat. Bagi pihak prinsipal, pengaturan ini memberi mereka peluang untuk mengembangkan dan membangunkan perniagaan mereka pada kos yang lebih rendah.

Dalam tempoh 18 bulan sejak penguatkuasaan MSBA, semua syarikat MSB yang sedia ada telah dinilai semula mengikut kriteria pelesenan yang lebih tegas bagi mengesahkan kelayakan mereka untuk terus menjalankan perniagaan perkhidmatan wang. Antaranya termasuklah penilaian kemampuan dan ketersediaan mereka untuk memenuhi obligasi pematuhan, serta integriti pihak yang memegang tanggungjawab utama dalam perniagaan. Syarikat yang dikenal pasti terlibat dalam aktiviti yang tidak dibenarkan yang berkaitan dengan jenayah kewangan dikehendaki memberhentikan operasi mereka dan dikenakan tindakan penguatkuasaan. Syarikat yang lebih kecil dan mempunyai sumber yang terhad digalakkan menjadi ejen supaya kemampuan mereka untuk memenuhi obligasi pematuhan dapat dipertingkatkan.

Setelah penilaian semula dijalankan, 103 syarikat MSB dikehendaki memberhentikan operasi mereka, manakala 67 syarikat telah menjadi ejen. Syarikat MSB berlesen terus tertakluk pada penilaian berkala sebagai sebahagian proses pembaharuan lesen mereka. Pada akhir tahun 2016, bilangan syarikat MSB berlesen menurun kepada 354 buah apabila lebih banyak syarikat memilih untuk menjadi ejen atau keluar daripada industri disebabkan oleh kegagalan pematuhan yang ketara atau penglibatan dalam aktiviti haram.

2. Menggalakkan pematuhan yang kukuh

Peningkatan tahap pematuhan oleh seluruh industri merupakan keutamaan penting program transformasi. Bank menggunakan pendekatan serampang dua mata merangkumi aktiviti penyeliaan yang dipertingkat dan inisiatif pendidikan pematuhan yang intensif. Hasil pemerhatian daripada penyeliaan yang dijalankan oleh Bank di premis MSB akan dikongsikan dengan syarikat MSB supaya tindakan yang khusus untuk memperbaiki kualiti dan keberkesanan pengawasan pengurusan dan kawalan operasi dapat dikenal pasti. Perhatian khusus diberikan pada kawalan penyimpanan rekod dan langkah-langkah AML/CFT. Kegagalan syarikat untuk mematuhi keperluan yang lebih serius akan dikenakan tindakan penguatkuasaan yang tegas, termasuklah pembatalan lesen MSB atau lesen tidak diperbaharui, dan pendakwaan individu utama yang bertanggungjawab.

Untuk menyokong perbincangan dan interaksi penyeliaan ini, Bank telah membangunkan dan melaksanakan program pendidikan pematuhan yang berstruktur bagi meningkatkan pemahaman dalam kalangan syarikat MSB mengenai obligasi pematuhan mereka. Hampir 100 bengkel pendidikan telah dianjurkan di seluruh negara sepanjang tempoh lima tahun dengan rancangan berterusan untuk mengulangi dan mengemas kini program pada masa hadapan, jika perlu.

3. Memperkukuh aturan industri

Bank telah menggalakkan dan membantu menubuhkan Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (Malaysian Association of Money Services Business, MAMSB) pada tahun 2013. MAMSB memainkan peranan penting untuk membina keupayaan syarikat MSB menerusi program latihan dan pendidikan yang bertujuan meningkatkan prestasi dan tahap pematuhan khususnya dalam bidang berkaitan dengan AML/CFT, pelaporan kewangan, kawalan operasi dan amalan terhadap pengguna. Selain itu, MAMSB juga memainkan peranan utama untuk menyokong peningkatan piawaian profesional serta merupakan satu saluran penting antara Bank dengan industri untuk membincangkan isu-isu pengawalseliaan, isu pengguna dan keutamaan dalam pembangunan industri.

Pencapaian utama MAMSB termasuklah:

- Mengamalkan kod etika profesional bagi syarikat MSB yang diperkukuh dengan penubuhan unit disiplin dalam MAMSB untuk menguatkuasakan pematuhan terhadap kod etika itu;
- Membangunkan Pelan Strategik MSB bagi tempoh lima tahun yang menetapkan keutamaan yang akan dilaksanakan oleh industri dalam menyokong objektif pemodenan;
- Menerajui komunikasi dengan orang ramai serta pengaturan industri untuk memberikan maklumat dan khidmat nasihat kepada orang ramai mengenai isu-isu penting seperti penarikan balik wang kertas rupee India (INR) 500 dan INR1000 di India dan permintaan mendadak terhadap pound United Kingdom (GBP) berikutan undian *Brexit*; dan
- Menubuhkan Kumpulan Pegawai Pematuhan MSB (MSB Group of Compliance Officers, GOCO) untuk menyokong dan membantu melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kemahiran dan keberkesanan pegawai pematuhan. Menerusi bantuan GOCO, MAMSB telah memperkenalkan keperluan latihan mandatori mengenai pematuhan terhadap keperluan AML/CFT untuk semua pegawai pematuhan dan sedang dalam proses untuk membantu semua pegawai pematuhan dalam industri mendapatkan akreditasi bagi mengiktiraf kemahiran mereka.

4. Menggalakkan persaingan dan meningkatkan kesedaran pengguna

Dasar utama program transformasi juga melibatkan langkah-langkah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dan mendidik orang ramai untuk mengenal pasti dan menggunakan saluran rasmi, termasuk saluran bukan bank untuk transaksi pengiriman wang dan pengurupan wang. Berdasarkan hasil tinjauan yang dijalankan oleh Bank, faktor utama yang menyebabkan saluran tidak rasmi masih digunakan disebabkan kurangnya kesedaran orang ramai mengenai kewujudan saluran perkhidmatan wang bukan bank yang dibenarkan. Program kesedaran dan pendidikan pengguna secara meluas telah dianjurkan oleh Bank dengan kerjasama industri MSB. Bank dan industri bekerjasama dengan kedutaan asing, pihak berkuasa dan organisasi berkaitan dalam sektor swasta untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang akses kepada penyedia perkhidmatan wang yang dibenarkan, kelebihan berurusan dengan penyedia yang dibenarkan dan risiko menggunakan saluran tidak rasmi.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan aktiviti jangkauan, Bank bekerjasama dengan Bank Dunia pada bulan November 2015 untuk menjadikan Johor Bahru sebagai bandar raya peneraju Greenback yang pertama di Asia. Projek Greenback 2.0 bertujuan meningkatkan kecekapan pasaran untuk pengiriman wang menerusi pendekatan inovatif dengan tumpuan diberikan pada segmen migran. Bank turut memperluas jangkauan projek ini kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berikutan penglibatan PKS dalam aktiviti pengiriman wang merentas sempadan yang semakin meningkat. Inisiatif ini julung kali dimasukkan dalam skop Projek Greenback.

Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Projek Greenback 2.0 merangkumi pengenalan kepada aplikasi mudah alih Pick Remit yang menyediakan cara mudah untuk pengguna mencari syarikat MSB dan membandingkan kos dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pendekatan baharu untuk jangkauan dan interaksi dengan orang ramai juga telah siap dan diuji dengan hasil yang positif. Rancangan sedang dibuat untuk memperkenalkan pendekatan berkesan yang sama di negeri-negeri lain di Malaysia.

Dalam segmen mata wang borong, Bank telah mengeluarkan lesen baharu kepada syarikat yang menjalankan perniagaan mata wang borong untuk menggalakkan fungsi pasaran yang cekap. Pengeluaran lesen jenis ini merancakkan persaingan operasi mata wang borong yang sebelum ini didominasi oleh sebilangan kecil institusi perbankan yang mengehadkan akses kepada syarikat MSB untuk memperoleh dan menjual stok mata wang asing. Pada masa ini, enam pemborong mata wang bukan bank beroperasi di seluruh Malaysia, selaku pelengkap kepada bank-bank bagi memastikan bekalan pelbagai mata wang yang cukup untuk syarikat pengurupan wang. Langkah ini berjaya mengurangkan dengan ketara insentif bagi syarikat MSB memperoleh mata wang daripada saluran tidak rasmi dan sumber di luar Malaysia yang tidak sah.

Gambar Rajah 1

Ringkasan Strategi dan Pencapaian Utama Transformasi Industri MSB

Strategi Utama

1. **Melaksanakan model perniagaan baharu**
2. **Menggalakkan pematuhan yang kukuh**
3. **Memperkukuh pengaturan industri**
4. **Menggalakkan persaingan dan meningkatkan kesedaran pengguna**

Ringkasan Pencapaian

	Kesan
1. Pengurangan ketidaksepaduan, dengan peningkatan daya maju syarikat MSB	• Bilangan syarikat MSB berlesen berkurang daripada lebih 1,000 pada akhir tahun 2010 kepada 354 pada tahun 2016. • Syarikat kecil dengan perolehan kurang daripada RM30 juta mencakupi 27% daripada jumlah bilangan syarikat MSB berlesen pada tahun 2016, berbanding dengan kira-kira 80% pada akhir tahun 2010. • Kemunculan syarikat MSB domestik yang lebih besar dan kukuh dengan aspirasi serantau yang berdaya maju. • Prestasi kewangan syarikat MSB lebih kukuh, dengan pertumbuhan purata tahunan keseluruhan bagi keberuntungan sebanyak 47% antara tahun 2012 hingga 2015.
2. Akses kepada perkhidmatan yang lebih luas	• 2,963 cawangan dan ejen syarikat MSB berlesen di seluruh negara (tahun 2012: 2,518). • 10 syarikat menyediakan perkhidmatan pengiriman wang mudah alih dan/atau dalam talian (tahun 2012: 4).


3. Peningkatan penggunaan saluran pengiriman wang yang dibenarkan

Pertumbuhan	Pengiriman Wang Keluar	Pertukaran Mata Wang Runcit	Mata Wang Borong
CAGR (2012-2016)	16.8%	14.5%	32.6%
2011-2012	17.3%	1.3%	t.d.


Rajah 1

Peningkatan Transaksi MSB yang Stabil

(a) Nilai (RM bilion)



(b) Jumlah (juta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pengiriman wang untuk tujuan perniagaan yang disalurkan menerusi penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank meningkat enam kali lebih banyak dalam tempoh empat tahun daripada RM100 juta pada tahun 2013 kepada RM653 juta pada tahun 2016, didorong oleh pengiriman wang yang lebih tinggi oleh PKS.
- Di bawah Projek Greenback 2.0 di Johor Bahru, kira-kira 170,000 pelanggan baharu telah berdaftar dengan syarikat MSB berlesen dalam tempoh 13 bulan dan kos purata pengiriman wang berkurang kepada 2.02% pada tahun 2016 daripada 3.33% pada tahun 2015.

4. Peningkatan pematuhan pengawalseliaan

- Maklum balas positif mengenai industri MSB dalam bidang pematuhan AML/CFT, berdasarkan Penilaian Bersama oleh Kumpulan Asia/Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering) pada tahun 2015. Maklum balas ini menunjukkan peningkatan ketara industri dalam pematuhan terhadap langkah AML/CFT terutamanya dari segi penyimpanan rekod, pelaksanaan

	program pematuhan AML/CFT yang mantap dan penggunaan sistem berasaskan IT oleh seluruh industri untuk menyokong pematuhan pengawalseliaan. • Kemajuan yang berterusan juga telah dicapai dalam pelaksanaan pendekatan berasaskan risiko untuk langkah AML/CFT oleh syarikat MSB sejak bulan Januari 2015.
5. Peningkatan kecekapan dan kualiti perkhidmatan	• Purata kos pengiriman wang berkurang daripada 3.15% pada tahun 2012 kepada 2.85% pada tahun 2016, di bawah sasaran Bank Dunia sebanyak 5%. • Hasil positif daripada tinjauan pengalaman pelanggan terhadap syarikat MSB yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan ketara dalam aspek imej keseluruhan, kecekapan perkhidmatan serta ketelusan dan penzahiran maklumat kepada pelanggan.

Melangkah ke Hadapan

Bank akan terus bekerjasama dengan industri MSB untuk meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan wang, menggalakkan keadaan pasaran pertukaran mata wang yang teratur, khususnya ketika tempoh ketidaktentuan yang ketara serta menggalakkan penggunaan saluran yang dibenarkan untuk perkhidmatan wang. Secara khusus, inisiatif pada masa hadapan akan memberikan tumpuan pada:

- **Meningkatkan kadar penerimaan sektor formal bagi pengiriman wang**
  Bank akan meneruskan usaha untuk meningkatkan pindahan daripada saluran pengiriman wang tidak formal kepada saluran formal, khususnya untuk pengiriman wang pekerja asing. Strategi utama bagi usaha ini adalah dengan memperluas pengiriman wang secara elektonik (e-pengiriman wang). Usaha ini melibatkan penyampaian penyelesaian secara digital dengan menyeluruh bagi membolehkan perkhidmatan tanpa wang tunai dan lebih mesra pengguna. Kemudahan pembayaran gaji pekerja asing melalui e-dompet (e-wallet) atau saluran perbankan akan turut dibangunkan bagi menggalakkan penggunaan e-pengiriman wang.

- **Menggalakkan pendigitalan perkhidmatan wang**
  Bank berusaha untuk menggalakkan penggunaan teknologi kewangan (FinTech) bagi meningkatkan kemudahan dan kecekapan perkhidmatan wang untuk memperluas penggunaan saluran MSB yang formal. Usaha ini termasuk menyediakan persekitaran yang diperlukan bagi pendigitalan perkhidmatan MSB menerusi saluran dalam talian dan mudah alih untuk mengurangkan kos dan penggunaan wang tunai. Pembangunan saluran ini juga bertujuan mengatasi cabaran logistik yang menghalang beberapa segmen pekerja asing daripada menggunakan saluran pengiriman wang yang dibenarkan. Pada masa ini, Bank sedang membantu dua syarikat untuk menyediakan penyelesaian MSB digital menerusi *Sandbox* Pengawalseliaan Bank (Regulatory Sandbox) termasuk pengaturan Rakan-ke-Rakan (Peer-to-Peer, P2P). Pengaturan ini memanfaatkan platform aplikasi mudah alih yang memudahkan padanan hampir masa nyata (real-time matching) bagi urus niaga pengurupan dan pengiriman wang.

  Bank juga menjalankan penilaian yang lebih meluas terhadap peraturan semasa yang menghendaki penyedia perkhidmatan kewangan termasuk syarikat MSB membuat pengesahan pelanggan secara bersemuka. Kajian semula ini bertujuan mempertimbangkan penggunaan biometrik dan kaedah pengenalpastian pelanggan secara digital lain bagi menyokong pendigitalan perkhidmatan wang, khususnya untuk urus niaga berisiko kecil. Usaha ini akan mengambil kira daya maju pengaturan lain (compensating arrangements) yang diperlukan untuk melindungi integriti urus niaga MSB, dan perkembangan global untuk menggalakkan ketekalan rejim AML/CFT.


- **Menambah baik pendekatan pengawasan, penyeliaan dan penguatkuasaan**
  Bank telah melaksanakan program penyeliaan dan pengawasan yang lebih baik dengan memanfaatkan analisis data (data analytics) untuk membantu mengenal pasti dan memantau risiko industri dengan lebih baik. Usaha ini akan membolehkan Bank menjalankan penyeliaan yang lebih bersasaran terhadap syarikat MSB berlesen dan membantu

penyiasatan terhadap aktiviti yang tidak dibenarkan. Selain itu, penambahbaikan yang sewajarnya terhadap MSBA sedang dipertimbangkan bagi membolehkan penguatkuasaan yang tepat pada masanya dan berkesan terhadap ketidakpatuhan dan aktiviti perkhidmatan wang yang tidak sah.

- **Memudahkan aturan pasaran yang cekap untuk mengurus dedahan mata wang**
  Bank akan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memudahkan syarikat MSB mendapat akses yang lebih luas kepada penyelesaian pengurusan kewangan bagi membolehkan industri bertindak balas dengan lebih berkesan terhadap perubahan dalam keadaan pasaran. Inisiatif ini termasuk memudahkan pengaturan untuk syarikat MSB melindung nilai dedahan mata wang mereka dengan institusi perbankan. Bank juga akan mengkaji semula pengaturan semasa antara pemborong mata wang dengan pengurup wang dari aspek perancangan, usaha mendapatkan sumber dan pengedaran mata wang bagi menggalakkan mekanisme pasaran yang berfungsi dengan baik pada peringkat institusi dan industri. Di samping dapat memenuhi permintaan terhadap mata wang dan membolehkan penentuan harga yang lebih cekap, mekanisme pasaran yang berfungsi dengan baik juga penting terutamanya dalam tempoh ketidaktentuan yang meningkat apabila geseran pasaran (market friction) boleh mengakibatkan ketidakjajaran antara kadar pertukaran runcit dengan antara bank (seperti ditunjukkan dalam Rajah 2);

Rajah 2

Pergerakan Harian Kadar Pertukaran Runcit dan Kadar Antara Bank bagi GBP/RM Selepas Brexit



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

- **Menggiatkan pendidikan, kesedaran dan profesionalisme**
  Bank dengan kerjasama MAMSB akan meneruskan program pendidikan dan kesedaran yang agresif. Ini bagi menggalakkan penggunaan saluran perkhidmatan wang yang dibenarkan dan memudahkan pelanggan membuat perbandingan terhadap perkhidmatan dan kos. Bank dan MAMSB juga akan mempertimbangkan peperiksaan kemasukan (entrance examination) untuk peserta industri bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang cukup. Pendidikan yang berterusan untuk ahli lembaga pengarah akan turut dipertimbangkan. Bank juga akan berusaha meluaskan Projek Greenback 2.0 ke bandar-bandar lain selain menjalankan kempen kesedaran menerusi media tradisional dan media sosial di seluruh negara, serta meningkatkan perkongsian kerjasama dengan majlis tempatan, kedutaan asing serta badan serantau dan antarabangsa. Usaha ini akan dilengkapi dengan penggunaan aplikasi perbandingan (aggregator) yang lebih meluas untuk meningkatkan lagi ketelusan dan akses yang mudah kepada maklumat mengenai perkhidmatan MSB.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

139 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
142 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit
147 Kerjasama Serantau Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan RENTAS


Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata yang memudahkan pemindahan dan penyelesaian urus niaga pembayaran dan sekuriti antara bank yang bernilai tinggi. Pada tahun 2016, RENTAS menyelesaikan 4.4 juta urus niaga bernilai RM51.5 trilion, iaitu 41.9 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Jumlah purata urus niaga harian yang diselesaikan menerusi RENTAS meningkat sedikit kepada 18,013 urus niaga, manakala nilai purata urus niaga harian adalah lebih rendah pada RM208.7 bilion (2015: 17,900 urus niaga, RM217.8 bilion). Pertumbuhan jumlah purata harian sejak dua tahun lalu adalah sederhana dengan pertumbuhan purata sebanyak 0.7% setahun berbanding dengan purata 8.7% setahun antara tahun 2011 hingga 2014. Penurunan ini mencerminkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pindahan dana pihak ketiga menerusi RENTAS (Rajah 6.1), berikutan peningkatan penggunaan sistem pembayaran runcit yang lebih murah, seperti GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG), untuk pemindahan urus niaga yang bernilai rendah. Pindahan dana pihak ketiga mencakupi 77% daripada jumlah purata harian urus niaga RENTAS.

RENTAS terus berdaya tahan dan mengekalkan ketersediaan sistem yang tinggi pada paras 99.9% sepanjang tahun 2016. Paras ini dicapai semasa pelaksanaan penambahbaikan secara menyeluruh yang telah dirancang untuk RENTAS pada tahun 2016. Bank juga memulakan usaha untuk mewujudkan premis ketiga bagi menempatkan RENTAS Mini, iaitu aplikasi RENTAS yang berskala lebih kecil, sebagai langkah tambahan untuk meningkatkan daya tahan terhadap gangguan operasi. Premis ketiga ini akan berperanan sebagai kemudahan sokongan peringkat kedua sekiranya premis utama dan pusat pemulihan bencana gagal berfungsi secara serentak.

Pelaksanaan RENTAS Baharu pada 19 September 2016 melengkapkan satu lagi fasa penting dalam usaha Bank yang berterusan untuk meningkatkan prestasi RENTAS.

Rajah 6.1

RENTAS: Purata Urus Niaga Harian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Projek kerjasama seluruh industri ini telah bermula pada tahun 2013 dan melibatkan 67 peserta RENTAS. Antara ciri penting yang diperkenalkan dalam RENTAS Baharu termasuklah: (i) fungsi penyelesaian pelbagai mata wang untuk memudahkan penyelesaian mata wang asing; (ii) penggunaan piawaian pesanan Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (Society for Worldwide Interbank Financial Communication, SWIFT) untuk meningkatkan kecekapan operasi; dan (iii) mekanisme penyelesaian kebuntuan pembayaran (gridlock) untuk membolehkan penyelesaian bersih urus niaga yang tertangguh pada jarak waktu tertentu. Secara kolektif, penambahbaikan ini meningkatkan inisiatif Bank yang sedia ada untuk menambah baik pengurusan risiko dan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Penambahbaikan ini juga akan memudahkan integrasi RENTAS dengan infrastruktur pasaran kewangan serantau lain pada masa hadapan.

Bank merancang untuk menjalankan penilaian semula ke atas sistem RENTAS secara terperinci pada tahun 2017 untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) berikutan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. PFMI merupakan prinsip tahap tinggi berpiawaian antarabangsa yang digunakan sebagai penanda aras dan asas penilaian bagi sistem pembayaran dan penyelesaian yang penting dari segi sistemik kepada sesebuah negara. RENTAS dan pengendalinya, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dinilai telah mematuhi kesemua 19 prinsip yang berkenaan oleh Tabung Monetari Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia (World Bank) di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Programme, FSAP) pada tahun 2012.

Pihak bank memberikan tumpuan utama pada pengurusan risiko siber yang berkesan memandangkan ancaman serangan siber global yang semakin meningkat. Pada bulan Jun 2016, Jawatankuasa Pembayaran dan Infrastruktur Pasaran (Committee on Payments and Market Infrastructures, CPMI) dan Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (International Organisation of Securities Commissions, IOSCO) telah mengeluarkan *Guidance on Cyber Resilience for Financial Market Infrastructures*. SWIFT telah mengeluarkan saranan pada bulan Mac 2016 mengenai penggunaan pengurusan risiko IT dan kawalan keselamatan yang perlu bagi meningkatkan perlindungan infrastruktur perbankan daripada terdedah pada ancaman risiko siber.

Penilaian semula yang menyeluruh terhadap infrastruktur sistem pembayaran dan saluran akses mengikut piawaian ini dilaksanakan atas arahan Bank pada tahun 2016. Ia melibatkan penilaian dalaman oleh MyClear, Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan para peserta industri sistem pembayaran. Susulan penilaian semula ini, industri telah mengambil langkah seterusnya untuk memperkukuh kawalan keselamatan semasa.

Pengawasan pembayaran runcit

eSPICK dan sistem pembayaran runcit utama

Sistem pembayaran runcit[1] berfungsi dengan lancar pada tahun 2016 tanpa apa-apa gangguan utama kepada operasi sistem. Pada tahun 2016, sistem pembayaran runcit, melainkan sistem eSPICK dan FPX, telah mencapai ketersediaan sistem melebihi paras sasaran 99.90%. Sistem eSPICK dan FPX masing-masing telah mencapai 99.85% dan 99.89% ketersediaan sistem.

Pada tahun 2016, beberapa konfigurasi teknikal telah dilaksanakan untuk FPX di samping langkah penggantian teknologi (technology refresh) yang dijalankan untuk mencapai prestasi sistem optimum dalam jangka panjang. Pada masa yang sama, penilaian semula yang menyeluruh terhadap proses operasi dan infrastruktur IT bagi eSPICK juga sedang dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2017 dan akan memastikan ketersediaan sistem yang tinggi bagi sistem-sistem ini pada masa hadapan.

Selaras dengan peningkatan pesat urus niaga Pindahan Segera (Instant Transfer) sejak empat tahun yang lalu, yang meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 90.4% dari segi nilai dan 71.9% dari segi jumlah, langkah seterusnya telah diambil untuk mengurus risiko kredit antara bank yang berpunca daripada perbezaan masa antara pengkreditan akaun pelanggan dengan penyelesaian urus niaga antara bank. Pada bulan Mac 2016, MEPS, pengendali Pindahan Segera, telah memperkenalkan jendela penyelesaian tambahan, yang telah mengurangkan dedahan debit bersih harian tertinggi dengan ketara sebanyak 41.9%, daripada RM261.8 juta kepada RM152 juta.

[1] Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK), Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), Platform Pembayaran Bil Secara Elektronik Kebangsaan (National Electronic Bill Payment Scheme, JomPAY), Debit Terus (Direct Debit, DD), IBG dan Pindahan Segera (dahulunya dikenali sebagai Pindahan Dana Antara Bank atau IBFT).

Perpindahan kepada Cip dan PIN dan Spesifikasi Kad Cip Malaysia

Industri kini telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan pendekatan serampang dua mata bagi menambah baik infrastruktur kad pembayaran di Malaysia. Kemajuan ini termasuk:

- Perpindahan daripada pengesahan secara tandatangan kepada pengesahan menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number, PIN) (Cip dan PIN). Di bawah proses ini, pemegang kad dikehendaki memasukkan PIN 6 angka untuk meluluskan urus niaga kad pembayaran di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS); dan
- Inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification, MCCS) untuk meningkatkan fungsi saling boleh kendali dan kecekapan kad debit jenama domestik melalui penggunaan piawaian Europay-MasterCard-Visa (EMV) dan fungsi tanpa sentuhan.

Pengeluaran kad pembayaran bercirikan PIN bagi menggantikan kad sedia ada yang menggunakan pengesahan secara tandatangan dan proses menaik taraf terminal POS masing-masing telah bermula pada bulan Julai 2014 dan Ogos 2014. Pada akhir tahun 2016, sebanyak 84.7% kad pembayaran telah diganti, dan 78.6% terminal POS telah dinaik taraf (Rajah 6.2). Kad pembayaran dan terminal POS yang belum diganti, termasuk Terminal Pembayaran Luar (Outdoor Payment Terminal, OPT) di stesen minyak layan diri, dijangka diganti dalam masa terdekat. Sejajar dengan inisiatif ini, peraturan peralihan liabiliti (liability shift rules) Cip dan PIN telah dilaksanakan bagi urus niaga kad pembayaran domestik berkuat kuasa 1 Januari 2017. Di bawah peraturan baharu ini, kerugian akibat urus niaga tanpa kebenaran disebabkan kehilangan atau kecurian kad pembayaran akan ditanggung oleh pengeluar yang belum menggantikan kad pembayaran mereka atau pemeroleh yang belum menaik taraf terminal POS mereka.


Pemegang kad diberi tempoh peralihan selama enam bulan mulai 1 Januari 2017 untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan PIN sebelum pengesahan menggunakan PIN diwajibkan mulai 1 Julai 2017. Bagi menyokong peralihan ini, inisiatif berhubung dengan kesedaran dan pendidikan orang ramai dijalankan secara intensif oleh Bank dan industri perbankan untuk menggalakkan penggunaan PIN sebelum 1 Julai 2017.

Penipuan pembayaran

Kerugian akibat penipuan yang berkaitan dengan kad pembayaran secara relatif kekal rendah sejak perpindahan kepada kad pembayaran bercirikan cip pada tahun 2005 (Rajah 6.3). Jumlah kerugian akibat penipuan terus menurun pada tahun 2016, masing-masing mencakupi 0.019% dan 0.034% daripada jumlah urus niaga dan nilai (2015: 0.025%, 0.041%). Penipuan kad pembayaran yang paling lazim masih dikaitkan dengan urus niaga dalam talian tanpa kebenaran, mencakupi 70% daripada jumlah kes penipuan dan 58% daripada jumlah kerugian akibat penipuan. Hampir kesemua (97%) kerugian ini ditanggung oleh entiti yang berada di luar negara yang masih belum melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh. Hal ini selaras dengan peraturan yang dilaksanakan

Rajah 6.2

Kemajuan Pelaksanaan Cip dan PIN



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.3

Nilai dan Jumlah Penipuan Kad Pembayaran[1], % daripada Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



[1] Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj

Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh pengendali rangkaian kad pembayaran antarabangsa yang menghendaki pihak yang mempunyai langkah keselamatan yang lebih lemah menanggung kerugian akibat penipuan. Peraturan ini telah melindungi pemegang kad di Malaysia ekoran kaedah pengesahan kukuh yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 2012, yang menghendaki pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik untuk setiap urus niaga dalam talian.

Susulan perpindahan kepada langkah keselamatan yang lebih kukuh menerusi urus niaga bercirikan PIN, pada bulan Disember 2016, Bank telah mengkaji semula keperluan berkaitan dengan liabiliti pemegang kad bagi urus niaga tanpa kebenaran berpunca daripada kad pembayaran yang hilang dan dicuri. Di bawah keperluan yang dikaji semula, pemegang kad tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas urus niaga tanpa kebenaran di terminal POS kecuali jika mereka telah menipu atau gagal mengambil langkah yang sewajarnya[2] bagi melindungi kad pembayaran dan PIN, atau lambat memaklumkan kepada pengeluar kad pembayaran setelah menyedari kehilangan atau penggunaan kad tanpa kebenaran.

Kerugian akibat penipuan yang melibatkan penggunaan kad pembayaran dan perbankan dalam talian kekal rendah pada tahun 2016, masing-masing mencakupi 0.034% daripada jumlah nilai urus niaga kad pembayaran dan 0.0001% daripada jumlah nilai urus niaga perbankan dalam talian

Kes penipuan menerusi perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah pada tahun 2016, masing-masing pada 0.0003% dan 0.0001% (2015: 0.0008%, 0.0002%) daripada jumlah urus niaga dan nilai (Rajah 6.4). Secara khusus, kes penipuan bagi urus niaga runcit mengalami penurunan yang ketara,

Rajah 6.4

Nilai dan Jumlah Penipuan Perbankan Dalam Talian, % Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

masing-masing mencakupi 0.0004% dan 0.0016% daripada jumlah urus niaga dan nilai (2015: 0.0011%, 0.0022%). Kegiatan mencuri maklumat (phishing) iaitu tindakan yang diambil oleh penipu untuk memperdaya pengguna perbankan dalam talian supaya mendedahkan maklumat peribadi perbankan mereka (cth. ID log masuk dan kata laluan) dengan menyamar sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan atau bank menerusi telefon atau e-mel, kekal sebagai modus operandi yang paling lazim. Kes seperti ini mencakupi 86.1% daripada jumlah kes penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, jumlah kes menurun dengan ketara daripada 3,089 kes pada tahun 2015 kepada 1,635 kes pada tahun 2016 apabila Bank dan industri meningkatkan tumpuan untuk mendidik orang ramai mengenai amalan perbankan dalam talian yang selamat.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Dalam usaha mencapai matlamat pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang disasarkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, strategi terus ditumpukan pada peningkatan infrastruktur pembayaran untuk mencapai liputan yang lebih meluas serta penyelesaian dan perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap. Usaha menggantikan penggunaan cek telah ditumpukan pada penggalakan penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, manakala strategi utama menggantikan wang tunai adalah dengan menggalakkan penggunaan kad debit sebagai pilihan yang lebih mudah (Gambar Rajah 6.1). Penggunaan telefon mudah alih serta pembayaran mudah alih yang semakin pesat berkembang juga

[2] Pemegang kad perlu melindungi kad pembayaran dan PIN mereka dan tidak:
(a) mendedahkan PIN kepada orang lain;
(b) mencatatkan PIN di kad pembayaran atau pada apa-apa yang disimpan berhampiran dengan kad pembayaran yang boleh hilang atau dicuri bersama-sama dengan kad pembayaran;
(c) meninggalkan kad pembayaran atau apa-apa barang yang mengandungi kad pembayaran tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat atau diakses oleh orang lain; atau
(d) membenarkan orang lain menggunakan kad pembayaran tersebut.

berpotensi besar mempercepat proses perpindahan kepada e-pembayaran, terutamanya dalam kalangan peniaga kecil yang kebanyakannya masih berurus niaga menggunakan wang tunai.

Jumlah urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 18.1% pada tahun 2016 berbanding dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 14.0% sepanjang tempoh lima tahun yang lalu. Secara purata, rakyat Malaysia melakukan 97 urus niaga e-pembayaran per kapita (Jadual 6.1) berbanding dengan 83 pada tahun 2015. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh peningkatan urus niaga pindahan kredit dan kad pembayaran. Di samping itu, jumlah pelanggan perbankan Internet mencatat pertumbuhan sebanyak 15.3% kepada 22.8 juta pada tahun 2016 (2015: 12.2%, 19.8 juta). Daripada jumlah ini, 46.8% merupakan pelanggan aktif (2015: 41.9%) yang membuat sekurang-kurangnya satu urus niaga sebulan. Pelanggan perbankan mudah alih pula meningkat 22.9% kepada 8.9 juta (2015: 29.1%, 7.3 juta). Daripada jumlah ini, 34.1% merupakan pelanggan aktif (2015: 21.3%).

Jadual 6.1

Status Pencapaian Sasaran Pelan Sektor Kewangan

Penunjuk pembayaran	2011	2016	Sasaran 2020
Urus niaga e-pembayaran per kapita	49	97	200
Cek yang dijelaskan (juta)	205	133	100
Terminal kad pembayaran (setiap 1,000 penduduk)	7	10	25
Urus niaga kad debit per kapita	1	3	30

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, kad debit dan pembayaran mudah alih yang semakin pesat akan mempercepat usaha untuk mengurangkan penggunaan cek dan wang tunai

Gambar Rajah 6.1

Strategi untuk Mempercepat Perpindahan kepada e-Pembayaran

Bidang tumpuan	Penggantian cek	Penggantian wang tunai	
	Pindahan kredit[1] (dicapai oleh 99% daripada CASA[2])	**Kad Debit** (43.7 juta kad debit dalam edaran)[3]	**Pembayaran mudah alih** (43.9 juta langganan telefon mudah alih)[3]
1. Isyarat harga	• IBG (Fi maksimum sebanyak 10 sen) • Pindahan Segera (Fi maksimum sebanyak 50 sen)	• Had maksimum fi pertukaran[4] • Mengasingkan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate MDR)[5]	• Usaha ditumpukan ke arah menggalakkan akses kepada infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama, keseragaman dan fungsi saling boleh kendali yang terbuka dan adil untuk meningkatkan ekosistem pembayaran mudah alih
2. Kualiti dan tawaran nilai	• Masa pengkreditan yang lebih pantas untuk IBG • Butiran pembayaran dalam penyata bank	• Ciri tanpa sentuhan	
3. Pusat akses	• Perbankan dalam talian dan ATM	• 800,000 terminal POS menjelang tahun 2020	
4. Struktur insentif pasaran	• Dana Insentif E-pembayaran (ePIF)[6]	• Dana Pembangunan Pasaran (MDF)[7]	
5. Kesedaran dan keyakinan	• Jerayawara dan bengkel • Interaksi dengan media • Memperkukuh keperluan keselamatan • Meningkatkan perlindungan dan keselamatan pengguna		

[1] Pindahan kredit terdiri daripada IBG dan Pindahan Segera
[2] Akaun semasa dan akaun simpanan
[3] Meliputi 31.7 juta penduduk di Malaysia
[4] Fi pertukaran adalah yuran yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar dalam urus niaga kad pembayaran. Fi pertukaran telah dimasukkan dalam MDR yang dicaj oleh pemeroleh kepada peniaga
[5] MDR ialah fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh untuk memudahkan urus niaga kad pembayaran. Pemeroleh dikehendaki mengenakan caj MDR yang dibezakan yang mencerminkan struktur kos jenis kad pembayaran yang berbeza
[6] Rangka Kerja ePIF diperkenalkan pada tahun 2015 yang menghendaki bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikumpul bagi menyediakan insentif kepada pelanggan supaya beralih kepada e-pembayaran
[7] MDF telah ditubuhkan oleh dua skim kad pembayaran utama pada tahun 2015, yang dijangka menyalurkan dana berjumlah kira-kira RM455 juta daripada fi pertukaran ke arah memperluas rangkaian terminal POS bagi tempoh dari bulan Julai 2015 hingga tahun 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Momentum urus niaga pindahan kredit bagi menggantikan cek makin meningkat

Penggunaan cek untuk semua kategori pengguna utama (Jadual 6.2) menurun 10% kepada 133.1 juta pada tahun 2016 (2015: -16.5%, 148 juta) (Rajah 6.5). Penurunan ini seiring dengan peningkatan urus niaga pindahan kredit yang berterusan, dengan peningkatan tahunan sebanyak 31.2% kepada 256.9 juta urus niaga pada tahun 2016 (2015: 39.8%, 195.8 juta). Peningkatan berterusan ini sebahagiannya disebabkan oleh kos urus niaga yang lebih rendah dan insentif yang diberikan bagi penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, berikutan pelaksanaan beberapa langkah pembaharuan harga dan Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF) pada bulan Mei 2013 dan Januari 2015. Meskipun IBG mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 67.8% daripada jumlah keseluruhan urus niaga pindahan kredit, Pindahan Segera menjadi semakin popular apabila bahagiannya meningkat daripada 23.8% pada tahun 2015 kepada 32.2% pada tahun 2016. Peningkatan ini berikutan pengenalan ciri-ciri Pindahan Segera yang menyediakan pindahan wang secara masa nyata dan pengesahan nama penerima sebelum pindahan dilaksanakan.

Jadual 6.2


Penggunaan Cek Mengikut Kategori Pengguna Utama

Kategori pengguna utama (Bahagian daripada jumlah keseluruhan urus niaga pada tahun 2016)	Kadar purata penurunan setahun	
	2011-2013	2014-2016
Korporat (46%)	0.6%	9.3%
Individu (18%)	0.3%	16.9%
Milikan tunggal dan perkongsian (25%)	1.7%	12.4%
Agensi kerajaan (2%)	3.6%	14.5%

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.5

Jumlah Urus Niaga bagi Cek, IBG dan Pindahan Segera



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pindahan Segera semakin popular dengan bahagian yang meningkat kepada 32% daripada jumlah keseluruhan urus niaga pindahan kredit pada tahun 2016

Trend pembayaran bil elektronik yang menggalakkan

Penggunaan saluran elektronik (e-saluran) untuk pembayaran bil terus meningkat pada tahun 2016. Jumlah urus niaga pembayaran bil yang dilakukan melalui perbankan dalam talian, perbankan mudah alih dan Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM) meningkat 41.5% kepada 116 juta urus niaga (2015: 20.0%, 82 juta). Urus niaga pembayaran bil yang dilakukan melalui perbankan mudah alih telah meningkat dengan ketara melebihi dua kali kepada 11.7 juta urus niaga pada tahun 2016 (2015: 23.8%, 5.1 juta). Peningkatan ini menunjukkan daya tarikan perbankan mudah alih yang semakin meningkat sebagai saluran pembayaran bil yang lebih mudah. Platform pembayaran bil terbuka secara elektronik kebangsaan, JomPAY, mencatat 3.9 juta urus niaga bernilai RM2.8 bilion pada tahun 2016 (2015: 0.3 juta, RM0.1 bilion). Bilangan pengeluar bil yang berdaftar dengan JomPAY meningkat lebih dua kali daripada 472 pengeluar bil pada tahun 2015 kepada 1,105 pada tahun 2016. Peningkatan ini membolehkan orang ramai membuat pembayaran dalam talian daripada mana-mana akaun perbankan kepada lebih banyak pengeluar bil.


Peningkatan penggunaan kad pembayaran bagi menggantikan wang tunai

Pada tahun 2016, penggunaan kad pembayaran[3] terus meningkat dengan peningkatan sebanyak 9.2% dan 6.5% dari segi jumlah transaksi dan nilai, kepada 495.4 juta urus niaga yang bernilai RM150.8 bilion (2015: 453.9 juta, RM141.6 bilion) (Rajah 6.6).

[3] Kad pembayaran terdiri daripada kad debit, kad kredit dan kad caj.

Rajah 6.6


Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.7

Perbandingan Nisbah CIC kepada KDNK Antara Negara




Sumber: Bank Negara Malaysia, European Central Bank Statistical Data Warehouse, Norges Bank dan Bank for International Settlements

Kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling kerap digunakan, mencakupi 77% daripada jumlah urus niaga. Bahagian urus niaga kad debit telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan terminal POS yang disumbangkan oleh struktur fi yang lebih rendah dan telus. Ini adalah ekoran pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) oleh Bank pada tahun 2015. Pengurangan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR) purata untuk penerimaan kad debit sehingga sebanyak 28% bagi rangkaian kad debit jenama domestik dan 25% bagi rangkaian kad debit jenama antarabangsa dijangka menjadikan kos penerimaan kad debit lebih berpatutan bagi peniaga dan meningkatkan lagi penggunaan kad debit pada masa hadapan. Pembayaran yang lebih mudah menggunakan kad tanpa sentuhan juga telah membantu meningkatkan urus niaga kad pembayaran sepanjang tahun 2016. Peningkatan ini disokong oleh pertambahan jumlah terminal POS tanpa sentuhan, yang meningkat hampir tujuh kali daripada 4,839 terminal pada tahun 2015 kepada 33,721 pada tahun 2016.

Meskipun penggunaan kad pembayaran terus meningkat, penggunaan wang tunai secara relatif masih pada kadar yang agak tinggi. Penggunaan yang tinggi ini mencerminkan penggunaan wang tunai yang masih berleluasa sebagai medium pembayaran di Malaysia (Rajah 6.7). Nisbah wang tunai dalam edaran (cash-in-circulation, CIC) kepada KDNK terus meningkat, daripada 5.9% pada tahun 2011 kepada 7.0% pada tahun 2016. Meskipun nisbah pengeluaran tunai ATM kepada urus niaga kad debit berada pada trend menurun sejak tahun 2011, nisbah ini secara relatif masih tinggi dengan tujuh pengeluaran tunai ATM bagi setiap urus niaga kad debit pada tahun 2016 (Rajah 6.8). Nisbah ini tidak mengambil kira bilangan pemegang kad yang turut menggunakan kad kredit sebagai cara pembayaran dan kemudiannya menyelesaikan baki tertunggak mereka sepenuhnya sebelum tarikh akhir bayaran. Selain langkah-langkah yang dinyatakan sebelum ini bagi menggalakkan penggunaan kad debit secara lebih meluas, peningkatan kesedaran dan juga promosi oleh pihak bank bagi menggalakkan penggunaan kad debit melalui kempen kad debit di seluruh industri dan jerayawara (roadshow) di seluruh negara dijangka mempercepat penggantian wang tunai.

Rajah 6.8

Pengeluaran Tunai Melalui ATM dan Urus Niaga Kad Debit




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pusat penerimaan kad pembayaran semakin bertambah

Pengenalan had maksimum fi pertukaran dan peningkatan ketelusan kos penerimaan kad pembayaran untuk peniaga di bawah PCRF telah menyebabkan MDR purata bagi kad debit dan kad kredit terus menurun (Rajah 6.9). Di bawah PCRF, peniaga juga diberi hak untuk memproses urus niaga kad debit melalui rangkaian kad debit pilihan mereka. Hal ini telah mendorong peningkatan persaingan antara rangkaian kad debit. Kesannya, rangkaian kad debit berjenama antarabangsa utama telah menurunkan fi pertukaran mereka dan seterusnya menyebabkan turunnya kadar MDR yang dikenakan ke atas para peniaga. Jumlah penjimatan kos oleh peniaga berikutan penurunan MDR bagi kad debit dan kad kredit dianggarkan bernilai RM168 juta pada tahun 2016. MDR yang lebih rendah berserta penubuhan Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund, MDF) pada tahun 2015 telah merangsang peningkatan terminal POS, yang berkembang pada kadar dua angka sebanyak 19.6% pada tahun 2015 dan 17.5% pada tahun 2016 (2011-2014: purata sebanyak 6.5% setahun). Pada tahun 2016, bilangan terminal POS meningkat kepada 323,033 terminal atau 10 terminal bagi setiap 1,000 penduduk (2015: 274,986 terminal, 9 terminal bagi setiap 1,000 penduduk).

Rajah 6.9

MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memupuk persekitaran yang menyokong pembayaran mudah alih

Pembayaran mudah alih berpotensi besar untuk menggantikan penggunaan wang tunai, memandangkan terdapat 43.9 juta langganan telefon mudah alih yang meliputi 31.7 juta individu di Malaysia. Ia juga menyokong inisiatif untuk menggalakkan rangkuman kewangan. Pertumbuhan urus niaga kewangan yang dilaksanakan melalui saluran perbankan mudah alih mencecah hampir tiga kali daripada 35.6% pada tahun 2015 kepada 98.0% pada tahun 2016, mencakupi 62.6 juta urus niaga bernilai RM33 bilion (2015: 31.6 juta urus niaga, RM20.6 bilion).

Bank akan terus memupuk persekitaran yang menyokong penggunaan pembayaran mudah alih dengan lebih meluas. Ini termasuk menggalakkan fungsi saling boleh kendali melalui infrastruktur yang dikongsi bersama dan terbuka bagi memperluas capaian rangkaian pembayaran, menurunkan kos bayaran, serta menggalakkan inovasi perkhidmatan nilai ditambah. Salah satu strategi utama pada tahun 2017 adalah untuk memupuk kerjasama dan fungsi saling boleh kendali antara skim pembayaran mudah alih dengan memanfaatkan infrastruktur yang sama untuk pensuisan, penjelasan dan penyelesaian. Strategi ini disokong oleh usaha untuk membangunkan pangkalan data pusat bagi memudahkan pembayaran dibuat menggunakan pengenal pasti lazim seperti nombor telefon mudah alih dan nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (National Registration Identity Card, NRIC). Untuk menggalakkan kesaksamaan dalam ekosistem pembayaran, Bank akan mempermudah akses kepada infrastruktur pembayaran kongsian oleh peserta secara terbuka dan adil dengan peraturan yang sewajarnya. Hal ini dijangka mewujudkan landskap pembayaran yang lebih teguh dan inovatif, yang mendorong peningkatan yang berterusan dalam perkhidmatan pembayaran, seiring dengan perubahan teknologi baharu dan peralihan permintaan pengguna.

Memupuk kesedaran dan keyakinan terhadap e-pembayaran

Bank terus bekerjasama rapat dengan industri perbankan untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan dalam kalangan pengguna dan peniaga bagi menggunakan perkhidmatan e-pembayaran yang berkesan dari segi kos.

Pada tahun 2016, program Jerayawara e-Pembayaran Kebangsaan (Jerayawara) telah diadakan di 20 buah bandar meliputi sembilan buah negeri, menerusi kerjasama dengan persatuan-persatuan perbankan dan Kumpulan Kad Kebangsaan (National Cards Group). Jerayawara yang diadakan sebahagian besarnya dihadiri oleh peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro yang matlamatnya adalah untuk menggalakkan penggunaan kad pembayaran, pindahan dana secara elektronik

dan perkhidmatan perbankan dalam talian. Program ini juga merupakan satu peluang untuk mendidik peserta mengenai amalan yang selamat dalam melaksanakan urus niaga e-pembayaran. Bersempena dengan program jerayawara tersebut, beberapa cawangan bank terpilih juga telah menawarkan pelbagai insentif di bawah kempen perbandaran, seperti tawaran MDR yang lebih rendah dan sewaan terminal POS secara percuma kepada peniaga yang mendaftar untuk menerima kad pembayaran.

Transformasi Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan

Pada tahun 2001, Bank telah menubuhkan Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan (National Payments Advisory Council, NPAC) sebagai sebuah badan rujukan dan penasihat untuk memberikan input pasaran berkaitan perkara yang melibatkan sistem pembayaran di Malaysia. NPAC dipengerusikan oleh Gabenor Bank dan ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan badan kawal selia, kementerian dan jabatan Kerajaan yang berkenaan, persatuan-persatuan perbankan, insurans, takaful dan kad, bank-bank utama, serta pengendali perkhidmatan sistem pembayaran utama di Malaysia.

Berdasarkan jangkaan bahawa landskap pembayaran akan mengalami perubahan pesat dan keperluan untuk mempertingkatkan infrastruktur pembayaran pada masa hadapan, beberapa perubahan telah diperkenalkan pada tahun 2016 untuk meningkatkan struktur dan fungsi NPAC sebagai badan penetap strategi dan penyelaras industri (Gambar Rajah 6.2). Dua Jawatankuasa Perunding telah ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Perunding Pengguna (User Consultative Group, UCG) dan Jawatankuasa Perunding Penyedia Perkhidmatan (Service Provider Consultative Group, SPCG), yang mewakili kedua-dua belah pihak dari segi permintaan dan penawaran dalam ekosistem pembayaran. UCG dan SPCG menyediakan platform yang lebih berstruktur dan inklusif untuk mendapat maklum balas dan cadangan daripada pengguna akhir dan penyedia perkhidmatan pembayaran bagi meningkatkan mutu sistem pembayaran. Input ini menjadi asas bagi cadangan dan resolusi yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Pemandu NPAC mengenai keutamaan strategik dan taktikal bagi pembangunan landskap pembayaran di Malaysia.

Gambar Rajah 6.2

Komposisi NPAC yang telah Ditransformasikan



Sumber: Bank Negara Malaysia

KERJASAMA SERANTAU SISTEM PEMBAYARAN

Pada bulan April 2016, Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) telah meluluskan Rancangan Tindakan Strategik (Strategic Action Plan, SAP) untuk Integrasi Kewangan ASEAN 2025. SAP merupakan rangka kerja 10 tahun bagi meneruskan usaha-usaha di bawah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC) yang sedia ada. Bank, melalui Jawatankuasa Kerja ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS), akan menyumbang dan menyokong inisiatif yang dikenal pasti di bawah SAP bagi memupuk satu sistem pembayaran ASEAN yang selamat, inovatif, berdaya saing, cekap dan berkesan dari segi kos. Bank juga merupakan ahli kumpulan pengkaji yang ditubuhkan pada tahun 2016 di bawah Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Working Group on Payment and Settlement Systems, WGPSS) bagi Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), untuk mengkaji kesan teknologi kewangan (financial technology, FinTech) ke atas sistem pembayaran dan penyelesaian, termasuk implikasinya ke atas ahli-ahlinya yang terdiri daripada bank-bank pusat.

Tambahan

Tambahan

KANDUNGAN

Perangkaan Utama Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Kewangan

A.1 Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama MS 1
A.2 Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful MS 2

Sistem Perbankan

A.3 Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 3
A.4 Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 4
A.5 Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 5
A.6 Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 6
A.7 Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja MS 7
A.8 Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi MS 7
A.9 Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi MS 8

Sektor Insurans dan Takaful

A.10 Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 8
A.11 Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi MS 9
A.12 Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 9
A.13 Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi MS 10

Institusi Kewangan Pembangunan

A.14 Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana MS 11
A.15 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana MS 12
A.16 Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi MS 13
A.17 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi MS 14
A.18 Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih MS 15

Perniagaan Perkhidmatan Wang

A.19 Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk MS 16

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.20 Penunjuk Pembayaran Asas MS 17
A.21 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga MS 18
A.22 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga MS 18
A.23 Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga MS 19

A.24	Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS	MS 19
A.25	Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 20
A.26	Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran	MS 20
A.27	Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia	MS 21
A.28	Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik (Semasa Jualan) (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)	MS 21
A.29	Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran	MS 21
A.30	Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen	MS 22

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.7	-	-	-	-
Nisbah Modal Teras	13.9	-	-	-	-
Nisbah Jumlah Modal[1]	-	14.9	15.9	16.6	16.5
Nisbah Modal Kumpulan 1[1]	-	13.5	14.0	14.2	14.0
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[1]	-	12.6	13.3	13.3	13.1
Pulangan atas Aset	1.6	1.5	1.5	1.3	1.3
Pulangan atas Ekuiti	17.4	15.9	15.2	12.3	12.5
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset[2]	13.8	11.6	13.3	-	-
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek[2]	42.5	36.5	42.6	-	-
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai[3]	-	-	-	127.4	124.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.4	1.3	1.2	1.2	1.2
Caj Modal untuk Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas[1]	1.7	1.5	1.4	1.2	1.1
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas[1]	6.1	5.7	4.7	6.1	6.3
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas[1]	0.6	0.8	1.3	0.7	0.8
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	219.1	246.1	251.9	251.6	248.5
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	17.9	13.2	13.8	12.0	13.3
Premium / Caruman Perniagaan Baharu (RM bilion)	12.0	12.1	12.9	13.2	14.2
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	242.3	260.9	259.2	260.6	243.7
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.7	1.8	1.8	1.3	1.8
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	2.9	3.2	3.2	2.7	3.4
Premium / Caruman Langsung Kasar (RM bilion)	16.6	17.8	19.1	19.5	19.7
Nisbah Tuntutan	57.3	57.1	57.5	60.2	56.0
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	227.7	231.7	279.7	263.3	269.6
Sektor Isi Rumah (IR)					
Jumlah Hutang IR (RM bilion)	782.3	877.6	960.2	1,030.6	1,086.2
Jumlah Aset Kewangan IR (RM bilion)	1,712.3	1,904.9	2,015.0	2,116.1	2,229.5
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	80.5	86.2	86.8	89.1	88.4
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	218.9	217.1	209.9	205.3	205.3
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	156.3	155.7	147.5	142.0	140.4
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Sistem Perbankan)	1.5	1.3	1.2	1.1	1.1
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	6.4	6.4	6.0	4.9	3.5*
Pulangan atas Ekuiti	11.6	11.3	10.2	8.8	6.0*
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	37.7	39.1	39.2	43.2	43.6*
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	10.6	13.1	12.0	10.6	9.4*
Margin Operasi	16.5	16.1	15.9	14.8	10.1*
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	3.0	2.8	2.6	2.5	2.4
Institusi Kewangan Pembangunan[4]					
Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	10.1	8.1	7.0	5.5	5.7
Deposit Digembleng (% perubahan)	7.1	7.2	5.3	2.0	6.4
Nisbah Pinjaman Terjejas	6.3	5.6	5.0	4.8	5.5
Pulangan atas Aset	2.4	2.2	1.6	1.4	1.3

[1] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
[2] Mulai bulan Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai
[3] Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 dan menggantikan garis panduan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan pada 1 Julai 1998
[4] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
* Berdasarkan data dari Januari hingga September 2016
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset[1,2]	494,705.2	558,295.0	615,190.0	684,906.2	741,964.8
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1,2]	23.8	25.0	25.5	26.8	28.0
Jumlah pembiayaan[1,2]	314,973.3	370,673.8	427,887.8	495,005.9	549,503.9
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1,2]	25.8	27.5	29.2	31.3	33.0
Jumlah deposit dan akaun pelaburan[1,3]	-	-	-	550,275.1	602,204.1
Jumlah deposit	386,196.8	436,327.6	494,738.3	503,127.8	528,527.1
Jumlah akaun pelaburan	-	-	-	47,147.3	73,677.1
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1,3]	25.6	26.7	28.2	30.0	31.8
	%				
Nisbah Modal Wajaran Risiko	14.5	-	-	-	-
Nisbah Modal Teras	12.0	-	-	-	-
Nisbah Jumlah Modal[4]	-	15.1	16.2	16.1	16.6
Nisbah Modal Kumpulan 1[4]	-	12.8	12.9	12.3	13.0
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[4]	-	12.8	12.8	12.3	13.0
Pulangan atas Aset	1.3	1.2	1.1	1.0	1.0
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.2	1.0	0.9	0.9	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	19,045.6	20,934.2	22,746.3	24,711.0	26,870.8
Keluarga	16,289.8	17,952.2	19,619.3	21,389.1	23,278.8
Am	2,755.9	2,982.0	3,127.0	3,321.9	3,592.0
% daripada industri insurans dan takaful	9.0	9.2	9.4	9.7	10.0
Pendapatan Caruman Bersih	5,887.8	6,207.9	6,330.6	6,815.6	7,532.7
Keluarga	4,574.8	4,807.4	4,787.2	5,104.3	5,742.0
Am	1,313.0	1,400.5	1,543.4	1,711.3	1,790.7
% daripada industri insurans dan takaful	14.3	14.1	13.4	13.8	14.6
Takaful Keluarga					
Caruman Perniagaan Baharu	3,474.5	3,563.5	3,500.3	3,638.4	3,951.1
Takaful Am					
Caruman Langsung Kasar	1,737.6	1,908.8	2,163.7	2,295.9	2,401.7
Nisbah Tuntutan (%)	56.9	53.6	47.8	51.9	49.0

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[2] Mulai 1 Julai 2015, termasuk aset / pembiayaan yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira
[3] Mulai 1 Julai 2015, deposit Islam dan akaun pelaburan hendaklah diasingkan. Angka bagi akaun pelaburan termasuk akaun yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira
[4] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal yang dilaporkan adalah berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.3

Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	83,760.1	83,079.3	89,416.7	96,784.6	100,188.1
Tolak: Perbelanjaan faedah	46,292.9	43,621.4	47,911.5	54,612.9	57,217.1
Pendapatan faedah bersih	37,467.3	39,457.8	41,505.1	42,171.8	42,971.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	9,125.5	9,617.6	10,103.0	9,682.7	9,377.5
Tolak: Kos kakitangan	13,810.3	13,561.5	13,628.7	15,206.3	14,295.6
Kos overhed	12,666.5	13,383.7	14,171.8	15,229.4	15,155.5
Keuntungan operasi kasar	20,116.0	22,130.2	23,807.6	21,418.8	22,897.3
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	1,501.9	2,427.1	1,472.0	2,883.7	2,689.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	18,614.1	19,703.1	22,335.6	18,535.1	20,208.0
Campur: Pendapatan lain	10,604.9	10,054.5	9,593.3	10,460.8	12,013.1
Untung sebelum cukai	**29,219.0**	**29,757.6**	**31,928.9**	**28,995.9**	**32,221.2**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.5	1.5	1.3	1.3
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.4	15.9	15.2	12.3	12.5
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	231.9	236.2	255.0	237.1	272.7
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	46.3	45.6	45.4	48.8	45.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	70.7	68.3	67.0	72.2	68.5
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	91.7	98.7	104.0	100.2	106.0
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	108.8	108.4	108.8	127.5	122.1

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.4

Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	81,931.8	81,085.9	87,707.9	95,028.2	98,571.6
Tolak: Perbelanjaan faedah	44,943.9	42,165.1	46,598.7	53,348.2	56,132.6
Pendapatan faedah bersih	36,988.0	38,920.9	41,109.2	41,680.0	42,439.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	7,620.1	7,874.4	8,179.1	8,076.6	8,065.3
Tolak: Kos kakitangan	12,789.4	12,399.9	12,488.5	14,071.0	13,255.1
Kos overhed	12,031.4	12,571.6	13,232.2	14,394.9	14,481.0
Keuntungan operasi kasar	19,787.3	21,823.8	23,567.5	21,290.7	22,768.2
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	1,509.0	2,467.4	1,487.0	2,925.7	2,675.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	18,278.3	19,356.4	22,080.5	18,365.0	20,092.5
Campur: Pendapatan lain	9,920.3	9,409.3	8,675.3	9,898.3	11,358.7
Untung sebelum cukai	**28,198.5**	**28,765.7**	**30,755.8**	**28,263.3**	**31,451.2**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.5	1.5	1.3	1.3
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.4	16.0	15.4	12.6	12.7
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	242.3	246.3	264.6	249.2	286.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	45.5	44.4	44.4	47.7	44.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	67.1	64.2	62.6	68.3	65.4
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	94.1	101.4	106.0	102.3	109.2
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	109.0	106.7	107.5	127.2	121.4

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	1,828.3	1,993.3	1,708.8	1,756.4	1,616.6
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,349.0	1,456.4	1,312.8	1,264.6	1,084.5
Pendapatan faedah bersih	479.3	536.9	396.0	491.8	532.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1,505.4	1,743.2	1,923.9	1,606.1	1,312.2
Tolak: Kos kakitangan	1,020.9	1,161.5	1,140.1	1,135.3	1,040.5
Kos overhed	635.1	812.2	939.6	834.5	674.5
Keuntungan operasi kasar	328.7	306.4	240.1	128.1	129.1
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	-7.1	-40.4	-15.0	-42.0	13.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	335.8	346.8	255.1	170.1	115.5
Campur: Pendapatan lain	684.6	645.2	918.0	562.5	654.4
Untung sebelum cukai	**1,020.4**	**991.9**	**1,173.1**	**732.6**	**770.0**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.7	2.1	1.4	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	11.5	10.6	11.4	6.9	7.2
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	108.4	107.7	130.8	82.7	93.0
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	62.0	67.5	64.2	74.0	68.6
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	345.5	367.6	525.2	400.6	322.4
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	62.2	69.9	82.4	73.5	64.8
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	106.2	131.8	125.0	131.9	130.7

[1] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.6

Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan[1]	16,415.7	18,106.3	20,416.1	23,520.3	25,763.4
antaranya: diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan	-	-	-	*1,041.9*	*7,295.8*
Tolak: Perbelanjaan[1]	7,965.1	9,422.9	10,888.9	13,738.6	15,238.0
antaranya: keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan	-	-	-	*601.7*	*3,987.0*
Pendapatan bersih	8,450.6	8,683.3	9,527.2	9,781.7	10,525.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi[2]	1,055.2	1,048.4	1,056.9	1,121.3	1,309.9
Tolak: Kos kakitangan	1,636.7	1,740.0	1,741.9	1,754.7	1,790.8
Kos overhed	3,016.8	3,079.2	3,225.5	3,495.6	3,685.7
Keuntungan operasi kasar	4,852.3	4,912.5	5,616.8	5,652.8	6,358.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	609.0	443.8	758.2	1,067.8	1,174.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,243.2	4,468.7	4,858.6	4,585.0	5,184.7
Campur: Pendapatan lain	608.9	444.0	253.1	449.4	391.2
Untung sebelum cukai	**4,852.1**	**4,912.7**	**5,111.7**	**5,034.4**	**5,576.0**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.3	1.2	1.1	1.0	1.0
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	18.2	17.0	15.7	14.0	13.9
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)[4]	173.8	167.0	173.1	161.8	179.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	25.7	24.6	22.9	20.9	19.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	55.1	55.5	52.1	53.7	52.0
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	184.3	177.0	185.2	199.2	205.8
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)[4]	58.6	59.1	59.0	56.4	57.8

[1] Mulai 1 Julai 2015, pendapatan dan perbelanjaan termasuk daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan dan keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan
[2] Termasuk pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di luar kunci kira-kira
[3] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
[4] Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja

	Pada akhir tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
Bilangan institusi	56	55	54	54	54
Bank perdagangan	*27*	*27*	*27*	*27*	*27*
Bank pelaburan	*13*	*12*	*11*	*11*	*11*
Bank-bank Islam	*16*	*16*	*16*	*16*	*16*
Rangkaian pejabat	2,481	2,479	2,494	2,500	2,498
Bank perdagangan	*2,056*	*2,029*	*2,045*	*2,048*	*2,019*
Bank pelaburan	*148*	*135*	*135*	*119*	*130*
Bank-bank Islam[1]	*2,171*	*2,177*	*2,192*	*2,206*	*2,197*
Bilangan bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Internet	29	29	30	30	30
Bilangan pekerja	126,902	125,071	125,307	119,246	117,108
Bank perdagangan	*107,541*	*106,006*	*106,783*	*101,718*	*100,089*
Bank pelaburan	*9,610*	*8,814*	*9,122*	*8,606*	*7,959*
Bank-bank Islam	*9,751*	*10,251*	*9,402*	*8,922*	*9,060*

[1] Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.8

Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	6,053.5	5,284.8	6,762.4	8,852.4	12,066.7
Komitmen pengeluaran pinjaman	444,293.6	470,299.8	472,472.5	490,961.9	503,193.1
Pengganti kredit langsung	24,960.5	33,087.9	29,897.3	32,830.2	30,867.5
Kontrak berkaitan pertukaran asing	518,150.2	577,388.4	760,062.7	891,122.5	924,253.8
Kontrak berkaitan kadar faedah	716,494.7	772,958.0	791,736.1	858,058.7	941,300.7
Kontingensi berkaitan perdagangan	10,644.2	10,677.4	13,724.3	13,505.9	11,834.1
Kontingensi berkaitan urus niaga	45,928.8	50,561.5	57,964.8	60,492.9	66,338.3
Obligasi pengunderaitan	445.0	522.0	466.0	76.0	76.0
Lain-lain	72,179.0	55,541.2	63,046.9	58,523.2	58,783.8
Jumlah	**1,839,149.5**	**1,976,320.9**	**2,196,133.0**	**2,414,423.9**	**2,548,714.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.9

Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	19.2	12.4	77.0	4.5	11.0
Komitmen pengeluaran pinjaman	3,666.1	5,454.80	5,609.1	5,802.7	6,160.1
Pengganti kredit langsung	201.5	316.6	418.0	543.0	305.4
Kontrak berkaitan pertukaran asing	5,536.6	7,548.1	7,941.7	8,736.5	6,064.5
Kontrak berkaitan kadar faedah	9,161.6	9,779.4	8,957.2	7,370.6	7,574.8
Kontingensi berkaitan perdagangan	1.1	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	10.5
Obligasi pengunderaitan	190.3	680.8	90.2	218.4	85.6
Lain-lain	2,205.8	3,402.7	3,296.3	2,967.2	2,892.6
Jumlah	**20,992.6**	**27,205.4**	**26,399.9**	**25,653.4**	**23,104.7**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.10

Insurans Hayat[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Premium bersih	25,005.7	26,458.1	28,824.8	30,041.2	31,619.1
Tolak: Faedah polisi bersih	14,342.4	16,357.7	17,997.2	20,541.3	21,383.1
Imbuhan agensi	3,551.9	3,667.9	3,837.0	3,899.6	4,100.0
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,287.6	2,481.8	2,626.5	2,994.6	3,227.9
Baki transaksi	4,823.8	3,950.7	4,364.1	2,605.6	2,908.1
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	6,706.8	7,208.4	7,623.2	8,057.0	8,447.0
Perolehan modal bersih (kerugian)	2,181.6	-1,344.2	-856.2	-209.7	268.4
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	1,735.7	1,272.8	512.9	-104.2	-354.4
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**15,447.8**	**11,087.7**	**11,643.9**	**10,348.7**	**11,269.0**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans hayat global
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

Insurans Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Operasi

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	12,418.7	13,821.3	14,885.6	15,633.8	16,000.3
Tolak: Tuntutan bersih	7,126.7	7,934.2	8,699.6	9,553.3	9,081.0
Komisen bersih	1,587.4	1,789.8	1,963.4	2,015.6	2,171.1
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,220.2	2,477.1	2,656.4	2,929.3	3,205.0
Keuntungan pengunderaitan	1,484.3	1,620.1	1,566.3	1,135.6	1,543.2
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	970.1	1,015.7	1,063.9	1,152.8	1,247.6
Perolehan modal bersih (kerugian)	19.6	24.8	-29.2	1.0	-6.1
Pendapatan lain bersih	114.9	180.5	197.3	88.3	200.9
Keuntungan operasi	**2,588.9**	**2,841.1**	**2,798.3**	**2,377.7**	**2,985.5**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans am global
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.12

Takaful Keluarga[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Caruman bersih	4,574.8	4,803.9	4,787.2	5,104.3	5,742.0
Tolak: Faedah sijil bersih	1,635.9	1,999.2	2,027.6	2,449.9	2,675.7
Komisen bersih	711.2	761.2	731.5	850.6	955.2
Jumlah perbelanjaan pengurusan	574.6	642.5	731.4	845.7	968.1
Baki transaksi	1,653.2	1,401.0	1,296.7	958.2	1,143.0
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	590.1	659.1	736.9	837.4	922.6
Perolehan modal bersih (kerugian)	54.6	-164.4	-56.1	16.4	-8.7
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	155.8	204.4	138.5	-140.5	-73.0
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**2,453.7**	**2,100.1**	**2,116.0**	**1,671.5**	**1,983.9**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful keluarga
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

Takaful Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Operasi

	Untuk tahun kalendar				
	2012	2013	2014	2015	2016*a*
	RM juta				
Pendapatan caruman diperoleh	1,282.1	1,390.0	1,466.8	1,671.4	1,778.0
Tolak: Tuntutan bersih	730.0	743.2	700.6	867.7	870.5
Komisen bersih	156.7	192.4	91.9	105.0	101.3
Jumlah perbelanjaan pengurusan	206.0	247.4	416.7	502.9	546.6
Keuntungan pengunderaitan	189.5	207.0	257.6	195.8	259.6
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	96.3	102.8	110.6	119.1	128.7
Perolehan modal bersih (kerugian)	41.6	80.4	11.8	6.9	-0.4
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	-18.3	-7.7	-2.2	-1.6	20.0
Keuntungan operasi	**309.1**	**382.5**	**377.8**	**320.3**	**407.9**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
	RM juta					
Sumber:						
Ekuiti pemegang saham	30,095.7	31,790.0	-430.8	4,838.3	29,664.9	36,628.3
antaranya:						
Modal berbayar	11,121.3	11,123.4	2,859.5	2,871.5	13,980.8	13,994.9
Rizab	8,317.3	8,908.3	-1,953.2	-1,874.4	6,364.1	7,033.9
Perolehan/Kerugian tertahan	8,511.5	9,582.9	1,392.3	1,173.7	9,903.8	10,756.6
Liabiliti	168,177.5	172,812.6	77,158.0	76,625.6	245,335.5	249,438.2
antaranya:						
Deposit diterima	117,383.8	126,159.1	66,676.3	66,026.3	184,060.1	192,185.4
Peminjaman	15,147.0	11,038.8	7,544.4	7,542.9	22,691.4	18,581.7
Kerajaan	*9,289.9*	*7,976.5*	*1,768.2*	*1,607.1*	*11,058.1*	*9,583.6*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*3,891.1*	*2,153.2*	*13.2*	*4.8*	*3,904.3*	*2,158.0*
Lain-lain	*1,966.0*	*909.1*	*5,763.0*	*5,931.0*	*7,729.0*	*6,840.1*
Sekuriti hutang diterbitkan	17,692.3	20,502.5	-	-	17,692.3	20,502.5
Jumlah	**198,273.2**	**204,602.6**	**76,727.2**	**81,463.9**	**275,000.4**	**286,066.5**
Kegunaan:						
Aset	198,273.2	204,602.6	76,727.2	81,463.9	275,000.4	286,066.5
antaranya:						
Penempatan deposit	7,159.2	7,445.9	12,472.0	11,258.6	19,631.2	18,704.5
Pelaburan	42,519.4	43,687.7	44,922.9	49,397.7	87,442.3	93,085.4
antaranya:						
Sekuriti Kerajaan	*25,683.6*	*23,857.5*	*58.9*	-	*25,742.5*	*23,857.5*
Saham	*632.7*	*888.1*	*16,329.5*	*20,166.7*	*16,962.2*	*21,054.8*
Disenaraikan	*583.7*	*842.3*	*16,177.6*	*20,015.8*	*16,761.3*	*20,858.1*
Tidak disenaraikan	*49.0*	*45.8*	*151.9*	*150.9*	*200.9*	*196.7*
Sekuriti hutang korporat	*9,505.9*	*11,281.9*	*12,595.9*	*13,919.8*	*22,101.8*	*25,201.7*
Pinjaman dan pendahuluan	135,579.3	143,348.1	9,276.3	9,602.0	144,855.6	152,950.1
Aset tetap	3,990.5	4,191.8	6,212.3	6,678.8	10,202.8	10,870.6
Jumlah	**198,273.2**	**204,602.6**	**76,727.2**	**81,463.9**	**275,000.4**	**286,066.5**
Kontingensi:						
Jaminan	625.9	729.0	6,877.5	6,720.5	7,503.4	7,449.5
Insurans kredit eksport	1,177.3	1,333.5	-	-	1,177.3	1,333.5
Jumlah	**1,803.2**	**2,062.5**	**6,877.5**	**6,720.5**	**8,680.7**	**8,783.0**

[1] Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

[3] Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.15

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun 2016						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Sumber:							
Ekuiti pemegang saham	15,062.1	2,333.7	7,401.2	2,623.0	3,061.8	1,308.2	31,790.0
antaranya:							
Modal berbayar	2,986.0	-	3,078.7	1,000.0	2,708.7	1,350.0	11,123.4
Rizab	5,501.3	1,104.0	1,885.9	437.3	0.8	-21.0	8,908.3
Perolehan/Kerugian tertahan	4,773.0	1,152.3	2,384.6	1,048.4	293.6	-69.0	9,582.9
Liabiliti	84,163.9	29,300.5	23,177.9	12,151.7	14,352.5	9,666.1	172,812.6
antaranya:							
Deposit diterima	78,088.0	25,898.5	9,679.2	8,668.2	-	3,825.2	126,159.1
Peminjaman	1,109.2	51.4	2,906.2	2,144.7	2,132.9	2,694.4	11,038.8
Kerajaan	*209.2*	*51.4*	*2,850.0*	*2,144.7*	*35.9*	*2,685.3*	*7,976.5*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	-	-	*56.2*	-	*2,097.0*	-	*2,153.2*
Lain-lain	*900.0*	-	-	-	-	*9.1*	*909.1*
Sekuriti hutang diterbitkan	2,818.6	-	5,850.0	-	10,314.1	1,519.8	20,502.5
Jumlah	**99,226.0**	**31,634.2**	**30,579.1**	**14,774.7**	**17,414.3**	**10,974.3**	**204,602.6**
Kegunaan:							
Aset	99,226.0	31,634.2	30,579.1	14,774.7	17,414.3	10,974.3	204,602.6
antaranya:							
Penempatan deposit	1,807.1	311.6	1,019.1	967.1	2,312.8	1,028.2	7,445.9
Pelaburan	26,390.3	6,416.3	4,042.1	4,115.2	220.8	2,503.0	43,687.7
antaranya:							
Sekuriti Kerajaan	*17,005.4*	*3,377.9*	*1,291.0*	*1,168.2*	-	*1,015.0*	*23,857.5*
Saham	*568.4*	*124.3*	*186.0*	*0.2*	-	*9.2*	*888.1*
Disenaraikan	*559.2*	*124.3*	*158.6*	*0.2*	-	-	*842.3*
Tidak disenaraikan	*9.2*	-	*27.4*	-	-	*9.2*	*45.8*
Sekuriti hutang korporat	*3,698.2*	*472.3*	*2,560.0*	*2,946.8*	*220.8*	*1,383.8*	*11,281.9*
Pinjaman dan pendahuluan	69,179.8	21,790.3	23,834.2	8,727.0	13,760.5	6,056.3	143,348.1
Aset tetap	1,381.6	1,471.0	191.7	543.4	137.0	467.1	4,191.8
Jumlah	**99,226.0**	**31,634.2**	**30,579.1**	**14,774.7**	**17,414.3**	**10,974.3**	**204,602.6**

[1] Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.16

Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
	RM juta					
Pertanian, perhutanan dan perikanan	8,032.9	9,221.2	689.0	725.3	8,721.9	9,946.5
Perlombongan dan kuari	657.0	677.8	25.8	1,082.2	682.8	1,760.0
Perkilangan	4,992.1	5,385.2	515.4	425.3	5,507.5	5,810.5
Bekalan elektrik, gas dan air	4,792.9	4,432.6	467.5	481.9	5,260.4	4,914.5
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,398.7	4,764.1	142.3	191.5	4,541.0	4,955.6
Sektor harta benda yang luas	22,168.3	23,547.8	3,270.8	3,149.9	25,439.1	26,697.7
Pembinaan	*11,818.2*	*12,117.6*	*1,986.2*	*2,481.0*	*13,804.4*	*14,598.6*
Pembelian harta kediaman	*9,510.3*	*10,473.7*	*76.9*	*66.0*	*9,587.2*	*10,539.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*214.4*	*231.9*	*27.5*	*24.4*	*241.9*	*256.3*
Harta tanah	*625.4*	*724.6*	*1,180.2*	*578.5*	*1,805.6*	*1,303.1*
Maritim	1,931.4	1,720.5	-	-	1,931.4	1,720.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	9,994.4	9,336.1	37.9	88.3	10,032.3	9,424.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	4,572.0	4,932.3	616.6	499.6	5,188.6	5,431.9
Kredit penggunaan	70,072.2	75,007.0	2,326.0	2,642.9	72,398.2	77,649.9
antaranya:						
Pembelian kenderaan bermotor	*1,714.2*	*1,882.5*	*1.4*	*0.8*	*1,715.6*	*1,883.3*
Kad kredit	*866.8*	*936.3*	*2,324.6*	-	*3,191.4*	*936.3*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	3,351.0	3,774.9	5.9	12.1	3,356.9	3,787.0
Pembelian sekuriti	259.2	272.2	-	-	259.2	272.2
Sektor lain	357.2	276.4	1,179.1	303.0	1,536.3	579.4
Jumlah	**135,579.3**	**143,348.1**	**9,276.3**	**9,602.0**	**144,855.6**	**152,950.1**

[1] Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

[3] Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.17

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	Pada akhir tahun 2016						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Pertanian, perhutanan dan perikanan	349.1	-	-	8,727.0	141.6	3.5	9,221.2
Perlombongan dan kuari	-	-	-	-	647.3	30.5	677.8
Perkilangan	139.4	42.4	1,501.8	-	2,707.5	994.1	5,385.2
Bekalan elektrik, gas dan air	100.3	-	1,990.1	-	2,321.9	20.3	4,432.6
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	127.6	352.5	1,589.1	-	1,198.5	1,496.4	4,764.1
Sektor harta benda yang luas	3,065.3	8,908.2	8,067.6	-	2,469.3	1,037.4	23,547.8
Pembinaan	*942.1*	-	*8,067.6*	-	*2,192.6*	*915.3*	*12,117.6*
Pembelian harta kediaman	*1,612.6*	*8,861.1*	-	-	-	-	*10,473.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*184.8*	*47.1*	-	-	-	-	*231.9*
Harta tanah	*325.8*	-	-	-	*276.7*	*122.1*	*724.6*
Maritim	-	-	1,720.5	-	-	-	1,720.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	267.6	17.3	6,283.6	-	1,917.6	850.0	9,336.1
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,987.5	265.1	-	-	2,111.9	567.8	4,932.3
Kredit penggunaan	63,039.9	11,967.1	-	-	-	-	75,007.0
antaranya:							
Pembelian kenderaan bermotor	*1,160.0*	*722.5*	-	-	-	-	*1,882.5*
Kad kredit	*479.4*	*456.9*	-	-	-	-	*936.3*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	39.9	27.5	2,672.9	-	-	1,034.6	3,774.9
Pembelian sekuriti	63.2	209.0	-	-	-	-	272.2
Sektor lain	-	1.2	8.6	-	244.9	21.7	276.4
Jumlah	**69,179.8**	**21,790.3**	**23,834.2**	**8,727.0**	**13,760.5**	**6,056.3**	**143,348.1**

[1] Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.18

Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

	Pada akhir tahun					
	2015			2016		
IKP di bawah AIKP[1]:	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	148	699	5,153	148	711	5,036
Bank Simpanan Nasional	400	862	7,084	402	727	7,233
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	342	-	-	376
Bank Pertanian Malaysia Berhad	187	255	3,102	187	257	3,381
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	312	-	-	332
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	29	-	1,029	29	-	964
Jumlah kecil	764	1,816	17,022	766	1,695	17,322
IKP bukan di bawah AIKP[1]:						
Lembaga Tabung Haji	122	-	2,119	123	-	2,124
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	-	541	16	-	535
Sabah Development Bank Berhad	-	-	83	-	-	81
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	284	5	-	278
Sabah Credit Corporation	13	-	185	13	-	178
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	-	-	35	-	-	38
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	-	-	21	-	-	19
Jumlah kecil	156	-	3,268	157	-	3,253
Jumlah	**920**	**1,816**	**20,290**	**923**	**1,695**	**20,575**

[1] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.19

Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk

	2012	2013	2014	2015	2016
	RM juta				
Jumlah kiriman keluar[1]	**18,357.5**	**22,717.1**	**28,457.0**	**34,898.7**	**34,252.6**
Dihantar melalui:					
Bank[2]	7,543.3	8,577.2	10,989.0	14,265.9	12,678.0
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[3]	10,814.2	14,139.9	17,468.0	20,632.8	21,574.6
Jumlah kiriman masuk[4]	**4,966.6**	**5,764.8**	**7,115.1**	**8,588.6**	**9,106.3**
Dihantar melalui:					
Bank	4,362.9	4,984.6	6,134.4	7,267.2	7,226.5
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	603.7	780.2	980.7	1,321.4	1,879.8
Pada akhir tempoh					
Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang	**79**	**77**	**77**	**76**	**76**
Bank perdagangan	43	43	43	43	43
Institusi kewangan pembangunan	2	2	3	3	3
Penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank yang berlesen	34	32	31	30	30

[1] Merujuk gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta ganjaran pekerja yang dikirim dari Malaysia ke negara-negara lain
[2] Transaksi kiriman wang diselaraskan bagi dana yang disalurkan melalui Malaysia dari sesebuah negara asal ke negara destinasi. Dana ini merangkumi terutamanya kiriman wang pekerja asing di negara lain yang dikirim melalui pemegang lesen perniagaan yang dibenarkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
[3] Merujuk penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank dan institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
[4] Merujuk gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta ganjaran pekerja yang dikirim dari negara-negara lain ke Malaysia

Sumber: Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa, e-SURVEY untuk transaksi kiriman wang oleh bank dan Laporan Statistik Kiriman Wang oleh Perniagaan Perkhidmatan Wang

Jadual A.20

Penunjuk Pembayaran Asas

	2012	2013	2014	2015	2016
Penduduk (juta)	29.8	30.2	30.7	31.2	31.7
KDNK (RM juta)	971,252	1,018,614	1,106,466	1,157,139	1,229,382
Tunai dalam edaran (RM juta)	57,395.6	62,710.2	68,029.4	76,642.9	85,460.3
Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):					
Cek[1]	6.8	6.5	5.8	4.7	4.2
E-pembayaran:	54.4	63.6	71.0	82.5	97.5
Kad kredit	10.9	11.0	11.3	11.5	12.1
Kad caj	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Kad debit	1.2	1.6	2.2	2.9	3.4
Wang elektronik	31.0	34.7	38.3	44.4	52.5
Instrumen bukan tunai lain[2]	0.9	1.0	1.0	1.1	1.6
Sistem GIRO Antara Bank	2.4	2.8	3.7	4.8	5.5
Pindahan Segera	0.3	0.5	0.9	1.5	2.6
Debit Terus[3]	...	...	...	0.1	0.1
ATM[4]	1.1	1.0	1.1	1.5	1.4
Perbankan Internet[5]	6.2	7.2	8.6	10.5	13.0
Perbankan mudah alih[5]	0.2	0.5	0.7	0.9	1.7
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6]	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	3.1	3.0	3.2	3.3
Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):					
Tunai dalam edaran	1,926.1	2,075.5	2,215.3	2,457.6	2,699.2
Cek[1]	68,231.2	68,163.9	63,115.6	57,555.8	52,601.0
E-pembayaran:	507,537.1	535,946.4	564,022.4	535,225.4	550,297.8
Kad kredit	3,157.3	3,300.9	3,435.4	3,612.6	3,743.7
Kad caj	216.7	239.1	278.8	286.3	307.9
Kad debit	289.2	379.1	481.5	640.0	711.3
Wang elektronik	142.4	162.8	172.1	192.2	242.7
Instrumen bukan tunai lain[2]	2.6	4.3	3.2	3.3	4.8
Sistem GIRO Antara Bank	7,102.9	9,441.6	14,085.0	20,411.9	24,245.3
Pindahan Segera	278.7	465.1	827.0	1,664.4	3,395.4
Debit Terus[3]	276.8	372.4	481.8	619.2	797.7
ATM[4]	1,243.4	1,355.9	1,232.9	1,308.2	1,294.9
Perbankan Internet[5]	62,042.8	74,809.0	87,188.1	88,363.9	100,329.7
Perbankan mudah alih[5]	123.0	257.8	395.0	497.2	736.3
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6]	432,661.2	424,296.4	443,175.6	407,481.8	404,123.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	20,862.1	12,266.0	10,144.3	10,364.9
Bahagian daripada KDNK:					
Tunai dalam edaran (%)	5.9	6.2	6.1	6.6	7.0
Cek[1] (kali)	2.1	2.0	1.8	1.6	1.4
E-pembayaran (kali):	15.6	15.9	15.7	14.4	14.2
% daripada KDNK:					
Kad kredit	9.7	9.8	9.5	9.7	9.6
Kad caj	0.7	0.7	0.8	0.8	0.8
Kad debit	0.9	1.1	1.3	1.7	1.8
Wang elektronik	0.4	0.5	0.5	0.5	0.6
Instrumen bukan tunai lain[2]	...	...	...	...	...
Sistem GIRO Antara Bank	21.8	28.0	39.1	55.0	62.4
Pindahan Segera	0.9	1.4	2.3	4.5	8.7
Debit Terus[3]	0.8	1.1	1.3	1.7	2.1
ATM[4]	3.8	4.0	3.4	3.5	3.3
Perbankan Internet[5]	190.4	221.9	242.0	238.1	258.4
Perbankan mudah alih[5]	0.4	0.8	1.1	1.3	1.9
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6] (kali)	13.3	12.6	12.3	11.0	10.4
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	61.9	34.0	27.3	26.7

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Merujuk kad pembayaran satu tujuan
[3] Merujuk urus niaga debit terus antara bank
[4] Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
[5] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan, kad kredit, Sistem GIRO Antara Bank dan pihak ketiga RENTAS secara dalam talian
[6] Merujuk pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk urus niaga dengan nilai minimum RM10,000. Pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga ialah bukan ahli RENTAS
[7] Merujuk bayaran yang didebit secara terus oleh bank daripada akaun semasa dan simpanan. Data diperoleh sejak 2013
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.21

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga

	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	Juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**203.8**	**197.1**	**177.1**	**148.0**	**133.1**	**-16.5**	**-10.0**
Kad kredit	**325.3**	**332.4**	**345.7**	**359.6**	**383.8**	**4.0**	**6.7**
Kad caj	**4.1**	**4.1**	**4.4**	**4.2**	**4.1**	**-3.5**	**-1.3**
Kad debit	**36.0**	**49.4**	**68.7**	**90.1**	**107.5**	**31.1**	**19.3**
Kad debit jenama antarabangsa	*29.7*	*41.9*	*60.4*	*79.7*	*93.4*	*31.9*	*17.2*
Kad debit jenama domestik[2]	*6.3*	*7.4*	*8.4*	*10.4*	*14.1*	*24.8*	*34.8*
Wang elektronik	**923.0**	**1,048.0**	**1,175.0**	**1,384.7**	**1,663.2**	**17.8**	**20.1**
Berasaskan kad	*914.6*	*1,028.0*	*1,153.0*	*1,361.0*	*1,637.8*	*18.0*	*20.3*
Berasaskan rangkaian	*8.5*	*20.1*	*22.0*	*23.7*	*25.4*	*8.1*	*6.9*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.22

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	RM juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**2,033,221**	**2,059,504**	**1,938,218**	**1,794,937**	**1,665,401**	**-7.4**	**-7.2**
Kad kredit	**94,085**	**99,733**	**105,498**	**112,664**	**118,529**	**6.8**	**5.2**
Kad caj	**6,459**	**7,223**	**8,560**	**8,929**	**9,749**	**4.3**	**9.2**
Kad debit	**8,619**	**11,454**	**14,785**	**19,960**	**22,521**	**35.0**	**12.8**
Kad debit jenama antarabangsa	*4,954*	*7,092*	*10,042*	*14,221*	*16,392*	*41.6*	*15.3*
Kad debit jenama domestik[2]	*3,665*	*4,362*	*4,743*	*5,739*	*6,129*	*21.0*	*6.8*
Wang elektronik	**4,244**	**4,919**	**5,284**	**5,995**	**7,685**	**13.5**	**28.2**
Berasaskan kad	*2,983*	*3,361*	*3,837*	*4,537*	*5,956*	*18.3*	*31.3*
Berasaskan rangkaian	*1,261*	*1,557*	*1,447*	*1,458*	*1,729*	*0.7*	*18.6*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.23

Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
RENTAS[1]							
Jumlah urus niaga	3.6	4.0	4.4	4.4	4.4	0.8	1.0
Nilai urus niaga	46,169.4	46,437.7	49,127.4	53,572.4	51,538.8	9.0	-3.8
Sistem GIRO Antara Bank							
Jumlah urus niaga	70.1	83.4	113.6	149.1	174.1	31.2	16.8
Nilai urus niaga	211.7	285.3	432.5	636.6	767.6	47.2	20.6
	'000/RM juta					% Perubahan tahunan	
FPX[2]							
Jumlah urus niaga	1,440.9	2,211.7	3,099.7	4,648.8	8,655.6	50.0	86.2
Nilai urus niaga	821.6	1,372.2	4,191.4	8,602.5	14,784.4	105.2	71.9
Debit Terus							
Jumlah urus niaga	708.8	924.2	1,278.4	1,678.7	1,982.4	31.3	18.1
Nilai urus niaga	8,248.2	11,251.9	14,796.2	19,310.7	25,255.8	30.5	30.8

[1] Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
[2] Bursa Pemprosesan Kewangan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.24

Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS

Jumlah Urus Niaga	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	'000					% Perubahan tahunan	
Jumlah	**3,588.7**	**3,967.1**	**4,367.2**	**4,403.4**	**4,449.3**	**0.8**	**1.0**
IFTS[1]	**3,467.5**	**3,847.7**	**4,257.3**	**4,284.1**	**4,320.5**	**0.6**	**0.9**
Operasi pasaran wang	90.8	87.3	88.1	86.8	84.5	-1.5	-2.6
Penyelesaian pertukaran asing	91.8	100.0	107.6	126.8	126.3	17.8	-0.4
antaranya: USD CHATS[2]	*41.2*	*47.8*	*53.7*	*63.0*	*55.8*	*17.3*	*-11.4*
Urus niaga pihak ketiga	2,701.5	3,020.2	3,383.8	3,317.5	3,445.6	-2.0	3.9
Lain-lain	583.4	640.2	677.8	753.0	664.2	11.1	-11.8
SSDS[3]	**121.2**	**119.4**	**110.0**	**119.3**	**128.8**	**8.5**	**8.0**
Nilai Urus Niaga	RM bilion						
Jumlah	**46,169.4**	**46,437.7**	**49,127.4**	**53,572.4**	**51,538.8**	**9.0**	**-3.8**
IFTS[1]	**43,153.2**	**43,903.3**	**46,743.1**	**51,332.7**	**49,585.5**	**9.8**	**-3.4**
Operasi pasaran wang	17,520.1	18,656.7	18,935.5	23,741.9	24,118.9	25.4	1.6
Penyelesaian pertukaran asing	3,955.7	3,839.6	4,966.6	5,190.4	4,941.8	4.5	-4.8
antaranya: USD CHATS[2]	*2,401.6*	*2,594.8*	*3,595.2*	*3,700.9*	*3,877.8*	*2.9*	*4.8*
Urus niaga pihak ketiga	12,892.9	12,819.7	13,609.5	12,707.7	12,794.9	-6.6	0.7
Lain-lain	8,784.4	8,587.2	9,231.5	9,692.7	7,729.8	5.0	-20.3
SSDS[3]	**3,016.3**	**2,534.5**	**2,384.3**	**2,239.7**	**1,953.3**	**-6.1**	**-12.8**
Pusing Ganti kepada KDNK (kali)	**47.5**	**45.6**	**44.4**	**46.3**	**41.9**		
Purata Harian:							
Bilangan urus niaga ('000)	14.6	16.1	17.8	17.9	18.0	0.8	0.6
Nilai urus niaga (RM bilion)	188.4	188.0	199.7	217.8	208.7	9.0	-4.2

[1] Sistem Pemindahan Dana Antara Bank
[2] Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) yang dilancarkan pada 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS USD CHATS
[3] Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.25

Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

Jumlah Urus Niaga	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet[1]	227.3	269.8	350.7	453.7	588.3	29.4	29.7
Individu	*161.7*	*194.8*	*252.2*	*323.1*	*434.7*	*28.1*	*34.6*
Korporat	*65.6*	*75.0*	*98.5*	*130.6*	*153.6*	*32.7*	*17.6*
Perbankan mudah alih[1]	7.1	16.1	23.3	31.6	62.6	35.6	98.0
ATM[2]	43.0	42.4	51.3	68.7	71.3	34.1	3.7
Nilai urus niaga	RM juta						
Perbankan Internet	2,978,435	3,457,627	4,108,271	4,718,010	5,216,218	14.8	10.6
Individu	*171,825*	*224,852*	*304,177*	*352,076*	*463,746*	*15.7*	*31.7*
Korporat	*2,806,610*	*3,232,775*	*3,804,094*	*4,365,934*	*4,752,472*	*14.8*	*8.9*
Perbankan mudah alih	4,237	9,243	14,677	20,565	32,972	40.1	60.3
ATM[2]	37,052	40,987	52,047	57,529	65,273	10.5	13.5

[1] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan
[2] Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.26

Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran

Jumlah Urus Niaga	2015			2016		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	238.3	17.1	54.7	324.2	33.7	57.2
Pembayaran bil[1]	74.4	5.1	2.5	101.7	11.7	2.6
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	6.6	-	0.1	6.3	-	0.1
Tambah nilai	24.9	6.9	3.0	27.3	11.9	2.1
Pembayaran balik kad dan pinjaman	26.0	2.2	8.4	29.9	3.4	9.3
Nilai Urus Niaga	RM juta					
Pindahan dana	3,003,347	16,770	47,594	3,667,584	27,480	53,467
Pembayaran bil[1]	19,119	684	614	26,646	996	774
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	59,752	-	1,174	54,582	-	1,246
Tambah nilai	513	123	148	546	201	111
Pembayaran balik kad dan pinjaman	34,847	2,703	7,903	40,024	3,973	9,443

[1] Termasuk pembayaran insurans

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.27

Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia

	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
Jumlah pengeluaran wang tunai	Juta					% Perubahan tahunan	
	565.7	626.2	687.8	705.9	761.3	2.6	7.9
Nilai pengeluaran wang tunai	RM juta						
	294,149.1	310,446.4	339,725.6	354,702.9	389,554.6	4.4	9.8
Purata nilai setiap urus niaga (RM)	520.0	495.7	493.9	502.5	511.7	1.7	1.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.28

Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)

Pada akhir tempoh	2012	2013	2014	2015	2016
	Unit				
Jumlah terminal[1]	220,293	227,156	229,997	274,986	323,033
antaranya:					
Kad pembayaran jenama antarabangsa	217,771	224,514	227,152	269,496	315,934
Kad debit jenama domestik[2]	140,127	159,357	185,065	212,029	250,764
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk	7	8	7	9	10

[1] Terminal yang menerima kad pembayaran jenama antarabangsa dan/atau kad debit domestik. Termasuk terminal milik institusi bukan bank
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.29

Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran

Pada akhir tempoh	2012	2013	2014	2015	2016	2015	2016
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	8,150	8,128	8,048	8,612	9,178	7.0	6.6
Kad caj	138	155	142	143	130	0.8	-8.9
Kad debit	34,630	38,226	41,439	42,962	43,669	3.7	1.6
antaranya: Kad debit jenama domestik[1]	*17,237*	*17,363*	*16,785*	*15,315*	*11,844*	*-8.8*	*-22.7*
Wang elektronik	91,008	97,735	45,557	55,825	60,703	22.5	8.7
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	13,678	15,524	17,600	19,751	22,774	12.2	15.3
Individu	*13,430*	*15,225*	*17,254*	*19,176*	*22,021*	*11.1*	*14.8*
Korporat	*248*	*299*	*346*	*575*	*753*	*66.2*	*31.0*
Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)	*45.9*	*51.4*	*57.3*	*63.3*	*71.9*		
Perbankan mudah alih	2,446	4,379	5,639	7,279	8,945	29.1	22.9
Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)	*8.2*	*14.5*	*18.4*	*23.3*	*28.3*		

[1] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.30

Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen

Pada akhir tempoh	2012	2013	2014	2015	2016
	Unit				
RENTAS	**68**	**68**	**67**	**67**	**68**
Bank Negara Malaysia	*1*	*1*	*1*	*1*	*1*
Bank	*56*	*55*	*54*	*54*	*55*
Institusi Kewangan Pembangunan	*6*	*6*	*6*	*6*	*6*
Bukan bank	*5*	*6*	*6*	*6*	*6*
eSPICK	**48**	**47**	**46**	**46**	**47**
Kad kredit	**27**	**25**	**26**	**27**	**26**
Bank	*23*	*22*	*23*	*24*	*24*
Bukan bank	*4*	*3*	*3*	*3*	*2*
Kad debit[1]	**22**	**25**	**25**	**26**	**28**
Kad debit jenama antarabangsa	*10*	*12*	*13*	*14*	*11*
Kad debit jenama domestik[2]	*13*	*13*	*13*	*13*	*16*
Lain-lain[3]	*10*	*11*	*11*	*11*	*20*
Kad caj	**7**	**8**	**7**	**7**	**7**
Bank	*5*	*7*	*6*	*6*	*7*
Bukan bank	*2*	*1*	*1*	*1*	*-*
Wang elektronik[4]	**25**	**25**	**24**	**23**	**28**
Bank	*7*	*6*	*7*	*5*	*5*
Bukan bank	*18*	*19*	*17*	*18*	*23*
Perbankan Internet	**29**	**29**	**30**	**30**	**30**
Perbankan mudah alih	**13**	**13**	**13**	**13**	**13**
FPX[5]	**10**	**12**	**13**	**16**	**22**
Bank	*7*	*9*	*10*	*13*	*18*
Bukan bank	*3*	*3*	*3*	*3*	*4*
Debit terus	**16**	**17**	**17**	**14**	**14**
Bank	*13*	*14*	*14*	*14*	*14*
Bukan bank	*3*	*3*	*3*	*-*	*-*
Sistem GIRO Antara Bank	**28**	**29**	**30**	**30**	**30**

[1] Terdapat bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
[3] Merujuk kad yang mempunyai fungsi kad debit jenama antarabangsa dan kad debit domestik berasaskan PIN
[4] Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa
[5] Bursa Pemprosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Akronim dan Singkatan

AFIR	Forum Pengawal Selia Insurans Asia
AITRI	Institut Latihan dan Penyelidikan Insurans ASEAN
AML/CFT	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan
AOO	Pejabat Luar Negeri Dilantik
API	perantara muka program aplikasi
AS	Amerika Syarikat
ATM	Mesin Juruwang Automatik
BSC	kad skor seimbang
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
CAR	nisbah kecukupan modal
CASTD	nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat
CET1	modal ekuiti biasa kumpulan 1
CFP	rancangan pendanaan kontingensi
CIP	peruntukan jejas nilai kolektif
CVI	Corporate Value Intent
DAR	Metrik hutang berisiko
DBG	Kumpulan perbankan domestic
DSR	nisbah khidmat hutang
EME	ekonomi sedang pesat membangun
EMEAP	Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik
FEN	Jaringan Pendidikan Kewangan
FinTech	teknologi kewangan
FMC	Jawatankuasa Pasaran Kewangan
FSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan
FTEG	Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan
FTP	harga pemindahan dana
FX	pertukaran asing
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GOCO	Kumpulan Pegawai Pematuhan MSB
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi
IA	akaun pelaburan
IBG	GIRO Antara Bank
ICR	nisbah perlindungan faedah
ICS	Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk kontrak insurans
IHRM	Indeks Harga Rumah Malaysia
IIID	Pangkalan Data Keberhutangan Pendapatan Bersepadu
IIP	peruntukan jejas nilai individu
IKBB	institusi kewangan bukan bank

IKP	institusi kewangan pembangunan
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KYC	Kenali Pelanggan Anda
LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
LIBFC	Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan
LIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank London
LIFB	entiti induk bank asing yang diperbadankan di Malaysia
LTF	pinjaman kepada dana
LTFE	pinjaman kepada dana dan ekuiti
LTV	Nisbah pinjaman kepada nilai
MDF	Dana Pembangunan Pasaran
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd.
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
ML/TF	pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
MMIP	Kumpulan Insurans Motor Malaysia
MPS	Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia
MSB	perniagaan perkhidmatan wang
MSBA	Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang
NDF	pasaran kontrak hadapan tanpa serahan
NID	instrumen deposit boleh niaga
NPAC	Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan
NSFR	Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
O&G	minyak dan gas
OKU	orang kurang upaya
OPK	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PCRF	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran
PD	kebarangkalian kemungkiran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PFMI	Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan
PIN	nombor pengenalan peribadi
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PPK	penyedia perkhidmatan kewangan
RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
RWA	aset berwajaran risiko
SB1	senario buruk pertama
SB2	senario buruk kedua
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SRR	Keperluan Rizab Berkanun
SWIFT	Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia
TCR	nisbah jumlah modal
TOF	Rangka Kerja Operasi Takaful
UCG	Jawatankuasa Perunding Pengguna

WGPSS	Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Terjemahan Bahasa Malaysia
dikendalikan oleh:

Ismail bin Nik
Radin Nor Azam bin Radin Suhadi
Samsudin bin Jidin
Farizah binti Ahmad
Dr. Mohd Nordin bin Asudalli
Rustam bin Mohd Idris
Siti Mariam binti Mohd Yusof
Nazura binti Md Noor
Alharsikanil bin Abdul
Fatimah binti Yahya
Nik Ahmad Rozaidi bin Nik Abdul Rashid
Mazni binti Abdul Majid
Siti Sabariah binti Yaakob